DASAR-DASAR

ISLAM

ABUL A'LA AL-MAUDUDI

Kandungan Dasar-Dasar Utama

IMAN

1. KEPENTINGAN PENGETAHUAN BAGI SEORANG MUSLIM

KURNIA ALLAH YANG TERBESAR

Saudara-saudara seiman yang berbahagia!

Setiap Muslim nescaya yakin sepenuhnya bahawa kurnia Allah yang terbesar di dunia ini adalah agama Islam. Seorang Muslim akan sentiasa bersyukur kepada Allah, yang telah memasukkannya ke dalam kelompok umat Muhammad Rasulullah saw, dan yang telah memberikan kepadanya kurnia Islam. Allah sendiri telah menyatakan Islam sebagai kurniaNya yang terbesar yang diberikanNya kepada hamba-hambaNya, sebagaimana disebutkan dalam al-Qur'an:

> "... Pada hari ini, telah Ku-sempurnakan untuk kamu agama-mu, dan telah Ku-cukupkan kepadamu nikmat-Ku, dan telah , Ku-redhai Islam itu agama bagimu ..."(Al-Quran *al-Maidah, 5* :3)

KEWAJIPAN KITA KE ATAS KURNIA YANG KITA TERIMA

Adalah merupakan kewajipan bagi kita untuk melaksanakan kewajipan terhadap Allah, kerana nikmat yang telah diberikanNya kepada kita. Seseorang yang tidak melaksanakan kewajipannya kepada orang lain yang telah memberikan sesuatu yang sangat berharga baginya, ia adalah seorang yang tidak tahu berterima kasih. Dan manusia yang tidak melaksanakan kewajipannya kepada Tuhan adalah manusia yang paling tidak tahu berterima kasih.

Sekarang, mungkin anda akan bertanya: Apakah kewajiban yang harus kita laksanakan kepada Allah yang telah memberikan kurniaNya kepada kita? Jawapannya adalah bahawa kerana Allah telah memasukkan kita ke dalam kelompok umat Muhammad saw, maka

bukti terima kasih yang paling baik yang dapat kita persembahkan kepada Allah atas kurniaNya yang besar itu, adalah dengan cara menunjukkan sikap sebagai pengikut-pengikut Rasulullah saw yang tulus dan setia. Kerana Allah telah memasukkan kita ke dalam kelompok masyarakat Muslim, maka satu-satunya cara untuk memperlihatkan rasa terima kasih kita kepadaNya adalah dengan menjadi orang Muslim yang benar. Tidak ada cara lain bagi kita untuk menyatakan terima kasih kepada Allah atas kurniaNya yang sangat besar itu. Bila kita tidak menyatakan rasa syukur kita dengan cara demikian, maka hukuman atas sikap kita yang tidak tahu berterima kasih itu, akan sebandingan besarnya dengan kurnia yang diberikanNya kepada kita. Semoga Allah menghindarkan kita dari hukuman demikian itu! Amin.

LANGKAH PERTAMA UNTUK MENJADI MUSLIM

Selanjutnya, anda mungkin akan bertanya: Bagaimana seseorang boleh menjadi seorang Muslim dalam erti yang sebenarnya? Jawapan dari pertanyaan ini memerlukan pemerincian secukupnya, dan saya akan menjelaskan pemerincian itu dalam khutbah-khutbah saya pada hari-hari Jumaat yang akan datang. Sedangkan untuk khutbah kali ini, saya akan menerangkan masalah yang sangat penting, yang dapat dianggap sebagai langkah yang paling awal dalam tindakan untuk menjadi seorang Muslim.

APAKAH MUSLIM ITU NAMA SUATU KELOMPOK BANGSA MANUSIA?

Marilah kita fikirkan apa sebenarnya erti kata Muslim yang kita gunakan setiap waktu itu, dengan memikirkan pertanyaan-pertanyaan berikut: Apakah seseorang sudah membawa Islam pada waktu ia dilahirkan? Apakah seseorang disebut Muslim kerana ibu-bapanya atau kakaknya adalah Muslim? Apakah seorang Muslim terlahir begitu sahaja sebagai seorang Muslim, sebagaimana halnya seorang bangsawan lahir sebagai bangsawan, atau seorang anak dari kasta Brahmana lahir sebagai seorang Brahmana, atau seorang anak Sudra lahir sebagai seorang Sudra? Atau, apakah Muslim itu nama suatu bangsa seperti lnggeris? Dan apakah seorang Muslim disebut Muslim kerana ia lahir di tengah masyarakat Muslim, seperti seorang lnggeris disebut Inggeris kerana lahir di tengah-tengah masyarakat Inggeris? Bagaimana jawapan anda terhadap pertanyaan-pertanyaan tersebut di atas? Saya kira - bahkan saya yakin - anda akan menjawab: "Tidak. Seseorang tidak lazim disebut Muslim kerana alasan-alasan tersebut di atas. Seseorang tidak disebut seorang Muslim kerana ia tergolong dalam suatu kelompok bangsa tertentu. Tetapi seseorang dikatakan Muslim apabila ia menerima Islam sebagai agamanya. Kalau ia melepaskan agama Islam, maka secara automatik ia berhenti menjadi Muslim. Seorang yang beragama Hindu, atau seorang bangsawan, atau seorang Inggeris akan termasuk dalam kelompok masyarakat Muslim kalau ia menerima Islam sebagai agamanya. Sebaliknya, seorang yang lahir di tengah-tengah keluarga Muslim akan dikeluarkan dari masyarakat Muslim kalau ia melepaskan Islam sebagai agamanya, walaupun ia anak seorang kiyai atau anak seorang Pathan".

Itulah, saudara-saudara! Saya yakin, itulah jawapan yang akan anda berikan, atau yang anda setujui, bagi pertanyaan-pertanyaan tersebut di atas. Dan dari jawapan tersebut kita boleh menyimpulkan bahawa anugerah Allah yang terbesar, yakni sebutan sebagai

seorang Muslim, yang anda nikmati itu, bukanlah suatu harta bangsa atau kesukuan yang secara langsung anda warisi dari orang tua anda dan terus melekat pada diri anda selama hidup, baik anda sedari atau tidak, tetapi ia adalah suatu harta yang harus anda peroleh dengan usaha. Kalau anda melakukan usaha untuk memperolehnya, maka anda akan memperolehnya; sebaliknya bila anda tidak mempedulikannya, walaupun anda sudah memperolehnya, maka ia akan dicabut dari anda. *Na'udzu billah min dzalik.*

ERTI MENERIMA ISLAM

Marilah kita teruskan. Tadi telah dikatakan bahawa seseorang dapat menjadi seorang Muslim apabila ia menerima Islam sebagai agamanya. Masalahnya adalah, apa ertinya menerima Islam itu? Apakah ini bererti bahawa sesiapapun yang mengucapkan "saya adalah seorang Muslim atau saya telah menerima Islam" automatik menjadi seorang Muslim? Apakah ini bererti seperti seorang penganut Brahmana yang mengucapkan *mantra-mantra* berbahasa Sanskrit, atau seperti seseorang yang mengucapkan ungkapan-ungkapan berbahasa Arab, walaupun tidak memahami makna yang terkandung dalam ucapan mereka, pantas disebut seorang Muslim? Sekarang tentu anda dapat menjawab pertanyaan di atas. Pasti anda menjawab: "Tidak". Anda pasti akan mengatakan bahawa erti menerima Islam adalah bahawa seseorang harus dengan penuh kesedaran dan kesengajaan menerima apa yang telah diajarkan oleh Rasulullah Muhammad saw, dan bertindak sesuai dengan ajaran tersebut. Barangsiapa yang berbuat demikian, maka ia adalah seorang Muslim, dan barangsiapa yang tidak berbuat demikian, ia bukanlah seorang Muslim.

SYARAT PERTAMA: PENGETAHUAN

Dari jawapan di atas, kita boleh menyimpulkan bahawa pertama sekali, Islam adalah sebutan terhadap *pengetahuan* dan tindakan *mempraktikkan* pengetahuan tersebut. Seseorang dapat menjadi Brahmana tanpa memiliki pengetahuan, kerana ia lahir sebagai Brahmana dan akan terus hidup sebagai Brahmana. Demikian pula seseorang yang lahir dari orang tua berdarah ningrat akan menjadi ningrat pula, walaupun ia tidak memiliki pengetahuan apapun, kerana ia lahir sebagai ningrat maka ia akan tetap disebut seorang ningrat sampai akhir hayatnya. Tetapi, seseorang tidak dapat menjadi seorang Muslim tanpa memiliki pengetahuan, kerana Islam tidak diperolehi kerena faktor keturunan, tetapi kerana pengetahuan. Kalau orang yang bersangkutan tidak mengetahui apa yang diajarkan oleh Nabi Muhammad saw, bagaimana ia boleh menyatakan keimanannya kepada ajaran tersebut dan mempraktikkannya? Dan bila ia menyatakan keimanannya tanpa kesedaran dan tanpa pengertian mengenai ajaran tersebut, bagaimana ia dapat menjadi seorang Muslim? Adalah tidak mungkin untuk menjadi seorang Muslim dan hidup sebagai seorang Muslim tanpa mengetahui apa-apa. Seseorang yang dilahirkan di tengah-tengah keluarga Muslim, mempunyai nama seperti seorang Muslim, berpakaian seperti seorang Muslim, dan menyatakan dirinya sebagai seorang Muslim, sebenarnya dia bukanlah seorang Muslim. Kerana, seorang Muslim yang sebenarnya hanyalah seorang yang tahu, apa makna Islam yang sebenarnya dan menyatakan keimanannya,.kepada Islam dengan penuh kesedaran. Perbezaan yang sebenarnya antara seorang kafir dengan seorang Muslim bukanlah perbezaan dalam nama. Nama Joni tidaklah bererti bahawa

pemiliknya adalah seorang kafir dan nama Abdullah pemiliknya adalah seorang Muslim. Demikian pula orang yang memakai seluar *jeans* tidak bererti dia seorang kafir, dan yang memakai sarung seorang Muslim. Tidak, tidak demikian. Perbezaan yang sebenarnya antara seorang kafir dan seorang muslim adalah dalam hal pengetahuan. Seseorang adalah kafir kerana ia tidak tahu bagaimana hubungan dirinya dengan Tuhan dan hubungan Tuhan dengan dirinya, dan tidak tahu cara hidup yang mana yang harus dijalaninya di dunia ini, yang sesuai dengan kehendak Tuhan. Apabila seorang anak dari orang tua yang Muslim tidak mempunyai pengetahuan mengenai hal ini, maka apa alasannya bagi kita untuk menganggap dirinya sebagai seorang Muslim?

Saudara-saudara!
Saya minta anda semua mendengarkan baik-baik apa yang sedang saya huraikan dengan penuh tekanan ini, dan memikirkannya dengan tenang tanpa emosi. Anda semua harus mengerti benar-benar bahawa memperoleh atau kehilangan kurniaan Allah yang terbesar yang anda syukuri itu, adalah tergantung seluruhnya pada pengetahuan. Bila anda tidak mempunyai pengetahuan untuk itu, anda sama-sekali tidak akan dapat memperoleh kurnia itu. Bahkan kalau anda mempunyai sebahagian kecil sahaja dari anugerah itu, maka kerana ketidaktahuan anda, anda akan selalu terancam bahaya kehilangan milik anda itu. Orang yang mestinya boleh memiliki anugerah yang besar itu, kerana kebodohannya, mungkin akan menganggap bahawa dirinya adalah seorang Muslim, padahal sebenarnya ia bukanlah seorang Muslim. Perumpamaan orang yang sama-sekali tidak tahu perbezaan antara Islam dan kufr serta perbezaan antara Islam dan syirik adalah ibarat seseorang yang sedang berjalan pada sebuah lorong yang gelap. Mungkin sekali, ketika ia sedang mengikuti sebuah lorong yang lurus, langkahnya menyeleweng ke arah yang lain dan ia tidak sedar bahawa ia telah menyeleweng dari arah yang lurus yang harus ditempuhnya. Dan mungkin sekali, di tengah jalan ia akan bertemu dengan seorang *dajjal* yang akan mengatakan kepadanya: "Hai Nak! Kamu telah tersesat dalam kegelapan. Mari, kupimpin engkau kepada tujuanmu". Pejalan yang malang itu, kerana gelap tidak mampu melihat dengan matanya sendiri mana arah yang lurus. Kerana itu, tanpa curiga apa-apa, ia akan segera menyambar tangan si *dajjal* dan terus berpegang kepadanya, dan si *dajjal* akan membawanya ke jalan yang sesat. Bahaya ini mungkin sekali akan menimpa pejalan tersebut, kerana ia sendiri tidak memiliki obor apa pun dan kerananya ia tidak biasa melihat tanda-tanda di sepanjang jalan yang ditempuhinya. Apabila ia mempunyai obor, tentulah ia tidak akan tersesat atau disesatkan oleh orang lain. Dari contoh ini anda boleh memahami bahawa, bahaya terbesar bagi seorang Muslim adalah ketidaktahuannya sendiri akan ajaran Islam, dan ketidaktahuannya akan apa yang diajarkan oleh al-Qur'an dan apa yang diajarkan oleh Rasulullah saw. Kerana tidak mempunyai pengetahuan, ia pasti akan meraba-raba sahaja sepanjang jalan, dan akan disesatkan *oleh dajjal.* Tetapi bila ia mempunyai obor pengetahuan, maka ia akan mampu melihat jalan Islam yang lurus pada setiap langkah dalam hidupnya, melihat dan menghindari jalan-jalan *kufr, syirk, bid'ah* dan tidak bermoral yang menghalang jalannya, dan bila seorang penyesat ditemuiya di tengah jalan, maka setelah bertukar kata sejenak dengannya, ia pasti akan segera sedar, bahawa orang yang ditemuinya itu adalah seorang yang jahat dan tidak boleh diikuti.

PENTINGNYA PENGETAHUAN

Saudara-saudara!
Pada pengetahuan inilah, yang sekarang sedang saya jelaskan kepentingannya, bergantungnya anda dan anak-anak anda menjadi orang-orang Muslim dan hidup sebagai orang-orang Muslim untuk seterusnya. Ini bukanlah hal yang remeh yang boleh anda abaikan. Anda selalu bersikap penuh perhatian dalam mengerjakan sawah ladang anda, mengairi dan melindungi tanaman-tanaman anda, memberi makan ternak anda dan mengerjakan pekerjaan-pekerjaan yang bersangkut paut dengan mata-pencarian anda yang lain. Kerana, bila anda tidak bekerja dengan penuh perhatian, anda pasti akan kelaparan dan kehilangan sesuatu yang sangat berharga bagi anda, yakni nyawa anda. Maka, kenapa anda tidak bersikap serius dan bersunguh-sungguh dalam mencari pengetahuan, yang pada pengetahuan inilah bergantungnya hakikat anda disebut sebagai seorang Muslim dan hidup seterusnya sebagai seorang Muslim. Bukankah bila anda tidak serius dan bersungguh-sungguh, anda boleh terancam bahaya kehilangan sesuatu yang sangat berharga, yakni iman? Bukankah iman lebih berharga daripada hidup? Dari sekian banyak waktu yang anda habiskan untuk bekerja demi hidup anda, tidak dapatkah anda memperuntukkan sepersepuluh daripadanya untuk hal-hal yang dapat melindungi iman anda?

Saya tidak mengatakan bahawa setiap orang dari anda semua harus menjadi seorang ulama, membaca kitab-kitab yang tebal dan menghabiskan waktu sepuluh atau belasan tahun untuk usaha tersebut. Anda tidak perlu membaca kitab yang tebal-tebal untuk menjadi seorang Muslim. Saya hanya menghendaki bahawa setiap orang dari anda menyediakan waktu satu jam sahaja dari dua puluh empat jam yang anda miliki dalam sehari-semalam untuk mempelajari pengetahuan tentang *ad-din*. Itulah waktu paling sedikit yang harus disediakan oleh setiap orang Muslim, baik pemuda, orang dewasa mahupun yang sudah lanjut usia, untuk mempelajari pengetahuan yang memungkinkannya untuk memahami kepentingan ajaran al-Qur'an dan tujuan diwahyukannya al-Qur'an tersebut. Setiap orang Muslim harus mengerti sebenar-benarnya risalah yang dibawa oleh Rasulullah saw ke dunia ini. la harus mengerti sebenar-benarnya aturan hidup mana yang harus ditegakkan di dunia ini, dan aturan hidup mana yan harus dimusnahkan dan diganti. Ia juga-harus mengenal dengan baik cara hidup khusus yang telah ditetapkan Allah bagi orang-orang Muslim. Tidak banyak waktu yang dituntut untuk memperoleh pengetahuan yang diperlukan untuk itu. Dan bila iman lebih berharga bagi anda daripada segalanya, maka tidak akan sulit bagi anda untuk menyediakan waktu satu jam setiap hari untuk mempelajari pengetahuan tersebut.

2. PERBEZAAN ANTARA SEORANG MUSLIM DAN SEORANG KAFIR

KENAPA SEORANG MUSLIM BERBEZA DARI SEORANG KAFIR?

Saudara-saudara sesama Muslim.

Setiap Muslim percaya bahawa seorang Muslim lebih tinggi darjatnya daripada seorang kafir. Allah senang terhadap seorang Muslim dan benci kepada orang kafir.Seorang Muslim akan memperoleh keselamatan dari Allah, sedangkan seorang kafir tidak. Seorang Muslim akan, masuk ke Syurga, dan seorang kafir akan masuk ke neraka. Marilah kita fikirkan sedalam-dalamnya, mengapa ada perbezaan yang begitu besar antara seorang Muslim dan seorang kafir. Padahal seorang kafir juga adalah dari keturunan Adam, seperti kita semua. la juga seorang manusia, seperti kita semua. la juga punya tangan,.kaki, mata dan tangan, seperti kita semua. Dan sebagaimana kita semua, ia pun bernafas dengan udara yang sama, minum air yang sama, dan hidup di bumi yang sama. Allah yang menciptakan kita, adalah PenciptaNya juga. Maka, kenapakah darjatnya rendah dan darjat kita tinggi? Mengapa kita semua nanti akan masuk syurga dan dia masuk neraka?

APAKAH PERBEZAANNYA HANYA SOAL NAMA SAHAJA?

Ini adalah suatu masalah yang harus kita fikirkan secara mendalam. Perbezaan yang begitu besar antara seorang Muslim dan seorangkafir, tidak mungkin disebabkan yang seorang benama Abdullah dan Abdurrahman, sedang yang lain bernama Joni dan Robertson; atau kerana yang seorang dikhatan dan yang lain tidak; atau kerana yang seorang tidak memakan daging babi dan yang lain memakannya. Allah Yang Maha Kuasa, yang telah menciptakan alam seluruh manusia dan memberinya rezeki, tidak mungkin bertindak sedemikian kejam, mendiskriminasikan antara makhlukNya, hanya kerana soal-soal kecil seperti itu dan memasukkan hambaNya yang satu ke syurga sedang yang lain ke neraka.

PERBEZAAN ISLAM DAN KUFUR YANG SEBENARNYA

Apabila, memang, perbezaan yang besar dalam kedudukan seorang Muslim dengan seorang kafir bukanlah kerana soal nama, khatan dan daging babi. Kalau begitu, apakah perbezaan yang sebenarnya antara keduanya? Jawapannya hanyalah satu, yakni kerana Islam dan kufur. Islam bererti kepatuhan kepada Allah sedangkan kufur bererti ketidakpatuhan kepada Allah. Orang Muslim dan orang kafir kedua-duanya adalah manusia., kedua-duanya adalah hamba Allah. Tetapi yang satu, berkedudukan mulia kerana ia mengakui Allah, dan mematuhi perintah-perintahNya. Yang satu takut akan hukuman yang akan diberikanNya bila ia tidak mematuhi perintah-perintahNya. Sedangkan yang satu lagi terperosok dari kedudukan yang tinggi itu kerana ia tidak mengakui Allah dan tidak mahu melaksanakan perintahNya. Inilah sebabnya mengapa

Allah senang kepada orang-orang Muslim dan benci kepada orang-orang kafir. Allah menjanjikan kurnia syurga bagi orang-orang Muslim, dan memperingatkan orang-orang kafir bahawa mereka akan dimasukkan ke dalam neraka.

SEBAB PERBEZAAN: PENGETAHUAN DAN PERBUATAN

Dari huraian di atas jelaslah bahawa ada dua perkara yang membezakan seorang Muslim dengan seorang kafir. Yang pertama adalah pengetahuan dan yang kedua perbuatan. Pengetahuan bererti bahawa seorang Muslim harus tahu siapa TuhanNya, apa perintah-perintahNya, bagaimana cara-cara untuk menuruti kehendakNya, perbuatan-perbuatan mana yang disukaiNya dan mana yang tidak disukaiNya. Bila ia sudah tahu akan hal-hal tersebut, maka langkah yang kedua ialah bahawa ia harus menjadikan dirinya sebagai budak dari Tuhannya, melaksanakan kehendak-kehendakNya, dan mengabaikan kemahuan-kemahuannya sendiri. Bila hatinya ingin melakukan sesuatu perbuatan, tetapi perbuatan itu bertentangan dengan perintah Tuhannya, maka ia harus melepaskan keinginannya sendiri dan melaksanakan perintah Tuhannya. Apabila suatu perbuatan kelihatan mulia di matanya, tetapi Tuhannya mengatakan bahawa perbuatan itu hina, maka ia harus memandangnya hina pula. Sebaliknya, bila suatu perbuatan nampak hina dimatanya, tetapi Tuhannya mengatakan mulia, maka ia harus memandangnya mulia pula. Apabila ia melihat bahawa sesuatu pekerjaan mengandung bahaya, tetapi TuhanNya mengatakan bahawa pekerjaan itu harus dilakukan, maka bagaimanapun juga ia mesti mengerjakannya, walaupun ia mungkin akan kehilangan harta benda bahkan nyawanya. Sebaliknya, apabila ia memandang bahawa sesuatu pekerjaan akan mendatangkan keuntungan baginya, tetapi Tuhannya melarang pekerjaan tersebut, maka ia harus meninggalkannya, walaupun pekerjaan tersebut boleh mendatangkan keuntungan sebanyak harta benda yang ada di seluruh dunia ini.

lnilah pengetahuan dan perbuatan yang menjadikan seorang Muslim sebagai hamba Allah yang sejati, yang mendapat limpahan rahmatNya serta kedudukan yang luhur mulia. Sebaliknya, kerana seorang kafir tidak memiliki pengetahuan ini, ia dimasukkan ke dalam golongan hamba Allah yang membangkang dan tidak mendapat limpahan rahmatNya.

Sekarang, seandainya ada seseorang yang menyatakan dirinya seorang Muslim, tetapi ia sama bodohnya tentang Islam dengan seorang kafir, dan sama pula pembangkangnya kepada Allah, dapatkah kita mengatakan dengan menggunakan pertimbangan yang adil, bahawa kedudukannya lebih tinggi daripada seorang kafir, semata-mata kerana ia memiliki nama yang berbeza, memakai pakaian yang berbeza dan memakan makanan yang berbeza dengan orang kafir tersebut? Dan apa pula alasannya untuk mengatakan bahawa ia berhak memperoleh rahmat Allah di dunia dan di akhirat? Islam bukanlah sesuatu yang bersifat kebangsaan, kekeluargaan atau persaudaraan yang secara langsung diwarisi oleh orangtua kepada anak dan dari anak kepada cucu. Kedudukan sebagai seorang Muslim tidaklah diperoleh kerana keturunan sebagaimana halnya kasta, di mana anak seorang Brahmana akan tetap memperoleh kedudukan yang tinggi, walaupun betapa bodoh dan jahat perangainya, kerana ia memang lahir dalam keluarga Brahmana yang berkedudukan tinggi. Sementara itu, anak dari orangtua berkasta rendah akan tetap berkedudukan rendah, kerana memang ia lahir di tengah-tengah keluarga yang berkasta rendah. Dalam hal ini Allah telah menyatakan dalam KitabNya:

"... Sesungguhnya orang yang paling mulia di antaramu di sisi Allah ialah orang yang paling bertaqwa di antara kamu... " (Al-Quran, *al-Hujrat*, 49:13)

Ertinya, semakin banyak orang mengetahui tentang Allah dan semakin mentaati perintahNya, maka akan semakin tinggi pulalah kedudukannya di mata Allah. Nabi Ibrahim alaihissalam dilahirkan di tengah-tengah keluarga seorang penyembah berhala, tetapi beliau mengenal Allah dan mentaati perintahNya. Itulah sebabnya Allah mengangkatnya sebagai imam seluruh dunia. Anak Nabi Nuh dilahirkan dalam keluarga seorang nabi, tetapi ia tidak mengerti tentang Allah dan tidak mentaati perintahNya. Itulah sebabnya mengapa Allah menghukumnya sedemikian rupa tanpa mempedulikan keluarganya, hingga kisahnya menjadi contoh bagi seluruh dunia. Kerana itu marilah kita fahami benar-benar bahawa apa pun perbezaan yang ada diantara seorang manusia dengan manusia yang lain, dalam pandangan Allah hal itu berhubungan erat dengan pengetahuan dan perbuatan. Baik di dunia ini mahupun di akhirat nanti, rahmat Allah dilimpahkan kepada mereka yang mengerti akan Allah, tahu jalan yang benar yang ditunjukkanNya, dan melaksanakan perintah-perintahNya. Mereka yang tidak memenuhi syarat-syarat ini sama sahaja kedudukannya dengan mereka yang kafir, dan tidak berhak memperoleh rahmatNya, tidak peduli mereka benama Abdullah, Abdurrahman, Joni atau Kartar Singh.

MENGAPA ORANG-ORANG MUSLIM TERHINA SEKARANG INI?

Saudara-saudara!

Kita semua menamakan diri orang-orang Muslim, dan kita yakin Allah melimpahkan rahmatNya kepada orang-orang Muslim. Tetapi marilah kita buka mata kita dan kita lihat apakah rahmat Allah dilimpahkan kepada kita atau tidak. Apa pun yang terjadi di akhirat, itu adalah urusan nanti, tetapi yang penting marilah kita lihat kedudukan kita di dunia ini. Kita kaum Muslimin di Hindustan ini berjumlah 90 juta orang (sebelum India terbahagi menjadi India dan Pakistan) jumlah kita demikian besar sehingga bila masing-masing kita melemparkan sebuah batu, maka longgokan batu itu akan menjadi sebuah gunung.Tetapi di negeri yang begitu banyak orang-orang Muslimnya ini, pemerintahan berada di tangan orang-orang kafir. Tengkuk kita berada dalam cengkaman tangan mereka, dan mereka memutar kepala kita ke arah mana sahaja yang mereka sukai. Padahal seharusnya kepala kita tidak kita tundukkan di depan siapa pun juga kecuali Allah, tetapi sekarang kita tunduk di hadapan manusia - manusia yang sama seperti kita juga. Kehormatan kita yang semestinya tidak boleh dinodai oleh sesiapa pun juga, sekarang berlumuran tanah. Tangan kita yang selama ini selalu di atas sekarang berada di bawah dan menadah di hadapan orang-orang kafir. Kebodohan, kemiskinan dan hutang telah merendahkan darjat kita di mana-mana.

Apakah ini semua rahmat Allah? Apabila ini semua bukan rahmat melainkan kemurkaan, maka alangkah anehnya bahawa kita sebagai orang-orang Muslim mendapatkan kemurkaan Allah! Kita semua orang-orang Muslim, tetapi kita berkubang dalam lumpur kehinaan, kita semua orang-orang Muslim, tetapi kita hidup sebagai budak-budak! Situasi seperti ini kelihatannya betul-betul tidak mungkin, seperti tidak mungkinnya suatu benda dalam waktu yang sama berwarna hitam dan putih. Bila

seorang Muslim adalah seorang yang dicintai Allah, bagaimana mungkin hidup terhina di dunia ini? Apakah Allah, *(na'udzu billah min dzalik),* seorang dewa penindas hingga sementara kita menjalankan kewajipan-kewajipan terhadapNya dan mentaati perintah-perintahNya, Dia membiarkan orang-orang yang menentangNya memerintah kita dan menghukum kita kerana kepatuhan kita kepadaNya? Apabila kita percaya bahawa Allah bukanlah penindas dan bila kita percaya bahawa balasan kepatuhan kepada Allah tidak mungkin berupa kehinaan, maka kita semua harus mengakui bahawa ada sesuatu yang salah dalam pengakuan kita sebagai orang-orang Muslim. Walaupun dalam kad penduduk kita tercatat sebagai orang-orang Muslim, tetapi Allah tidak memberikan penilaian berdasarkan keaslian kad penduduk yang dikeluarkan oleh pemerintah. Allah punya pejabat sendiri. Kita harus mencari dalam daftarNya untuk melihat apakah nama kita termasuk dalam kelompok hamba-hambaNya yang patuh ataukah dalam kelompok yang tidak patuh?

Allah mengirimkan KitabNya kepada kita, hingga dengan membacanya kita dapat mengenalNya dan tahu cara-cara untuk menjadi hambaNya yang patuh. Apakah kita pernah mencuba untuk mengetahui apa yang tertulis dalam Kitab itu? Allah mengutus RasulNya kepada kita untuk mengajar kita cara menjadi seorang Muslim. Apakah kita pernah mencuba mengetahui apa yang diajarkan oleh utusanNya itu ? Allah menunjukkan kepada kita jalan untuk memperoleh kehormatan dan kemuliaan di dunia ini dan di akhirat nanti. Apakah kita sudah menuruti jalan tersebut? Allah dengan jelas memberitahukan kepada kita perbuatan-perbuatan yang bagaimana yang dapat merendahkan kedudukan manusia di dunia ini dan di akhirat nanti. Apakah perbuatan-perbuatan tersebut sudah kita hindari? Jawapan apa yang dapat kita berikan kepada pertanyaan-pertanyaan ini? Bila kita mengetahui bahawa kita tidak mempunyai pengetahuan dari Kitab Allah dan dari kehidupan UtusanNya dan tidak pula mengikuti jalan yang ditunjukkan olehNya, maka bagaimana kita boleh disebut orang-orang Muslim yang patut menerima rahmatNya? Pahala yang kita perolehi adalah sebanding dengan darjat kita sebagai Muslim, dan kita akan memperoleh balasan yang seperti itu pula diakhirat nanti.

Saya telah menyatakan sebelumnya bahawa secara mutlak tidak ada perbezaan antara seorang Muslim dengan seorang kafir, kecuali dalam masalah pengetahuan dan perbuatan. Apabila pengetahuan dan perbuatan seseorang sama dengan pengetahuan seorang kafir, sedangkan dia menyebut dirinya seorang Muslim, maka ucapannya itu adalah dusta yang tidak tahu malu. Seorang kafir tidak suka membaca al-Qur'an dan tidak tahu apa yang tertulis di dalamnya. Apabila seseorang yang mengaku Muslim keadaannya juga demikian, bagaimana ia dapat disebut seorang Muslim? Seorang kafir tidak mengetahui apa yang diajarkan oleh Rasulullah saw dan jalan lurus yang telah ditunjukkannya untuk menuju kepada Allah. Apabila seorang yang mengaku dirinya Muslim sama bodohnya seperti ini, bagaimana ia boleh disebut seorang Muslim? Seorang kafir hanya mengikuti kemahuannya sendiri, bukan perintah Allah. Apabila seorang yang mengaku Muslim sama seperti ini, keras-kepala, dan hanya mengikuti fikiran dan pendapatnya sendiri, mengacuhkan Allah, dan menghamba kepada kemahuannya sendiri, maka bagaimana ia mempunyai hak untuk menyebut dirinya seorang Muslim (hamba Allah yang patuh)? Seorang kafir tidak membezakan antara yang halal dan yang haram, dan mengambil apa sahaja yang menguntungkan dan menyenangkan baginya, tanpa

mempedulikan apakah itu halal atau haram dalam pandangan Allah. Apabila seorang yang menyebut dirinya Muslim tingkah-lakunya sama dengan seorang yang bukan Muslim, apa bezanya dia dengan seorang kafir? Ringkasannya, apabila pengetahuan seorang Muslim tentang Islam sama bodohnya dengan pengetahuan seorang kafir tentang Islam, dan ia (Muslim) melakukan perbuatan-perbuatan yang dilakukan seorang kafir, maka bagaimana ia dapat dianggap lebih tinggi kedudukannya daripada seorang kafir? Atau bukankah hal ini sama dengan perbuatan seorang kafir? Ini adalah masalah yang harus kita renungkan dalam keadaan yang tenang.

MASALAH YANG HARUS DIPERTIMBANGKAN DENGAN SERIUS

Saudara-saudara yang tercinta!

Janganlah saudara-saudara mengira bahawa saya mahu men'cap' orang-orang Muslim sebagai orang-orang kafir. Tidak, bukan begitu maksud saya. Saya hanya mengajak saudara-saudara untuk berfikir dan merenungkan mengapa kita semua tidak memperoleh rahmat Allah. Mengapa kita menjadi korban bencana dari segala penjuru? Mengapa mereka yang kita sebut orang-orang kafir, yakni hamba-hamba Allah yang membangkang kepadaNya, di mana-mana menguasai kita? Dan mengapa kita, yang menyatakan diri sebagai hamba-hambaNya yang patuh, diperbudak orang di mana-mana? Semakin saya merenungkan sebab dari situasi ini, semakin saya merasa yakin bahawa satu-satunya perbezaan yang tinggal antara kita dengan orang-orang kafir sekarang ini hanyalah perbezaan dalam nama sahaja, sedangkan kita sama lupanya kepada Allah dengan mereka, sama tidak takutnya kepadaNya, dan sama pula pembangkangnya dengan mereka, orang-orang kafir. Tentu sahaja ada perbezaan sedikit antara kita dan mereka, tetapi perbezaan ini demikian kecil dan tidak bererti apa-apa. Justeru perbezaan itu membuat kita semakin patut memperoleh hukuman dari Allah, kerana kita tahu bahawa al-Qur'an adalah Kitab Allah tetapi kita memperlakukannya seperti perlakuan yang diberikan orang-orang kafir kepadanya. Kita tahu bahawa Muhammad saw adalah Utusan Allah, tetapi kita, seperti halnya orang-orang kafir, takut untuk mengikutinya. Kita tahu bahawa Allah mengutuk para pembohong dan telah menyatakan dengan tegas bahawa tempat tinggal orang-orang yang merasuah dan yang menerima rasuah adalah neraka. Dia telah menyatakan bahawa para pengambil dan para pemberi riba adalah penjahat-penjahat yang paling keji. Dia telah mengatakan bahawa membicarakan orang lain adalah seperti memakan daging saudara sendiri yang telah mati. Dia telah memperingatkan bahawa kata-kata dan perbuatan-perbuatan yang kotor, kebiadapan dan perbuatan-perbuatan yang cabul akan dihukum dengan hukuman yang pedih. Tetapi walaupun kita mengerti itu semua, namun kita melakukannya dengan bebas seperti orang-orang kafir, seolah-olah kita sama sekali tidak takut kepada Allah. Inilah sebabnya mengapa kita tidak memperoleh rahmat, kerana kita tampaknya sahaja adalah orang-orang Muslim, tetapi sebenarnya kelakuan kita sama sahaja dengan orang-orang kafir. Kenyataan bahawa orang-orang kafir menguasai dan memerintah kita, dan kehinaan kita di tangan mereka pada setiap peristiwa, adalah bentuk hukuman atas kejahatan kita yang telah tidak menghargai nikmat kurnia Islam yang telah dilimpahkan kepada kita.

Saudara-saudara yang tercinta!

Apa yang saya katakan pada hari ini tidaklah ditujukan untuk menyalahkan anda

semua. Kedatangan saya ke sini bukanlah untuk mencela saudara-saudara. Maksud saya hanyalah untuk menyedarkan dan mengajak anda semua untuk memperoleh kembali apa yang telah hilang dari tangan kita. Keinginan untuk memperoleh kembali harta yang hilang akan timbul, bila seseorang menyedari apa yang telah hilang dari tangannya dan betapa bernilainya harta yang hilang itu. Kerana itulah saya mencuba untuk menyedarkan anda semua. Bila anda semua mengerti dan sedar bahawa sesungguhnya anda dahulu pernah memiliki suatu harta yang tidak ternilai harganya, yang kemudian hilang dari tangan anda, maka anda pasti akan berfikir untuk memperoleh harta itu kembali.

KEMAHUAN UNTUK MEMPEROLEH PENGETAHUAN

Dalam khutbah saya yang telah lalu saya telah mengatakan kepada anda bahawa untuk menjadi seorang Muslim yang sejati, syarat yang pertama-tama bagi seseorang adalah pengetahuan tentang Islam. Setiap Muslim harus mengetahui apa yang diajarkan oleh al-Qur'an, sistem kehidupan apa yang diikuti oleh Rasulullah, apa makna Islam, dan hal-hal apa sebenarnya yang membezakan Islam dari kufur. Tidak seorang pun yang lazimnya menjadi seorang Muslim tanpa mengetahui hal-hal ini. Tetapi sayang sekali bahawa anda semua tampaknya tidak ghairah untuk memperoleh pengetahuan tersebut. Ini menunjukkan bahawa anda semua masih belum menyedari betapa besar kurnia yang terlepas dari tangan anda. Saudara-saudara! Seorang ibu tidak akan memberikan air susunya kepada anaknya sebelum si anak menangis minta disusukan. Kalau seorang manusia merasa haus, dia sendiri harus mencari air dan Tuhan pun sudah menyediakan air itu. Bila anda sendiri tidak merasa haus, tidak akan ada gunanya sebuah sumber air yang memancar di hadapan anda. Jadi anda harus menyedari terlebih dahulu betapa besar kerugian anda dengan tidak memahami *din*. Kitab Suci Allah ada beserta anda, tetapi anda tidak tahu apa yang tertulis di dalamnya. Kerugian apa yang lebih besar daripada ini? Anda bahkan tidak mengetahui makna *kalimah syabadah* yang dengan membacanya anda menjadi seorang Muslim; tidak pula anda mengetahui tanggungjawab apa yang terpikul di atas bahu anda setelah anda membaca *kalimah* tersebut. Adakah kerugian yang lebih besar bagi seorang Muslim selain daripada ini? Anda tahu besarnya kerugian anda bila padi di sawah anda terbakar; anda tahu sengsaranya orang yang tidak punya pekerjaan; anda boleh merasakan sedihnya kehilangan harta benda. Tetapi anda tidak tahu betapa ruginya orang yang tidak tahu tentang ajaran Islam. Kalau anda menyedari kerugian ini**,** maka anda akan berusaha sendiri untuk menebus kerugian ini. Dan bila anda sendiri mahu berusaha, maka Insya Allah, Allah akan. memberikan jalan bagi anda untuk memperoleh kembali harta anda yang telah hilang itu, dan Allah menyelamatkan anda dari kerugian yang besar ini.

3. MASALAH-MASALAH YANG HARUS DIRENUNGKAN

PERLAKUAN KITA TERHADAP AL-QURAN

Saudara-saudara sesama Muslim!

Umat Islam adalah satu-satunya umat yang paling beruntung di dunia sekarang ini kerana mereka memiliki Wahyu Allah yang terpelihara dalam keadaan utuh dan dalam bentuknya yang asli, bebas dari kekotoran campur-tangan manusia. Setiap kata-kata yang ada di dalamnya masih persis sama dengan ketika ia diturunkan kepada Rasulullah saw. Namun umat Islam ini juga adalah orang-orang yang paling malang di dunia ini, kerana, walaupun mereka memiliki Wahyu Allah tetapi mereka tidak dapat memperoleh berkat dan manfaat wahyu tersebut, yang sebenarnya tidak terhitung banyaknya itu. Al-Qur'an diturunkan Allah kepada mereka agar mereka membacanya, memahami isinya dan berbuat menurut petunjuknya. Dan dengan pertolongan Kitab ini, mereka disuruh untuk menegakkan pemerintahan di muka bumi Allah ini yang berfungsi sesuai dengan hukum Allah. Al-Qur'an datang untuk memberikan kepada mereka kebesaran dan kekuasaan. la datang untuk menjadikan mereka Wakil Allah yang sejati di bumi ini. Dan sejarah telah membuktikan bahawa bila mana mereka (umat Islam) berbuat menurut petunjuk-petunjuk yang terkandung dalam Kitab ini, maka Kitab ini akan memperlihatkan kemampuannya untuk menjadikan mereka imam dan pemimpin dunia. Tetapi sekarang, kegunaan al-Qur'an bagi mereka hanyalah untuk disimpan di rumah untuk mengusir jin-jin dan hantu-hantu. Mereka menuliskan ayat-ayat al-Qur'an pada lembaran-lembaran kertas lalu menggantungkannya pada leher mereka, atau mencelupkannya ke dalam air dan kemudian meminum airnya, dan mereka membaca ayat-ayat al-Qur'an tersebut tanpa memahami ertinya, namun mereka mengharapkan untuk dapat memperoleh sesuatu berkat daripadanya. Mereka tidak lagi mencari petunjuk daripadanya untuk mengatur masalah-masalah kehidupan mereka. Mereka tidak lagi menjadikan al-Qur'an sebagai pertimbangan untuk mengetahui apa yang harus mereka percayai, apa sahaja, yang harus mereka kerjakan, dan bagaimana mereka harus melakukan transaksi-transaksi. Mereka menjauhi al-Qur'an dalam menentukan hukum-hukum apa yang harus mereka ikuti dalam mengikat tali persahabatan dan membuat permusuhan, hak-hak apa yang dimiliki sesama manusia atas diri mereka dan juga hak-hak mereka sendiri atas sesama manusia. Mereka menjauhi al-Our'an dalam menentukan apa yang benar dan apa yang salah, siapa yang harus dipatuhi perintahnya dan siapa pula yang harus ditentang perintahnya, dengan siapa mereka harus memelihara hubungan dan dengan siapa tidak, siapa teman mereka dan siapa musuh mereka, di mana letak kehormatan, kesejahteraan dan keberuntungan mereka, dan di mana letak kehinaan, kegagalan dan kerugian mereka? Kaum Mustimin tidak lagi memeriksa masalah-masalah ini dengan al-Qur'an. Mereka sekarang meminta petunjuk tentang masalah-masalah tersebut kepada orang-orang kafir, orang-orang musyrik, oring-orang yang sesat dan hanya mementingkan diri sendiri, kepada suara-suara iblis yang ada dalam diri mereka sendiri, dan mereka mengikuti apa sahaja yang dikatakan oleh unsur-unsur tersebut. Kerana itu mereka ditimpa bencana yang pasti akan datang, menimpa sesiapa sahaja yang melupakan Allah dan yang mengikuti petunjuk selain dari petunjukNya. Bencana itu menimpa mereka sekarang di India, Cina, Palestin, Syria, Algeria, Maghribi dan di negeri-negeri lainnya. Akan halnya, al-Qur'an sendiri, ia

adalah sumber kebaikan yang paling besar. Al-Qur'an mampu memberikan kepada anda manfaat apa pun yang anda inginkan dan sebanyak apa pun yang anda mahu. Kalau dari al-Qur'an, yang anda cari hanya manfaat yang kecil dan remeh, seperti untuk mengusir jin dan hantu-hantu, ubat untuk orang sakit batuk dan demam, kemenangan dalam pengadilan dan kejayaan dalam mencari kerja, maka yang anda peroleh, memang, hanya hal-hal kecil itu sahaja. Bila yang anda cari hanya kekuasaan di atas dunia dan penguasaan terhadap alam semesta, maka anda juga akan memperolehnya. Dan kalau anda menginginkan untuk mencapai puncak kebesaran rohani, al-Qur'an juga akan membawa anda ke sana. Ini hanyalah soal kemampuan anda untuk mengambil manfaat daripadanya. Al-Qur'an adalah bagaikan lautan anda hanya mengambil dua titis air daripadanya, padahal, sebenarnya ia mampu memberikan air sebanyak lautan itu sendiri.

Saudara-saudara!

Apa yang diperbuat saudara-saudara kita sesama Muslim terhadap Kitab-Suci Allah adalah sangat bodoh dan patut ditertawakan. Seandainya mereka (saudara-saudara kita sesama Muslim) melihat orang lain berbuat seperti itu terhadap sesuatu yang lain, pasti mereka akan mentertawakannya dan menganggapnya sebagai orang gila. Sekiranya ada orang yang menerima preskripsi dari seorang dokter, lalu preskripsi itu dibungkusnya dengan kain dan digantungkannya di lehernya, atau dicelupkannya ke dalam air dan air itu diminumnya, apa yang akan anda katakan? Tidakkah anda akan mentertawakan dan mengatakan orang itu sebagai orang yang bodoh? Lihatlah, sekarang ini di depan mata anda semua perbuatan seperti ini sedang dilakukan terhadap preskripsi yang paling berkesan dan tidak ternilai harganya, yang ditulis oleh doktor yang paling besar dari semua doktor, yang dimaksudkan untuk menyembuhkan semua penyakit anda. Namun tidak seorang pun yang tertawa melihat perbuatan ini! Tidak seorang pun mencuba mengerti bahawa sebuah preskripsi bukanlah untuk digantungkan di leher atau dicelupkan ke dalam air lalu diminum, tetapi untuk menggunakan ubat dengan cara seperti yang-ditunjukkan dalam preskripsi itu.

MEMAHAMI ISI AL-QURAN DAN MENURUTINYA ADALAH WAJIB

Seandainya anda melihat orang yang sedang sakit membuka buku tentang pengubatan dan mengira bahawa dengan membacanya ia akan dapat sembuh dari penyakitnya, maka apa yang dapat anda katakan tentang orang itu? Tentu anda akan mengatakan bahawa orang tersebut adalah orang yang kurang waras dan harus dikirim ke rumah sakit jiwa? Akan tetapi tidakkah anda sedar bahawa anda sendiri melakukan hal yang sama kepada buku yang dikirimkan oleh Doktor terpandai untuk menyembuhkan penyakit-penyakit anda? Anda hanya membacanya sahaja dan mengira bahawa dengan membacanya begitu sahaja, semua penyakit anda akan hilang. Anda mengira bahawa anda sudah cukup dengan membacanya sahaja tidak perlu untuk menuruti petunjuk-petunjuk yang terkandung di dalamnya, tidak pula penting untuk menghindari bahaya seperti yang dikatakannya. Maka, mengapa anda tidak memberikan penilaian yang sama kepada diri anda sendiri seperti yang anda berikan kepada orang yang mengira bahawa dengan membaca buku perubatan sahaja adalah cukup untuk menyembuhkan penyakit?

Kalau anda menerima surat dalam bahasa yang tidak difahami, tentu anda mencari orang yang mengerti bahasa tersebut untuk mengetahui isinya. Anda tidak merasa tenang

sebelum anda mengetahui isi surat tersebut. Begitalah yang anda lakukan terhadap surat-surat dagang yang mungkin akan memberikan keuntungan yang sedikit bagi anda. Akan tetapi surat ying dikirimkan oleh Penguasa dunia kepada anda yang menerangkan semua keuntungan anda di lapangan *din*, yang berkaitan kehidupan duniawi, anda biarkan begitu sahaja tanpa mencuba untuk memahami isinya. Anda tidak memperlihatkan keinginan untuk mengetahui isinya. Tidakkah ini suatu hal yang menghairankan?

AKIBAT PERLAKUAN YANG ZALIM TERHADAP, KITAB ALLAH

Saudara-saudara!

Saya tidak mengatakan ini semua, hanya untuk memuaskan diri saya sendiri sahaja. Tetapi bila anda merenungkan semua kenyataan itu, hati anda akan membenarkan bahawa sekarang ini Kitab Allah sedang mengalami perlakuan yang zalim di dunia ini, dan pelaku-pelakunya adalah orang-orang yang menyatakan dirinya sendiri beriman kepadanya dan bersedia mati untuk membelanya. Tidak syak lagi mereka memang, beriman kepadanya dan menganggapnya lebih berharga daripada hidup mereka sendiri; tetapi sayangnya mereka sendirilah yang memperlakukannya dengan perlakuan yang paling zalim. Dan akibat perlakuan yang zalim terhadap Kitab Allah ini jelas kelihatan! Hendaklah kita fahami sebenar-benarnya bahawa, Kitab Allah tidaklah diturunkan kepada manusia untuk menjerumuskannya ke dalam jurang kecelakaan, kemalangan dan penderitaan.

> *"Kami tidak menurunkan al-Qur'an ini kepadamu agar kamu menjadi susah, tetapi sebagai peringatan bagi orang yang takut (kepada Allah).*
> *(Al-Qur'an, Thaha, 20:2-3)*

Al-Qur'an adalah sumber kebahagiaan dan nasib baik, bukannya sumber kejahatan dan kesengsaraan. Tidak mungkin suatu umat yang memiliki Wahyu Allah hidup dalam penderitaan di dunia ini, diperbudak, diinjak-injak dan ditendang oleh orang lain, dicengkam tengkuknya dan dicucuk hidungnya dan dicampak ke arah mana sahaja yang disukai orang lain tersebut. Suatu umat hanya akan menemui nasib seperti ini bila mereka memperlakukan Kitab Allah secara zalim. Nasib Bani Israil terpampang di hadapan anda. Taurat dan Injil diturunkan kepada mereka dan dikatakan:

> *"Dan sekiranya mereka sungguh-sungguh menjalankan (hukum) Taurat dan Injil dan al-Qur'an, yang diturunkan kepada mereka dari Tuhannya, nescaya mereka akan mendapat makanan dari atas mereka dan dari bawah kaki mereka".*
> *(Al-Qur'an, al-Maidah, 5:66)*

Tetapi mereka memperlakukan Kitab-kitab Allah tersebut dengan cara yang zalim dan mereka memperoleh balasan perbuatan itu:

> *"...Lalu ditimpakanlah kepada mereka nista dan kehinaan, serta mereka mendapat kemurkaan dari Allah. Hal itu (terjadi) kerana mereka selalu mengingkari ayat-ayat Allah dan membunuh para nabi tanpa alasan yang benar.*

Demikian itu (terjadi) kerana mereka selalu berbuat derhaka dan melampaui batas". (Al-Qur'an, al-Baqarah, 2:61)

Kerana itu apabila suatu umat memiliki Kitab Allah, namun mereka hidup dalam kehinaan dan diperbudak oleh orang-orang lain, maka anda boleh memastikan bahawa hal itu adalah kerana mereka memperlakukan Kitab Allah dengan cara yang zalim, dan apa yang mereka alami itu adalah hukuman atas perbuatan mereka itu. Tidak ada jalan lain untuk menyelamatkan diri dari murka Allah, selain menghentikan kezaliman tersebut dan memperlakukan Kitab Allah dengan semestinya. Bila anda semua tidak berhenti dari berbuat dosa yang besar ini, maka hidup anda tidak akan berubah meskipun anda mendirikan berbagai perguruan tinggi di setiap desa dan anak-anak anda semua menjadi sarjana, dan anda, seperti orang-orang Yahudi, menjadi jutawan-jutawan dengan jalan riba.

SIAPA YANG DINAMAKAN MUSLIM?

Saudara-saudara!

Hal pertama yang harus diketahui oleh setiap Muslim ialah: Siapa yang dinamakan Muslim dan apa ertinya menjadi seorang Muslim? Bila seorang manusia tidak tahu apa yang disebut manusia dan apa perbezaan antara manusia dan binatang, tentulah ia akan melakukan perbuatan-perbuatan seperti binatang dan tidak menghargai dirinya sebagai seorang manusia. Sama halnya, bila seorang Muslim tidak tahu erti yang sebenarnya dari menjadi seorang Muslim dan apa bezanya seorang Muslim dengan seorang bukan Muslim, maka ia akan berbuat seperti seorang yang bukan Muslim dan tidak akan merasakan kebanggaan menjadi seorang Muslim.

Kerana itu setiap Muslim dan anak dari setiap Muslim harus diajar apa ertinya menyebut dirinya sebagai seorang Muslim, dan perbezaan apa yang timbul dalam kedudukannya sesudah ia menjadi Muslim. Tanggungjawab apa yang dipikulnya dan apa batas-batas yang diberikan oleh Islam supaya seseorang tetap dapat dianggap seorang Muslim dan apabila ia melanggar batas-batas tersebut tidak dapat lagi disebut seorang Muslim, meskipun ia mengatakan bahawa dirinya adalah seorang Muslim.

MAKNA ISLAM

Islam bermakna: Kepatuhan dan kerajinan menjalankan kewajipan kepada Allah. Islam bermakna memasrahkan diri kepada Allah. Islam bermakna mengorbankan kebebasan dan kemerdekaan diri sendiri demi Allah. Islam bermakna menyerahkan diri di bawah kekuasaan kerajaan dan kedaulatan Allah. Seseorang yang mempercayakan segala urusannya kepada Allah adalah seorang Muslim, dan seorang yang mempercayakan urusan-urusannya kepada dirinya sendiri atau kepada sesiapapun selain Allah bukanlah seorang Muslim. Mempercayakin segala urusan kepada Allah bererti menerima bimbingan Allah yang diberikan melalui Kitab SuciNya dan bimbingan yang diberikan oleh RasulNya, dengan tidak mengajukan keberatan sedikit pun kepada keduanya. Selanjutnya hanya al-Qur'an dan Sunnah Rasul sahajalah yang harus diikuti dalam setiap masalah kehidupan. Sekali lagi yang dapat dinamakan seorang Muslim hanyalah orang yang rela mengetepikan pemikirannya sendiri, adat kebiasaan masyarakat dan dunia serta

nasihat-nasihat dari orang lain, selain nasihat dari Allah dan RasulNya. Seorang Muslim adalah orang yang dalam setiap persoalan selalu merujuk dengan Kitab Allah dan kata-kata RasulNya, untuk mengetahui apa yang harus ia lakukan dan apa yang tidak boleh ia lakukan. Seorang Muslim adalah orang yang mahu menerima tanpa ragu-ragu sedikit pun petunjuk apa sahaja yang didapatnya dari Allah dan RasulNya, dan menolak apa pun yang dilihatnya bertentangan dengan petunjuk Allah dan RasulNya, kerana ia telah mempercayakan dirinya sepenuhnya kepada Allah. Dan tindakan mempercayakan diri sepenuhnya kepada Allah inilah yang menjadikan seseorang dapat disebut seorang Muslim. Sebaliknya, seseorang tidaklah dapat dinamakan seorang Muslim bila ia tidak bergantung pada al-Qur'an dan Sunnah Rasul, tetapi melaksanakan apa yang dikatakan oleh fikirannya sendiri, atau mengikuti apa yang diperbuat oleh nenek moyangnya, atau menyesuaikan diri dengan apa yang dilakukan oleh masyarakat sekitarnya dan oleh orang-orang di dunia pada umumnya, tanpa mencari petunjuk dalam al-Qur'an dan Sunnah tentang bagaimana menangani urusan-urusannya, atau bila ia tahu apa yang diajarkan oleh al-Qur'an dan Sunnah tetapi ia berkeberatan untuk menurutinya dengan mengatakan: "Ah, ini tidak sesuai dengan akal fikiran saya, kerana itu saya tidak boleh menerimanya", atau " Kerana ajaran al-Our'an dan Sunnah ini bertentangan dengan ajaran nenek moyang saya, maka saya tidak akan mengikutinya", atau " Kerana masyarakat dan orang-orang di seluruh dunia tidak menyetujui ajaran al-Qur'an dan Sunnah, maka saya juga tidak akan menyetujuinya". Orang yang berpandangan seperti ini tidak dapat dinamakan seorang Muslim, dan bila ia menyatakan bahawa dirinya adalah seorang Muslim, ia hanyalah seorang pendusta.

KEWAJIBAN SEORANG MUSLIM

Ketika anda membaca kalimah syahadah, *La ilaha illallah Mubammadur Rasulullah,* bererti pada saat itu anda telah mengakui bahawa satu-satunya hukum yang harus anda patuhi adalah Hukum Allah, yang berdaulat atas diri anda hanyalah Allah, pemerintah anda hanyalah Allah, hanya Allahlah yang harus anda patuhi, dan hanya hal-hal yang benar menurut Allah dan RasulNya sahajalah yang benar bagi anda. Ini bererti bahawa begitu anda menjadi seorang Muslim, anda telah mengorbankan kebebasan peribadi anda bagi Allah. Sebagai akibatnya, anda telah kehilangan hak untuk berkata: Pendapat saya adalah demikian, masyarakat melakukannya demikian, ini adalah kebiasaan keluarga saya turun temurun, Pak Anu dan Kiyai Anu menasihatkan demikian", dan lain-lain yang serupa dengan itu. Berhadapan dengan Sabda Allah dan Sunnah RasulNya, anda tidak boleh mengajukan alasan-alasan seperti itu. Kewajipan anda sekarang adalah menilai segala sesuatu berdasarkan al-Qur'an dan Sunnah. Anda harus menerima apa yang sesuai dengan sabda Allah dan Sunnah RasulNya dan menolak apa pun yang bertentangan dengan keduanya, tidak peduli apa kata orang dan apa yang mereka lakukan. Adalah bertentangan bila di satu pihak anda mengatakan adalah seorang Muslim, tetapi di pihak lain anda masih menurutkan pendapat dan selera anda sendiri, atau kebiasaan masyarakat, atau apa yang dikatakan dan dilakukan oleh seseorang atau orang kebanyakan, dan enggan menuruti Al-Qur-an dan Sunnah. Sebagaimana seorang buta tidak boleh mengatakan bahawa ia mempunyai mata atau seorang yang tidak mempunyai hidung, mengatakan bahawa ia mempunyai hidung, maka begitu pula seseorang tidak boleh mengatakan bahawa dirinya adalah seorang Muslim, sedangkan ia tidak mahu

menyerahkan seluruh masalah hidupnya kepada ajaran al-Qur'an dan Sunnah dan tidak mahu mengetepikan pemikirannya sendiri, atau adat kebiasaan masyarakat, atau perkataan dan perbuatan orang demi menuruti ajaran Allah dan RasulNya.

Seseorang yang tidak ingin menjadi seorang Muslim, tidak dapat dipaksa untuk melakukan sesuatu yang bertentangan dengan kemahuannya, ia bebas memeluk agama apa pun yang disukainya dan menyebut dirinya dengan sebutan apa pun yang disukainya. Tetapi seseorang yang menyebut dirinya sebagai seorang Muslim mesti tahu dan mengerti bahawa ia hanya dapat, tetap, menjadi seorang Muslim selama ia berada dalam ikatan Islam. Ikatan Islam itu ialah menerima Firman Allah dan Sunnah RasulNya sebagai kriteria kebenaran dan keadilan; dan memandang segala sesuatu yang bertentangan dengannya sebagai kebatilan. Barangsiapa yang tetap tinggal dalam ikatan ini adalah seorang Muslim, dan barangsiapa yang ke luar dari ikatan ini bererti telah ke luar dari Islam. Walaupun setelah itu ia masih menyebut dirinya sebagai seorang Muslim dan mengumumkan kepada orang banyak bahawa ia adalah seorang Muslim, ia hanyalah menipu dirinya sendiri dan orang kebanyakan sahaja.

> *"...Barangsiapa yang tidak memutuskan menurut apa yang diturunkan Allah, maka mereka itu adalah orang-orang yang kafir." (Al-Qur'an, aI-Maidah, 5:44)*

4. MAKNA KALIMAH THAYYIBAH

Saudara-sairdara sesama Muslim!

Kita semua tahu bahawa seseorang sah menjadi Muslim dengan membaca satu rangkaian kalimat, yang sangat rumit dan hanya terdiri dari beberapa kata sahaja, yakni: *La ilaha illallah, Muhammadur Rasulullah,* Tidak ada Tuhan selain Allah, Muhammad Utusan Allah.

Dengan mengucapkan kata-kata yang disebut kalimat syahadat ini, seseorang mengalami perubahan yang besar dalam dirinya. Dari seorang kafir ia berubah menjadi seorang Muslim. Sebelum membaca kalimat itu, ia adalah seorang yang kotor, tetapi setelah mengucapkannya ia telah menjadi seorang yang suci. Dari seorang yang patut mendapat murka Allah, ia berubah menjadi orang yang dicintai Allah. Sebelumnya ia dicatat untuk masuk neraka, tetapi sekarang pintu syurga terbuka baginya. Tidak sampai di sini sahaja: Kerana kalimat syahadat ini, terjadilah perubahan besar dalam hubungan antara manusia dengan manusia. Mereka yang membaca kalimat ini bersatu-teguh dalam satu kelompok, sedang mereka yang menolaknya terkumpul dalam kelompok yang lain. Bila seorang ayah membaca kalimat tersebut sedangkan anaknya menolak untuk membacanya, terputuslah hubungan antara keduanya. Sang ayah bukan lagi ayah dari sang anak itu, dan sebaliknya sang anak bukan lagi anak dari sang ayah. Sang anak tidak lagi berhak untuk mewarisi harta sang ayah. Bahkan ibu dan saudara perempuannya juga akan mengenakan purdah dan menjauhkan diri daripadanya. Bila seorang, orang luar yang percaya kalimat syahadat, menikah dengan seorang puteri dari keluarga Muslim, ia dan anaknya mempunyai hak untuk mewarisi harta keluarga tersebut. Tetapi sebalikrya, seorang anak yang lahir dalam keluarga Muslim tetapi tidak mahu percaya kepada kalimat tersebut akan terputus semua hubungannya dengan keluarganva. Ini menunjukkan bahawa kalimat syahadat tersebut adalah suatu fenomena yang dapat mempertalikan hubungan antara seseorang dengan seorang yang lain yang sebelumnya tidak saling mengenal, dan memutuskan hubungan antara seseorang dengan sanak keluarganya. Kekuatan kalimat ini demikian besar hingga mampu mengalahkan kuatnya hubungan darah dan kekeluargaan.

MENGAPA TIMBUL PERBEZAAN YANG BESAR?

Marilah kita fikirkan sejenak, mengapa terjadi perbezaan yang demikian besar antara seorang manusia dan manusia yang lain? Ada apa dalam kalimat tersebut? Sekilas, kalimat syahadat itu tampaknya hanyalah sebuah kalimat yang terdiri dari huruf-huruf seperti K, A, L, I, dan beberapa huruf yang lain lagi. Bila huruf-huruf itu digabungkan bersama-sama dan diucapkan dengan mulut, dapatkah terjadi suatu keajaiban yang dapat menimbulkan perubahan yang demikian radikal dalam diri seseorang ? Dapatkah hal yang demikian kecil menimbulkan perbezaan, seperti langit dan bumi, antara seorang manusia dengan manusia yang lain? Saudara saudara! Dengan sedikit pengertian sahaja, anda akan dapat mengatakan sendiri bahawa cuma sekadar membuka mulut dan mengucapkan beberapa suku-kata sahaja, tidak mungkin dapat menimbulkan akibat yang demikian besar. Tidak syak lagi, orang-orang kafir, penyembah berhala, memang percaya bahawa dengan mengucapkan suatu mantera sahaja sebuah gunung akan mampu

digerakkan, bumi dapat terbelah dan air boleh memancar keluar, meski tidak seorang pun yang memahami erti mantera tersebut. Hal ini disebabakan mereka percaya bahaw kekuatan mantera tersebut terletak dalam bunyi kata-katanya sahaja, hingga begitu mantera diucapkan, terjadilah keajaiban. Namun tidaklah demikian halnya dalam Islam. Dalam Islam hal yang utama dalam sebuah kalimat yang diucapkan adalah maknanya. Pengaruh kata-kata terletak dalam ertinya. Bila kata-kata tidak punya erti dan tidak meresap dalam hati, dan tidak menimbulkan pengaruh yang kuat yang boleh menimbulkan perubahan dalam fikiran, akhlak dan perbuatan orang yang mengucapkannya, maka sekadar mengucapkannya sahaja sama-sekali tidak akan ada faedahnya.

Saya akan menerangkan masalah ini dengan sebuah contoh yang sederhana. Seandainya anda sedang menggigil kerana udara yang dingin dan anda lalu meneriakkan kata-kata,"Kain! Selimut! Kain! Selimut! " maka kedinginan udara yang anda rasakan tidak akan berkurang meskipun anda meneriakkan kata-.kata itu sejuta kali dengan menghitung tasbih. Tetapi bila anda lalu mencari selembar selimut dan menyelimuti tubuh anda dengannya, tentulah pengaruh udara yang dingin itu akan hilang. Atau seandainya anda merasa haus dan anda berteriak sepanjang-hari, “Air, air!", maka anda akan tetap sahaja merasa haus. Tetapi bila anda mengambil segelas air dan meminumnya, tentu rasa haus itu akan hilang. Atau, contoh yang lain lagi, seandainya anda menderita sakit demam dan untuk mengubatinya anda hanya menyebut-nyebut nama bermacam-macam tumbuh-tumbuhan yang biasanya direbus dan airnya diminum untuk menyembuhkan sakit demam;dengan cara ini jelas anda tidak akan boleh sembuh. Tetapi bila anda benar-benar merebus tumbuh-tumbuhan tersebut dan meminum airnya, tentulah demam anda akan hilang, Nah, seperti inilah kedudukan kalimat syahadat itu. Mengucapkan kalimat itu dimulut sahaja, tidak akan dapat menimbulkan perubahan yang demikian besar, yang mampu mengubah seorang kafir menjadi seorang Muslim, atau seorang yang kotor menjadi seorang yang suci, atau seorang yang terkutuk menjadi seorang yang tercinta, atau calon penghuni neraka menjadi calon penghuni syurga. Perubahan seperti itu hanya mungkin terjadi bila anda lebih dahulu memahami makna kata-kata dalam kalimat tersebut dan melekatkannya dalam fikiran anda. Lalu bila anda mengucapkan kalimat tersebut dan telah memahami ertinya, anda juga harus menyedari benar-benar bahawa dengan mengucapkannya anda telah membuat komitmen yang sangat besar di hadapan Allah dan seluruh dunia, dan memikul tanggungjawab yang besar di atas bahu anda. Dan setelah memahami pengertian pemyataan anda itu, maka pemahaman itu harus menguasai seluruh hidup anda. Dengan demikian, anda tidak akan membiarkin satu ide pun yang bertentangan dengan kalimat ini memasuki fikiran anda. Lalu anda harus memutuskan untuk seterusnya bahawa, apa pun yang bertentangan dengan kalimat ini adalah bathil, dan hanya yang sesuai dengan kalimat ini sahajalah yang benar. Selanjutnya, kalimat ini harus menguasai seluruh persoalan hidup anda. Setelah mengucapkan kalimat ini anda tidak boleh lagi bebas untuk melakukan apa sahaja yang anda sukai, seperti orang-orang kafir. Setelah diikat oleh kalimat ini, anda harus menuruti apa sahaja yang diperintahkannya dan menjauhi apa sahaja yang dilarangnya. Bila seseorang mengucapkan dan mempercayai kalimat ini, dengan cara yang seperti di atas, maka orang tersebut menjadi seorang Muslim yang sejati. Hanya dengan melalui proses yang demikian itulah boleh terjadi perbezaan besar antara manusia yang. satu dengan manusia yang lain, seperti yang tadi saya ceritakan kepada anda.

MAKSUD KALIMAT SYAHADAT

Sekarang marilah saya terangkan maksud kalimat syahadat itu dan, juga, apa yang sebenarnya dinyatakan oleh seseorang dengan,mengucapkan kalimat tersebut, dan kewajipan apa yang dipikulkan dibahunya setelah ia membuat pernyataan tersebut.

Erti dari kalimat syahadat ialah bahawa tidak ada Tuhan selain Allah dan Muhammad saw adalah Utusan Allah. Kata Allah dalam kalimat ini bererti *Tuhan.* . Tuhan adalah Penguasa, Pencipta, Pemelihara dan Pemberi rezeki, yang mendengar doa-doa kita dan mengabulkannya, dan patut kita puja. Setelah anda mengatakan *la ilaha illallah,* bererti, yang pertama, anda telah mengakui bahawa dunia ini tidak terwujud tanpa kuasa kreatif Tuhan, tidak pula dunia ini mempunyai banyak Tuhan. Memang, dunia ini punya Tuhan, dan Tuhan itu hanyalah satu, dan tidak ada wujud lain ying mempunyai kekuasaan ketuhanan kecuali Dia. Yang kedua, hal lain yang anda yakini ketika anda membaca kalimat ini adalah bahawa Tuhan anda itu adalah juga Tuhan seluruh dunia ini. Segala sesuatu yang anda miliki dan juga dimiliki oleh manusia seluruhnya adalah milikNya. Dia-lah yang menciptakan dan memberi rezeki seluruh alam ini. Hidup dan mati ada pada perintahNya. Kesusahan dan kesenangan juga datang dari Dia. Apa pun yang diperoleh seseorang sebenarnya adalah anugerahNya. Apa pun yang terlepas dari seseorang, sesungguhnya adalah kerana kehendakNya. Hanya Dia-lah yang harus ditakuti, hanya kepadaNya-lah kita harus memohon keperluan-keperluan kita, hanya di hadapanNyalah kita harus menundukkan kepala. Hanya Dialah yang berhak dipuja dan disembah. Kita tidak boleh menjadi budak atau pelayan dari siapa pun kecuali Dia, dan hanya Dialah yang harus kita akui sebagai Tuan atau Penguasa yang berdaulat atas diri kita. Kewajipan kita yang sebenarnya adalah semata-mata mentaati perintahNya dan mematuhi semua hukum-hukumNya dan menolak semua perintah dan hukum-hukum lain, selain yang datang daripadaNya.

PERJANJIAN DENGAN ALLAH

Itulah perjanjian yang anda buat dengan Allah, begitu anda mengucapkan *la ilaha illallah,* seluruh dunia ini menjadi saksi bagi anda. Bila anda melanggar perjanjian ini, maka tangan dan kaki anda, setiap rambut dan bulu di tubuh anda, dan setiap zarah di bumi dan di langit yang menjadi saksi atas pernyataan anda itu, akan menjadi saksi bagi anda di hadapan pengadilan Allah kelak, di mana anda tidak akan mempunyai, seorang pembela pun. 'T'idak ada seorang pengacara pun yang akan memohonkan keringanan bagi anda. Bahkan para pengacara dan pembela, yang dalam pengadilan di dunia ini biasa mempermainkan celah-celah hukum, mereka di hadapan Allah, akan diadili, seperti anda sendiri, tanpa disertai seorang pembela pun. Pengadilan di akhirat itu, bukanlah seperti pengadilan yang akan membebaskan anda berdasarkan permohonan permohonan yang tidak mempunyai dasar yang kuat, sumpah dan bukti-bukti serta dokumen-dokumen palsu. Di dunia ini anda selalu menyembunyikan kejahatan anda dari pengetahuan polis dunia, teatapi anda tidak boleh berbuat demikian terhadap polis Allah. Polis dunia boleh dirasuah tetapi polis Allah tidak. Seorang saksi pada pengadilan dunia boleh memberikan bukti-bukti palsu, tetapi saksi-saksi Allah sama sekali tidak akan mengajukan kepalsuan. Para penguasa di dunia ini boleh berbuat apa tidak adil tetapi Allah adalah Penguasa

Yang Maha Adil. Dan barangsiapa yang telah dicampakkan ke dalam penjara Allah tidak akan boleh melarikan diri. Adalah bodoh sekali, bahkan merupakan kebodohan yang paling besar bila anda membuat perjanjian palsu dengan Allah. Kerana itu sebelum membuat perjanjian ini**,** anda mesti berfikir dengan cermat, dan setelah perjanjian itu anda buat, anda harus memenuhinya dengan cermat pula. Kalau anda memang berkeberatan untuk memenuhi perjanjian itu, lebih baik anda tidak membuatnya sama-sekali, kerana tidak ada seorang pun yang memaksa anda untuk mengucapkan janji hanya di mulut sahaja, kerana suatu perjanjian yang kosong dan hampa tidaklah ada gunanya.

MENERIMA BIMBINGAN RASUL

Setelah *la ilaha illallah,* anda mengucapkan *Muhammadur Rasulullah,* yang bererti anda menerima Muhammad saw sebagai Rasul yang menyampaikan hukum Allah kepada anda. Setelah anda mengakui Allah sebagai Tuan dan Yang Berwenang atas diri anda, maka anda perlu tahu apa sahaja yang diperintahkanNya. Pekerjaan-pekerjaan apa yang harus anda lakukan untuk membuatNya senang kepada anda, dan perbuatan-perbuatan apa sahaja yang harus anda jauhi agar tidak terkena kemurkaanNya. Aturan hidup mana yang harus anda ikuti untuk memperoleh keampunanNya, dan hukum mana, yang tidak boleh anda Ianggar, yang bila anda langgar anda akan memperoleh hukumanNya? Allah telah memilih Muhammad saw sebagai UtusanNya, untuk menerangkan masalah-masalah ini dan mengirimkan KitabNya dengan perantaraannya. Rasulullah hidup menurut aturan yang sesuai dengan perintah-perintahNya, dan dengan demikian menjadi teladan bagi semua orang Muslim bagaimana harus mengatur hidup mereka. jadi, ketika anda mengatakan *Muhammadur Rasulullah,* bererti pada saat itu anda telah menyatakan kesediaan anda untuk mengikuti aturan dan hukum yang diberikannya dan menolak aturan dan hukum yang bertentangan dengan aturan dan hukumnya. Setelah menyatakan kesediaan ini, lalu anda tidak mematuhi aturan dan hukum yang diberikannya, dan mengikuti aturan serta hukum buatan manusia di dunia ini, maka anda adalah seorang pendusta dan seorang penipu yang paling besar di dunia.
Kerana, anda telah memasuki Islam dengan mengucapkan kesaksian bahawa hukum yang dibawa oleh Rasalullah saw adalah satu-satunya hukum yang benar bagi anda, dan bahawa anda akan mengikutnya dengan setia. Kerana kesaksian itu, anda menjadi saudara bagi orang-orang Muslim, menerima warisan dari orang tua anda, menikahi wanita Muslim, anak-anak menjadi keturunan anda yang sah, memperoleh hak untuk mendapat pertolongan dari setiap dan seluruh orang Muslim, memperoleh zakat dan mendapat perlindungan bagi kehidupan, harta-benda, kehormatan dan nama baik anda dan bila dengan mendapatkan ini semua, anda lalu mengingkari janji anda, maka adakah keculasan yang lebib besar di dunia ini daripada yang anda lakukan itu? Bila anda tahu makna *la ilaha illallah Muhammadur Rasulullah,* dan menyatakan iman kepadanya serta memahami maksudnya, maka dalam setiap keadaan, anda harus mengikuti hukum Allah, meskipun polis atau pengadilan di dunia ini - mungkin - memaksa anda tidak berbuat demikian. Apabila seseorang mengira bahawa melanggar hukum Allah tidaklah apa-apa, kerana polis, tentera, pengadilan dan penjara Allah tidak kelihatan di dunia ini, maka saya akan mengatakan dengan tegas bahawa orang tersebut telah memberi kcsaksian syahadat yang palsu. Dia telah menipu Tuhannya, seluruh dunia, seluruh kaum Muslimin dan juga dirinya sendiri.

TANGGUNGJAWAB YANG TIMBUL DARI PENGUCAPAN KALIMAT SYAHADAT

Saudara-saudara dan sahabat-sahabatku semua!
Baru sahaja saya menjelaskan kepada anda, makna kalimat syahadat. Sekarang dalam konteks ini saya ingin mengajak anda untuk memperhatikan satu segi yang lain dari masalah ini.

Anda mengakui bahawa Allah adalah Tuan anda dan juga Tuan dari segala sesuatu. Apakah ertinya ini? Ini bererti bahawa hidup anda bukanlah milik anda sendiri tetapi adalah milik Allah. Tangan anda bukanlah milik anda sendiri, juga mata anda, telinga anda dan seluruh anggota badan anda. Sawah yang anda bajak, kerbau atau lembu yang membantu anda bekerja, harta benda dan barang-barang yang anda manfaatkan - semua itu bukanlah milik anda sendiri sendiri. Segala sesuatu adalah milik Allah, dan telah diberikan kepada anda sebagai pemberian. Setelah mengakui kenyataan ini, apa hak anda untuk mengatakan bahawa "Hidup adalah milik saya, tubuh adalah milik saya, harta benda adalah milik saya, ini dan itu adalah milik saya?" Menyatakan bahawa anda adalah pemilik dari sesuatu setelah mengatakan bahawa pemiliknya adalah orang lain adalah suatu hal yang tidak masuk akal. Bila anda dengan jujur betul-betul meyakini bahawa Allah adalah Pemilik segala sesuatu, maka ada dua hal yang menjadi kewajipan bagi anda. Yang pertama, adalah bahawa apabila pemilik segala sesuatu adalah Allah, dan anda hanyalah orang yang dipercayai untuk mempergunakan segala sesuatu yang diberikanNya kepadamu, maka anda harus menggunakannya secara betul-betul sesuai dengan perintah Pemiliknya. Bila anda menggunakannya dengan cara yang bertentangan dengan kehendakNya, bererti anda telah menipuNya dengan terang-terangan. Bahkan anda tidak berhak untuk menggerakkan kaki dan tangan anda dengan cara yang berlawanan dengan kehendakNya. Anda tidak boleh memasukkan apa sahaja yang bertentangan dengin perintahNya ke dalam perut anda. Anda tidak berhak menggunakan tanah dan harta-benda anda secara berlawanan dengan kehendak Pemiliknya. Isteri dan anak-anak anda, yang anda kata adalah milik anda, mereka menjadi milik anda hanyalah kerana diberikan oleh Allah. Kerana itu, anda tidak berhak memperlakukan mereka sekehendak hati anda, tetapi haruslah secara yang diarahkan olehNya. Bila anda melakukan hal-hal yang bertentangan dengan petunjukNya, bererti anda telah merampas hak Allah. Sebagaimana anda menyebut orang yang menguasai tanah orang lain tanpa hak sebagai perampas, maka demikian pula halnya, anda akan disebut perampas bila anda menganggap pemberian Allah sebagai milik anda sendiri dan mempergunakannya menurut kemahuan anda sendiri atau kemahuan orang lain, selain Allah. Bila anda merasa rugi kerana berbuat sesuatu sesuai dengan kehendak Allah, biarkanlah demikian. Anda tidak boleh merasa keberatan bila nyawa anda hilang, kaki dan tangan anda kudung, anak-anak anda mati dan wang serta harta-benda anda musnah. Mengapa anda harus merasa sedih? Bila Pemiliknya sendiri mengkehendaki musnahnya barang-barang tersebut, itu adalah hakNya sendiri. Tetapi bila anda kehilangan barang-barang tersebut kerana melakukan hal yang bertentangan dengan kehendak Pemiliknya, tentu sahaja anda bersalah kerana anda telah merosakkan milik orang lain. Anda bukanlah pemilik nyawa anda sendiri. Kalau anda mati kerana memenuhi kehendak Allah, maka anda hanyalah

sekadar menjalankan kewajipan anda terhadapNya sahaja. Tetapi bila anda mati kerana melakukan sesuatu yang bertentangan dengan kehendakNya, maka perbuatan anda itu dapat disebut pengkhianatan.

MENERIMA ISLAM BUKAN BERERTI MENGUNTUNGKAN ALLAH

Selanjutnya, bila sesuatu yang diberikan Allah kepada anda, anda pakai untuk mengerjakan sesuatu yang diperintahkanNya, anda sebenarnya tidaklah memberikan keuntungan kepada sesiapa pun; tidak bagi Allah, tidak pula bagi orang Iain. Bila anda memberikan sesuatu atau mengerjakan sesuatu, atau bahkan mengorbankan hidup anda, demi Dia - hal ini mungkin bagi anda adalah sesuatu yang sangat besar - maka anda tidaklah mendatangkan keuntungan bagi sesiapa pun. Apa yang terjadi paling-paling hanyalah anda kehilangan atau mengorbankan sesuatu yang telah diberikan Allah. Apakah ini sesuatu yang dapat dibanggakan dan harus memperoleh pujian dan dijadikan dasar untuk mengakui kebesaran seseorang? Anda hendaklah menyedari bahawa seorang Muslim sejati tidak akan pernah merasa bangga kerana memberikan sesuatu untuk suatu hal yang dikehendaki oleh Allah atau kerana mengerjakan suatu pekerjaan untukNya. Sebaliknya, ia akan merasa makin rendah hati. Kerana kebanggaan menghilangkan nilai suatu perbuatan yang baik. Barangsiapa yang melakukan suatu perbuatan yang baik dengan maksud untuk memperoleh pujian atau penghargaan tidak berhak untuk memperolehi pahala dari Allah. Kerana, ia hanya mencari imbalan di dunia ini dan telah mendapatkannya di dunia ini.

ANUGERAH ALLAH DAN KELAKUAN KITA

Saudara-saudara!
Hendaklah saudara fikirkan betapa besarnya anugerah Allah kepada anda semua. Dia mengambil dari anda, apa yang sebenarnya adalah milikNya sendiri, tetapi tiba-tiba Dia mengatakan "Aku beli ini daripadamu dan Aku akan membayar harganya". Allahu Akbar! Maha Besar Allah! Alangkah Maha Pemurahnya Dia, Al-Qur'an mengatakan:

"Sesungguhnya Allah telah membeli dari orang-orang Muslim, diri dan harta mereka dengan memberikan syurga untuk mereka..." (Al-Qur'an, at-Taubah, 9:111)

Inilah sikap Allah terhadap anda. Sebaliknya, lihatlah tingkahlaku anda sendiri. Anda menjual kepada orang-orang lain sesuatu yang merupakan pemberian Allah kepada anda, dan yang juga telah dibeliNya dari anda dengan pembayaran harganya. Dan harga yang anda terima dari orang-orang lain itu pun juga cuma harga yang sedikit sahaja. Pembeli-pembeli anda menyuruh anda bekerja dengan cara yang bertentangan dengan kehendak Allah. Anda mengabdi kepada mereka dan menganggap mereka sebagai pemberi rezeki anda. Anda jual kepada mereka otak anda, kaki dan tangan anda, tenaga dari tubuh anda, dan segala sesuatu yang dikehendaki oleh orang-orang yang durhaka terhadap Allah itu. Adakah perbuatan yang lebih kurang ajar daripada yang anda lakukan itu? Menjual sesuatu yang sudah dibeli orang lain adalah suatu kejahatan dan pelanggaran hukum yang terang-terangan. Mereka yang melakukannya diadili oleh pengadilan-pengadilan di dunia ini dengan tuduhan menipu. Maka, apakah anda

mengira bahawa orang-orang yang begini tidak akan dituntut di depan pengadilan Allah kelak?

5. KALIMAH THAYYIBAH DAN KALIMAH KHABITSAH

Saudara-saudara sesama Muslim!

Dalam khutbah saya yang lalu telah saya uraikan sedikit tentang *kalimah thayyibah.* Hari ini akan saya berikan penjelasan yang lebih dalam dan luas lagi tentang kalimat ini, kerana pentingnya kalimat ini sebagai dasar Islam. Dengan kalimat ini seseorang masuk Islam, dan tidak seorang pun dapat menjadi Muslim yang sejati kecuali bila ia telah benar-benar memahami kalimat ini dan membentuk hidupnya menurut ajaran kalimat ini. Allah telah memberikan definisi kalimat ini dalam Kitab SuciNya sebagai berikut.

> *"Tidakkah kamu perhatikan bagaimana Allah telah membuat perumpamaan kalimat yang baik seperti pohon yang baik, akarnya teguh dan cabangnya (menjulang) ke langit. Pohon itu memberikan buahnya pada setiap musim dengan seizin Tuhannya. Allah membuat perumpamaan-perumpamaan itu untuk manusia supaya mereka selalu ingat. Dan perumpamaan kalimat yang buruk seperti pohon yang buruk, yang telah dicabut dengan akar-akarnya dari permukaan bumi; tidak dapat tetap (tegak) sedikit pun. Allah meneguhkan (iman) orang-orang yang beriman dengan ucapan yang teguh itu dalam kehidupan di dunia dan di akhirat; dan Allah menyesatkan orang-orang yang zalim dan memperbuat apa yang dia kehendaki".*
> *(Al-Qur'an, lbrahim, 14:24-27)*

Maksud perumpamaan di atas ialah bahawa *kalimah thayyibah* itu adalah laksana sebuah pohon dari jenis yang bagus, yang akar-akarnya teguh dalam tanah dan cabang-cabangnya tersebar di angkasa, sementara ia terus-menerus menghasilkan buah yang baik sebagaimana diperintahkan Allah kepadanya. Berlawanan dengan ini, perumpamaan *kalimah khabitsah,* yakni kepercayaan yang salah dan pandangan hidup yang sesat, adalah seperti tanaman jenis yang buruk, yang tumbuh semahu-mahunya, tetapi akarnya menempel sahaja di permukaan tanah dan mudah sekali tercabut dengan sebuah tarikan sahaja, kerana akar-akarnya tidak masuk ke dalam tanah.

Ini adalah perumpamaan yang indah, yang apabila anda menghayatinya, anda akan memperoleh pelajaran yang sangat berharga daripadanya. Cubalah perhatikan: contoh kedua-dua jenis pohon itu ada di sekitar anda. Yang satu adalah pohon mangga. Alangkah kuat akarnya, alangkah tinggi tumbuhnya, alangkah banyak cabangnya, dan rimbun daunnya, alangkah bagus buahnya. Mengapakah pohon ini mempunyai kedudukan seperti ini? Sebabnya ialah benihnya ampuh sekali. la memang berhak untuk menjadi sebuah pohon. Dan hak ini adalah hak yang betul-betul asli, sehingga ketika ia mengajukan keperluannya, maka tanah, air, udara, panasnya siang dan dinginnya malam - pendeknya seluruh unsur yang terlibat dalam pertumbuhannya - mengakui hak tersebut, dan apa pun yang diminta oleh pohon ini kepada mereka, mereka berikan kepadanya. Demikianlah, atas dasar kekuatan nilai dirinya, ia tumbuh menjadi sebuah pohon yang besar dan dengan mengeluarkan buah yang manis ia juga membuktikan bahawa ia berhak untuk menjadi pohon dengan ukuran demikian, dan bahawa pertolongan yang diberikan kepadanya oleh gabungan kekuatan-kekuatan bumi dan langit adalah memang sudah seharusnya. Sesungguhnya, telah menjadi kewajipan mereka untuk berbuat demikian

kerana kekuatan yang terkandung dalam tanah, air, udara dan unsur-unsur lain yang terlibat dalam pertumbuhan sebuah pohon, adalah dimaksudkan untuk membantu pohon yang berjenis baik.

Berlawanan dengan pohon ini, adalah semak-samun, pohon *willow* dan tumbuh-tumbuhan liar lainnya. Kekuatan apa yang mereka miliki? Cuma akar lemah yang dapat dicabut oleh seorang anak kecil sekalipun. Begitu lunak dan lemahnya tumbuh-tumbuhan ini hingga bila ada taufan sedikit sahaja, mereka akan terbongkar dari tempat tumbuhnya. Bila anda menyentuhnya, duri-durinya akan menusuk tangan anda. Bila anda makan buahnya, lidah anda akan terasa pahit. Hanya Allah lah yang tahu berapa banyak dari tumbuh-tumbuhan ini yang setiap hari tumbuh dan terbongkar dari tanah. Mengapa keadaan mereka sedemikian? Sebabnya ialah kerana mereka tidak memiliki kekuatan nilai diri dan kemampuan diri seperti yang dimiliki oleh pohon mangga. Memang, apabila tidak ada pohon bermutu tinggi yang tumbuh, bumi akan bosan menganggur, lalu membantu semak-samun untuk tumbuh. Air juga ikut membantu sedikit dan udara memberi sedikit bahan makanan. Tetapi tidak ada satu pun unsur di langit mahupun di bumi yang mahu mengakui hak hidup tumbuh-tumbuhan ini. Itulah sebabnya mengapa bumi tidak mengizinkan akar-akarnya untuk masuk dalam-dalam kepadanya. Air tidak rela memberi makanan dengan sepenuh hati dan udara tidak mahu membantu mereka untuk tumbuh subur. Dan bila dengan makanan yang sedikit ini, tumbuh-tumbuhan jahat ini tumbuh dengan bau yang busuk, batang yang berduri dan beracun, itu adalah bukti bahawa kekuatan-kekuatan bumi dan langit tidak dimaksudkan untuk membantu tumbuhnya tumbuh-tumbuhan seperti itu. Sudah lebih dari cukup bagi mereka bila mereka dibiarkan tumbuh dan hidup di muka bumi ini.

Itulah dua contoh yang perlu anda renungkan, sebelum anda berfikir mengenai, perbezaan antara *kalimah thayyibah dan kalimah khabitsah.*

APAKAH KALIMAH THAYYIBAH ITU?

Kalimah Thayyibah adalah satu kenyataan kebenaran. Demikian benarnya, sehingga tidak mungkin ada sesuatu yang lebih asli di dunia ini daripadanya. Kenyataan ini ialah bahawa Pemilik dan Penguasa seluruh alam semesta ini adalah Allah Yang Maha Esa. Setiap dan segala sesuatu di bumi dan di langit menjadi saksi atas kebenaran ini. Manusia, binatang-binatang, pohon-pohonan, batu-batuan, butir-butir pasir, aliran sungai, matahari yang terang-benderang... Adakah sesuatu dari semua ini yang diciptakan oleh selain Allah, yang hidup atas kemurahan sesuatu atau seseorang selain Allah, yang dapat dimusnahkan oleh sesuatu atau seseorang selain Allah? Jadi, bila seluruh alam semesta ini Allah yang menciptakannya, tentu hidup dan pemeliharaannya tergantung pada rahmat Allah, dan hanya Allah sendiri yang menjadi Pemilik dan Penguasanya. Maka, bila anda mengatakan: "Di dunia ini tidak ada sesuatu atau seorang pun yang memiliki dan melaksanakan kekuasaan yang tertinggi selain Allah Yang Esa", maka seluruh yang ada di bumi dan di langit akan menyahut:- "Engkau telah menyatakan kebenaran yang abadi. Kami semua menjadi saksi atas kebenaran pernyataanmu itu". Bila anda bersujud di hadapanNya, seluruh yang ada di alam semesta ini pun akan turut bersujud bersama anda, kerana mereka semua juga tunduk, dan patuh kepadaNya. Bila anda mentaati perintah-perintahNya, mereka semua juga taat kepada Allah. Bila anda berjalan pada jalanNya, maka anda tidak akan sendiri. Sungguh, seluruh bala tentera alam semesta yang tidak

terhitung banyaknya itu akan menyertai anda, kerana sejak dari matahari yang besar di langit hingga zarah yang paling kecil di bumi, semuanya bergerak hanya pada jalanNya. Bila anda mempercayakan diri padaNya, maka anda sesungguhnya, telah mempercayakan diri pada suatu kekuatan yang maha besar yang adalah Penguasa seluruh harta karun yang tersimpan di langit dan di bumi. Ertinya, bila anda tetap menempatkan kenyataan ini dalam pandangan anda, maka anda akan menyedari bahawa seluruh kekuatan langit dan bumi menyokong orang yang beriman kepada *kalimah thayyibah* ini dan membentuk hidupnya menurut ajaran kalimah ini. Ia akan terus berjaya sejak di dunia ini hingga ke akhirat nanti, dan tidak akan pernah kegagalan' atau kekalahan menyentuhnya. Inilah yang dikatakan oleh Allah Yang Maha Agung pada awal huraian ini bahawa kalimat ini, adalah laksana sebatang pohon yang akar-akarnya terhunjam dalam tanah dan cabang-cabangnya menyebar kesegenap penjuru, yang mengeluarkan buah terus-menerus atas perintah Allah.

APAKAH KALIMAH KHABITSAH ITU?

Sebagai lawan dari *kalimah thayyibah, adalah kalimah khabitsah.* Apakah erti *kalimah khabitsah?* Kalimat ini bererti: Tuhan tiada di dunia ini, yang ada hanyalah seseorang atau sesuatu, bukan Allah, yang memiliki dan melaksanakan kekuasaan ketuhanan. Fikirkanlah! Adakah pernyataan yang lebih palsu dan tidak berdasar daripada pernyataan ini? Adakah sesuatu di dunia ini yang memberi kesaksian atas kebenarannya? Kaum atheis mengatakan "Tuhan tidak ada". Tetapi semua yang ada di langit dan di bumi menentang kaum tersebut dan mengatakannya sebagai pendusta. Semua yang ada di langit dan di bumi beserta seluruh makhluk yang ada di alam semesta ini, adalah ciptaan Allah, dan Allah pulalah yang telah memberi kaum atheis tersebut lidah yang dipakainya untuk mengatakan kedustaan itu. Kaum musyrikin mengatakan bahawa ada kekuatan-kekuatan lain yang menjadi sekutu-sekutu Allah dalam ketuhananNya. Bahawa sekutu-sekutu itu juga ikut memelihara dan menguasai alam semesta ini. Bahawa sekutu-sekutu itu juga memiliki kckuasaan untuk menentukan dan mengubah nasib manusia. Bahawa sekutu-sekutu itu mempunyai hak untuk mendatangkan keuntungan, kerugian dan bencana kepada manusia. Bahawa sekutu-sekutu itu juga turut mendengarkan doa-doa manusia dan mengabulkannya. Bahawa mereka juga berhak untuk ditakuti dan memperoleh kepercayaan manusia. Bahawa perintah-perintah mereka juga berlaku di bumi Tuhan ini, dan hukum-hukum yang mereka buat juga berhak untuk ditaati di samping hukum-hukum Allah. Begitulah kata orang-orang musyrik tersebut. Menjawab pernyataan-pernyataan ini, seluruh yang ada di langit dan di bumi mengatakan bahawa semua itu adalah kebohongan semata-mata yang bertentangan sama-sekali dengan kenyataan-kenyataan. Maka fikirkanlah, bagaimana seseorang yang percaya pada kalimat yang batil seperti ini dan hidup sesuai dengan ajarannya dapat berjaya di dunia dan di akhirat? Kerana rahmatNya lah, bahawa Allah masih memberi kesempatan kepada orang-orang seperti ini dan masih memberi rezeki kepada mereka. Dengan demikian, kekuatan-kekuatan bumi dan langit pun hanya sedikit yang mahu memberikan keperluan hidup kepada mereka sebagaimana yang diberikan kepada semak-samun dan tumbuh-tumbuhan liar ; tetapi tidak satu pun makhluk dan benda di alam semesta ini yang mengakui bahawa mereka harus menolongnya atau menyokongnya dengan sepenuh tenaga. Nasib orang-orang seperti ini adalah ibarat tumbuh-tumbuhan yang tumbuh semahu-mahunya,

sebagaimana ying telah diceritakan di atas.

PERBEZAAN DALAM HASIL DAN AKIBAT

Perbezaan antara kedua jenis tanaman tersebut di atas – *kalimah thayyibah dan kalimah khabitsah* - terdapat pada buah dari kedua jenis tanaman ini. Setiap kali *kalimah thayyibah* berbuah, ia akan mengeluarkan buah yang manis dan baik. la akan membuahkan kedamaian di dunia ini. Kebaikan, kebenaran dan keadilan akan merata, dan rakyat di seluruh dunia akan beruntung kerananya. Sebaliknya, semakin subur tumbuhnya *kalimah khabitsah,* semakin tumbuh cabang-cabang berdurinya, maka akhirnya pasti ia akan mengeluarkan buah yang pahit dan tidak enak untuk dimakan. Racun akan mengaliri seluruh pembuluh di batangnya. Anda dapat melihat sendiri apa yang terjadi di bahagian dunia di mana kekafiran, kemusyrikan dan atheisme bermaharajalela. Manusia di sana saling ancam-mengancam. Mereka membuat persiapan-persiapan untuk memusnahkan daerah demi daerah yang penuh dihuni manusia. Gas-gas beracun mereka buat di kilang-kilang. Satu bangsa ingin menghancurkan bangsa yang lain. Yang kuat memperbudakkan yang lemah, semata-mata untuk merampas rezekinya. Kaum yang lemah ditindas dengan kekuatan angkatan bersenjata dan polis serta ancaman belenggu dan penjara. Mereka terpaksa menanggung penindasan pihak yang kuat tanpa boleh berbuat apa-apa. Dan bagaimana pula keadaan dalaman bangsa-bangsa itu? Moral mereka adalah demikian rosaknya hingga syaitan sendiri malu kerananya. Manusia melakukan perbuatan-perbuatan yang, bahkan binatang pun tidak mahu melakukannya. lbu-ibu membunuh anaknya dengan tangan mereka sendiri kerana takut kesenangan mereka terganggu oleh anak-anaknya. Para suami saling menukar isteri-isteri mereka untuk memperoleh kepuasan. Perkumpulan-perkumpulan kaum yang berbogel diadakan di mana lelaki dan perempuan bercampur-baur tanpa mengenakan pakaian, seperti binatang. Kaum yang kaya menghisap darah kaum miskin melalui riba, dan kaum yang makmur memeras tenaga kaum melarat seakan-akan kaum melarat itu adalah budak-budak yang dilahirkan untuk melayani mereka. Pendeknya, tanaman apa pun yang tumbuh dari jenis *kalimah khabitsah* ini pasti akan penuh dengan duri, dan buah apa pun yang dihasilkanya pastilah pahit dan beracun. Setelah menyitir kedua-dua contoh ini, Allah Yang Maha Kuasa pada akhirnya mengatakan:

> *"Allah meneguhkan (iman) orang-orang yang beriman dengan ucapan yang teguh dalam kehidupan di dunia dan di akhirat; dan Allah menyesatkan orang-orang yang zalim dan memperbuat apa yang dia kehendaki". (Al-Qur'an, Ibrahim, 14:27)*

Ini bererti bahawa Allah akan memberikan kedudukan yang kuat dan teguh di dunia ini dan di akhirat nanti, kepada mereka yang beriman kepada *kalimah thayyibah.* Sebaliknya, Allah akan menyesatkan mereka yang mempercayakan dirinya kepada *kalimah khabitsah.* Mereka tidak akan boleh mengerjakan segala perbuatan baik apa pun, yang dapat memberikan buahnya dalam kehidupan di dunia ini mahupun di akhirat nanti

MENGAPA PENDUKUNG-PENDUKUNG KALIMAH THAYYIBAH BERADA DALAM KEHINAAN?

Saudara-saudara!

Anda semua telah mengetahui perbezaan sifat serta buah dari *kalimah thayyibah* dan *kalimah khabitsah*. Tentu anda sekarang akan bertanya: "Kita semua adalah pendukung-pendukung *kalimah thayyibah,* tetapi mengapa kita tidak bcrjaya? Sebaliknya, mengapa orang-orang kafir hidup mereka makmur? Saya akan menjawab pertanyaan ini, asalkan tidak seorang pun di antara anda yang akan merasa tidak senang dengan jawapan saya, tetapi sebaliknya haruslah anda bertanya kepada diri sendiri, apakah jawapan saya benar atau salah.
Pertama-tama, pengakuan anda bahawa pendukung-pendukung *kalimah thayyibah,* namun tiba-tiba anda semua tidak berjaya, tidaklah benar. Beriman kepada *kalimah thayyibah* bukan bererti hanya sekadar mengucapkannya di mulut sahaja. lman itu haruslah berakar dalam hati sanubari manusia dengan demikian manusia dapat mengusir kepercayaan apa pun yang bertentangan dengan iman, dan menjadikan perbuatan dan perilaku manusia sesuai dengan iman tesebut.

Saudara-saudaraku semua!

Katakanlah, kepada saya, demi Allah, apakah iman anda kepada *kalimah thayyibah* adalah seperti ini? Tidakkah masih ada beratus-ratus kepercayaan yang ‘irreligeous’ dan polytheistik yang semuanya bertentangan dengan *kalimah thayyibah* bermaharajalela di antara anda semua? Tidakkah masih ada kaum Muslimin yang menundukkan kepala di hadapan manusia, di hadapan selain daripada Allah? Bukankah mereka lebih takut kepada kekuatan-kekuatan orang lain? Bukankah mereka masih bergantung pada pertolongan orang lain? Bukankah mereka masih menganggap oang lain sebagai pemberi rezeki mereka? Bukankah mereka masih mengetepikankan hukum Allah dan dengan senang hati mengikuti hukum buatan manusia? Bukankah mereka yang mengaku sebagai Muslimin, masih menyatakan dengan terang-terangan di hadapan pengadilan bahawa mereka tidak mengikuti syari'at Islam, melainkan hukum adat dan kebiasaan yang berlaku di dalam masyarakat? Bukankah di antara kamu masih banyak orang-orang yang tidak ragu-ragu melanggar hukum Allah semata-mata hanya untuk mengejar keuntungan dunia? Bukankah di antara kamu masih banyak yang takut pada kemarahan orang-orang kafir tetapi tidak takut pada kemurkaan Allah? Bukankah di antara kamu masih banyak yang mahu bekerja bersusah-payah demi untuk mengambil hati orang-orang kafir, tetapi enggan berbuat apa-apa untuk' meraih redha Allah? Dan ternyata di antara anda sekamu masih banyak yang menganggap bahawa pemerintahan kafir adalah pemerintahan yang sah dan lupa pada pemerintahan Allah? Demi Allah, katakanlah saudara-saudara, apakah itu semua bukan kenyataan? Dan bila itu semua adalah suatu kenyataan, dengan muka yang mana anda menyatakan bahawa anda beriman pada *kalimah thayyibah* namun anda tetap tidak berjaya? Kerana itu, bila anda semua ingin disebut sebagai orang-orang yang beriman kepada *kalimah thayyibah,* pertama-tama, anda mesti beriman kepada kalimat ini dengan hati yang betul-betul tulus, dan membentuk hidup anda sesuai dengan apa yang dituntut olch kalimat ini. Bila dengan jalan demikian pun ternyata pohon *thayyibah* itu tidak tumbuh dengan akar yang terhunjam-dalam ke tanah, dan cabang-cabangnya tidak dapat tumbuh ke angkasa, maka - *na'udzu billah min dzalik* anda mengatakan bahawa

Allah adalah penipu, kerana telah berjanji palsu kepada anda.

APAKAH PENDUKUNG-PENDUKUNG KALIMAH KHABITSAH HIDUP SEJAHTERA?

Juga, perkataan anda bahawa pendukung-pendukung *kalimah khabitsah* hidup sejahtera di dunia ini, adalah tidak benar. Orang-orang itu tidak pernah hidup sejahtera di zaman dahulu, tidak pula di masa sekarang. Anda mengira bahawa mereka hidup sejahtera hanya dengan melihat kekayaan mereka yang melimpah-ruah, banyaknya barang-barang mewah yang mereka miliki, dan pesona-pesona lahiriah yang lain. Tetapi cuba anda menjenguk ke dalam batin mereka dan melihat berapa banyak di antara mereka yang menikmati kedamaian batin. Hidup mereka memang penuh bergelumang dengan barang-barang mewah, tetapi batin mereka adalah laksana tungku-tungku membara yang tidak pernah memberikan ketenangan sesaat pun kepada mereka. Ketidakpatuhan kepada Allah telah menjadikan roh-roh mereka sebagai neraka. Anda baca sahaja di surat khabar betapa meluasnya bunuh diri Eropah dan Amerika. Perceraian pun tersebar luas. Angka kelahiran merosot bahkan sekarang ini dengan sengaja dan giatnya diturunkan. Penyakit kelamin telah menghancurkan hidup berpuluh ribu orang. Pergolakan memperebutkan rezeki terjadi di antara kelas-kelas masyarakat. Dengki, kejahatan dan permusuhan membuat manusia-manusia dari satu jenis saling menyerang. Cinta kepada kemewahan telah membuat hidup menjadi getir. Dan kota-kota yang besar dan megah yang dari jauh kelihatan seperti syurga, di dalamnya menyimpan berpuluh ribu manusia yang tenggelam dalam kesengsaraan. Apakah ini yang anda katakan kesejahteraan? Inikan syurga yang anda impikan?

Saudara-saudaraku!

Ingatlah bahawa firman Allah tidak pernah palsu. Sengguhnya tidak ada kalimat selain *kalimah thayyibah* yang dapat membawa manusia kepada kebahagiaan di dunia ini dan kejayaan di akhirat nanti. Silalah anda menoleh ke mana pun juga, pasti anda hanya akan menemui kebenaran pernyataan ini.

6. TUJUAN IMAN KEPADA KALIMAH THAYYIBAH

Saudara-saudara sesama Muslim!

Dalam dua khutbah saya yang telah lalu, saya telah menerangkan erti *kalimah thayyibah*. Kali ini saya akan membahas tentang keuntungan apakah yang boleh diperolehi dari iman kepada kalimat ini dan mengapa kita perlu beriman kepadanya.

SETIAP PEKERJAAN MEMPUNYAI TUJUAN

Anda semua tahu bahawa pekerjaan apa pun yang dilakukan seseorang, pasti ada tujuan atau keuntungan yang akan diraihnya. Manusia tidak pernah melakukan sesuatu yang tidak bertujuan atau tidak bemanfaat. Anda minum kerana mahu menghilangkan haus. Apabila setelah minum air, anda masih merasa haus, tentulah anda tidak akan meminumnya kerana hal itu tidak ada gunanya. Anda makan kerana mahu menghilangkan lapar dan memperoleh tenaga untuk hidup. Apabila makan atau tidak makan sama sahaja hasilnya, tentu anda akan merasa bahawa makan adalah usaha yang tidak ada gunanya. Mengapa anda meminum ubat kalau sakit? Kerana anda ingin bebas dari penyakit dan kembali sihat. Tetapi bila setelah minum ubat keadaan anda tidak berubah, maka anda akan mengatakan bahawa pengubatan adalah usaha yang tidak berguna. Mengapa anda bekerja keras dalam bercucuk tanam? Untuk menghasilkan hasil bumi, buah-buahan dan sayur-sayuran. Tetapi bila tidak ada sesuatu pun yang tumbuh setelah anda menanam benih, tentulah anda tidak akan mahu bekerja demikian keras untuk membajak sawah anda, menaburkan benih dan mengairi tanaman. Pendeknya, pekerjaan apa pun yang anda lakukan di dunia ini, selalu ada maksud dan tujuannya. Bila tujuan dapat dicapai, anda katakan bahawa pekerjaan itu bagus, dan bila tujuan tidak tercapai, anda akan mengatakan pekerjaan itu hina.

TUJUAN MEMBACA KALIMAT SYAHADAT

Hayatilah keterangan dan contoh-contoh tersebut di atas, dan jawablah pertanyaan-pertanyaan saya ini satu demi satu. Pertama, untuk apa kalimat syahadat dibaca? jawaban yang pasti anda berikan tidak lain tentulah bahawa kalimat syahadat itu dibaca untuk membezakan seorang Muslim dari seorang kafir. Sekarang saya bertanya: Apakah maknanya perbezaan ini? Apakah ini bererti bahawa bila seorang kafir mempunyai dua mata, maka seorang Muslim mempunyai empat mata? Atau bila seorang kafir mempunyai satu kepala, maka seorang Muslim mempunyai dua? Tentu anda akan mengatakan: Bukan, bukan itu maksudnya. Perbezaan itu bererti bahawa ada perbezaan antara hasil buah dari kehidupan seorang Muslim dengan hasil buah dari kehidupan seorang kafir. Hasil buah kehidupan seorang kafir adalah bahawa ia tidak menerima rahmat Allah dan menjadi orang yang sengsara di akhirat nanti, sedangkan hasil buah kehidupan seorang Muslim adalah bahawa ia akan menerima redha Allah dan mendapat kemuliaan di akhirat.

KEGAGALAN DAN KEJAYAAN DI AKHIRAT

Jawapan yang anda berikan di atas adalah seratus peratus betul. Tetapi katakanlah kepada saya, apa akhirat itu? Apa ertinya gagal di akhirat dan apa ertinya, memperoleh dan kemuliaan di sana? Sebelum pertanyaan itu terjawab, saya tidak boleh melanjutkan huraian ini.

Tetapi anda tidak perlu menjawab sendiri. Jawapannya sudah diberikan oleh Rasulullah saw: *Ad-dunya mazra'atul akhirah,* Dunia adalah ladang akhirat.

lni bererti bahawa dunia dan akhirat bukanlah dua perkara yang terpisah, melainkan suatu proses yang berkesinambungan, yang awalnya adalah dunia dan akhirnya adalah akhirat. Hubungan antara kedua-duanya adalah seperti antara menanam, dan menuai. Anda membajak tanah, menaburkan benih, lalu mengairinya, kemudian merawat tanaman anda sampai tiba saatnya untuk dituai. Kemudian setelah menuainya anda akan memakan hasilnya sepanjang tahun. Apa yang anda tuai itu pastilah hasil dari apa yang anda tanam di ladang anda. Bila anda menanam gandum, gandumlah yang akan tumbuh.Tetapi bila anda menanam duri, tentu hanya durilah yang akan tumbuh. Dan bila tidak ada yang ditanam, tidak ada pula yang akan tumbuh. Selanjutnya, kesalahan apa pun yang anda lakukan semasa membajak, mengairi dan merawat tanaman anda, akibat keseluruhannya pastilah akan anda lihat pada waktu anda menuai. Tetapi bila anda mengerjakan pekerjaan-pekerjaan yang diperlukan tersebut dengan tepat tanpa suatu kesalahan apa pun, maka anda juga akan melihat hasilnya. Begitulah gambaran hubungan dunia dengan akhirat. Dunia adalah laksana ladang tempat bercucuk tanam. Manusia dikirim ke ladang ini dengan tujuan agar ia bekerja keras dengan tangannya sendiri untuk memperoleh hasil yang dapat dinikmatinya nanti bagi dirinya sendiri. Untuk itu ia telah diberi waktu dari saat lahirnya hingga detik kematiannya. Apa pun jenis tanaman yang ditanamnya pada masa hidupnya, hasil tanaman itu jugalah yang akan dipetiknya dalam hidupnya sesudah mati nanti, dan hasil itu pula yang akan menjadi makanannya selama hidupnya di akhirat. Bila seseorang telah menanam tanaman yang baik di ladang dunia ini pada masa hidupnya dan telah merawatnya dengan air yang berlimpah-limpah dan dengan pengawasan yang cermat, maka bila ia telah berpindah ke dunia yang akan datang, maka akan didapatinya buah dari jerih payahnya itu dalam bentuk tanaman berbuah lebat yang siap untuk dinikmatinya. Di sana nanti ia tidak lagi bekerja keras kerana ia akan hidup senang menikmati hasil tanaman yang telah ditanamnya dengan kerja susah-payah selama masa hidupnya di dunia ini. Hidup senang inilah yang disebut syurga dan kejayaan di akhirat. Berlawanan dari ini, barangsiapa yang semasa hidupnya di dunia ini menaburkan duri dan menanam tanaman yang pahit dan beracun, maka ia akan memperoleh hasil dari jenis tanaman yang sama dalam hidupnya yang akan datang nanti. Di sana ia tidak akan mempunyai kesempatan lagi untuk menebus ketololannya dan menanam tanaman yang baik setelah membakar tanamannya yang buruk sebelumnya. Dan tentu sahaja ia akan terpaksa memakan hasil tanaman buruknya yang telah ditanamnya semasa hidupnya di dunia ini. la akan terpaksa tidur di atas duri-duri yang telah ditanamnya. Inilah yang dimaksudkan dengan kesengsaraan dan kegagalan di akhirat itu.

Keterangan tentang makna akhirat yang telah saya berikan tadi didukung oleh hadis dan ayat-ayat al-Qur'an. Dan keterangan tadi menunjukkan bahawa kegagalan dan kejayaan seseorang dalam hidup sesudah mati nanti, serta nasib baik atau buruknya, sebenarnya tergantung dari benar atau tidaknya pengetahuan dan perbuatannya di dunia ini.

MENGAPA ADA PERBEZAAN ANTARA NASIB AKHIR SEORANG KAFIR DAN NASIB AKHIR SEORANG MUSLIM?

Setelah memahami pokok masalah di atas, menjadi jelaslah bahawa perbezaan antara nasib akhir seorang Muslim dan seorang kafir bukanlah tanpa alasan-alasan yang kuat. Sesungguhnya, perbezaan yang timbul pada akhir kisah hidup mereka adalah buah daripada perbezaan antara mereka sejak dari mula. Apabila tidak ada perbezaan antara pengetahuan dan parbuatan seorang Muslim dengan seorang kafir di dunia ini, tentulah tidak akan ada pula perbezaan keadaan yang mereka alami di akhirat. Sama sekali tidaklah mungkin, bahawa, seseorang yang pengetahuan dan perbuatan serta tingkahlakunya sama dengan tingkahlaku seorang kafir, akan dapat terlepas dari seksa yang ditetapkan kepada orang-orang kafir di akhirat.

TUJUAN KALIMAH THAYYIBAH: MEMPERBAHARUI PENGETAHUAN DAN PERBUATAN

Sekarang timbul pertanyaan lagi megenai tujuan membaca *kalimah thayyibah.* Anda telah menjawab bahawa tujuannya adalah untuk membezakan antara nasib akhir seorang,Muslim dan nasibakhir seorang kafir. Nah, setelah mendapat penjelasan tentang erti hasil akhir yang diperolehi di akhirat, maka anda mesti mempertimbangkan kembali jawapan anda. Sekarang anda mesti mengatakan bahawa tujuan membaca *kalimah thayyibah* adalah untuk memperbaharui pengetahuan dan perbuatan seseorang agar ia dapat memperoleh kedudukan yang baik di akhirat nanti. Kalimat ini mengajarkan kepada manusia untuk menanami ladang dunia dengan tanaman yang baik, dan merawatnya dengan baik pula, agar hasilnya nanti dapat dipetiknya di akhirat. Apabila seseorang tidak beriman kepada *kalimah thayyibah* ini, bagaimana ia dapat bercucuk tanam di ladang dunianya dan dari mana ia akan memperoleh hasil di akhirat nanti? Dan bila seseorang hanya mengucapkan kalimat tersebut di mulut sahaja, tetapi perbuatan dan tingkahlakunya tetap sama dengan seorang kafir, maka anda tentu akan mengatakan bahawa pengucapan kalimat syahadatnya yang sedemikian itu adalah sia-sia sahaja. Tidak ada alasan mengapa nasib akhir orang seperti itu harus berbeza dari seorang kafir. Bagaimana sekalipun, ia tidak boleh menuntut apa-apa dari Allah dengan hanya mengucapkan kalimat syahadat di mulut sahaja, serta tidak pula mempelajari cara menanami ladang dunianya. Bahkan ia pun tidak menanaminya sama-sekali dengan tanaman yang baik. Sebaliknya, ia telah menaburkan duri sepanjang masa hidupnya. Bagaimana ia dapat berharap untuk mendapatkan kebun yang berbuah lebat di dunia yang akan datang nanti? Seperti telah saya terangkan kepada anda dengan contoh-contoh, adalah sia-sia dan tidak ada gunanya untuk melakukan sesuatu yang bila dikerjakan atau tidak dikerjakan hasilnya adalah sama sahaja. Ubat yang tidak boleh mengubah keadaan orang yang sakit menjadi lebih baik bukanlah ubat namanya. Sama halnya, bila setelah membaca kalimat syahadat, pengetahuan dan tingkahlaku orang yang bersangkutan masih tetap sama dengan orang yang tidak membaca kalimat tersebut, maka perbuatannya membaca kalimat tersebut adalah tidak bererti apa-apa. Apabila hidup seorang Muslim di dunia ini tidak berbeza dengan hidup seorang kafir, bagaimana hidupnya di akhirat nanti dapat berbeza dengan hidup seorang kafir.

PENGETAHUAN APA YANG DIAJARKAN OLEH KALIMAH THAYYIBAH?

Sekarang timbul pertanyaan: Pengetahuan apakah yang diberikan *oleh kalimah thayyibah* kepada orang yang membacanya? Juga perbezaan apakah yang timbul dalam perbuatan dan tingkahlaku seorang Muslim dan seorang kafir setelah si Muslim memperoleh pengetahuan ini?

1. Penghambaan diri kepada Allah

Hal pertama yang anda pelajari dari kalimat ini adalah bahawa anda adalah budak dari Allah dan bukan budak dari siapa pun yang lain. Setelah mengetahui hal ini, maka secara langsung anda akan mengerti bahawa di dunia ini anda harus berbuat sesuai dengan kehendak Dia yang menjadi Tuan dan Pemilik anda, kerana bila anda berbuat bertentangan dengan kehendakNya, bererti anda telah memberontak terhadapNya.

2. Kepatuhan kepada Muhammad

Setelah memahami hal di atas, maka pengetahuan kedua yang anda peroleh dari kalimat ini adalah bahawa Muhammad saw adalah Utusan Allah. Dan setelah mengetahui hal ini, jelaslah, dengan sendirinya cara-cara yang anda tempuhi dalam menanami dan merawat ladang dunia anda, mestilah menurut cara-cara yang telah diajarkannya kepada anda. Bila anda mengikuti cara yang diajarkannya, maka anda akan memperoleh hasil yang baik di akhirat nanti. Tetapi bila anda bekerja tidak sesuai dengan cara yang diajarkannya, maka bererti anda hanya menanam duri sahaja di dunia ini dan akan menuai duri pula di akhirat nanti.

PERBUATAN MESTI SESUAI DENGAN PENGETAHUAN

Setelah memiliki pengetahuan ini, maka perbuatan-perbuatan dan perilaku anda haruslah sesuai dengan pengetahuan anda. Bila anda percaya bahawa suatu hari nanti anda akan mati, bahawa sesudah mati anda akan hidup lagi, dan dalam hidup sesudah mati anda harus makan dari hasil tanaman anda di dunia ini, maka tidaklah mungkin bagi anda untuk menyimpang dari cara-cara yang telah ditunjukkan oleh Rasulullah saw dan menempuh cara-cara lain dalam menanami ladang dunia anda. Mengapa anda bercucuk tanam di ladang dunia ini? Kerana anda yakin bahawa anda tidak akan memperoleh hasil tanpa bercucuk-tanam, dan tanpa hasil tanaman, anda akan mati kelaparan. Seandainya anda tidak yakin akan hal ini, dan seandainya anda mengira bahawa anda akan boleh memperoleh hasil tanpa bertanam, atau bahawa anda boleh menghilangkan lapar tanpa makanan, tentu anda tidak akan bersusah-payah bercucuk-tanam di ladang dunia ini. Jadi anda boleh menilai posisi anda berdasarkan hal ini. Seseorang yang di mulut mengakui Allah sebagai Pemilik dan PenguasaNya dan Muhammad saw sebagai Utusan Allah, dan juga percaya akan hidup sesudah mati, tetapi perbuatan-perbuatan dan tingkahlakunya bertentangan dengan ajaran-ajaran al-Qur'an dan Sunnah Rasulullah, maka imannya yang demikian itu adalah iman yang lemah. Sebagaimana ia yakin bahawa ia tidak akan memperoleh hasil tanpa bertanam, demikian pula apabila ia yakin bahawa tanamannya yang buruk akan menghasilkan buah yang buruk pula, tentulah ia tidak akan lengah tentang hal ini. Tidak seorang pun yang dengan sengaja dan sedar mahu menanam duri

untuk dirinya. Hanya orang yang tidak percaya bahawa benih duri akan menghasilkan duri sahajalah, dan bahawa duri itu akan merugikan dirinya sendiri sahajalah, yang akan melakukan hal itu. Anda tentu tidak akan mahu dengan sedar memegang bara api kerana anda yakin bahawa bara itu akan membakar tangan anda. Hanya bayi kecil dan orang gila sahajalah yang mahu menaruh tangannya dalam api, kerana memang tidak tahu akibatnya.

ISLAM

1. SIAPA YANG DISEBUT MUSLIM

Saudara-saudara sesama Muslim!

Hari ini saya akan menjelaskan kepada anda sifat-sifat seorang Muslim. Saya akan menyebutkan persyaratan-persyaratan minima yang harus dipenuhi oleh seorang Muslim, dan apa yang harus dilakukan oleh seseorang agar ia dapat disebut sebagai seorang Muslim.

APAKAH "KUFUR" DAN ISLAM ITU?

Untuk memahami masalah tersebut di atas, pertama-tama anda harus mengerti apa itu *kufur* dan apa itu Islam. *Kufur* adalah penolakan seseorang untuk melaksanakan perintah-perintah Allah, dan Islam adalah kepatuhan kepada Allah semata-mata, serta penolakan atas semua sistem, hukum dan perintah-perintah yang bertentangan dengan petunjuk-petunjuk yang diterima dari Allah. Perbezaan yang nyata antara Islam dan *kufur* ini telah dinyatakan dengan jelas di dalam al-Qur'an, Allah berkata:

> *Barangsiapa yang memutuskan tidak menurut apa yang diturunkan Allah, maka mereka itu adalah orang yang kafir". (Al-Qur'an, al-Maidah, 5:44)*

Menetapkan hukum tidak hanya bererti mengadili perkara-perkara dalam sidang-sidang pengadilan sahaja. Sesungguhnya, hukum di sini bererti setiap keputusan yang dibuat oleh setiap orang setiap saat dalam hidupnya. Setiap saat anda dihadapkan kepada persoalan apakah anda harus melakukan sesuatu atau tidak, dengan cara bagaimana sesuatu harus dilakukan, cara apakah yang harus dipakai dalam menyelesaikan sesuatu persoalan, dan sebagainya. Bagi setiap hal yang seperti ini, suatu metodologi untuk membuat keputusan telah digariskan dalam Kitab Allah dan Sunnah RasulNya, sedangkan metodologi-metodologi selain itu adalah metodologi-metodologi yang

ditentukan oleh kemahuan diri sendiri, adat kebiasaan nenek moyang atau aturan-aturan yang dibuat oleh manusia. Nah, apabila seseorang mengetepikan cara-cara yang telah digariskan Allah dan memutuskan untuk melakukan sesuatu dengan cara yang lain, maka sesungguhnya ia telah mengikuti jalan *kufur*. Dan apabila ia selama hidupnya menempuh cara-cara *kufur* dalam melakukan segala sesuatu, maka ia adalah seorang *kafir*. Apabila ia mematuhi petunjuk Allah dalam sebahagian masalah, dan dalam masalah-masalah yang lain mengikuti kemahuannya sendiri atau adat kebiasaan masyarakat atau aturan-aturan buatan manusia, maka ia telah terlibat dalam kekufuran sejauh pembangkangannya terhadap hukum-hukum dan aturan-aturan Allah. Seseorang mungkin setengah *kafir*, seperempat *kafir*, sepersepuluh atau mungkin seperduaputuh *kafir*. Pendeknya, ukuran kekufuran seseorang adalah menurut sejauh mana ia telah membangkang hukum Allah.

Islam tidak lain adalah penghambaan seseorang semata-mata kepada Allah. Ia sama-sekali tidak mengikuti kemahuannya sendiri, atau kemahuan nenek-moyangnya atau kemahuan keluarga dan sukunya, atau kemahuan kaum ulama atau kiyai, kemahuan pemerintah, hakim, atau kemahuan sesiapapun yang lain, selain kehendak Allah semata-mata. Allah menyatakan dalam al-Quran:

"Katakanlah: Hai Ahli Kitab, marilah kepada suatu kalimat (ketetapan) yang tidak ada perselisihan antara kami dan kamu, bahawa tidak kita sembah, kecuali Allah dan tidak kita persekutukan Dia dengan sesuatupun dan tidak (pula) sebahagian kita menjadikan sebahagian yang lain tuhan selain daripada Allah. Jika mereka berpaling maka katakanlah kepada mereka: "Saksikanlah, bahawa kami adalah orang-orang yang menyerahkan diri kepada Allah".
(Al-Quran, Ali 'Imran, 3:64).

"Maka apakah mereka mencari agama yang lain dari agama Allah, padahal kepadaNya lah menyerahkan diri segala apa yang di langit dan di bumi, baik dengan suka mahupun terpaksa dan hanya kepada Allah lah mereka dikembalikan".
(Al-Qur'an, Ali 'Imran, 3:83).

Dalam kedua-dua ayat ini hanya satu ajaran yang dikemukakan, yakni bahawa agama yang sebenarnya adalah kepatuhan dan kepasrahan kepada Allah. Menyembah Allah tidak hanya bererti bersujud di hadapanNya lima kali sehari, tetapi sebenarnya bererti melaksanakan perintah-perintahNya di setiap saat, siang dan malam. Anda harus menghindari semua yang telah dilarangNya dan mengerjakan apa yang telah diperintahkanNya. Dalam setiap masalah, anda harus menyelidiki apa perintah Allah mengenai masalah tersebut. Anda sekali-kali tidak boleh memikirkan kemahuan anda sendiri, pendapat akal fikiran anda, adat kebiasaan nenek-moyang anda, kemahuan keluarga dan sanak saudara anda, apa yang dikatakan oleh kiyai atau ulama tentang hal itu, apa yang diperintahkan oleh si anu, dan apa yang boleh menyenangkan hati si anu. Bila anda mengikuti kemahuan sesiapa pun juga dan mengetepikan perintah-perintah Allah, maka sesungguhnya anda telah menyekutukannya dengan Allah. Dengan perbuatan anda itu, bererti anda telah memberikan kepadanya kedudukan yang sebenarnya adalah hak Allah semata-mata, kerana yang berhak memberi perintah hanyalah Allah sahaja:

“menetapkan hukum itu hanyalah hak Allah, Dia menerangkan yang sebenarnya dan Dia pemberi keputusan yang paling baik". (Al-Qur'an, al-Anam, 6:57).

Hanya Dia sahajalah yang layak disembah, Dia yang telah menciptakan dan menghidupkan anda. Semua yang ada di langit dan di bumi tunduk kepada perintahNya. Tidak ada sebuah batu pun yang tunduk kepada batu yang lain. Tiada sebatang pohon pun yang tunduk kepada pohon yang lain. Tidak seekor binatang pun yang tunduk kepada perintah binatang yang lain. Maka apakah anda akan menjadi lebih hina dari binatang, pohon, dan batu dengan tunduk kepada sesama manusia dan mengetepikan Allah, sedangkan binatang, pohon, dan batu hanya tunduk kepada Allah semata-mata? Inilah masalah yang terkandung dalam kedua ayat tersebut di atas tadi.

TIGA JALAN MENUJU KESESATAN

Sekarang saya akan menjelaskan kepada anda dari mana sebenarnya kekufuran dan bid'ah timbul. Al-Qur'an Suci mengatakan kepada kita bahawa kejahatan-kejahatan ini muncul melalui tiga sumber:

1. Mengikuti kemahuan sendiri Sumber yang pertaina adalah kemahuan diri manusia sendiri:

   “... Dan siapakah yang lebih sesat daripada orang yang mengikuti hawa-nafsunya dengan tidak mendapat petunjuk dari Allah sedikitpun. Sesungguhnya Allah tidak memberi petunjuk kepada orang-orang yang zalim". (Al-Qur'an, al-Qashash, 28:50).

Ayat di atas mengertikan bahawa faktor terbesar penyebab kesesatan manusia adalah dorongan-dorongan hawa nafsunya sendiri. Dan sama sekali tidak mungkin bagi seseorang untuk menjadi hamba Allah, sementara ia masih menuruti dorongan-dorongan hawa nafsunya sendiri. la akan terus-menerus memikirkan pekerjaan apa yang akan mendatangkan wang aginya, usaha apa yang akan membawa kemasyuran dan penghormatan orang padanya, ke mana ia harus mengejar kesenangan dan kepuasan,dan apa sahaja yang boleh memberikan kemudahan dan keselesaan hidup baginya. Ringkasnya, ia akan menempuh segala macam cara untuk mencapai tujuan-tujuan tersebut, tak peduli apakah Allah melarang cara-cara tersebut. Dan ia takkan pernah mengerjakan suatu apapun yang dianggapnya tidak akan membawa tercapainya tujuan-tujuan tersebut, meskipun Allah memerintahkannya untuk mengerjakannya. Jadi Tuhan bagi orang seperti itu adalah dirinya sendiri (*nafs*), bukannya Allah Yang Agung. Jadi, bagaimana ia akan mendapat manfaat dari petunjuk Allah? Hal ini tejah diterangkan dalam ayat berikut:

"Terankanlah kepadaku tentang orang yang menjadikan hawa nafsunya sebagai Tuhannya. Maka apakah kamu dapat menjadi pemelihara atasnya?, atau apakah kamu mengira bahawa kebanyakan mereka itu mendengar atau memahami. Mereka tidak lain, hanyalah seperti binatang ternak, bahkan lebih sesat jalannya (dari binatang ternak itu)." (Al-Qur'an, al-Furqan, 25:43-44).

Bahawa menjadi budak hawa nafsu adalah lebih hina daripada menjadi binatang, ini adalah suatu hal yang tidak perlu diragukan lagi. Anda tidak akan pernah melihat seekor binatang pun yang mahu melanggar batas-batas yang telah ditentukan Allah baginya. Setiap binatang memakan apa yang telah ditetapkan Allah baginya. la hanya melaksanakan fungsi yang telah ditentukan Allah baginya. Tetapi manusia adalah binatang yang apabila sudah menjadi budak hawa nafsunya sendiri, akan melakukan perbuatan-perbuatan yang bahkan membuatkan syaitan sendiri gementar.

2. Mengikuti nenek-moyang tanpa berfikir

Yang tersebut di atas tadi adalah jalan pertama menuju kesesatan. Jalan yang kedua adalah mengikuti adat kebiasaan, kepercayaan-kepercayaan dan fikiran-fikiran, acara-acara ritual dan upacara-upacara yang biasa dilakukan oleh nenek-moyang, dan menganggapnya lebih penting daripada perintah Allah. Bila perintah-perintah Allah dibacakan, maka orang-orang yang suka mengikuti nenek-moyangnya akan bersikap keras bahawa mereka hanya akan mengikuti apa yang dilakukan oleh nenek-moyang mereka sahaja, dan akan melakukan apa yang telah menjadi kebiasaan keluarga dan suku bangsanya. Bagaimana orang yang telah terkena penyakit seperti ini akan dapat menjadi hamba Allah? Tuhan-tuhannya adalah nenek-moyangnya, keluarga dan suku bangsanya. Hak apa yang dimilikinya untuk mendakwa bahawa dirinya adalah seorang Muslim? Dalam hal ini al-Qur'an -juga memberikan peringatan yang keras:

> *"Dan apabila dikatakan kepada mereka: 'Ikutlah apa yang telah diturunkan oleh Allah', mereka menjawab: '(Tidak), tetapi kami hanya mengikuti apa yang telah kami dapati dari (perbuatan) nenek moyang kami'. (Apakah mereka akan mengikuti juga), walaupun nenek moyang mercka itu tidak mengetahui suatu apapun, dan tidak mendapat petunjuk?". (Al-Qur'an, al-Baqarah, 2:170).*

Di tempat lain dikatakan:

> *"Apabila dikatakan kepada mereka: 'Marilah mengikuti apa yang diturunkan Allah. dan mengikuti Rasul'. Mereka menjawab: 'Cukuplah untuk kami apa yng kami dapati bapa-bapa kami mengerjakannya'. Dan apakah mereka akan mengikuti juga nenek-moyang mereka walaupun nenek-moyang mereka itu tidak mengetahui apa-apa dan tidak (pula) mendapat petunjuk? Hai orang-orang yang beriman, jagalah dirimu; tiadalah orang yang sesat itu akan memberi mudarat kepadamu apabila kamu telah mendapat petunjuk. Hanya kepada Allah kamu kembali scmuanya, maka Dia akan menerangkan kepadamu apa yang telah kamu kerjakan". (Al-Qur'an, Al-Maidah, 5:104-105).*

Jahatnya kesesatan itu adalah sedemikian rupa, sehingga semua orang-orang bodoh di setiap zaman terkena cengkamannya. Kesesatan selama-lamanya telah mencegah mereka menerima bimbingan dari utusan-utusan Allah. Ketika Musa a.s. mengajak kaumnya untuk mengikuti Syari'ah Allah, mereka menjawab:

> *"Mereka berkata: 'Apakah kamu datang kepada kami untuk memalingkan kami dari*

apa yang kami dapati nenek-moyang kami mengerjakannya?...' "
(Al-Qur'an, Yunus, 10: 78)

Ketika Ibrahim a.s. memujuk kaumnya untuk meninggalkan kepercayaan syirik,
"Mereka menjawab: 'Kami mendapati bapa-bapa kami menyembahnya (patung-patung)'", (Al-Quran, 21:53).

Begitulah, masyarakat selalu mengatakan hal yang sama kepada setiap rasul: "Apa yang kamu sampaikan itu bertentangan dengan apa yang dilakukan oleh nenek-moyang kami; kerana itu kami tidak boleh menerimanya" Demikianlah, dikatakan dalam al-Qur'an:

"Dan demikianlah, kami tidak mengutus sebelum kamu seorang pemberi peringatan pun dalam suatu negeri, melainkan orang-orang yang hidup mewah di negeri itu berkata: 'Sesungguhnya kami mendapati bapa-bapa kami menganut suatu agama dan sesungguhnya kami adalah pengikut jejak-jejak mereka. (Rasul itu) berkata: 'Apakah (kamu akan mengikutinya juga) sekalipun aku membawa untukmu (agama) yang lebih (nyata) memberi petunjuk daripada apa yang kamu dapati bapa-bapamu menganutnya?' Mereka menjawab: 'Sesungguhnya kami mengingkari agama yang kamu diutus untuk menyampaikannya'. Maka Kami binasakan mereka maka perhatikanlah bagaimana kesudahan orang-orang yang mendustakan itu."
(Al-Qur'an, az-Zukhruf, 43:23-25).

Setelah mengemukakan fakta-fakta ini, Allah Yang Maha Kuasa mengatakan: "Kamu ikuti nenek-moyang kamu atau kamu laksanakan perintah-perintah Kami. Pilih salah satu". Kerana kedua hal ini, memang, tidak boleh berdampingan bersama-sama. Bila anda mahu menjadi seorang Muslim, anda harus mematuhi apa yang diperintahkan oleh Allah dan membuang yang lain-lain.

"Dan apabila dikatakan kepada mereka: 'Ikutlah apa yang telah diturunkan Allah'. Mereka menjawab: '(Tidak), tetapi kami (hanya) mengikuti apa yang kami dapati bapa-bapa kami mengerjakannya'. Dan apakah mereka (akan mengikuti bapa-bapa mereka) walaupun syaitan itu menyeru mereka ke dalam seksa api yang menyala nyala (neraka)? Dan barangsiapa yang menyerahkan dirinya kepada Allah, sedang dia orang yang berbuat kebaikan, maka sesungguhnya ia telah berpegang kepada buhul tali yang kukuh. Dan hanya kepada Allah lah kesudahan segala urusan. Dan barangsiapa kafir maka kekafirannya itu janganlah menyedihkanmu. Hanya kepada Kamilah mereka kembali, lalu Kami beritakan kepada mereka apa yang telah mereka kerjakan. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala isi hati".
(Al-Qur'an, Luqman, 31:21-23).

3. Kepatuhan kepada selain Allah

Itulah tadi jalan yang kedua menuju kesesatan. jalan yang ketiga, seperti dinyatakan di dalam al-Qur'an, adalah apabila manusia mengetepikan perintah-perintah Allah, lalu mentaati perintah-perintah manusia dengan bermacam-macam alasan, misalnya "kerana

bapa kepada anu adalah seorang besar, maka kata-katanya mestilah selalu baik”, atau “kerana rezeki saya tergantung pada orang itu, maka saya harus patuh kepadanya”, atau “kerana orang itu mampu menghancurkan hidup saya dengan perkataannya, dan mampu menjamin saya masuk syurga, maka apa yang dikatakannya pastilah benar”, atau “kerana bangsa anu adalah bangsa yang maju, kita harus meniru cara-cara yang dipakainya", dan sebagainya. Dengan diajukannya alasan-alasan seperti ini, tertutuplah pintu petunjuk Tuhan.

> *“Dan jika kamu menuruti kebanyakan orang-orang yang di muka bumi ini, nescaya mereka akan menyesatkanmu dari jalan Allah...” (Al-Qur'an, al-An’am, 6:116)*

> Ayat ini bererti bahawa manusia hanya boleh tetap berada di jalan yang benar, bila ia percaya seratus peratus kepada Satu Tuhan. Bagaimana manusia boleh bertemu jalan yang benar kalau ia percaya kepada ribuan tuhan, dan sebagai akibatnya, sekali waktu ia harus mematuhi tuhan ini dan sekali waktu tuhan yang lain?

Sekarang anda tahu bahawa ada tiga sebab seseorang menjadi sesat:

Pertama : Menjadi hamba kepada diri sendiri.
Kedua : Menjadi hamba kepada adat kebiasaan nenek-moyang, keluarga dan suku bangsa.
Ketiga : Menjadi hamba kepada manusia pada umumnya, termasuk orang-orang, kaya, pemerintah yang berkuasa, ulama-ulama dan kiyai-kiyai palsu, bangsa-bangsa yang sesat, dan unsur-unsur lain yang seperti itu.

Itulah berhala-berhala besar yang selalu menjadi sembahan-sembahan manusia. Maka barangsiapa yang mahu menjadi seorang Muslim yang sebenar, mestilah ia menghancurkan ketiga-tiga jenis berhala itu terlebih dahulu. Setelah itu barulah ia boleh menyebut dirinya seorang Muslim sejati. Kalau tidak, sulit baginya untuk disebut sebagai hamba Allah. Mungkin sahaja, dengan menjalankan solat lima kali sehari, berpuasa di bulan Ramadhan, dan menunjukkan tingkahlaku sebagai seorang Muslim ia boleh menipu orang kebanyakan, dan memujuk dirinya sendiri, bahawa ia adalah seorang Muslim, nainun ia tak mungkin boleh mengelabui Allah. 1,

KEADAAN UMAT ISLAM DI PUNJAB

Saudara-saudara!

Menjadi hamba dari ketiga-tiga berhala yang saya sebutkan di atas tadi adalah *syirik* yang sebenar-benarnya. Anda semua telah dapat menghancurkan berhala-berhala dari batu, meruntuhkan kuil-kuil yang dibuat dari batu-bata, campuran kapur dan simen, tetapi anda hanya menaruh perhatian yang sedikit pada berhala-berhala dan kuil-kuil yang ada dalam diri anda sendiri. Menghancurkan berhala-berhala ini adalah urusan yang paling penting, bahkan menjadi prasyarat untuk menjadi seorang Muslim. Walaupun saya berbicara kepada seluruh ummat Islam, dan sedar bahawa bencana yang menimpa ummat Islam, di India khususnya dan di seluruh dunia pada umumnya, adalah akibat dari penyembahan mereka terhadap ketiga-tiga jenis berhala

tersebut di atas. Tetapi, kerana saudara-saudaraku ummat Islam di Punjab adalah yang ada di hadapanku saat ini, maka secara khusus saya mesti memberitahu saudara-saudara, bahawa sebab utama dari keruntuhan, kehinaan dan bencana yang menimpa mereka adalah kerana mereka menyembah ketiga-tiga jenis berhala yang tersebut di atas tadi. Di Punjab ini, jumlah ummat Islam lebih dari satu setengah *karor* (satuan dari 10 juta). Jumlah anda lebih dari separuh penduduk wilayah ini, selebihnya adalah kelompok-kelompok lain. Tetapi dengan jumlah anda yang sedemikian besar, anda semua tidak mempunyai kualiti apa-apa, sedangkan beberapa kelompok lain yang jumlahnya lebih kecil dari anda, memiliki bobot yang besar. Apakah sebabnya terjadi demikian? Sebabnya ialah dengan menghambakan diri pada kemahuan sendiri, adat kebiasaan keluarga dan suku bangsa serta sesama manusia, dan mengetepikan Allah, kekuatan anda telah dihilangkan dari dalam.

1. Perbezaan Kasta

Dalam masyarakat Islam ada kelompok-kelompok Rajput, Gakhar, Mughul, Jat, dan lain-lain. Islam telah mengajak anda semua untuk melupakan kelompok-kelompok tersebut dan membentuk satu masyarakat yang padu, bersaudara antara satu sama lain dan bersatu padu bagaikan sebuah tembok yang kuat. Tetapi anda semua masih berpegang kepada pemikiran-pemikiran Hindu. Sebagaimana halnya kasta-kasta yang terpisah antara satu sama lain dalam masyarakat Hindu, demikian pula anda semua, masih berpecah-pecah dalam suku-suku yang terpisah-pisah. Anda tidak saling kahwin-mengahwini seperti yang seharusnya dalam suatu masyarakat Islam. Antara satu suku dengan yang lain, tidak ada tali persaudaraan dan kasih-sayang. Di mulut, anda saling menyebut saudara-saudara sesama Muslim, tetapi dalam tindakan, anda tetap berpegang teguh pada perbezaan-perbezaan yang berlaku sebelum Islam. Perbezaan-perbezaan inilah yang telah mencegah anda untuk menjadi satu tembok yang kuat. Sebagai batu bata, anda masing-masing terlepas dari yang lain. Anda tidak boleh bangkit bersama-sama dan tidak pula mampu menghadapi bencana bersama-sama. Apabila anda diminta, sesuai dengan ajaran-ajaran Islam, untuk menyingkirkan perbezaan-perbezaan itu dan bersatu kembali, apa jawapan anda? Pasti anda akan menjawab**:** “Kami tidak boleh meninggalkan adat istiadat yang diwariskan oleh nenek-moyang kami”. Tahukah anda, apa jawapan Allah terhadap peryataan anda itu? Inilah: “Kamu boleh sahaja tidak meninggalkan adat kebiasaan warisan nenek-moyang kamu; kamu boleh sahaja meninggalkan tata cara peribadatan Hindu. Kami juga boleh memecah dan meremukkan kepala-kepala kamu dengan mencampakkan kamu ke dalam lumpur kehinaan dan kerendahan, walaupun kamu menjadi kelompok majoriti!

2. Ketidakadilan dalam warisan

Allah telah memerintahkan kepada anda semua untuk memberikan harta warisan kepada anak lelaki dan anak perempuan. Tetapi anda menjawab: “Menurut hukum adat, warisan nenek-moyang kami, baik anak lelaki mahupun anak perempuan, kedua-duanya tidak berhak memperoleh harta warisan, dan kami melaksanakan hukum adat warisan nenek-moyang kami dan tidak mengakui hukum Tuhan”. Demi Tuhan, katakanlah kepada saya, apakah ini jawapan orang Islam? Bila anda diminta untuk menghapuskan hukum warisan

nenek-moyang, setiap orang dari anda menjawab: “Kalau orang lain mahu menghapuskannya , saya pun mahu menghapuskannya”. Seolah-olah anda takut rugi untuk memulakannya, dan mengharapkan keuntungan dengan menjadi pengikut kepada orang lain. Fikirkanlah apa erti jawapan anda itu? Apakah hukum Allah boleh tunduk kepada syarat, bahawa apabila orang lain mematuhinya maka anda juga akan mematuhinya? Kalau sedemikian, maka mungkin esok anda akan mengatakan: “Kalau orang lain tidak berbuat apa-apa, saya pun tidak akan berbuat apa-apa”. Selanjutnya anda pasti akan mengatakan: "Kalau orang lain berzina, saya pun akan berzina pula. Kalau orang lain mencuri, saya pun akan mencuri. Pokoknya, sebelum orang lain berhenti berbuat dosa dan kejahatan, saya juga akan terus berbuat dosa dan kejahatan”. Dengan cara yang begini, anda menjadi penyembah ketiga-tiga berhala yang saya sebutkan di atas tadi. Anda menjadi hamba kepada diri sendiri *(nafs),* menjadi hamba kepada nenek-moyang dan menjadi hamba kepada bangsa-bangsa yang musyrik. Namun, dengan melakukan ketiga-tiga jenis kejahatan ini, anda masih juga mengatakan bahawa anda adalah penganut-penganut Islam!

Itu hanya dua contoh sahaja. Kalau anda memerhatikan baik-baik, anda akan melihat penyakit-penyakit yang seperti itu yang masih bermaharajalela di dalam tubuh masyarakat Islam. Dan dalam penyakit-penyakit itu, anda akan melihat sekelompok orang yang menyembah satu berhala, yang lain menyembah dua berhala, dan yang lain lagi menyembah tiga berhala. Kalau ketiga bcrhala ini masih anda sembah, sedang anda semua mengaku sebagai orang-orang Muslim, bagaimana anda boleh mengharapkan rahmat Allah, yang hanya dijanjikan kepada orang-orang Muslim yang sebenarnya?

2. TEST KEIMANAN

Saudara-saudara sesama Muslim!

Dalam khutbah yang lalu saya telah menerangkan bahawa menurut al-Qur'an ada tiga jalan yang dapat menyesatkan manusia.
Yang pertama adalah mengetepikan hukum-hukum Allah dan mengikut dorongan hawa nafsu. Yang kedua adalah melebihkan kebiasaan keluarga dan cara-cara nenek-moyang daripada hukum Allah. Yang ketiga adalah mengabaikan sistem kehidupan yang diajarkan oleh Allah dan RasulNya, dan mengikuti cara-cara yang ditempuh oleh manusia, baik oleh orang-orang yang hebat bangsanya sendiri mahupun bangsa-bangsa lain.

MUSLIM YANG SEBENARNYA

Definisi yang sebenarnya untuk seorang Muslim adalah bahawa ia harus kebal terhadap ketiga-tiga penyakit tersebut di atas. Orang yang disebut Muslim hanyalah orang yang tidak menjadi hamba sahaya kepada apa pun kecuali Allah, dan tidak mengikuti sesiapa pun kecuali RasulNya. Seorang Muslim hanyalah orang yang dengan setulus hati percaya bahawa ajaran Allah dan RasulNya adalah kebenaran yang mutlak, dan apa pun yang bertentangan dengannya adalah sesat, dan apa pun yang baik bagi manusia dalam kehidupan di dunia ini mahupun di akhirat nanti seluruhnya telah terkandung dalam ajaran-ajaran Allah dan UtusanNya. Seseorang yang beriman sepenuhnya kepada kebenaran-kebenaran ini adalah orang yang selalu mencari petunjuk dari ajaran Allah dan RasulNya dalam setiap langkah kehidupannya dan yang bersangkutan dengan masalah yang dihadapinya, dan setelah mengetahui ajaran tersebut, terus mengikutinya. Setelah berbuat demikian, ia tidak akan memperdulikan apakah fikirannya akan merasa tidak tenang kerananya, atau apakah sanak saudaranya akan memarahi dan mencaci-makinya, atau orang-orang yang memuja keduniaan akan menentangnya. Kerana, bila hal itu terjadi ia hanya cukup menjawab dengan jelas dan tegas: “Saya adalah hamba sahaya Allah dan bukan hambamu; saya hanya percaya kepada UtusanNya, dan tidak kepadamu”.

TANDA-TANDA KEMUNAFIKAN

1. Memperturutkan Kemahuan Sendiri (Nafs)

Berlawanan dengan hal di atas, apabila seseorang berkata: “Meskipun ini adalah perintah Tuhan dan RasulNya, fikiran saya tidak boleh menerimanya kerana saya menganggap perintah ini merugikan. Kerana itu saya akan mengetepikan petunjuk-petunjuk Tuhan dan berbuat menurut pendapat saya sendiri”, maka jelas hati orang seperti ini telah kehilangan iman. Ia bukanlah seorang Mukmin, tetapi seorang munafik. Kerana, sementara di mulut ia mengatakan bahawa ia adalah seorang hamba Tuhan dan pengikut RasulNya, dalam tindakannya ia adalah hamba dirinya sendiri dan pengikut pendapatnya sendiri.

2. Pemujaan Kepada Adat Istiadat

Sama halnya, bila seseorang berkata bahawa meskipun bertentangan dengan perintah Allah dan RasulNya, bagaimana suatu adat tertentu boleh ditinggalkan, sedangkan ia sudah dilaksanakan turun-temurun sejak zaman nenek-moyang atau bagaimana suatu tata cara yang sudah menjadi kebiasaan akan dihentikan, sedangkan ia sudah menjadi pilihan sejak waktu yang lama di kalangan sanak saudaranya? Orang seperti ini juga termasuk kelompok munafik, walaupun di dahinya sudah tumbuh benjolan yang diakibatkan oleh banyaknya ia bersujud dalam solat yang tidak henti-hentinya, dan yang mungkin telah membuat wajahnya tampak betul-betul seperti seorang yang soleh, kerana kebenaran *din* yang sebenarnya tidak meresap ke dalam hatinya. *Din* tidaklah terdiri dari ruku', sujud, puasa dan haji, tidak pula ia terdapat pada wajah dan pakaian seseorang: Sebenarnya, *din* bererti kepatuhan kepada Allah dan RasulNya. Seseorang yang menolak untuk patuh kepada Allah dan RasulNya dalam urusan masalah-masalah hidupnya, sebenarnya hatinya kosong dari *din*. Solatnya, puasanya, dan wajahnya yang soleh hanyalah penipuan belaka.

3. Meniru-niru Bangsa Lain

Demikian pula, apabila seseorang, dengan tidak memperdulikan Kitab Allah dan petunjuk-petunjuk RasulNya, mendesak agar suatu kebiasaan tertentu dilaksanakan kerana kebiasaan itu biasa dilakukan orang-orang Barat, dan agar suatu hal tertentu diterima sahaja kerana bangsa lain yang menerimanya ternyata mengalami kemajuan, atau agar sesuatu dipersetujui sahaja kerana dianjurkan oleh seorang besar, maka orang yang begini mesti berhati-hati menjaga imannya. Pendapat seperti ini tidak boleh dirujukkan dengan iman. Bila anda adalah seorang Muslim dan ingin tetap sebagai seorang Muslim, maka anda harus melemparkan jauh-jauh setiap pendapat yang bertentangan dengan perintah Allah dan RasulNya. Bila anda tidak mampu melakukan perkara ini, anda tidak patut mengatakan diri anda sebagai penganut Islam. Hanya di mulut sahaja anda percaya kepada Allah dan RasulNya, anda telah mengetepikan ajaran-ajaranNya dan ajaran-ajaran RasulNya. Kalau dalam masalah-masalah hidup, anda memberi tempat kepada ajaran-ajaran manusia, itu bukanlah Islam namanya dan bukan pula iman. Itu adalah kemunafikan yang terang-terangan. Allah telah menyatakan dalam al-Qur'an:

> *"Sesungguhnya Kami telah menurunkan ayat-ayat yang menjelaskan. Dan Allah memimpin sesiapa yang dikehendakiNya kepada jalan yang lurus. Dan mereka berkata: "Kami telah beriman kepada Alah dan rasul, dan kami mentaati (kedua-duanya)'. Kemudian sebahagian dari mereka berpaling sesudah itu, sekali-kali mereka itu bukanlah orang-orang yang beriman. Dan apabila mereka dipanggil kepada Allah dan rasulNya, agar rasul menghukum (mengadili) di antara mereka, tiba-tiba sebahagian di antara mereka menolak untuk datang. Tetapi jika keputusan itu untuk (kemaslahatan) mereka, mereka datang kepada rasul dengan patuh. Apakah (ketidakdatangan mereka itu kerana) dalam hati mereka ada penyakit, atau (kerana) mereka ragu-ragu, ataukah (kerana) takut kalau-kalau Allah dan rasulNya berlaku zalim kepada mereka? Sebenarnya mereka itulah orang-orang yang zalim.*

Sesungguhnya jawapan orang-orang Mukmin bila mereka dipanggil kepada Allah dan rasulNya agar rasul menghukum (mengadili) di antara mereka ialah ucapan: "Kami mendengar, dan kami patuh" dan mereka itulah orang-orang yang beruntung. Dan barangsiapa yang taat kepada Allah dan rasulNya, maka mereka adalah orang-orang yang mendapat kemenangan". (Al-Qur'an, an-Nur, 24:46-52).

Fikirkanlah definisi iman yang dinyatakan dalam ayat-ayat tersebut di atas. Iman yang sejati adalah menghambakan diri kepada Kitab Allah dan petunjuk-petunjuk rasulNya. Apa pun perintah yang datang dari kedua-duanya mestilah betul-betul dipatuhi, dan apa pun yang bertentangan dengannya tidak boleh didengarkan, biarpun datangnya dari fikiran sendiri, dari keluarga ataupun dari orang banyak. Hanya orang yang mempunyai keadaan fikiran yang beginilah yang boleh disebut Mukmin dan Muslim. Yang tidak memilikinya adalah orang munafik.

BEBERAPA CONTOH KEPATUHAN KEPADA ALLAH

1. Meninggalkan Minuman Keras

Tentu anda semua telah mendengar betapa mcluasnya kebiasaan meminum minuman keras (khamar) di negeri Arab sebelum kedatangan Islam. Lelaki, perempuan, tua dan muda, semuanya gemar meminum khamar. Mereka memang sudah terbiasa dengan minuman tersebut. Mereka mengarang dan menyanyikan lagu-lagu untuk memuji khamar, dan mereka begitu tergila-gila kepada khamar tersebut. Dan anda semua tahu juga bahawa sukar sekali berhenti dari meminum minuman keras bila telah ketagih kepadanya. Seorang pemabuk lebih suka mati daripada berhenti minum. Bila ia tidak memperoleh khamar, ia merasa lebih sakit dari orang sakit. Tetapi sudahkah anda mendengar apa yang terjadi ketika larangan minum minuman keras diturunkan oleh Allah? Ketika mendengar larangan itu, orang Arab yang bersedia mati demi minuman keras itu, dengan tangan mereka sendiri memecahkan bekas-bekas yang berisi minuman keras itu. Dan minuman itu mengalir di jalan-jalan dan di lorong-lorong, di kota Madinah, waktu itu, seperti air hujan. Dalam suatu pertemuan, sekumpulan orang sedang asyik meminum minuman keras. Ketika mereka mendengar utusan Nabi saw mengatakan bahawa minuman keras telah dilarang, tangan-tangan mereka berhenti bergerak seketika. Mereka yang sudah memegang mangkuk minuman itu di bibir, seketika itu juga menyingkirkannya dari mulut mereka, dan tidak membiarkan setitis pun arak menyentuh bibir mereka. Inilah kebesaran iman. Inilah yang dinamakan patuh kepada Allah dan RasulNya.

2. Pengakuan Dosa

Anda tahu juga betapa kerasnya hukuman yang diberikan Islam bagi orang yang berzina - seratus kili pukulan rotan di punggung yang telanjang; yang membuat orang menggeletar hanya dengan membayangkannya sahaja. Dan bila yang berzina adalah orang yang sudah pernah kawin, maka hukumannya lebih mengerikan: direjam sampai mati. Mendengar kata *rejam* sahaja orang sudah gementar. Tetapi sudahkah anda@ mendenpr i,bagaimana perilaku orang yang mempunyai iman dalam hatinya? Pada zaman Nabi saw ada seorang

beriman yang telah berzina. Tidak ada saksi, tidak ada seorang pun yang mengheretnya ke muka pengadilan. Tidak pula ada scorang pun yang melaporkannya kepada polis. Hanya ada iman, yang bertakhta dalam hatinya. Dan iman itulah yang mengatakan kepadanya: "Pergilah kamu menjalani hukuman yang telah disediakan Allah atas perbuatanmu itu". Maka pergilah orang itu dengan kemahuannya sendiri kepada Rasulullah saw dan berkata: "Wahai Rasulullah **saya** telah berzina. Hukumlah saya". Mendengar itu, Nabi, memalingkan wajahnya dari orang itu. Tetapi orang itu terus **sahaja** menghadap wajah Rasulullah saw dan mengulangi permintaannya. Rasulullah kembali memalingkan wajahnya dari orang itu, dan orang itu juga kembali bergerak ke tempat menghadapi wajah Rasulullah dan kembali mengulangi permintaannya untuk-ketiga kalinya. Inilah iman. Memang, bagi seseorang yang memiliki iman dalam hatinya, adalah mudah untuk menjalani hukuman seratus kali libasan pada punggungnya yang telanjang. Bahkan hukuman rejam pun. Ia segan untuk kembali kehadrat Tuhannya dengan sifat seorang hamba yang tidak patuh.

3. Pemutusan Hubungan

Anda juga tahu bahawa di dunia ini tidak ada yang lebih dicintai seseorang selain daripada sanak saudaranya. Terutama sekali, ayah, saudara dan anak adalah terlalu dicintai sehingga orang bersedia untuk mati kerana mereka. Tetapi lihatlah dalam sejarah Islam, sewaktu terjadi Perang Badar dan Uhud, dan lihatlah siapa yang berperang melawan siapa? Si ayah berada di barisan tentera Islam dan si anak di dalam barisan tentera kafir, dan sebaliknya. Seseorang berada di satu pihak dan saudaranya ada di pihak lainnya. Sanak saudara dan kerabat-kerabat yang dekat saling berhadapan dan bertempur seakan-akan satu sama lain adalah orang-orang asing. Dan semangat permusuhan ini menyala bukan kerana membela tanah air atau merebut harta benda, bukan pula kerana dendam peribadi. Tetapi perang melawan keluarga dan sanak saudara itu terjadi kerana orang-orang yang beriman berani dan rela membunuh atau terbunuh oleh ayah, anak, saudara dan keluarga mereka sendiri, demi membela ajaran Allah dan RasulNya.

4. Taubat dari Adat Kebiasaan Lama

Anda juga tahu bahawa Islam telah meruntuhkan dengan saksama semua adat kebiasaan lama yang berlaku di negeri Arab sebelum kedatangannya. Dosa terbesar yang muncul dari adat kebiasaan lama ini adalah penyembahan berhala yang telah menjadi amalan selama ratusan tahun. Islam melarang perbuatan dosa ini bersama-sama dengan minuman keras, perzinaan, perjudian, pencurian dan perampasan, yang biasa dilakukan sebelum Islam. Sebelum Islam, kaum wanita biasa bepergian ke luar rumah dengan pakaian terbuka. Islam menyuruh mereka mengenakan *Jilbab.* Sebelum Islam datang, kaum wanita tidak berhak untuk memperoleh harta warisan, kemudian Islam memerintahkan agar mereka juga diberi bahagian. Sebelum Islam, anak-anak angkat diberi kedudukan yang sama dengan anak-anak kandung, tetapi Islam membatalkan persamaan kedudukan ini serta mengesahkan perkawinan dengan janda anak angkat. Pendeknya, tidak ada satu

pun adat lama yang dibiarkan tetap tegak oleh Islam. Tetapi tahukah anda bagaimana sikap orang-orang yang telah menyatakan iman kepada Allah dan RasulNya? Orang-orang yang beriman ini menghancurkan berhala-berhala, yang selama ini disembah oleh mereka dan nenek-moyang mereka, dengan tangan-tangan mereka sendiri. Mereka mempersembahkan korban-korban tersebut di atas dtar-altar pemujaan mereka. Mereka menghapuskan semua adat kebiasaan keluarga yang telah mereka warisi turun-temurun selama berabad-abad lamanya. Dengan perintah Allah, mereka menghancurkan benda-benda yang sebelum itu mereka pandang suci. Sebaliknya, mereka mengesahkan hal-hal yang sebelum itu mereka pandang menjijikkan. Perkara-perkara yang selama berabad-abad lamanya dipandang suci, tiba-tiba sahaja menjadi kotor, dan juga sebaliknya. Semua amalan-amalan yang pada masa jahiliyyah merupakan sumber keuntungan atau kesenangan akan dihapuskan setalah datangnya larangan dari Allah. Sebaliknya, semua perintah-perintah Islam yang membawa kesulitan-kesulitan dan keberatan-keberatan diterima dengan gembira. Inilah yang disebut iman dan inilah yang dinamakan Islam. Seandainya orang-orang Arab pada masa itu berkata: “Kami tidak mahu menerima hal itu kerana itu merugikan kami. Kami tidak dapat menghentikan perbuatan ini kerana ia menguntungkan kami. Kami juga akan tetap, mengerjakan perbuatan yang lainnya itu kerana ia adalah warisan budaya nenek-moyang nenek-moyang kami. Juga, kami menyukai perkara-perkara tertentu yang dilakukan oleh bangsa Romawi dan amalam-amalan bangsa Iran yang menyenangkan kami”. Pendeknya, seandainya mereka semua menolak setiap perkara yang datang dari Islam, anda boleh membayangkan bahawa pasti tidak ada seorang Muslim pun di dunia sekarang ini.

JALAN MENUJU KEREDHAAN ALLAH

Saudara-saudara!

Dalam al-Qur’an

“Kamu sekali-kali tidak sampai kepada kebaktian (yang sempurna), sebelum kamu menafkahkan sebahagian harta yang kamu cintai. Dan apa saja yang kamu nafkahkan, maka sesungguhnya Allah mengetahui” (Al-Qur’an, Ali ‘Imran,3:92).

Ayat ini adalah keperluan dari Islam dan iman. Kebesaran Islam yang sebenarya terletak pada prinsip bahawa segala apa pun yang anda cintai mestilah anda korbankan untuk Allah. Anda tentu tahu bahawa dalam semua urusan hidup anda, Allah mengajak anda kepada suatu arah, sedangkan anda sendiri mengajak ke arah lain. Allah menyuruh anda mengerjakan suatu perbuatan, tetapi *nafs* (diri) sendiri memujuk anda agar tidak mengerjakannya dengan menyatakan bahawa pekerjaan itu akan mendatangkan kesulitan dan kerugian. Allah melarang anda mengerjakan sesuatu, tetapi *nafs* memujuk anda untuk melakukannya dengan mengatakan bahawa pekerjaan itu sangat menyenangkan dan menguntungkan. Di satu pihak terdapat keredhaan Allah, sedangkan di pihak yang lain adalah kesenangan dan kepuasan diri. Ringkasnya, dalam setiap langkah kehidupannya, manusia sentiasa dihadapkan kepada suatu persimpangan jalan. Jalan yang pertama adalah jalan Islam, dan jalan yang satu lagi adalah jalan kufur dan kemunafikan. Seseorang yang mengabaikan semua pujukan dunia serta tunduk patuh pada perintah-perintah Allah adalah orang yang telah memilih jalan Islam. Sebaliknya, seseorang yang mengetepikan perintah-perintah Allah, dan menuruti segala kemahuannya sendiri serta

godaan-godaan dunia, adalah orang yang memilih jalan kufur dan kemunafikan.

ORANG ISLAM ZAMAN SEKARANG

Sifat orang-orang Islam zaman sekarang adalah bahawa mereka menerima dengan senang hati apa sahaja dari Islam yang mudah bagi mereka, tetapi apabila pertentangan yang sebenarnya muncul antara Islam dan kufur, mereka cepat-cepat berubah sikap. Bahkan kelemahan ini terdapat pada pemimpin-pemimpin besar Islam. Mereka dengan penuh semangat meneriakkan "Islam! Islam!", sampai tekak mereka kering. Mereka juga senang melakukan pekerjaan-pekerjaan untuk Islam yang boleh dilihat orang. Tetapi apabila dikatakan kepada mereka: "Marilah kita tegakkan hukum Islam yang anda puji-puji setinggi langit itu", maka mereka akan berkata: "Masalah itu tidak mudah. Perkara ini dan perkara itu adalah kesulitannya. Lebih baik lupakan sahaja masalah itu untuk sementara". Apa yang mereka maksudkan ialah bahawa Islam tidak lain hanyalah sebuah mainan yang sangat bagus. Patutkah kita mempamerkannya di almari kaca dan memuji-mujinya? Tetapi janganlah sekali-kali kita membicarakan tentang menegakkan hukum-hukum Islam untuk mengatur masyarakat Islam, rumahtangga dan sanak saudara kita, dan mengatur urusan-urusan perniagaan dan masalah-masalah hidup yang lain. Inilah sifat ummat Islam zaman sekarang ini. Tidak perlu untuk kita perkatakan tentang orang-orang yang berpandangan materialistik duniawi. Akibat dari sikap yang demikian ini, maka solat, puasa, ataupun membaca al-Qur'an serta pemujaan lahiriah terhadap syari'ah Islam telah hilang kegunaan dan manfaatnya. Kenapa? Sebab bila ruh telah hilang, manfaat apa yang boleh diambil jasad yang telah mati?

3. KRITERIA ISLAM YANG SEBENARNYA

Saudara-saudara sesama Muslim!

Allah telah mengatakan dalam Kitab SuciNya:

“Katakanlah: 'Sesungguhnya solatku, ibadatku, hidupku dan matiku hanyalah untuk Allah, Tuhan semesta alam, tiada sekutu bagiNya; dan demikian itulah yang diperintahkan kepadaku dan aku adalah orang yang pertama-tama menyerahkan diri (kepada Allah)’”. (Al-Qur'an, al-An’am, 6:162-163)

Ayat tersebut di atas dijelaskan oleh Rasulullah saw dengan sabdanya:

“Barangsiapa yang menjalinkan persahabatan kerana Allah, menyatakan permusuhan kerana Allah, dan meninggalkan sesuatu kerana Allah, maka sesungguhnya ia telah melengkapkan imannya, yakni menjadi seorang Mukmin yang sempurna”.

Ayat yang saya ambil di atas menunjukkan bahawa apa yang dituntut oleh Islam adalah bahawa manusia haruslah mempersembahkan seluruh kerjanya, hidup dan matinya semata-mata untuk Allah dan tidak membahagikan hak Allah dalam hal ini dengan yang lainnya. Ertinya, baik kerja, hidup mahupun matinya tidak boleh dipersembahkan kepada siapa pun atau sesuatu pun selain Allah.

Penjelasan yang diberikan Rasulullah di atas, merupakan syarat yang harus dipenuhi oleh seorang Muslim dalam menjalin hubungan persahabatan ataupun permusuhan dengan orang lain serta dalam menangani urusan-urusan dunianya. Hal-hal tersebut hendaklah dilakukan dengan niat semata-mata untuk mencari keredhaan Allah, dan dilakukan menurut aturan-aturan yang telah digariskanNya. Jika tidak dilakukan sedemikian, iman tidak dapat dikatakan sempurna, apalagi untuk mencapai darjat spiritual yang tinggi. Dalam hal ini, kelemahan iman ditunjukkan oleh kelemahan seseorang dalam memenuhi syarat-syarat yang tersebut di atas. Apabila dalam hal ini seseorang telah menuruti aturan Allah sepenuhnya, maka barulah imannya boleh dikatakan sempurna.

Kebanyakan orang mengira bahawa kualiti iman yang tersebut di atas hanyalah diperlukan oleh mereka yang ingin mencapai darjat spiritual yang tinggi, sedangkan orang kebanyakan tidaklah dituntut untuk memiliki Islam dan iman yang sempurna atau lengkap. Maksud mereka, tanpa syarat-syarat ini pun, seseorang boleh menjadi seorang Mukmin dan Muslim. Tetapi pandangan seperti ini adalah pandangan keliru yang timbul, kerana pada umumnya orang tidak membezakan antara Islam KTP dengan Islam yang sebenarnya menurut pandangan Allah.

PERBEZAAN ANTARA ISLAM KTP DAN ISLAM YANG SEBENARNYA

1. Islam KTP.

Dalam Islam KTP, yang penting bagi seseorang bukanlah apa yang ada dalam hati dan fikirannya, tetapi adalah pengakuan lahiriahnya, tidak peduli apakah ia memperlihatkan atau tidak tanda-tanda asas yang diperlukan bagi pengakuannya itu. Apabila seseorang mengakui dengan lisan bahawa ia percaya kepada Allah, RasulNya, pada al-Qur'an, hari akhirat dan rukun-rukun iman yang lain, lalu memenuhi syarat-syarat yang diperlukan yang membuktikan pengakuannya itu, maka ia akan diterima dalam lingkungan Islam dan orang akan berurusan dengannya sebagaimana halnya dengan seorang Muslim. Tetapi kedudukan seperti ini hanya terbatas pada kehidupan di dunia yang sementara ini sahaja, dan dari sudut pandangan duniawi hal ini menyediakan dasar hukum dan budaya bagi terbentuknya masyarakat Islam. Hasilnya hanyalah tidak lebih dari bahawa mereka - yang dengan lisan menyatakan pengakuan sebagai Muslim - diterima dalam masyarakat Islam dan diakui sebagai orang-orang Muslim. Tidak seorang pun dari mereka yang boleh disebut *kafir;* setiap orang dari mereka haruslah diberi hak-hak hukum, moral dan sosial seperti orang-orang lain; mereka boleh mengadakan hubungan perkawinan; mereka berhak memperoleh warisan, dan hubungan-hubungan perundangan lainnya yang biasa dijalankan oleh orang-orang Muslim.

2. Islam yang sebenarnya

Akan tetapi, keselamatan dan penilaian terhadap seorang Muslim dan Mukmin di akhirat, serta sama ada ia termasuk dalam kelompok hamba-hamba Allah yang disukaiNya, adalah masalah lain yang tidak bergantung kepada pengakuan lisan,seperti disebut di atas tadi. Pengakuan yang sejati adalah pengakuan yang disertai peneguhan dalam hati dan diikuti dengan penyerahan diri sepenuhnya kepada Allah dengan penuh kemahuan. Pengakuan secara lisan di dunia ini hanyalah diperuntukkan bagi Tuan Kadi dan masyarakat pada umumnya, kerana mereka hanya boleh melihat hal-hal yang lahiriah sahaja. Tetapi Allah melihat ke dalam hati dan batin seseorang, dan menyentuh iman yang ada di dalamnya. Kriteria yang dipakai Allah dalam menilai kedudukan seseorang adalah apakah hidupnya, matinya, kesetiaannya, kepatuhan dan penghambaannya serta seluruh hidup dan kerjanya - ditujukan bagi Allah atau kepada yang lain? Bila semua itu diperuntukkan bagi Allah semata-mata, maka ia dinilai sebagai seorang Mukmin dan Muslim; dan bila semua itu diperuntukkan bagi yang lain, maka ia bukanlah seorang Mukmin ataupun Muslim. Sesiapa yang tidak memenuhi kriteria ini, bererti kurang imannya, sejauh kekurangannya dalam memenuhi kriteria tersebut, tidak peduli apakah ia menempati jajaran orang-orang Islam yang terkemuka di dunia ini dan mempunyai kedudukan setinggi apa pun. Menurut Allah, satu-satunya hal yang dapat dinilai adalah apakah anda telah memberikan segala yang anda miliki pada jalanNya. Bila anda telah melakukannya, maka anda akan memperolehi hak-hak istimewa, yang diberikan kepada mereka yang setia kepadaNya, dan menerima hak pahala bagi penghambaan anda kepadaNya. Tetapi bila anda mengecualikan apa pun juga dari penghambain kepadaNya, maka pengakuan anda sebagai seorang Muslim, yang bererti bahawa anda telah

mengabdikan diri sepenuhnya kepada Allah, adalah pengakuan yang palsu yang hanya boleh mengaburi mata dunia dan masyarakat Islam. Akan tetapi sekali-kali tidak boleh menipu Allah. Masyarakat Islam mungkin sahaja akan menerima anda dan memberikan hak-hak kepada anda sebagai seorang Muslim di dunia ini, tetapi Allah tidak akan memberikan tempat kepada anda di antara kelompok hamba-hambaNya yang beriman. Bila anda memikirkan perbezaan antara Islam KTP dan Islam yang sebenarnya seperti yang telah saya terangkan tadi, maka dengan sendirinya anda akan mengerti bahawa buah yang akan dihasilkan dari kedua macam Islam itu akan terlalu berbeza**,** baik dalam hidup di akhirat nanti mahupun di dunia ini. Orang-orang Islam zaman dahulu dan sekarang dapat dibagi kepada dua kategori.

DUA MACAM ORANG ISLAM

1. Islam Setengah-setengah

Yang pertama ialah yang menyatakan diri mereka sebagai Islam dan mereka mengaku beriman kepada Allah dan UtusanNya serta menerima Islam sebagai agama mereka, tetapi mereka memperlakukan agama mereka itu hanya sebagai suatu bahagian dari keseluruhan hidup mereka. Dari satu segi, pada diri mereka kelihatan ciri-ciri pernyataan hubungan dengan Islam seperti banyaknya ibadat, pemakaian tasbih, solat, zikir, perlaksanaan kesucian dalam hal makanan dan sebahagian hubungm-hubungan sosial, dan hal-hal lain yang pada umumnya biasa dikaitkan dengan sikap orang yang warak dan beragama. Tetapi dari segi lain, sikap hidup seluruh mereka sama sekali tidak mencerminkan Islam dan tidak dihubungkan dengan Islam. Bila mereka mencintai seseorang atau sesuatu, cinta mereka itu adalah kerana dorongan hawa nafsu mereka sendiri dan demi keuntungan serta kesenangan mereka sendiri, atau demi tanahair dan bangsa juga demi seseorang manusia semata-mata. Bila mereka menyatakan permusuhan dan melakukan peperangan, maka hal itu mereka lakukan demi kepentingan peribadi dan duniawi. Masalah perniagaan, isteri dan anak-anak serta keluarga, masyarakat dan teman-teman sekerja, semuanya ini sebahagian besar mereka tidak merujuk ajaran-ajaran agama dan mereka menyelesaikan masalah ini berdasarkan pertimbangan-pertimbangan duniawi. Sebagai doktor, ahli perniagaan, presiden, tentera dan pemegang suatu jawatan tertentu, pada mereka semua bidang dan kedudukan mereka adalah bebas dan tiada hubungan dengan kedudukan mereka sebagai orang-orang Islam. Kemudian orang-orang seperti ini biasanya akan berkumpul dan bersama-sama mendirikan lembaga-lembaga kebudayaan, pendidikan dan politik yang dikaitkan dengan Islam untuk menarik minat orang ramai supaya menyertai mereka. Tetapi sebenarnya semua lembaga-lembaga dan persatuan seperti itu tiada hubungannya sama sekali dengan Islam.

2. Islam Sepenuhnya

Manakala yang kedua ialah yang meleburkan sepenuh keperibadian dan kehidupan mereka kepada Islam. Semua kedudukan yang mereka pegang terlebur ke dalam posisi mereka sebagai Muslim. Peranan mereka sebagai ayah, anak, suami atau isteri, ahli perniagaan, pemerintah, buruh atau pegawai-pegawai profesional akan mencerminkan watak sebagai seorang Muslim. Perasaan, keinginan, ideologi, fikiran

dan pendapat-pendapat mereka, kebencian, kecenderungan, kesenangan dan ketidaksenangan mereka, dari segala segi keperibadian atau sifat mereka semuanya tunduk dan patuh kepada suruhan dan larangan Allah. Islam secara keseluruhannya telah mempengaruhi hati dan fikiran serta mata dan telinga mereka, perut dan bahagian-bahagian seksual tubuh mereka, kaki dan tangan mereka. Secara umumnya seluruh jiwa dan raga mereka berpandukan ajaran Islam. Baik cinta ataupun benci mereka, tidak lepas dari Islam. Bila mereka berkelahi dan berperang, hal itu mereka lakukan semata-mata demi Islam. Bila mereka memberikan sesuatu kepada orang lain, itu adalah kerana Islam menyuruh mereka berbuat demikian. Bila mereka tidak memberi sesuatu kepada seseorang juga kerana Islam melarang mereka untuk berbuat demikian. Sikap mereka yang demikian ini tidaklah terbatas pada individu-individu mereka sahaja, tetapi juga berlaku dalam kehidupan bersama mereka, yang seluruhnya didasarkan pada prinsip Islam. Kewujudan mereka berkembang menjadi suatu masyarakat yang hanya berdasarkan Islam, dan seluruh tingkah laku kolektif mereka hanya didasarkan pada ajaran-ajaran Islam.

KRITERIA ORANG ISLAM YANG DIKEHENDAKI ALLAH

Kedua macam orang Islam tersebut di atas nyata sekali berbeza satu sama lain, walaupun secara hukum, kedua-duanya termasuk dalam sebutan *ummat Islam,* dan seruan Islam mungkin diterapkan kepada kedua-duanya dengan seruan yang sama. Akan tetapi dalam sejarah Islam, kategori orang Islam yang pertama seperti yang disebut di atas tidak pernah menghasilkan apa-apa yang patut dibanggakan. Mereka tidak pernah berbuat sesuatu yang meninggalkan jejak Islam dalam sejarah dunia. Dunia belum pernah merasakan kepentingan oring-orang Islam semacam mereka. Sebaliknya, merekalah yang menyebabkan runtuhnya Islam. Akibat dari banyaknya orang-orang Islam yang seperti itu dalam masyarakat Islam maka penguasaan atas pengaturan sistem kehidupan di dunia. ini telah beralih ke tangan orang-orang kafir, dan orang-orang Islam terkuasai olehnya, dan merasa cukup puas dengan kebebasan hidup beragama dalam erti yang sempit dan sangat terbatas sekali. Dan Allah tidaklah pernah menghendaki adanya orang-orang Islam seperti ini. Allah tidak mengutus rasul-rasulNya ke dunia ini dan tidak mewahyukan Kitab SuciNya untuk melahirkan orang-orang Islam semacam ini di atas dunia. Justru dengan tiadanya orang-orang Islam seperti ini, maka ummat Allah tidak mengalami kerosakan yang memerlukan diutusnya nabi-nabi dan diturunkannya wahyu-wahyu. Sesungguhnya, orang-orang Islam yang dikehendaki Allah iaitu yang dahulu telah melakukan, dan sekarang pun masih melakukan amalan-amalan yang patut dihargai dari pandangan Islam ialah tergolong seperti orang Islam di dalam kategori yang kedua.

KEKUASAAN ORANG-ORANG ISLAM DI DUNIA DISEBABKAN KEPATUHAN MEREKA YANG SEBENARNYA KEPADA AJARAN-AJARAN ALLAH

Kemunduran dan keruntuhan suatu kelompok manusia yang disebabkan oleh sikap mereka terhadap ajaran-ajaran yang mereka anut, bukanlah merupakan hal yang khusus bagi umat Islam sahaja. Sesungguhnya tiada satu kelompok umat manusia yang menganut ajaran tertentu yang mampu memperoleh darjat yang tinggi apabila mereka

meletakkan ajaran yang mereka anut di tempat yang rendah dan memisahkan tujuan ajaran mereka itu dengan kehidupan mereka yang sepatutnya mereka sanggup perjuangkan walaupun terkorban nyawa. Kini anda boleh melihat pengikut-pengikut sebenar suatu ajaran hanyalah mereka yang benar-benar setia pada ajaran tersebut dengan seluruh hati dan jiwa mereka serta meleburkan diri dan anak-anak mereka ke dalam ajaran yang mereka anut itu. Setiap ajaran di dunia ini menghendaki pengikut-pengikut yang seperti ini dan setiap ajaran serta ideologi hanya boleh memiliki kekuasaan di dunia dengan dokongan penganut-penganut yang seperti ini.

ORANG ISLAM HANYALAH ORANG YANG SEPENUHNYA MENUNJUKKAN KESETIAAN KEPADA ALLAH

Akan tetapi terdapat perbezaan antara Islam dan ajaran-ajaran lain. Apabila ajaran-ajaran lain menuntut dari manusia pengabdian dan pengorbanan diri, sebenarnya mereka tidak berhak untuk menuntut seperti itu. Tuntutan itu tidak layak mereka ajukan terhadap manusia. Berbeza halnya, bila Islam yang mengajukan tuntutan itu, kerana itu memang adalah haknya. Ajaran-ajaran lain itu tidak mempunyai alasan yang kukuh untuk menuntut manusia agar mengorbankan seluruh hidup mereka untuknya. Tetapi jika tuntutan pengorbanan itu diajukan kepada sesiapa sahaja mereka wajib menurut dan Allah juga sememangnya mempunyai hak untuk menuntut seluruh manusia agar memasrahkan diri kepadaNya, kerana apa pun yang ada di langit dan di bumi ini semuanya adalah milik Allah. Bahkan, manusia sendiri adalah milik Allah. Demikian juga, segala sesuatu yang ada pada manusia dan yang dimilikinya adalah milik Allah. Oleh kerana itu, adalah sesuai dengan keadilan mahupun akal yang sihat bahawa, apa pun yang menjadi milik Allah haruslah diserahkan kepadaNya sahaja. Apa sahaja yang dikorbankan manusia untuk manusia lain, atau untuk kepentingannya sendiri, atau untuk memuaskan hawa-nafsunya, adalah merupakan pengkhianatan amanat kecuali apabila hal itu dilakukan atas perintah Allah dan menurut cara-cara yang telah ditentukanNya. Sebaliknya, apa sahaja yang dikorbankan untuk Allah, pada hakikatnya hanyalah memberikan hak yang memang sudah menjadi milikNya.

Namun umat Islam boleh mengambil pengajaran terhadap sikap orang-orang ynag mengorbankan segala milik mereka untuk kepentingan ajaran-ajaran batil yang mereka anut serta sembahan-sembahan mereka yang bathil dengan semangat pengorbanan, pengabdian dan kesetiaan yang tidak ada taranya dalam sejarah. Alangkah anehnya kita lihat kepada sikap mereka kerana semangat pengabdian dan pengorbanan yang begitu tinggi diperlihatkan oleh manusia terhadap ajaran yang bathil, sementara tiada satu peratus pun dari semangat seperti itu yang diberikan untuk kebenaran.

MUHASABAH DIRI

Saya ingin mengajak anda semua untuk menilai diri kita masing-masing dengan nilaian iman dan Islam yang telah dikemukakan pada permulaan bab ini; dan mengukur kehidupan kita dengan sinaran kriteria tersebut. Bila anda mengakui telah menerima Islam dan menyatakan iman kepadanya, periksalah apakah benar bahawa hidup dan mati anda adalah benar-benar untuk Allah sahaja. Apakah hidup, akal fikiran, tenaga yang.ada

pada jiwa dan raga anda, waktu dan usaha-usaha anda, semuanya anda abdikan untuk memenuhi kehendak Allah? Apakah yang harus anda kerjakan untuk membawa kepada tercapainya tugas yang telah diberikan Allah kepada ummat Islam? Selanjutnya, apakah anda telah memberikan seluruh kepatuhan dan pengabdian anda sepenuhnya kepada Allah? Apakah pelayanan kepada hawa-nafsu dan pengabdian kepada keluarga, saudara-saudara, handai-taulan, masyarakat dan penguasa negara, telah sepenuhnya terhapus dari jiwa anda? Sudahkah anda mengukur suka dan benci anda, semuanya bergantung pada kehendak Allah? Kemudian anda juga harus memeriksa apakah apabila anda mencintai seseorang, hal itu anda lakukan kerana Allah atau tidak; apakah bila anda membenci seseorang, juga kerana Allah? Apakah dalam cinta dan benci anda tidak mengandungi unsur egoisme? Sekali lagi, anda harus memeriksa apakah tindakan anda, dalam memberi atau tidak memberi sesuatu kepada seseorang juga, telah anda lakukan kerana Allah. Benarkah bahawa, apa pun yang anda belanjakan untuk kepentingan anda sendiri, ataupun anda berikan kepada orang lain itu telah ditetapkan Allah, dan bahawa dengan perbelanjaan dan pemberian itu, bertujuan semata-mata mencari redhaNya? Demikian juga apabila anda tidak memberikan sesuatu kepada seseorang, apakah hal itu juga kerana Allah melarang anda memberikannya? Bila anda merasakan yang sedemikian itu dalam diri anda, maka anda harus bersyukur kepada Allah bahawa anda telah dianugerahi rahmat iman yang sebenar-benarnya dalam diri. Tetapi apabila dalam hal ini anda masih merasakan suatu kekurangan, maka anda harus memusatkan tekad dan perhatian anda untuk menghilangkan kekurangan ini, kerana kesejahteraan anda di dunia ini dan keselamatan anda di akhirat nanti, bergantung pada usaha anda untuk menghilangkan kekurangan dalam iman anda itu. Anda mungkin sahaja boleh mencapai kejayaan yang setinggi-tingginya di dunia ini. Tetapi kejayaan anda itu tidak akan dapat menebus kerugian anda di akhirat, kerana kekurangan iman anda itu. Tetapi apabila anda berjaya menutupi kekurangan iman anda, maka walaupun anda tidak memperoleh apa-apa di dunia ini, maka ingatlah anda akan tetap berjaya di akhirat nanti.

Kriteria ini ditetapkan bukan dengan maksud agar anda menilai orang lain dengannya, dan menentukan apakah mereka itu mukmin, kafir atau munafik, tetapi supaya anda menilai diri anda sendiri, dan setelah mengetahui kekurangan dalam iman anda, anda segera mencuba menghilangkannya sebelum anda dihadapkan di mahkamah pengadilan akhirat nanti. Anda tidak perlu penilaian ulama, mufti atau kadi mana pun. Namun yang penting bagi anda adalah penilaian dari Penguasa Tertinggi, yang mengetahui hal yang ghaib mahupun yang kelihatan. Janganlah anda cepat merasa puas dengan melihat nama anda tercantum sebagai seorang Islam dalam kad bancian penduduk anda, tetapi berusahalah agar nama anda tercatat dalam Buku Catatan Allah sebagai hambanya yang patuh. Tiada gunanya apabila seluruh manusia di dunia ini memberikan surat keterangan bahawa anda adalah seorang Islam. Kejayaan anda yang sebenarnya terletak dalam penilaian yang diberikan oleh Allah, bahawa anda adalah seorang Mukmin, bukannya seorang munafik, seorang beriman dan bukannya seorang kafir.

\

4. UNTUK APA PATUH KEPADA ALLAH?

Saudara-saudara sesama Muslim!

Saya telah berulangkali menekankan dalam khutbah-khutbah saya yang lalu bahawa "Islam" bermakna patuh kepada Allah dan RasulNya. Seseorang **sama sekali tidak** boleh disebut seorang "Muslim" kecuali apabila dia tidak menghambakan diri kepada apa-apa pun termasuk keinginan dan kemahuannya **sendiri,** adat dan kebiasaan yang berlaku di masyarakat, serta kehendak orang-orang yang lebih mencintai dunia, dan hanya memasrahkan diri kepada Allah dan RasulNya sahaja.

Sekarang saya akan menerangkan kepada anda mengapa sangat ditekankan kepatuhan kepada Allah dan RasulNya. Mungkin ada yang bertanya: Apakah Allah ingin kita jadikanNya Maharaja Yang Tertinggi sehingga ia menuntut kita agar patuh kepadaNya dan kepada RasulNya? Apakah Allah juga berkeinginan seperti raja-raja di dunia, untuk memuaskan kehendakNya, dan sebagaimana halnya raja-raja itu juga, menuntut agar semua orang patuh kepadaNya sahaja? Hari ini saya akan memberikan jawapan kepada pertanyaan-pertanyaan ini.

KESEJAHTERAAN MANUSIA TERLETAK PADA KEPATUHAN TERHADAP ALLAH

Kenyataan tuntutan Allah kepada manusia agar patuh kepadaNya, adalah dimaksudkan demi kesejahteraan dan kebaikan manusia itu sendiri. Allah tidaklah sama dengan penguasa-penguasa di dunia ini. Apabila penguasa-penguasa di dunia menuntut agar rakyat patuh kepada mereka, hal itu mereka lakukan adalah demi kepentingan mereka sendiri. Tetapi Allah tidaklah memerlukan apa pun daripada manusia. Allah tidak memerlukan pajak dari anda. Allah tidak perlu mendirikan istana, membeli kenderaan, dan membeli barang mewah dari hasil pajak yang dipungut dari anda. Maha Suci Allah, Dia tidak memerlukan sesuatu apa pun yang sejenis itu. Kerana, segala sesuatu yang ada di dunia ini adalah milikNya belaka. Allah adalah pemilik semua simpanan kekayaan yang ada di bumi ini. Allah menuntut kesetiaan manusia kepadaNya hanya kerana Dia menginginkan agar manusia hidup sejahtera. Allah tidak menginginkan makhluk paling mulia yang diciptakanNya menjadi hamba syaitan atau hamba manusia, atau menundukkan kepala di hadapan benda-benda atau makhluk-makhluk yang berdarjat rendah. Allah tidak menginginkan mereka yang menjadi wakilNya di bumi ini, meraba-raba dalam kegelapan, kebodohan dan, sebagaimana binatang, menjadi hamba bagi hawa-nafsunya sendiri, dan dengan demikian merendahkan darjat dirinya kepada darjat yang serendah-rendahnya. Kerana itu Dia memerintahkan: "Patuhlah kamu kepada Kami. Berjalanlah terus ke depan dengan membawa obor, cahaya, yang telah Kami kirimkan kepadamu melalui utusan-utusan Kami. Pasti kalian akan menemui jalan yang lurus, dan dengan menempuh jalan itu kamu akan memperoleh kedudukan yang terhormat di dunia ini dan di akhirat nanti".

"Tidak ada paksaan untuk (memasuki) agama (Islam); sesungguhnya telah jelas jalan yang benar daripada jalan yang salah. Kerana itu barangsiapa yang ingkar kepada thaghut dan beriman kepada Allah, maka sesungguhnya ia telah berpegang kepada buhul tali yang amat kuat yang tidak akan putus. Dan Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. Allah pelindung orang-orang yang beriman; Dia mengeluarkan mereka dari kegelapan (kekafiran) kepada cahaya (iman). Dan orang-orang yang kafir, pelindung-pelindungnya ialah syaitan, yang mengeluarkan mereka daripada cahaya kepada kegelapan (kekafiran). Mereka itu adalah penghuni neraka, mereka kekal di dalamnya". (Al-Qur'an, al-Baqarah 2:256-257)

PATUH KEPADA SELAIN ALLAH ADALAH PENYELEWENGAN

Sekarang marilah kita lihat mengapa manusia boleh tersesat dalam kegelapan dengan mematuhi objek-objek selain Allah, dan mengapa bahawa cahaya kebenaran hanya boleh diperoleh dengan jalan patuh kepada Allah.

Anda hendaklah mengetahui bahawa hidup anda terikat oleh beribu mata-rantai hubungan. Hubungan anda yang pertama adalah dengan jasad anda sendiri. Tangan, kaki, mata, telinga, lidah, otak, hati, perut, semuanya diberikan Allah untuk melayani kepentinganmu. Anda harus mencari bagaimana caranya menggunakan mereka dengan baik Dengan apa anda harus mengisi perut anda, dan dengan apa tidak. Pekerjaan apa yang boleh dikerjakan oleh tangan dan apa yang tidak. Jalan mana yang harus ditempuh oleh kaki dan jalan mana yang tidak boleh dijalani. Pekerjaan apa yang boleh dikerjakan oleh mata dan telinga dan pekerjaan apa yang tidak boleh. Untuk pembicaraan yang bagaimana lidah harus dipakai. Fikiran macam apa yang harus difikirkan oleh otak. Semua ini harus anda pertimbangkan. Anda boleh memanfaatkan pelayan-pelayanmu itu untuk mengerjakan pekerjaan yang baik ataupun yang buruk. Mereka boleh mengangkat darjat anda menjadi orang yang mulia dan luhur, tetapi mereka juga boleh memerosokkan anda ke jurang kehinaan yang lebih rendah daripada binatang.

Selain itu, anda mempunyai ikatan dengan anggota keluarga anda. Anda punya ayah, ibu, saudara lelaki, saudara perempuan, anak, isteri, dan kerabat-kerabat lain. Dalam hal ini, anda harus memutuskan bagaimana anda harus berbuat terhadap orang-orang ini. Apa hak anda terhadap mereka dan apa hak mereka terhadap anda? Kesenangan, kebahagiaan dan kejayaan anda di dunia ini dan di akhirat nanti bergantung pada tingkah laku anda yang benar terhadap mereka. Apabila tingkah laku anda salah, dunia akan menjadi neraka bagi anda, dan tidak hanya di dunia ini sahaja, tetapi juga di akhirat nanti, anda harus mempertanggungjawabkannya kepada Allah.

Seterusnya, anda juga mempunyai hubungan dengan beribu-ribu manusia di dunia ini. Sebahagian dari mereka adalah tetangga anda, sebahagian adalah teman-teman dan sahabat anda, dan sebahagian lagi mungkin musuh-musuh anda. Juga banyak di antara mereka yang merupakan sokongan bagi anda. Kepada sebahagian dari mereka, anda harus memberi sesuatu, dan dari yang lainnya anda harus mengambil sesuatu. Seseorang yang memberi amanah kepada anda, sesungguhnya dia mempercayai anda, sedangkan apabila anda mengamanahkan sesuatu kepada orang, anda juga mempercayai orang itu.

Kedudukan anda kadang-kadang tinggi dari sebahagian orang, dan sebahagian lagi lebih tinggi kedudukannya dari anda. Pendeknya, anda tidak dapat tidak, mesti terus-menerus berurusan dengan begitu banyak orang yang tidak boleh anda hitung. Dan kebahagiaan anda, kehormatan dan nama baik anda di dunia ini, semuanya bergantung pada kemampuan anda untuk mempertahankan hubungan-hubungan ini atas dasar tingkah laku yang benar. Dan sama halnya di akhirat nanti, anda boleh memperoleh tempat terhormat di sisi Allah, hanya apabila anda tidak pernah merampas hak-hak seseorang dan tidak pernah berlaku zalim terhadap siapapun. Anda akan memperoleh tempat terhormat di akhirat nanti, apabila di sana tidak ada yang menuntut dan menuduh anda telah merosakkan kehidupan atau merugikan kehormatan, hidup atau harta-benda seseorang secara tidak sah. Oleh kerana itu anda juga harus memutuskan bagaimana memelihara hubungan-hubungan yang tidak terhitung banyaknya ini dengan cara yang sepatutnya, dan menghindarkan perbuatan-perbuatan yang boleh merosak hubungan-hubungan ini.

Sekarang, anda harus ingat bahawa untuk memelihara hubungan yang benar - antara anda dengan tubuh anda sendiri, dengan anggota-anggota keluarga anda, dan dengan orang-orang lain - anda memerlukan petunjuk pengetahuan pada setiap langkah. Anda harus tahu apa yang benar dan apa yang tidak benar dalam setiap tindakan. Apa yang asli dan apa yang palsu, mana yang adil dan mana yang zalim. Siapa yang mempunyai hak atas diri anda dan berapa banyak haknya, apa hak anda atas orang lain dan sejauh mana. Di mana keuntungan dan kerugian yang sebenarnya. Apabila anda berusaha mencari pengetahuan tentang semua hal ini dalam diri anda sendiri, anda tidak akan mendapatkannya, kerana diri-manusia (nafs) sendiri adalah jahil. Apa lagi yang dipunyai oleh nafsu itu selain dorongan-dorongan kepuasan jasmani. Nafsu anda akan menyuruh minum minuman keras, melacur dan mencari wang dengan cara tidak sah, kerana hal-hal itu adalah menyenangkan bagi nafsu. Nafsu akan menggoda anda untuk merampas hak-hak orang lain dan menahan hak mereka, kerana perbuatan seperti itu adalah menguntungkan bagi diri anda. Nafsu akan mengajak anda memperalat dan mencegah anda untuk memberikan bantuan kepada orang lain, kerana dengan cara ini hidup anda akan senang sekali. Apabila anda menyerahkan diri kepada nafsu yang jahil dan menyeleweng itu, tentu ia akan menyeret anda menjadi orang yang hanya mementingkan diri sendiri, menjadi orang yang rosak akhlak dan hidup anda akan hancur di dunia dan akhirat nanti.

Hal kedua yang mungkin terjadi dari mengikuti nafsu anda sendiri, adalah anda percaya pada manusia dan membiarkan mereka menyeret anda ke mana sahaja mereka kehendaki. Bahaya yang mungkin terjadi adalah munculnya orang-orang egois yang akan memperbudakkan anda, atau munculnya orang-orang jahil – yang dia sendiri sudah sesat – yang akan menyesatkan anda. Atau seorang yang zalim yang mungkin akan memperalatkan anda yang menggunakan anda untuk melakukan kezaliman terhadap orang lain. Pendeknya, dengan mempercayakan diri pada orang lain, anda tidak akan dapat petunjuk pengetahuan yang dapat membimbing anda untuk membezakan mana yang benar dan mana yang salah, dan anda tidak akan dpat menempuh jalan yang benar dalam hidup anda di dunia ini.

PETUNJUK YANG BENAR HANYA DARI ALLAH

Akhimya hanya tinggal Allah Yang Maha Mengetahui sahajalah yang boleh memberi petunjuk yang anda perlukan. Tuhan adalah Maha Mengetahui dan Maha Melihat. Allahlah mengetahui segala rahsia dan hakikat sesuatu. Hanya Dialah yang mampu memberitahu anda di mana letak keuntungan dan kerugian anda yang sebenarnya, tindakan apa yang betul-betul benar bagi anda dan tindakan apa yang salah. Di samping itu Allah juga tidak memerlukan apa-apa pun dari anda atau dari siapa sahaja. Allah tidak perlu mengejar keuntungan. Allah sama-sekali tidak perlu *(ma'adzallah)* untuk mencari keuntungan dengan jalan menipu. Jadi, petunjuk apa pun yang diberikan oleh Zat yang Maha Suci dan tidak memerlukan sesuatu itu, tidak akan mengandungi motif mencari keuntungan diri sendiri, dan sepenuhnya hanya dimaksudkan demi untuk kepentingan anda sendiri. Allah juga Hakim yang Maha Adil. Tidak ada satu titik kezaliman pun yang ada padaNya. Dengan demikian, perintah-perintahNya seluruhnya akan berdasarkan pada kebenaran dan keadilan. Kalau anda mengikuti perintah-perintahNya, maka anda tidak akan terjerumus melakukan kezaliman kepada diri anda sendiri mahupun orang lain.

BAGAIMANA MEMPEROLEH MANFAAT DARI BIMBINGAN ILAHI?

Terdapat dua hal yang diperlukan untuk boleh memperoleh manfaat dari petunjuk yang diberikan Allah. Pertama, percaya sepenuhnya kepada Allah dan Rasul-Nya yang membawa petunjuk itu. Ertinya, anda harus betul-betul yakin bahawa petunjuk apa pun yang diberikan Rasuluilah berdasarkan Wahyu Ilahi adalah mutlak benar, selepas daripada anda memahami kebijaksanaan yang ada disebalik petunjuk itu atau tidak. Kedua, setelah mempercayai petunjuk itu, anda harus segera menurutinya; jikalau tidak, anda tidak akan memperoleh hasil apa-apa. Misalkan ada seseorang yang mengatakan kepada anda bahawa suatu makanan mengandung racun yang mematikan, kerana itu jangan dimakan. Lalu anda berkata: "Kamu pasti benar. Makanan itu tentu mengandung racun dan boleh mematikan". Tetapi setelah mempercayai hal itu anda memakan makanan itu. Tentu sahaja akibatnya akan sama sahaja dengan apabila anda memakannya tanpa tahu bahawa makanan itu beracun. jadi, apa gunanya anda mempercayai dan mengetahui bahawa makanan itu beracun? Anda akan memperoleh manfaat dari petunjuk Allah apabila anda mematuhi perintah-perintahNya setelah anda percaya kepadaNya. Anda tidak boleh hanya berkata sahaja: "Kami percaya dan membenarkan perintah-perintah yang diberikan Allah". Anda harus betul-betul melaksanakannya. Demikian pula, anda tidak boleh hanya berjanji di mulut sahaja bahawa anda tidak akan melakukan hal-hal yang telah dilarang oleh Allah, tetapi harus betul-betul menjahuinya. Itulah sebabnya Allah berulang-ulang menegaskan:

> *"Taatiah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada RasulNya..."*
> *(Al-Qur'an, al-Maidah, 5:92).*

> ....Dan jika kamu taat kepadanya (Rasul), nescaya kamu mendapat petunjuk..."
> (Al-Qur'an, *an-Nur*, 24:54)

"Janganlah kamu jadikan panggilan Rasul di antara kamu seperti panggilan sebahagian kamu kepada sebahagian (yang lain). Sesungguhnya Allah telah mengetahui orang-orang yang beransur-ansur pergi di antara kamu dengan berlindung (kepada kawannya), maka hendaklah orang-orang yang menyalahi perintahNya takut akan ditimpa cubaan atau ditimpa azab yang pedih".
(Al-Qur'an, an-Nur, 24:63)

ERTI PATUH KEPADA ALLAH DAN RASULULLAH SAW

Saudara-saudara sesama Muslim.

Seruan saya yang berulang-ulang kepada anda, bahawa hanya Allah dan RasulNya sahajalah yang harus dipatuhi, tidak bererti bahawa anda tidak boleh dengar dan patuh perkataan dari sesiapa pun. Tetapi maksudnya ialah, anda tidak boleh mengikut perkataan orang begitu sahaja, tetapi mestilah anda selalu memeriksa apakah orang yang menyuruh anda melakukan sesuatu itu berdasarkan ajaran-ajaran Allah dan Rasul-Nya, atau bertentangan dengan ajaran Allah dan Rasul-Nya. Apabila perkataan orang itu memang sesuai dengan ajaran Allah dan Rasul-Nya, maka anda harus mengikuti perkataannya, kerana itu bererti anda mengikuti Allah dan, Rasul-Nya. Tetapi apabila perkataannya itu tidak sesuai dengan ajaran Allah dan Rasul-Nya, maka anda tidak boleh mengikutinya, kerana seorang Muslim tidak boleh mengikuti perkataan sesiapa. pun selain yang datang dari Allah dan Rasul-Nya.

Anda boleh memahami masalah ini apabila anda ingat bahawa Allah sendiri tidak datang kepada anda dan menyampaikan perintah-perintahNya. Apa pun perintah-perintahNya yang hendak disampaikan, telah disampaikan melalui Rasul-Nya. Sedangkan Rasulullah sendiri telah pulang ke rahmatullah kira-kira seribu empat ratus tahun dahulu. Perintah-perintah Allah yag disampaikan kepada baginda, tersimpan dalam al-Qur'an dan perintah dari baginda sendiri yang berdasarkan perintah Allah tersimpan dalam Hadith. Tetapi al-Qur'an dan Hadith bukanlah seperti manusia yang boleh bergerak ke mana-mana dan memberikan perintah. Kedua-duanya tidak boleh datang kepada anda dan memberikan perintah untuk melakukan hal-hal tertentu, dan melarang melakukan hal-hal tertentu. Dalam hal ini, hanya manusia sahajalah yang boleh membantu anda menyesuaikan tingkah laku anda sesuai dengan ajaran-ajaran al-Qur'an dan Hadith. Oleh sebab itu, apabila anda sendiri tidak memahami al-Qur'an yang sebenarnya dan tiada ahli-ahli Hadith yang dekat dengan kehidupan anda, maka tidak ada jalan lain bagi anda selain mengikuti petunjuk-petunjuk dari orang yang tahu akan kedua-dua sumber tersebut. Tetapi anda tidak boleh mengikuti perkataannya secara membuta sahaja, tetapi mestilah memeriksa apakah perkataannya itu sesuai dengan al-Qur'an dan Hadith atau tidak. Apabila orang tersebut memberi bimbingan kepada anda berdasarkan, al-Qur'an dan Hadith, maka wajiblah bagi anda untuk mengikutinya. Tetapi apabila perkataannya tidak sesuai dengan al-Qur'an dan Hadith, maka anda dilarang untuk mengikutinya.

5. DIN DAN SYARI'AH

Saudara-saudara sesama Muslim.

Dalam pembicaraan-pembicaraan keagamaan, anda seringkali menggunakan dan mendengar dua perkataan: *din* dan *syari'ah.* Tetapi sedikit sekali di antara anda yang tahu tentang makna sebenar kedua-dua kata itu. Orang-orang awam memang tidak boleh disalahkan; tetapi bahkan orang-orang yang berpendidikan serta banyak ulama pun tidak tahu makna dan aplikasi kedua-dua kata ini serta perbezaan ertinya, patut sungguh disesalkan. Kerana kejahilan ini, perkataan *din* dan *syari'ab* seringkali dicampuradukkan dan menimbulkan banyak kebingungan dan kekacauan. Sekarang saya akan menerangkan kepada anda makna kedua-dua kata itu dengan bahasa yang sederhana.

ERTI "DIN"

Din mempunyai beberapa erti. Erti yang pertama adalah "kehormatan pemerintahan, negara, kemaharajaan dan kekuasaan". Erti yang kedua sangat bertentangan dengan erti yang pertama, iaitu: "ketundukan, kepatuhan, perbudakan, penghambaan, dan penyerahan". Erti ketiga adalah "memperhitungkan, mengadili, memberi ganjaran dan hukuman atas perbuatan". Ketiga-tiga erti ini dipakai di dalam al-Qur'an.

> Allah berfirman:
> "Sesungguhnya agama (yang diredhai) di sisi Allah, hanyalah Islam..."
> (Al-Qur'an, *Ali 'Imran,* 3:19)

Ini bererti bahawa bagi Allah yang disebut *din* adalah ajaran yang membuat manusia mengakui hanya Allah sahaja yang menjadi Pemilik Kemuliaan dan Kehormatan, dan yang tidak membuat manusia bersujud di hadapan siapa pun kecuali Allah. Manusia harus memandang Allah sahaja sebagai Majikan, Yang Dipertuan dan Penguasa, dan manusia tidak boleh menjadi hamba, pelayan dan orang bawahan kepada sesiapa pun kecuali Allah. Manusia harus menganggap Allah sahaja sebagai Pemberi ganjaran dan hukuman, dan tidak boleh takut kepada siapa pun kecuali Dia serta tidak boleh menginginkan ganjaran atau menakuti hukuman dari siapa pun kecuali dari Dia. Sebutan *din* seperti ini maksudnya adalah agama Islam. Apabila, berlawanan dengan din yang seperti ini, misalnya, manusia menganggap seorang manusia lain sesamanya sebagai pemilik kehormatan dan kemuliaan yang sesungguh-sugguhnya, sebagai tuan dan penguasa yang mutlak, serta pemberi ganjaran dan hukuman yang sebenamya, lalu tunduk kepadanya dengan sikap yang hina, menghamba kepadanya, mentaati perintah-perintahnya, menginginkan ganjaran dan takut akan hukuman daripadanya, maka *din* seperti ini adalah *din* yang bathil. Allah tidak akan menerima *din* yang semacam ini kerana sama-sekali berlawanan dengan realiti. Tiada ada sesuatu pun selain Allah yang memiliki kehormatan dan kemuliaan di seluruh alam semesta ini, tidak pula ada kekuasaan dan kerajaan selain kekuasaan dan kerajaanNya. Manusia diciptakan bukan untuk menjadi pelayan atau budak kepada siapa pun selain Allah, tidak pula ada majikan yang sebenarnya selain Dia yang mampu memberi ganjaran dan hukuman. Kenyataan ini

telah ditunjukkan dalam dua ayat berikut:

> *"Dan barangsiapa mencari agama selain agama Islam, maka sekaii-kali tidaklah akan diterima (agama itu) daripadanya, dan di akhirat termasuk orang-orang yang rugi". (Al-Qur'an, Ali 'Imran, 3:85)*

Ertinya, barangsiapa mengabaikan kedaulatan dan kemaharajaan Tuhan, sebaliknya mengakui manusia lain sesamanya sebagai majikan dan penguasa, serta menjadi pelayan dan hambanya, dan menganggapnya sebagai pemberi ganjaran dan hukuman, maka Tuhan tidak akan menerima dinnya, kerana:

> *"Padahal mereka tidak disuruh kecuali supaya menyembah Allah dengan memurnikan ketaatan kepadaNya dalam (menjalankan) agama dengan lurus..."*
> *(Al-Qur'an, al-Bayyinah, 98:5)*

Sememangnya Allah telah menciptakan manusia supaya menjadi hambaNya semata-mata, dan Dia telah melarang mereka bersikap hina dan menghamba kcpada siapa pun selain Dia. Oleh sebab itu, wajiblah manusia memalingkan diri dari sesama makhluk dan memusatkan perhatian mereka hanya kepada *din* mereka sahaja, iaitu kepatuhan dan penghambaan kepada Allah. Manusia harus mengabdikan diri untuk melayaniNya dengan sepenuh hati, dan hanya takut dipertanggungjawabkan terhadapNya sahaja.

> *"Maka apakah mereka mencari agama yang lain dari agama Allah, padahal kepada-Nyalah, menyerahkan diri segala apa yang di langit dan di bumi, baik dengan suka mahupun. terpaksa, dan hanya kepada Allah mereka dikembalikan".*
> *(AlQur'an, Ali 'Imran, 3:83)*

Ini bererti bahawa, apakah manusia mahu bersikap hina dan rendah serta melayani sesama manusia lain - walaupun semua makhluk yang ada di langit dan di bumi menjadi budak dan pelayan yang patuh kepada Allah semata-mata dan mereka hanya menyerahkan diri kepada-Nya sahaja dan mempertanggungjawabkan perbuatan mereka kepada-Nya sahaja. Apakah manusia mahu membuat rencana sendiri yang bertentangan dengan rencana seluruh alam semesta yang terdiri dari bumi dan langit.

> *"Dialah yang telah mengutus RasulNya (dengan membawa) petunjuk (al-Qur'an) dan agama yang benar untuk dimenangkanNya atas segala agama, walaupun orang-orang musyrik tidak menyukai". (Al-Qur'an, at-Taubah, 9:33)*

Ini bererti bahawa Allah telah mengutuskan utusanNya dengan membawa *din* yang benar dengan tujuan mengakhiri kedaulatan semua tuhan-tuhan palsu, dan meningkatkan darjah manusia sedemikian rupa, sehingga mereka tidak lagi menjadi pelayan kepada sesiapa pun kecuali Penguasa alam semesta dengan tidak mempedulikan keberatan apa pun yang diajukan oleh kaum musyrik dan kafir terhadapnya, kerana kejahilan mereka.

> *"Dan peranglah mereka supaya jangan ada fitnah dan supaya agama itu semata-mata bagi Allah..." (Al-Qur'an, al-Anfal, 8:39)*

Ertinya, anda harus melakukan peperangan, sehingga kejahatan kedaulatan makhluk - bukan kedaulatan Allah – dapat dilenyapkan, dan hanya hukum Allah sahaja berlaku di dunia ini, kedaulatan Allah sahaja yang diakui dan manusia hanyalah menjadi hamba Allah semata-mata.

Dari penjelasan-penjelasan tersebut di atas, tentulah anda sekarang boleh memahami erti *din* (agama), yakni:

* Mengakui hanya Allah sahaja sebagai Tuhan, Majikan, dan Penguasa.
* Taat hanya kepada Allah sahaja, serta mengabdi hanya kepadaNya sahaja.
* Takut akan dipertanggungjawabkan terhadap Allah, takut pada hukumanNya, dan sangat mengharapkan ganjaran-Nya.

Oleh kerana perintah-perintah Allah hanya disampaikan kepada manusia dalam Kitab Nya melalui perantaraan Rasul yang membawa Kitab Suci tersebut, maka seseorang yang mengakui Allah sebagai Tuhan dan Penguasa, boleh dikatakan patuh kepadaNya, apabila d**ia** juga patuh pada UtusanNya dan melaksanakan perintah-perintah yang diterimanya melalui Utusan tersebut, sebagaimana tersebut dalam al-Qur'an:

> *"Wahai anak-anak Adam, jika datang kepadamu rasul-rasul dari kalanganmu sendiri yang menceritakan kepadamu ayat-ayat-Ku, maka barangsiapa yang bertaqwa dan mengadakan kebaikan, tidaklah ada kekhawatiran terhadap mereka dan tidak (pula) mereka bersedih hati". (Al-Qur'an, al-Araf, 7:35).*

Inilah tepatnya erti yang terkandung dalam *din.*

APAKAH SYARI'AH ITU?

Selanjutnya akan saya terangkan kepada anda apakah syari'ah itu sebenarnya. Syari'ah bererti cara dan jalan. Apabila anda telah mengakui Allah sebagai yang paling berdaulat atas diri anda dan menerima penghambaan terhadapNya. Dan apabila anda telah mengakui bahawa Rasul adalah penguasa dan pemerintah yang nampak di dunia ini, sebagai wakil dari Tuhan, serta mengakui bahawa Kitab Suci yang dibawa Rasul tersebut, sememangnya dikirimkan oleh Allah, maka ini bererti bahawa anda telah memasuki *din* Allah. Setelah itu, bagaimana cara anda untuk mengabdi kepada Allah, dan jalan mana yang harus ditempuhi dalam pengabdian anda kepadaNya, itulah yang disebut syari'ah. Cara dan jalan ini juga ditunjukkan oleh Allah melalui RasulNya yang mengajarkan cara menyembahNya serta jalan menuju kesucian dan kebersihan. Rasul menunjukkan kepada kita jalan menuju kebaikan dan kesolehan, cara-cara memberikan hak-hak, cara-cara melakukan transaksi-transaksi dan urusan-urusan dengan sesama manusia, dan cara hidup keseluruhannya. Perbezaan antara *din* dan *syari'ah* adalah bahawa, din selamanya adalah situ dan sama, baik dahulu mahupun sekarang, maka syari'ah adalah banyak. Sebahagian daripadanya dihapuskan, sebahagiannya lagi diganti. Tetapi perubahan-perubahan dalam syari'ah ini tidaklah mengubah din. Din Nabi Nuh adalah sama dengan din Nabi Ibrahim, Musa, Isa, Syu'aib, Soleh, Hud, dan Muhammad saw, tetapi syari'ah dari tiap-tiap Rasul

tersebut, berbeza antara satu sama lain. Cara-cara melakukan solat dan puasa dari satu nabi ke nabi yang lain, ajaran-ajaran tentang halal dan haram, peraturan-peraturan tentang bersuci dan aturan-aturan perkahwinan, perceraian dan pembahagian warisan agak berbeza dari satu syari'ah ke syari'ah yang lain. Tetapi meskipun ada perbezaan-perbezaan dalam syari'ah ini, namun semuanya adalah sama-sama Muslim, sama ada pengikut-pengikut Nabi Nuh, Nabi Ibrahim, Nabi Isa, pengikut-pengikut Nabi Musa, dan kita semua ini juga adalah orang-orang Muslim kerana din kita adalah satu dan sama. Ini menunjukkan bahawa din tidak terpengaruh oleh perbezaan-perbezaan dalam peraturan-peraturan syari'ah. Din tetap sama walaupun cara-cara untuk melaksanakannya berbeza.

SIFAT PERBEZAAN DALAM SYARI'AH

Untuk memahami perbezaan ini, marilah kita umpamakan ada seorang tuan yang mempunyai banyak pelayan. Seorang pelayan yang tidak mengakui tuannya dengan semestinya, dan tidak menganggap perintahnya layak untuk ditaati, adalah pelayan yang pembangkang dan tidak patut disebut pelayan. Sedangkan mereka yag mengakui tuannya sebagai tuan, merasa berkewajipan menjalankan perintah-perintahnya dan takut untuk membangkang terhadapnya, adalah layak disebut pelayan. Apabila cara-cara melaksanakan tugas yang diberikan oleh tuan mereka itu berbeza satu sama lain, maka hal itu tidaklah mempengaruhi identiti mereka sebagai pelayan. Apabila tuannya menunjukkan satu cara untuk melayaninya kepada seorang pelayan dan menunjukkan cara yang lain kepada pelayan yang lain, maka pelayan yang pertama tidak berhak untuk mengatakan bahawa hanya dia sendirilah pelayan tuannya itu dan pelayan yang kedua itu bukan. Sama halnya, apabila pemahaman seorang pelayan tentang perintah tuannya berbeza dengan pemahaman pelayan yang lain, tetapi keduanya melaksanakan perintah itu sebagaimana menurut pemahaman masing-masing, maka kedua pelayan tersebut adalah sama-sama mengabdi kepada tuannya dengan pengabdian yang sama. Mungkin yang satu salah dalam memahami maksud perintah itu sedangkan yang lain dapat memahaminya dengan betul. Tetapi selama kedua-duanya tetap melaksanakan perintah-perintah tersebut, maka tidak seorang pun boleh mengatakan kepada pelayan yang salah faham tersebut bahawa, ia telah membangkang perintah tuannya dan kerana itu dipecat dari jabatannya.

Dari contoh ini anda dapat dengan jelas memahami perbezaan antara *din* dan syari'ah. Sebelum kedatangan Rasulullah Muhammad saw, Allah telah mengirim pelbagai syari'ah melalui pelbagai rasul. Kepada seorang rasul dikirimkan satu macam cara mengabdi kepada Allah, dan kepada rasul yang lain dikirimkan cara yang lain. Mereka yang mengabdikan diri kepada Allah menurut cara-cara yang diajarkan oleh rasul-rasul tersebut adalah orang-orang Islam, walaupun cara-cara pengabdian mereka berbeza satu sama lain. Kemudian pada waktu Rasulullah Muhammad diutus, Allah memerintahkan: "Sekarang seluruh cara-cara pengabdian yang telah lalu, Kami hapuskan. Mulai sekarang siapa sahaja yang ingin mengabdi kepada Kami haruslah megikuti cara yang telah Kami ajarkan kepada Rasul Kami yang terakhir". Maka setelah adanya perintah ini, tidak seorang pun yang boleh mengabdikan kepada Allah menurut cara-cara yang sudah lalu, kerana bila ia tidak mengikuti cara yang baru dan mengikuti cara yang lama, maka sebenarnya dia tidaklah mentaati perintah Allah, melainkan menuruti kemahuannya sendiri. Kerana itu ia dapat dan memang secara otomatik, dipecat dari jawatan sebagai

hamba Allah, atau dalam bahasa agama, ia telah menjadi kafir.

SIFAT PERBEZAAN DALAM MAZHAB FIQH

Hal yang tersebut di atas adalah mengenai pengikut rasul-rasul sebelum Muhammad saw. Mengenai pengikut-pengikut Rasulullah Muhammad saw sendiri, maka bahagian kedua dari contoh yang tersebut di atas,berlaku bagi mereka. Semua orang yang percaya bahawa syari'ah yang dikirimkan Allah kepada Rasulullah saw adalah Syari'ah Allah dan merasa berkewajipan untuk mengikutinya adalah orang-orang Islam. Sekarang, apabila sebahagian orang Islam memahami perintah-perintah dalam syari'ah itu dengan suatu pengertian dan sebahagian orang Islam lain memahaminya dengan pengertian yang berbeza, maka kedua-dua kelompok orang Islam tersebut tetaplah orang Islam. Walaupun masing-masing memiliki pengertian yang berbeza tentang perintah-perintah tersebut, dan menjalankannya dengan cara yang berbeza pula, kerana masing-masing yang mengikuti sesuatu cara berkeyakinan bahawa cara itulah yang diperintahkan oleh Allah. Dalam hal ini, masing-masing mengatakan bahawa kelompoknya yang sendiri adalah hamba-hamba Allah yang sebenanrya, sedangkan kelompok yang lain bukan. Paling buruk yang dapat dikatakanNya adalah bahawa kelompoknya sendirilah yang memiliki pemahaman yang tepat mengenai perintah Allah, sedangkan kelompok yang lain tidak. Tetapi mereka sama sekali tidak berhak memecat kelompok yang lain itu dari kedudukan mereka sebagai orang-orang Islam. Barangsiapa yang berani memecat seorang Islam dari keIslamannya bererti telah menganggap dirinya sebagai tuhan. Seolah-olah ia berkata: "Sebagaimana yang engkau ketahui, adalah wajib bagimu mentaati perintah-perintah Allah, demikian pula wajib bagimu untuk tunduk pada pemahamanku tentang perintah Allah itu. Apabila kamu tidak mahu tunduk, maka aku dengan senangnya akan memecatmu dari kedudukanmu sebagai hamba Allah. Bayangkan, betapa besarnya hal ini! Oleh kerana itu Rasulullah saw mengatakan: "Barangsiapa dengan semena-mena melabel seorang Muslim sebagai kafir, maka tuduhannya itu akan berbalik kepada dirinya". Kerana Allah hanya mewajibkan seorang Muslim taat kepada perintahNya sahaja, si penuduh itu berkata: "Tidak, kamu juga harus tunduk pada penafsiran dan penilaianku" (yang bererti: Tuhanmu bukan hanya Tuhan sendiri sahaja, tetapi aku juga adalah tuhanmu yang kecil). Dan apabila kamu tidak tunduk kepada perintahku, maka dengan senangnya aku sendiri akan memecat kedudukanmu sebagai hamba Tuhan, tidak peduli apakah Tuhan memecatmu atau tidak". Barangsiapa yang sewenang-wenangya berkata seperti ini, bererti ia telah melibatkan dirinya ke dalam bahaya menjadi seorang kafir, terlepas dari apakah orang yang dilabelnya itu berubah dari Muslim menjadi kafir atau tidak.

Saudara-saudara!

Saya harap anda semua telah memahami sepenuhnya perbezaan antara *din* dan syari'ah. Anda juga tentunya telah mengerti bahawa perbezaan dalam cara mengabdikan diri pada Allah tidak bererti menyimpang dari *din*, asalkan orang yang mengikuti cara yang tertentu itu benar-benar sedar dan yakin bahawa Allah dan RasulNya benar-benar memerintahkan apa yang dikerjakannya itu, dan untuk menguatkan cara yang dilakukanya itu ia memiliki bukti yang kukuh dari Kitab Allah dan Sunnah RasulNya.

BAHAYANYA TIDAK MEMAHAMI PERBEZAAN ANTARA "*DIN*" DAN "SYARI'AH"

Sekarang saya ingin memberitahu anda bahaya yang akan melanda masyarakat Islam kerana ketidak fahaman mereka akan perbezaan antara *din* dan syari'ah.

Di kalangan ummat Islam ada beberapa cara dalam mengerjakan solat. Suatu kelompok orang Islam meletidakkan tangannya di atas dada, sedangkan yang lain meletidakkan di atas pusat atau perutnya. Sekelompok orang lagi mengikut membaca *Fatihah* ketika menjadi ma'mum di belakang imam, sementara kelompok yang lain tidak. Satu kelompok membaca amin dengan kuat, sedangkan kelompok yang lain dengan suara perlahan. Masing-masing kelompok mengikuti cara masing-masing dengan keyakinan bahawa cara yang dipakai kelompoknya sendiri itulah yang diajarkan Rasulullah saw, dan untuk memperkuatkan keyakinannya itu mereka memiliki dalil yang kuat. Oleh kerana itu, semua kelompok adalah tetap merupakan pengikut Nabi saw, walaupun cara-cara solat mereka berbeza. Tetapi orang-orang yang tidak baik hatinya, yang menganggap masalah-masalah syari'ah ini sebagai masalah-masalah *din* menyatakan: perbezaan-perbezaan dalam cara-cara beribadat itu sebagai perbezaan-perbezaan dalam *din*. Orang-orang seperti ini membuat kelompok-kelompok sendiri, memisahkan masjid-masjid mereka dari masjid-masjid kelompok lain, saling menghina satu sama lain, mengusir orang-orang Islam dari kelompok lain dari masjid-masjid mereka, melakukan 'perang debat' dan dalil dan memecah belah ummat Rasulullah. Bahkan kalau hal ini masih tidak memuaskan mereka, maka orang-orang yang suka bertengkar ini lalu bermula untuk saling melabel sebagai kafir, berdosa, atau pembuat bid'ah. Ini boleh terjadi apabila seseorang yang berprinsip sesuai dengan pemahamannya tentang *al-Quran dan Sunnah* tidak merasa puas hanya dengan menjalankan prinsipnya itu untuk dirinya sendiri, tetapi menganggap perlu untuk memaksa orang lain untuk mengikut pendiriannya itu, dan apabila orang lain menolaknya, ia mula melabel mereka kafir dan telah keluar dari *din* Allah.

Pelbagai mazhab yang anda lihat terdapat di kalangan ummat Islam seperti mazhab Hanafi, Syafi'i, Ahlul Hadis dan sebagainya, semuanya mengakui al-Quran dan Hadis dan sebagai pegangan terakhir dan melaksanakan ajaran-ajaran daripadanya sesuai dengan pemahaman mereka. Mungkin bahawa pemahaman yang dimiliki suatu mazhab adalah betul dan pemahaman yang lain keliru. Saya sendiri adalah penganut salah satu mazhab tersebut dan menganggapnya betul, dan saya juga berbincang dengan mereka yang menentang mazhab saya untuk menerangkan kepada mereka apa yang saya anggap benar dan membuktikan apa yang saya pandang salah. Tetapi menganggap pendapat orang lain salah adalah berbeza dengan mengkafirkannya. Setiap orang Islam punyai hak untuk mengikuti syari'ah menurut pemahamannya sendiri. Apabila sepuluh orang Islam mengikuti sepuluh cara yang berbeza, mereka semuanya adalah tetap orang Islam selama mana mereka percaya pada syari'ah Islam. Mereka tetap merupakan satu ummah dan tiada alasan bagi mereka untuk membentuk kelompok yang terpisah-pisah. Tetapi orang-orang yang tidak memahami hal ini lalu memecah belahkan masyarakat Islam menjadi kelompok-kelompok yang terpisah-pisah kerana soal-soal yang remeh, saling menyerang, saling berpisah solat dan masjid, menghentikan saling kahwin-mengahwini dan saling

berhubungan, dan menubuhkan kelompok-kelompok yang terdiri dari orang-orang yang sesama golongannya sendiri, dengan cara sedemikian rupa seolah-olah masing-masing kelompok adalah satu ummat yang berdiri sendiri.

BAHAYA PERPECAHAN

Anda tidak akan dapat menyedari bahaya yang telah menimpa Islam disebabkan oleh perpecahan ini, dengan hanya menyatakan bahawa kaum Mustimin adalah satu *ummah.* Tetapi cubalah buka mata anda untuk melihat kenyataan berikut.

Di Hindustan, ada 80 juta orang Islam. Seandainya masyarakat yang demikian besarnya ini betul-betul bersatu dan berjuang bahu-membahu untuk menegakkan kalimat Allah, siapa di dunia ini yang akan berani menganggap ringan terhadap mereka? Tetapi dalam kenyataannya, kerana adanya perpecahan-perpecahan di kalangan ummat, maka ummat ini telah berpecah-belah menjadi beratus-ratus golongan. Masing-masing golongan saling membenci, dan kerananya tidak boleh bersatu bahkan dalam keadaan yang paling krisis sekalipun masing-masing kelompok ummat Islam saling berprasangka melebihi prasangka orang Yahudi terhadap orang Kristian. Seringkali terjadi seorang anggota suatu kelompok ummat Islam berpihak kepada orang-orang kafir untuk menghinakan seorang anggota kelompok ummat Islam yang lain. Dalam keadaan begini, janganlah kita hairan apabila kita melihat ummat Islam dikalahkan dan dikuasai orang lain. Itulah akibat yang ditimbulkan oleh perbuatan mereka sendiri. Mereka telah terkena hukuman yang telah dinyatakan Allah dalam al-Qur'an.

"...atau Dia mencampurkan kamu dalam golongan-golongan (yang saling bertentangan) dan merasakan kepada sebahagian kamu keganasan sebahagian yang lain... " (Al-Qur'an, al*An'am, 6:65)*

Ertinya, salah satu hukuman Allah ialah Dia membahagi-bahagi anda sekalian menjadi golongan-golongan yang berbeza-beza dan menjadikan golongan yang satu menjadi musuh golongan yang lain.

Saudara-saudara. Hukuman yang dideritai oleh kaum Muslimin di seluruh Hindustan tampak paling nyata di Punjab. Di Hindustan, perbalahan antara kaum Muslimin adalah paling ramai di seluruh negeri, dan kerana inilah maka jumlah anda yang majoriti di Punjab ini tidak memiliki kekuatan apa-apa yang dapat mendatangkan faedah. Apabila anda menginginkan kesejahteraan, anda mesti membubarkan semua golongan-golongan yang ada, hidup bersaudara satu sama lain dan menjadi satu *ummah* yang bersatu. Tidak ada satu dalil pun dalam syari'ah Allah yang dapat dijadikan dasar untuk menjadikan mazhab-mazhab Ahlul Hadis, Hanafi, Deobandi, Brelvi, Syi'ah, Sunni dan sebagainya sebagai *ummah-ummah* yang terpisah-pisah. Ummah-ummah yang semacam ini adalah produk dari kejahilan. Allah hanya menjadikan satu ummah sahaja, iaitu: "Ummah Muslimah"

SOLAT

1. IBADAT

Saudara-saudara sesama Muslim.

Dalam khutbah saya yang telah lalu, saya telah menerangkan maksud *din* dan syari'ah. Hari ini saya akan menerangkan kepada anda erti sebuah kata lain yang sering dipakai oleh kaum Muslimin, tetapi hanya sedikit sekali yang mengetahui ertinya yang sebenarnya. Perkataan itu ialah *'Ibadat.*

Allah berfirman dalam Kitab SuciNya:

"Dan Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka menyembahKu". (Al-Qur'an, adz-Dzariyat, 51:56).

Dari ayat ini jelas bahawa tujuan anda lahir dan hidup di dunia ini tiada lain hanya beribadat kepada Allah. Nah, sekarang anda boleh menyedari betapa pentingnya bagi anda untuk mengetahui erti 'ibadat apabila anda ingin memenuhi tujuan, untuk apa anda diciptidakan. Sesuatu yang tidak dapat mencapai tujuannya bererti gagal. Apabila seorang doktor tidak boleh menyembuhkan penyakit pesakitnya, ia dikatakan gagal dalam pekerjaannya. Apabila seorang petani tidak boleh menanam tanaman yang baik, ia dikatakan gagal sebagai petani. Sama halnya, apabila anda tidak berhasil mencapai tujuan hidup anda yang sebenarnya, yakni beribadat kepada Allah, maka bererti seluruh hidup anda telah gagal. Oleh kerena itu saya mengharapkan anda semua mendengarkan dengan penuh perhatian dan memahami erti kata 'ibadat dan menyimpannya baik-baik dalam fikiran anda, kerana keberhasilan atau kegagalan anda dalam hidup ini bergantung padanya.

ERTI 'IBADAT

‘Ibadat berasal dari kata *'abd;* ertinya adalah "pelayan" dan 'budak". Jadi, 'ibadat bererti "penghambaan" dan "perbudakan".

Apabila seseorang yang menjadi budak kepada orang lain, melayani tuannya sebagaimana halnya seorang budak, dan bersikap terhadap orang itu sebagaimana terhadap seorang tuan atau majikan, maka perbuatan seperti itu disebut penghambaan dan 'ibadat. Berlawanan dengan ini, apabila seseorang yang menjadi budak kepada orang lain dan juga memperolehi gaji daripadanya, tetapi tidak mahu melayaninya sebagaimana seorang budak terhadap tuannya, maka ia dikatakan tidak patuh dan membangkang, atau lebih tepat lagi, hal itu dapat dikatakan sebagai pengkhianatan.

Sekarang fikirkanlah bagaimana seharusnya tingkah laku seorang budak terhadap tuannya.

Kewajipan pertama dari seorang budak adalah memandang tuannya sebagai penguasa (lord), dan merasa berkewajipan untuk setia kepada orang yang menjadi tuannya, penunjang hidupnya, pelindung dan penjaganya, dan meyakini sepenuhnya bahawa tidak seorang pun selain tuannya itu yang layak mendapatkan kesetiaannya.

Kewajipan kedua dari seorang budak ialah selalu patuh pada tuannya, melaksanakan perintah-perintahnya dengan cermat, jangan sekali-kali enggan melayaninya, dan tidak mengatakan sesuatu pun atau mendengarkan perkataan dari siapa pun yang bertentangan dengan kehendak tuannya. Seorang budak dalam setiap saat, situasi dan keadaan, adalah tetap seorang budak. Ia sama sekali tidak mempunyai hak untuk mengatakan bahawa ia akan mematuhi perintah tertentu dari tuannya dan membangkang perintah lainnya, atau bahawa ia menjadi budak tuannya untuk waktu-waktu tertentu dan bebas dalam waktu-waktu yang lain.

Kewajipan ketiga dari seorang budak adalah menghormati dan menghargai tuannya. Dia harus mengikuti cara yang ditentukan oleh tuannya sebagai sikap hormat kepada tuannya. Dia mestilah selalu hadir untuk memberi hormat pada waktu yang ditentukan oleh tuannya sebagai bukti bahawa dia benar-benar setia dan patuh kepada tuannya.

Inilah hal-hal yang mutlak yang harus dipenuhi dalam 'ibadat, iaitu pertama, kesetiaan terhadap tuan dan majikan; kedua, kepatuhan kepadanya; dan ketiga, penghormatan dan penghargaan terhadapnya. Apa yang dikatakan Allah dalam ayat:
"Tiadalah Aku menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka menyembahKu".
Ini bererti bahawa tujuan Allah menciptakan kedua-dua jenis makhluk itu, adalah agar mereka hanya setia kepada Allah sahaja dan tidak kepada yang lain, agar mereka hanya mengikuti perintah-perintah Allah sahaja dan tidak mendengarkan perintah sesiapa pun yang bertentangan dengan perintahNya dan menundukkan kepala dengan hormat dan penghargaan hanya kepadaNya sahaja dan tidak kepada yang lain. Ketiga-tiga hal ini telah dirumuskan Allah dalam satu istilah yang komprehensif, iaitu 'ibadat. Inilah yang dimaksudkan dalam semua ayat di mana Allah memerintahkan agar manusia beribadat kepadaNya. Intisari ajaran Rasul saw dan ajaran rasul-rasul lain yang diutus Allah

sebelumnya, adalah:
"...Dia telah memerintahkan agar kamu tidak menyembah selain Dia. (Al-Qur'an,Yusuf, 12:40)

Yang bererti bahawa hanya ada satu Penguasa yang berdaulat dan anda semua harus setia, bahawa Penguasa itu adalah Allah; bahawa hanya ada satu hukum yang harus anda patuhi, iaitu hukum Allah; dan bahawa hanya ada satu Zat yang harus disembah, iaitu Allah.

AKIBAT PENGERTIAN YANG KELIRU TENTANG 'IBADAT

Jagalah makna 'ibadat tersebut di atas dalam fikiran anda dan jawablah pertanyaan-pertanyaan saya yang berikut ini.

Apakah yang akan anda katakan mengenai seorang pelayan yang melaksanakan tugas-tugas yang diberikan oleh tuannya, apabila ia hanya berdiri sahaja di sepanjang waktu di hadapan tuannya dengan tangan memeluk tubuh dan terus-menerus menyebut nama tuannya? Tuannya menyuruh agar ia pergi untuk mengambil suatu barang yang dirampas oleh si Anu dan si Anu, tetapi ia sama sekali tidak bergerak dari tempatnya, malah membongkok-bongkok di hadapan tuannya itu dan memberi hormat kepadanya sepuluh kali, kemudian berdiri lagi dengan tangan memeluk tubuh. Tuannya menyuruh membetulkan masalah-masalah dan membanteras kejahatan-kejahatan, tetapi ia sama sekali tidak bergerak sejengkal pun dari tempatnya, malah bersujud di hadapannya. Tuannya menyuruh: "Potonglah tangan pencuri-pencuri". Mendengar perintah ini, dengan masih tetap berdiri di tempatnya, pelayan itu mengulangi perintah tuannya beberapa kali dengan suara yang sangat merdu: "Potonglah tangan pencuri-pencuri, potonglah tangan pencuri-pencuri", tetapi tidak sekalipun ia berusaha untuk mendirikan suatu sistem pemerintahan di mana orang-orang yang mencuri dihukum dengan hukuman potong-tangan. Dapatkah anda mengatakan bahawa pelayan yang seperti ini benar-benar menjalankan tugasnya sebagai pelayan? Apabila pelayan-pelayan anda bersikap seperti ini, saya tidak tahu apa yang anda katakan. Tetapi saya betul-betul merasa hairan bahawa, pelayan-pelayan Allah yang bersikap seperti ini, anda anggap sebagai hamba Allah yang soleh! Orang yang tidak mempunyai perasaan seperti ini, membaca perintah-perintah Allah dalam al-Qur'an entah beberapa kali sejak pagi hingga petang, tetapi tidak pernah beranjak untuk melaksanakan perintah-perintah tersebut. Sebaliknya ia terus-menerus melakukan 'ibadat sunat demi 'ibadat sunat, menyebut-nyebut nama Allah dengan menghitung-hitung tasbih dan membaca al-Qur'an dengan suara yang merdu. Apabila anda melihat orang seperti ini, anda berkata: "Alangkah solehnya orang itu!" Kebodohan seperti ini timbul kerana anda tidak tahu erti yang sebenarnya dari 'ibadat.

Ada lagi seorang pelayan yang lain, yang siang malamnya sibuk melaksanakan tugas-tugas yang diperintahkan oleh orang-orang lain kepadanya. Ia mentaati perintah-perintah mereka, dan melaksanakan hukum yang mereka buat, sementara itu ia terus-menerus mengabaikan perintah-perintah dari tuan yang sebenarnya, dan hanya hadir di hadapannya pada waktu penghormatan sahaja dan hanya suka menggoyang-goyangkan lidah menyebut-nyebut nama tuannya sahaja. Apabila pelayan anda berbuat seperti ini,

apa yang akan anda lakukan terhadapnya? Tidakkah anda akan melemparkan kembali penghormatan yang diberikannya kepada anda ke mukanya sendiri? Apabila ia menyebut anda sebagai tuan dan paduka, tidakkah anda mengejek dan mencaci makinya dengan kata-kata: "Kainu bohong dan penipu; kamu makan gaji dari saya tetapi perintah orang lain yang kamu kerjakan. Di mulut, kamu mengakui saya sebagai tuanmu, tetapi kenyataannya kamu mengerjakan perintah orang lain dan tidak pemah mengerjakan perintah saya". Ini adalah suatu hal yang jelas dan terang, yang anda semua biasa memahaminya. Akan tetapi alangkah menghairankan bahawa anda menganggap sebagai 'ibadat perbuatan-perbuatan seperti solat, puasa, zikir, membaca al-Qur'an, haji dan zakat yang dilakukan oleh orang-orang yang siang malamnya melanggar aturan dan hukum Allah, yang mengerjakan perintah-perintah oran-orang kafir dan musyrik, dan tidak pernah mempedulikan perintah-perintah Allah dalam urusan-urusan hidup mereka. Kebodohan ini juga terjadi kerana anda tidak mengerti erti yang sebenarnya dari 'ibadat.

Ambillah contoh seorang pelayan yang lain. Pelayan ini memakai pakaian seragam yang diberikan oleh tuannya dengan sangat rapi sekali. Ia datang menghadap tuannya dengan sikap yang paling hormat. Ketika mendengar perintah tuannya, ia membongkok hormat dan berkata: "Dengan sepenuh hati, saya akan mematuhi perintah tuan", dan memberikan gambaran seolah-olah ia adalah pelayan yang paling setia. Pada waktu penghormatan, ia berdiri paling depan dan melebihi orang-orang lain dalam menyebutkan nama tuannya. Tetapi di lain pihak, pelayan ini mengabdi kepada pemberontak-pemberontak dan musuhMusuh tuannya sendiri, ikut serta dalam pakatan yang mereka adakan untuk menentang tuannya dan bekerjasama dengan mereka dalam usaha untuk menghapuskan nama tuannya dari muka bumi. Dalam kegelapan malam, ia melakukan pencurian di rumah tuannya dan di pagi hari menghadap kepadanya seperti seorang pelayan yang sangat setia. Apa yang akan anda katakan tentang pelayan-pelayan seperti ini? Munafik, penghianat, dan pembcrontidak, demikianlah kira-kiranya. Tetapi sebutan apa yang anda berikan kepada pelayan-pelayan Allah yang berbuat seperti ini? Anda sebut mereka, ulama, pemimpin-pemimpin agama, kiyai-kiyai, haji, orang-orang soleh dan hamba-hamba Allah yang taat? Ini disebabkan anda memandang mereka sebagai orang-orang yang sangat soleh dan taqwa dengan hanya melihat janggut-janggut, serban dan kopiah mereka, sarung yang mereka pakai dua inci di atas mata-kaki, bekas-bekas sujud pada dahi mereka, solat mereka yang tidak putus-putus serta untaian biji-biji tasbih mereka yang besar. Kebodohan ini juga timbul kerana anda semua tidak memahami erti ibadat dan kesolehan.

Anda mengira bahawa berdiri menghadap Qiblat dengan tangan yang qiam, membongkokkan badan dengan tangan diletakkan pada lutut, bersujud dengan tangan diletakkan di tanah dan membaca beberapa kata-kata ying khusus dan tetap, hanya beberapa gerakan dan ucapan sahaja sudah merupakan 'ibadah. Anda mengira bahawa dengan lapar dan haus dari pagi sampai petang setiap hari dalam Bulan Ramadhan adalah 'ibadat. Anda mengira bahawa membaca beberapa bahagian dari surah-surah al-Qur'an tanpa memahami ertinya adalah 'ibadat. Anda mengira bahawa kunjungan ke Makkah dan berjalan mengelilingi Ka'bah adalah 'ibadat. Pendeknya, yang anda namakan 'ibadat hanyalah segi-segi lahiriyah dari beberapa perbuatan, dan apabila anda lihat seseorang mengerjakan perbuatan-perbuatan tersebut dalam bentuk lahirnya, lalu anda mengira

bahawa ia telah melaksanakan 'ibadat kepada Allah dan memenuhi tujuan ayat:

"Dan Aku tidak akan menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka menyembahKu". (Al-Qur'an, adz-Dzariyat, 51:56).

Dan kerananya setelah itu ia bebas melakukan apa sahaja yang disukainya selama hidupnya.

'IBADAT: PENGHAMBAAN SEUMUR-HIDUP

Akan tetapi kenyataan yang sebenarnya ialah bahawa 'ibadat adalah untuk tujuan apa anda semua diciptidakan, dan yang telah diperintahkanNya kepada anda agar dilaksanakan, adalah sama sekali berbeza. 'Ibadat yang sebenarnya ialah bahawa anda mengikuti aturan dan hukum Tuhan dalam hidup anda, dalam setiap langkah dan setiap keadaan, dan melepaskan diri anda dari ikatan setiap hukum yang bertentangan dengan hukum Allah. Setiap gerakan yang anda lakukan haruslah selaras dengan garis-garis yang telah ditentukan Allah bagi anda. Setiap tindakan anda harus sesuai dengan cara yang telah ditentukan Allah. Dengan demikian, maka hidup anda yang anda tempuhi dengan cara demikian inilah yang disebut 'ibadat. Dalam hidup yang demikian, maka tidur anda, bangun anda, makan dan minum anda, bahkan berjalan dan berbicara anda, semuanya adalah 'ibadat.
Demikian luasnya rwang lingkup 'ibadat ini hingga hubungan seks anda dengan isteri anda dan ciuman anda kepada anak-anak anda juga adalah 'ibadat. Pekerjaan-pekerjaan-anda yang umumnya anda sebut sebagai pekerjaan yang bersifat duniawi, sesungguhnya semuanya adalah pekerjaan-pekerjaan keagamaan dan 'ibadat, asalkan dalam mengerjakannya anda menjaga diri pada batas-batas yang telah ditentukan Allah, dan dalam setiap langkah selalu memperhatikan apa yang diperbolehkan Allah dan apa yang dilarangNya, apa yang halal dan apa yang haram, apa yang diwajibkan dan apa yang dilarang, perbuatan dan tindakan apa yang membuat Allah suka kepada anda dan perbuatan serta tindakan mana yang membuatNya tidak senang terhadap anda. Misalnya, anda bekerja mencari nafkah. Dalam usaha anda ini, anda akan bertemu banyak kesempatan untuk memperolehi wang haram dengan jalan yang mudah. Oleh kerana kerana takut kepada Allah, anda tidak mahu mengambil wang yang demikian dan hanya mencari rezeki yang halal sahaja, maka waktu yang anda pergunakan untuk mencari rezeki secara halal itu seluruhnya adalah terhitung sebagai 'ibadat. Dan hasil yang anda bawa pulang ke rumah, anda makan bersama anak isteri serta mereka yang berhak untuk memakannya seperti yang telah ditentukan Allah, maka untuk seluruh pekerjaan yang anda lakukan itu, anda berhak memperolehi pahala dan rahmat Allah. Apabila di tengah jalan anda menyingkirkan sebuah batu atau paku agar tidak mengenai orang-orang yang lewat, maka ini juga termasuk 'ibadat. Apabila anda merawat orang sakit atau menuntun seorang buta atau menolong orang yang sedang kesusahan, maka ini juga termasuk 'ibadat. Apabila ketika bercakap-cakap dengan seseorang, anda menghindar dari dusta, mengata orang lain, memfitnah dan berbicara kasar serta menyinggung perasaan dan kerana takut kepada Allah, anda hanya mengatakan hal-hal yang benar sahaja, maka seluruh waktu yang anda habiskan dengan berbicara secara jujur dan bersih itu akan terhitung sebagai 'ibadat.

Jadi, 'ibadat yang sebenarnya kepada Allah ialah mengikuti hukum dan aturan-aturan Allah dan menjalankan hidup yang sesuai dengan perintah-perintahNya sejak dari usia aqil-baligh sehingga meninggal. 'Ibadat tidak mempunyai waktu-waktu tertentu. Ia harus dilaksanakan sepanjang waktu. 'Ibadat juga tidak mempunyai satu bentuk yang khas. Dalam setiap perbuatan dan setiap bentuk pekerjaan, 'ibadat kepada Allah harus dilaksanakan. Kerana anda tidak boleh mengatakan: "Saya hanya menjadi hamba Allah pada waktu-waktu tertentu, dan tidak menjadi hambaNya pada waktu-waktu yang lain", maka anda juga tidak boleh mengatakan bahawa pelayanan dan 'ibadat kepada Allah hanya ditentukan pada waktu-waktu yang tertentu pula dan waktu-waktu yang lain tidak diperuntukkan untuk itu.

Anda sekarang telah memahami erti 'ibadat dan kenyataan bahawa mengabdi kepada Allah dan patuh kepadaNya sepanjang hayat dan dalam segala situasi dan keadaan adalah 'ibadat. Sekarang mungkin anda akan bertanya: "Kalau begitu, apakah hal-hal seperti solat, puasa, haji dan sebagainya itu bukan 'ibadat? Jawapannya ialah: memang, itu semua juga termasuk 'ibadat. Tetapi tujuan dari ibadat-ibadat seperti ini sebenarnya adalah untuk mempersiapkan anda untuk melaksanakan 'ibadat besar yang harus anda laksanakan selama hidup anda dalam segala situasi dan keadaan itu.

Solat mengingatikan anda, lima kali sehari, bahawa anda adalah seorang budak Allah dan hanya kepadaNya anda harus mengabdi. Zakat menyedarkan anda setiap waktu akan kenyataan bahawa wang yang anda perolehi adalah pemberian Allah. Janganlah anda habiskan wang itu hanya untuk keperluan-keperluan jasmani anda sahaja, tetapi haruslah anda berikan juga hak Allah. Haji membangkitkan kesan yang sedemikian rupa akan cinta dan kebesaran Allah dalam hati orang yang melakukannya hingga sekali kesan ini tertanam dalam hati, maka pengaruhnya tidak akan hilang seumur hidup. Apabila setelah menjalankan semua 'ibadat ini seluruh hidup anda menjadi pencerminan 'ibadat kepada Allah, maka tidak syak lagi solat anda adalah solat yang benar, puasa anda adalah puasa yang benar, zakat anda adalah zakat yang benar, dan haji anda adalah haji yang benar. Tetapi bila tujuan ini tidak tercapai, maka tidak ada gunanya melakukan ruku', sujud, puasa, haji, dan zakat itu semua. Pekerjaan-pekerjaan lahiriah ini dapat diumpamakan sebagai jasad, yang apabila mempunyai ruh dan bergerak serta melakukan pekerjaan, ia merupakan manusia yang betul-betul hidup. Tetapi bila ia mati, maka ia tidak lebih hanyalah seperti mayat. Mayat memang mempunyai segala sesuatu seperti kaki dan tangan, hidung dan mata, tetapi tidak punya ruh. Oleh kerana itu anda menguburkannya dalam tanah. Demikian pula apabila peraturan-peraturan dalam solat dijalankan, Tetapi rasa takut dan cinta kepada Allah tidak ada, maka ia juga akan menjadi suatu pekerja an yang tidak berjiwa dan sia-sia.

Dalam khutbah-khutbah saya yang akan datang saya akan menerangkan kepada anda secara memdalam bagaimana semua 'ibadat wajib itu menjadi persiapan bagi manusia untuk melaksanakan 'ibadat yang besar tadi. Saya juga akan menerangkan bahawa bila anda melakukan 'ibadat-'ibadat itu semua dengan penuh pengertian dan cuba untuk memenuhi tujuan utamanya, maka 'ibadat-'ibadat itu akan membuahkan hasil dan pengaruh yang besar dalam hidup anda.

2. SOLAT

Saudara-saudara sesama Muslim.

Dalam khutbah saya yang telah lalu saya telah menjelaskan kepada anda erti yang sebenarnya dari 'ibadat. Saya telah menjanjikan untuk menerangkan bagaimana 'ibadat-'ibadat yang wajib yang biasanya disebut Rukun Islam itu mempersiapkan manusia untuk melaksanakan 'ibadat yang besar dan sebenarnya itu, yang menjadi tujuan diciptakannya jin dan manusia. Di antara kelima 'ibadat wajib itu, yang paling besar dan paling penting adalah solat. Dalam khutbah hari ini saya akan membahas masalah ini sahaja secara singkat.

MAKNA KOMPREHENSIF DARI 'IBADAT

Anda semua telah tahu bahawa 'ibadat yang sebenarnya bererti penghambaan, dan sebagai seorang hamba Allah, anda tidak boleh membebaskan diri dari melayani Allah dalam waktu dan keadaan apa pun juga. Sebagaimana, halnya anda tidak boleh mengatakan bahawa anda adalah hamba Allah untuk sekian jam atau sekian minit sahaja, dan tidak menjadi hambaNya dalam waktu-waktu yang selebihnya. Maka, anda juga tidak boleh mengatakan bahawa anda hanya wajib beribadat kepada Allah dalam jangka waktu sekian, dan dalam waktu selebihnya anda bebas melakukan apa sahaja yang anda sukai. Anda harus ingat bahawa anda adalah budak Allah sejak lahir. Allah menciptakan anda dengan tujuan agar anda menjadi hambaNya sahaja. Kerana itu seluruh hidup anda haruslah anda habiskan dalam melayani Allah dan tidak boleh ada satu
saat pun di mana anda lengah dalam beribadat kepadaNya. Saya juga telah menjelaskan bahawa 'ibadat tidaklah bererti melepaskan diri dari pekerjaan sehari-hari dan duduk di sudut masjid sambil menyebut-nyebut nama Allah. Sebaliknya, erti 'ibadat yang sebenarnya ialah bahawa apa pun yang anda kerjakan di dunia ini haruslah sesuai dengan hukum dan aturan Allah. Tidur anda, bangun anda, makan dan minum anda, berjalan anda pendeknya, setiap yang anda lakukan harus benar-benar menurut aturan yang telah ditetapkan Allah. Apabila anda sedang berada di rumah bersama isteri dan anak-anak anda, saudara-saudara dan sanak saudara anda, maka anda harus bersikap terhadap mereka dengan cara yang ditetapkan Allah. Apabila anda berbincang-bincang dengan teman-teman anda dan bersantai-santai, anda juga harus selalu ingat bahawa anda adalah pelayan Allah, dan bukan orang bebas. Apabila anda pergi ke luar rumah mencari nafkah dan berurusan dengan orang lain, maka juga harus selalu ingat ajaran-ajaran Allah dalam setiap hal dan setiap pekerjaan, dan tidak boleh sekali-kali melangkaui batas-batas yang telah ditentukanNya. Apabila di tengah kegelapan malam anda merasa bahawa anda boleh melakukan dosa yang tidak boleh diketahui oleh seorang pun, maka anda harus ingat bahawa Allah selalu melihat anda dan bahawa Allahlah yang harus ditakuti dan bukannya manusia. Apabila anda berada seorang diri di hutan, di mana anda boleh berbuat kejahatan tanpa diketahui oleh polis atau disaksikan sesiapa pun, maka di situ pun anda juga harus menghentikan niat jahat anda dengan mengingatii Allah dan mengabaikan keuntungan apa pun yang mungkin anda perolehi dengan risiko anda akan

dibenci Allah.
Sebaliknya, apabila dengan mengikuti kebenaran dan kejujuran, anda melihat bahaya kerugian yang besar, maka anda juga tidak boleh ragu-ragu dan takut menanggungnya, kerana dengan demikian Allah akan senang kepada anda. Jadi, mengasingkan diri dari dunia ramai dan duduk di tempat yang sepi sambil menghitung-hitung tasbih sama sekali bukanlah 'ibadat. Sebaliknya, bila anda melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan duniawi dengan tetap mengikuti hukum-hukum dan aturan-aturan Allah, maka itu adalah 'ibadat. Zikir atau mengingati Allah tidaklah bererti bahawa anda harus menyebut "Allah, Allah" terus menerus, Tetapi mengingati Allah yang sebenarnya adalah ingat kepada Allah dalam fikiran walaupun kita sedang terlibat dalam urusan-urusan yang sangat penting dan mudah melalaikan kita dari ingat kepada Allah. Dalam kehidupan di dunia ini di mana banyak kesempatan terbuka untuk melanggar hukum dan aturan Allah, di mana godaan-godaan untuk memperolehi keuntungan yang besar datang bertubi-tubi dan ancaman kehancuran dan kerugian berat mengepung dari segenap penjuru, anda harus selalu ingat kepada Allah dan bertabah hati dalam mengikuti hukum dan aturanNya. Inilah zikir atau mengingati Allah yang sebenamya. Al-Qur'an menyebutkan tentang zikir yang seperti ini sebagai berikut:

"Apabila telah ditunaikan solat, maka bertebaranlah kamu, di muka bumi; dan carilah kurnia Allah dan ingatlah Allah banyak-banyak supaya kamu beruntung".
(Al-Qur'an, al-Jumu'ah, 62:10)

MANFAAT SOLAT

Ingat-ingatlah erti 'ibadat tersebut di atas dan fikirkanlah sifat-sifat bagaimana yang diperlukan untuk melakukan 'ibadat yang begitu besar itu dan bagaimana solat dapat menghasilkan sifat-sifat itu dalam diri manusia.

KESEDARAN AKAN KEDUDUKAN SEBAGAI BUDAK

Yang pertama-tama diperlukarr adalah membuat anda bena-benar merasa bahawa anda adalah budak Allah, dan bahawa anda harus selalu melayani kehendakNya di setiap saat dalam hidup anda dan dalam setiap pekerjaan yang anda lakukan. Peringatan seperti ini terus-menerus diperlukan, kerana dalam diri manusia bersembunyi satu iblis yang selalu mempengaruhinya dengan kata-kata: "Kamu adalah budakku". Dan di seluruh dunia ini terdapat berjuta-juta iblis yang masing-masing mengatakan kepada setiap manusia: "Kamu adalah budakku". Pengaruh iblis-iblis ini tidak dapat dihancurkan, kecuali bila manusia setiap hari mengingatkan dirinya bahawa ia bukanlah budak iblis melainkan budak Allah. Pekerjaan untuk mengingatkan manusia ini dilakukan oleh solat. Setiap hari, begitu anda bangun di pagi hari, solat mengingatkan anda akan hal itu sebelum anda mulai mengerjakan pekerjaan anda sehari-hari. Ketika anda sibuk mengerjakan pekerjaan anda di siang hari, maka tiga kali anda diingatkan oleh solat. Dan ketika anda akan pergi tidur, peringatan itu diulangi lagi untuk yang terakhir kalinya. Inilah faedah pertama dari solat, dan berdasarkan hal ini, maka dalam al-Qur'an solat disebut sebagai "pengingat" yakni pengingatan kepada Tuhan.

RASA BERKEWAJIPAN

Kerana dalam setiap langkah dalam hidup anda, anda harus melaksanakan perintah Allah, maka perlu dikembangkan di dalam diri anda kemampuan untuk mengenali apa yang wajib(fardh), dan bersamaan dengan itu juga penanaman kebiasaan untuk melaksanakan kewajipan dengan penuh gairah. Seseorang yang tidak tahu apa yang dinamakan wajib, sama sekali tidak akan boleh diharapkan untuk mematuhi perintah. Demikian pula halnya dengan orang yang tahu ertinya Tetapi tidak berlatih untuk melaksanakannya, hingga bahkan setelah tahu apa yang wajib dikerjakannya, ia tidak mempedulikan kewajipan itu. Orang yang begini jelas tidak boleh diharapkan untuk melaksanakan tugas yang banyak yang diberikan kepadanya selama dua puluh empat jam siang dan malam.

LATIHAN KEPATUHAN

Orang-orang yang pernah bertugas dalam ketenteraan atau kepolisan pasti tahu, bagaimana di dalam kedua-dua tugasan ini mereka diajar untuk memahami dan berlatih menjalankan kewajipan. Selama siang dan malam hari mereka mendengarkan suara trompet. Perajurit-perajurit diperintahkan berkumpul di suatu tempat di mana mereka disuruh melakukan perbarisan. Semua ini dilakukan untuk membiasakan mereka untuk melaksanakan perintah-perintah. Mereka disaring sejak permulaan latihan dan dipecat apabila terbukti bahawa mereka tidak sesuai untuk suatu tugas, kerana malas atau tidak berdisiplin. Sama halnya, trompet solat juga dibunyikan lima kali dalam sehari, dengan tujuan agar perajurit-perajurit Allah dengan cepat berkumpul dari segenap penjuru, dan membuktikan bahawa mereka siap mematuhi perintah-perintah Allah. Seorang Muslim yang tidak bergerak dari tempatnya ketika mendengar suara adzan, sebenarnya membuktikan bahawa ia tidak mengerti erti kewajipan, atau kalaupun ia mengerti, ia adalah seorang yang betul-betul tolol dan tidak berguna, hingga tidak layak untuk menjadi perajurit dalam tentera Allah.
Kerana alasan tersebut di atas itulah, Rasulullah saw berkata. "Sungguh aku ingin sekali pergi membakar rumah orang-orang yang tetap tinggal di rumah mereka setelah mendengar suaraan adzan". Dan itu pula sebabnya, dalam sebuah hadis, solat telah dijadikan garis pemisah antara kufr dan Islam. Pada masa hidup Rasulullah saw dan Khulafa Ar-rashidin, seseorang tidak dianggap Muslim kecuali bila ia ikut serta solat berjema'ah dengan penuh semangat, sehingga mereka yang bermalas-malas dicela sebagai orang-orang munafik:
"Sesungguhnya orang-orang munafik itu menipu Allah, dan Allah membalas tipuan mereka. Dan apabila mereka berdiri untuk mengerjakan solat mereka berdiri dengan malas. Mereka bermaksud riya (dengan solat) di hadapan manusia. Dan tidaklah mereka menyebut Allah kecuali sedikit sekali".
(A\-Qura.n, an-Nisa', 4:142)

Dari penjelasan di atas jelaslah bahawa dalam Islam tidak ada tempat bagi seseorang yang tidak mengerjakan solat. Kerana Islam bukanlah semata-mata kepercayaan, melainkan juga merupakan ajaran-ajaran yang praktikal. Dengan demikian seorang Muslim harus mempraktikkan Islam dan memerangi kekufuran dan kejahatan setiap saat

dalam hidupnya. Untuk menjalankan kehidupan praktikal yang ketat seperti ini, seorang Muslim harus selalu bersungguh-sungguh dalam melaksanakan perintah-perintah Allah. Mereka yang tidak memiliki kesungguhan ini adalah sama sekali tidak berguna bagi Islam. Itulah sebabnya solat telah diwajibkan lima kali dalam sehari, hingga mereka yang mengaku Islam dapat diuji terus-menerus untuk mengetahui apakah mereka betul-betul Islam dan gairah dalam melaksanakan perintah-perintah Allah dalam kehidupan praktikal mereka sehari-hari. Apabila mereka tidak beranjak dari tempatnya ketika mendengar suara adzan, jelaslah bahawa mereka tidak siap untuk menjalankan kehidupan praktikal secara Islam. Dengan demikian, iman mereka kepada Allah dan RasulNya tidaklah ada gunanya. Inilah sebabnya maka dalam Qur'an dikatakan:

"Jadikanlah sabar dan solat sebagai penolongmu. Dan sesungguhnya yang demikian itu sungguh berat, kecuali bagi orang-orang yang khusyuk". (Al-Qur'an, al-Baqarah, 2:45)

ertinya, solat itu hanya berat bagi mereka yang tidak bersedia untuk menjalankan kepatuhan kepada Allah, dan seseorang yang merasa bahawa solat itu berat, ia telah membuktikan bahawa dirinya tidak sesuai untuk menjadi hamba Allah.

MENIMBULKAN RASA TAKUT KEPADA ALLAH

Faktor ketiga adalah rasa takut yang harus dihidupkan terus menerus dalam hati. Seseorang tidak akan dapat melaksanakan Islam, kecuali bila ia percaya bahawa Allah selalu melihatnya setiap saat dan di setiap tempat, bahawa Allah selalu mengetahui perbuatannya, bahawa Allah selalu melihatnya bahkan dalam kegelapan sekalipun, dan bahawa Allah selalu menyertainya ketika ia bersendirian sekalipun. Adalah mungkin bagi seseorang untuk bersembunyi dari seluruh manusia di dunia, Tetapi tidak mungkin untuk menyembunyikan diri dari Allah. Orang boleh melepaskan diri dari hukuman manusia di dunia ini, tetapi tidak mungkin ia boleh lepas dari hukuman Allah. Kepercayaan inilah yang mencegah manusia dari melanggar larangan-larangan Allah. Dengan kekuatan kepercayaan inilah ia dipaksa untuk menjaga diri agar tidak melanggar batas-batas halal dan haram yang telah ditetapkan Allah bagi masalah-masalah kehidupan. Apabila kepercayaan ini melemah, maka seorang Muslim tidak akan boleh menjalankan kehidupan sebagai seorang Muslim dalam erti yang sebenarnya. Oleh kerana itu, Allah telah mewajibkan solat lima kali sehari-semalam untuk terus memperkuatkan kepercayaan ini dalam hati orang yang beriman. Allah melukiskan faedah solat, dalam KitabNya;

"...Sesungguhnya solat itu mencegah dari (perbuatan-perbuatan) keji dan mungkar..." (Al-Qur'an, al-Ankabut, 29:45)

Dengan sedikit pengertian sahaja anda sendiri akan boleh memahami alasan di belakang proses ini, Sebagai contoh, solat dilakukan dalam keadaan bersih dan telah melakukan wudhu'. Tetapi bila tubuh anda kotor dan anda belum membersihkan diri, atau bila pakaian anda kotor dan anda belum menggantikan pakaian, atau bila anda belum berwudhu', tetapi anda mengatakan bahawa anda sudah melakukannya, lalu anda melaksanakan solat, siapakah yang akan tahu? Tetapi anda tidak pernah melakukan hal

itu. Mengapa? Kerana anda yakin bahawa dosa anda itu tidak dapat disembunyikan dari Allah. Demikian juga apabila bacaan-bacaan yang perlahan-lahan dalam solat tidak anda baca sama sekali, tidak seorang pun yang akan tahu. Tetapi anda tidak pemah melakukan hal itu. Mengapa? Kerana anda percaya bahawa Allah Maha Mendengar dan lebih dekat kepada anda aripada urat darah di leher anda sendiri. Sama halnya, anda melakukan solat di mana pun anda berada, baik ketika anda berada di hutan sendirian ataupun di rumah, walaupun tidak ada orang yang melihat anda bersolat, dan tidak pula ada orang yang tahu bahawa anda belum solat. Tetapi anda melakukannya juga. Mengapa? Kerana anda takut melanggari perintah Allah walaupun secara rahsia, dan kerana anda yakin bahawa anda tidak mungkin boleh bersembunyi dari penglihatan Allah. Dari hal ini boleh difahami bagaimana solat menanamkan dan menghidupkan dalam hati manusia rasa takut kepada Allah dan kesedaran bahawa Ia ada di mana-mana, Maha Melihat dan Maha Tahu. Bagaimana anda boleh melaksanakan 'ibadat dan menghambakan diri kepada Allah selama dua puluh empat jam siang dan malam, bila rasa takut kepada Allah dan kepercayaan bahawa Ia selalu melihat anda, tidak dihidupkan terus-menerus dalam hati anda? Apabila dalam hati anda tidak ada perasaan takut kepada Allah dalam urusan hidup anda setiap hari di dunia ini, bagaimana mungkin bagi anda untuk mengabdikan diri kepada kebaikan dan menghindari kejahatan?

KESEDARAN AKAN HUKUM ALLAH

Faktor keempat yang sangat perlu dalam beribadat adalah anda harus sedar akan Hukum Allah sebab bila anda sama sekali tidak tahu tentang hukum, bagaimana anda akan boleh mengikutinya?Faktor ini juga dipenuhi oleh solat. Ayat-ayat al-Qur'an yang dibaca dalam solat, dimaksudkan untuk membuat anda tetap mengetahui perintah-perintah dan Hukum Allah. Khutbah Juma'at juga ditujukan agar anda semua mengetahui ajaran-ajaran Islam.
Salah satu keuntungan solat berjema’ah dan solat Juma'at adalah bahawa orang-orang yang berilmu dan orang-oranng awam selalu berkumpul di satu tempat, dan dengan demikian memberikan kesempatan kepada para jema’ah untuk mengetahui perintah-perintah Allah. Malangnya, anda tidak berusaha untuk mengetahui erti bacaan-bacaan yang anda baca dalam solat, Demikian pula terhadap khutbah-khutbah yang dibaca di mimbar-mimbar Juma’at, sehingga anda langsung tidak memperolehi pengetahuan tentang Islam daripadanya. Dan bila anda berkumpul untuk melakukan solat, orang-orang yang berilmu di antara anda tidak mengajar apa-apa kepada orang-orang yang bodoh. Sebaliknya, tidak pula orang-orang yang bodoh di antara anda meminta pengajaran daripada mereka yang mengetahui. Solat menyediakan kesempatan bagi anda untuk memperolehi semua keuntungan-keuntungan ini. Apabila anda tidak memperolehi manfaat daripadanya, bukanlah solat yang harus disalahkan.

PRAKTIK KEBERSAMAAN

Yang kelima adalah seorang Muslim tidak boleh dibiarkan bersendirian sahaja dalam kemelut hidup ini. Seluruh kaum Muslimin hams bersatu-padu dan berkumpul, bersama-sama membentuk suatu masyarakat yang padat dan kuat, dan bekerja-sama saling tolong-menolong dalam menegakkan sistem 'ibadat kepada Allah yakni dalam melaksanakan perintah-perintahNya, dalam mengikuti hukum-hukumNya dan menyebarkannya ke

seluruh dunia. Anda tahu bahawa dalam kehidupan di dunia ini, di satu pihak ada orang-orang Muslim, yakni hamba Allah yang patuh; dan di pihak yang lain terdapat orang-orang kafir, iaitu orang-orang yang memberontak terhadap Allah. Antara kepatuhan dan pemberontakan terhadap Allah terjadi pertentangan dan pertarungan yang terus-menerus. Kaum pemberontak menghancurkan hukum-hukum Allah dan menggantikannya dengan hukum-hukum syaitan, Apabila masing-masing orang Islam berdiri sendiri-sendiri, ia tidak akan pernah menang dalam memerangi musuhMusuh Allah itu. Kerana itu, perlulah hamba-hamba Allah yang patuh bersatu-padu menghancurkan musuhMusuh Allah ini dengan kekuatan persekutuan mereka, dan memastikan tertegaknya hukum Allah. Solat adalah sarana yang paling ampuh untuk membina kekuatan.kolektif mereka ini. Solat berjema’ah lima kali sehari, lalu jema’ah Juma'at seminggu sekali, kemudian solat jema’ah raksasa pada dua hari raya, Aidil Fitri dan Aidil Adha, — semuanya ini bersama-sama menjadikan ummat Islam bagaikan sebuah tembok yang kuat, dan menanamkan dalam diri mereka persamaan tujuan, dan persatuan praktikal yang diperlukan untuk menjadikan mereka tolong-menolong dalam kehidupan praktikal sehari-harian.

3. APA YANG ANDA BACA DALAM SOLAT?

Saudara-saudara sesama Muslim!

Dalam khutbah yang telah lalu, saya sudah menjelaskan bagaimana solat mempersiapkan manusia untuk melaksanakan ‘ibadat kepada Allah, yakni penghambaan dan kepatuhan kepadaNya. Apa yang telah saya katakan tentang dengan solat tentu telah dapat anda fahami. Seandainya seseorang mengerjakan solat secara teratur dan sedar bahawa hal itu adalah wajib dan merupakan perintah Allah, walaupun ia tidak mengerti erti bacaan-bacaan solat itu, namun rasa takut kepada Allah dan percaya bahawa Allah ada di mana-mana dan selalu melihatnya, serta yakin bahawa suatu hari nanti ia akan dihadapkan kepada pengadilanNya, maka semua fakta-fakta tersebut akan selalu terpelihara di dalam hatinya. Kepercayaan bahawa ia hanyalah budak kepada Allah, bukan budak dari siapa-siapa selainNya dan bahawa hanya Allahlah Penguasa dan Raja yang sebenarnya, akan selalu hidup dalam hatinya. Kebiasaan taat menjalankan kewajipan dan kesungguhan untuk melaksanakan perintah-perintah Allah akan tumbuh dalam dirinya. Semua sifat-sifat yang perlu untuk mengubah seluruh hidup manusia menjadi penghambaan dan peribadatan kepada Allah akan secara automatik berkembang dalam dirinya.

Sekarang saya ingin menekankan fakta bahawa bila orang tersebut mengerjakan solat dengan penuh pengertian akan ertinya, dan pemahaman akan bacaan-bacaannya, maka bayangkanlah betapa besar pengaruh yang akan ditimbulkannya terhadap fikiran-fikirannya, kebiasaan dan wataknya, dan betapa jauh kekuatan imannya akan berkembang, serta betapa hidupnya akan memiliki bentuk dan gaya yang baru.

ADZAN DAN PENGARUHNYA

Pertama-tama, marilah kita teliti masalah adzan. Selama sehari semalam anda diseru lima kali dengan kata-kata berikut:

Allahu Akbar, Allahu Akbar,
Allah maha Besar, Allah maha Besar.

Asyhadu anla ilaha illallah.
Aku bersaksi bahawa tiada Tuhan selain Allah.

Asyhadu anna M.uhammadarrasulullah.
Aku bersaksi bahawa Muhammad adalah utusan Allah.

Hayya 'alas solah.
Mart mengerjakan solat.

Hayya 'alal falah.
Mari menuju kejayaan.

Allahu Akbar, Allahu Akbar
Allah Maha Besar, Allah Maha Besar.

La ilaha illallah.
Tidak ada Tuhan selain Allah.

Lihatlah, betapa kuatnya panggilan ini! Betapa suara ini bergema lima kali sehari dan mengingatkan anda bahawa "semuaorang besar di dunia ini yang mendakwa diri sebagai penguasa-penguasa adalah pembohong-pembohong belaka. Di seluruh langit dan bumi hanya ada satu Wujud yang memiliki sifat kebesaran, dan hanya Dialah yang patut dipuja dan disembah. Marilah kita menyembahNya. Dalam menyembahNya sahaja terletak kejayaan anda di dunia dan di akhirat". Siapakah yang tidak akan tergugat hatinya mendengar seruan-seruan ini? Bagaimana mungkin seseorang yang punya iman dalam hatinya akan diam, acuh tidak acuh sahaja, mendengarkan seruan yang demikian perkasa, dan tidak segera datang untuk bersujud di hadapan Allah?

WUDHU'

Ketika mendengar seruan adzan anda bangkit dari tempat duduk anda, dan pertama sekali anda harus memeriksa apakah tubuh anda bersih atau tidak, apakah anda sudah berwudhu' atau belum. Ini menunjukkan bahawa anda sedar bahawa pergi menghadap Allah, Penguasa alam semesta adalah berbeza jauh sekali dengan urusan-urusan keduniaan. Selain solat, semua pekerjaan-pekerjaan lain dapat dilakukan dengan keadaan bagaimanapun juga. Tetapi untuk solat, adalah sangat tidak sopan untuk melakukannya tanpa tubuh dan pakaian yang bersih, dan di atas semuanya, tanpa kesucian yang lebih tinggi, yakni wudhu'. Dengan perasaan ini anda mulaMula memeriksa kebersihan badan anda, lalu mengerjakan wudhu'. Apabila dalam berwudhu' itu anda mengingati Allah, dan setelah selesai mengerjakannya anda membaca do'a yang diajarkan oleh Rasullullah saw, maka tidak hanya badan anda sahaja yang bersih, Tetapi juga hati anda pun akan bersih pula. Do'a tersebut ialah:

Asyhadu an-La ilaha illallahu wahdahu La syarika lahu waasyhadu anna muhammadan 'abduhuu wa rasuuluhu, allah-ummaj'alni minattawwabiina waj 'lni minal mutathahhirin. "Aku bersaksi bahawa tidak ada Tuhan selain Allah sendiri, tidak ada sekutu bagiNya; dan aku bersaksi bahawa Muham-mad adalah hamba dan UtusanNya. Ya Allah, jadikanlah aku orang yang bertaubat dan jadikanlah aku orang yang suci".

TAKBIR

Setelah itu anda berdiri untuk melakukan solat dengan muka menghadap qiblat. Dalam keadaan bersih dan rapi, anda berdiri di hadapan Penguasa alam semesta. Pertama-tama, anda mengucapkan kata-kata:

Allahu Akbar.
"Allah Maha Besar".

Dengan pemyataan yang agung ini, anda mengangkat kedua tangan anda ke atas hingga sampai ke telinga anda, seolah-olah anda melepaskan diri dari bumi dan semua yang ada padanya. Lalu anda melipatkan tangan ke dada, hingga anda sekarang berdiri dengan khidmat di hadapan Penguasa anda dengan tangan terlipat. Setelah itu anda memuji Allah dengan kata-kata berikut:

TASBIH

Subhanakallahumma wa bihamdika wa tabarakasmuka wa ta 'ala jadduka wa la ilaaha ghairuk.
"Ya Allah, Maha Suci dan Maha terpujilah Engkau, Maha Berkahlah NamaMu, Maha Tinggi KebesaranMu, dan tiada Tuhan selain Engkau".

TA'AWWUDZ (BERLINDUNG KEPADA ALLAH)

A'udzubillahi minash shaithanirrajim.

"Aku berlindung kepada Allah dari gangguan dan kejahatan syaitan yang terkutuk".

BISMILLAH (DENGAN NAMA ALLAH)

Bismillahirrahmaniirahim.

"Dengan nama Allah yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang".

HAMD (PUJIAN BAGI ALLAH)

Alhamdu lillahi rabbil 'alamin. Arrahmanirrahim. Malikiyaumiddin. Iyyaka na'budu wa iyyaka nasta 'in. Ihdinashshira-thal mustaqima. Shirathalladzina an'amta 'alaihim. Ghairilmaghdhubi 'alaihim wa ladhdhallin.

"Segala puji bagi Allah, Tuhan semesta alam. Maha Pengasih, Maha Penyayang. Yang menguasai hari pembalasan. Hanya Engkaulah yang kami sembah dan hanya kepada Engkaulah kami mohon pertolongan. Tunjukilah kami jalan yang lurus. (Iaitu) jalan orang-orang yang telah Engkau anugerahi ni'mat kepada mereka, bukan (jalan) mereka yang dimurkai dan bukan (pula jalan) mereka yang sesat".
(Al-Qur'an, al-Fatihah,1:2-7)

"Amin! Ya Allah kabulkan do'a kami ini".

Sesudah itu anda membaca beberapa ayat al-Qur'an, yang masing-masing mengandungi kebijaksanaan dan memiliki keindahan sendiri. Ayat-ayat al-Qur'an mengandungi pengajaran-pengajaran, peringatan-peringatan, dan pelajaran-pelajaran, serta pengarahan

bagi anda untuk menuju jalan yang benar yang anda mohonkan dalam surah al-Fatihah.

BEBERAPA SURAH AL-QUR'AN
1. Al-'Ashr

Wal'ashri. Innal insana lafi khusrin. Illalladzina amanu wa'amilush shalihati wa tawa shaw bil haqqi watawa shaw bishabbri.
"Demi masa. Sesungguhnya manusia itu benar-benar berada dalam kerugian kecuali orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalam soleh dan nasihat menasihati supaya mentaati kebenaran dan nasihat menasihati supaya menetapi kesabaran."
(Al-Quran, al-Ashr, 103:1-3)

Surah ini mengajarkan kepada kita bahawa satu-satunya jalan bagi manusia untuk selamat dari kehancuran dan kegagalan adalah iman dan amal saleh. Tetapi ini juga tidak cukup. Harus ada kelompok orang-orang beriman dan yang saling tolong-menolong dalam menjaga keutuhan *din*, dan dalam menegakkan *din* tersebut.

2. AI-Ma'un

Ara-aitalladzi yukadzdzibu biddin. Fadzalikalladzi yadu'-'ulyatim. Wa Ia yahudhdhu 'ala tha'amil miskin. Fawailul lilmushallin. Alladzina hum 'an solatihim sahun. Alladzina humyuraun. Wa yamna 'unal ma 'un.
"Tahukah kamu (orang yang mendustakan agama? Itulah orang yang mengherdik anak yatim, dan tidak memberi makan orang miskin. Maka kecelakaanlah bagi orang-orang yang solat, (iaitu) orang-orang yang lalai dari solatnya; orang-orang yang berbuat riya, dan enggan (menolong dengan) barang berguna. (Al-Qur'an, al-Ma'un,107:1-7).

Surah ini mengajarkan kepada kita bahawa menolong anak-yatim dan orang miskin adalah keperluan dari ajaran sosial Islam. Tanpa ini manusia secara sosial tidak akan boleh bertemu dan menempuh jalan Allah yang lurus.

3. Humazah

Wailul li kulli humazatil lumazah, Alladzi jama 'a ma law wa 'addadah. Yahsabu anna ma lahu akhladah. Kalla layunbadzanna fil huthamah. Wa ma adrakamal huthamah. Narullahil muqadah, Allati taththali'u 'alal af'idah. Innaha 'alaihim mu 'shadah. Fi 'amadim mumaddadah.

"Kecelakaanlah bagi setiap pengumpat lagi pencela, yang mengumpulkan harta lagi menghitung-hitung, dia mengira bahawa hartanya itu dapat mengekalkannya, sekali-kali tidak! Sesungguhnya dia benar-benar akan dilemparkan ke dalam huthamah. Dan tahukah kamu apa huthamah itu? (iaitu) api(yang disediakan) Allah yang dinyalakan, yang (naik) sampai ke hati. Sesungguhnya api itu ditutup rapat atas mereka, (sedang mereka itu) diikat pada tiang-tiang yang panjang".
(Al-Qur'an, al-Humazah, 104:1-9)

Pendeknya, surah yang mana pun dari al-Qur'an yang anda baca dalam solat akan memberikan kepada anda suatu pengajaran atau bimbingan dan menunjukkan kepada anda perintah-perintah Allah yang harus anda ikuti di dunia ini.

RUKU' (MEMBONGKOK)

Setelah membaca ayat-ayat yang berisi pengajaran itu anda mengucapkan Allahu Akbar, dan melakukan ruku'. Dengan menempatkan kedua tangan anda pada lutut, anda membongkok di hadapan Allah dan mengucapkan:

Subhaana rabbial azim.
"Maha Suci Penguasaku yang Maha Agung'.

Sebanyak tiga, lima atau tujuh kali.
Kemudian anda berdiri tegak lagi dan mengucapkan:

Sami allahu liman hamidah.
"Allah mendengarkan kepada orang yang memujiNya”.

SUJUD

Kemudian, dengan mengucap Allahu Akbar anda bersujud dan mengucapkan beberapa kali:

Subhana rabbial a 'la.
"Maha suci Tuhanku yang Tinggi dan Luhur"

AT-TAHIYYAT (PENGHORMATAN)

Kemudian anda mengangkat kepala dengan mengucapkan Allahu Akbar dan duduk dengan khidmat lalu membaca:

Attahiyyatu lillahi washshalawatu waththayyihatu, assalamu'alaika ayyuhan-nabiyu wa rahmatullahi wa barakatuh. Assalamu 'alaina wa '-ala 'ibadullahishshalihin. Asyhadu anla ilaaha illallah. Wa asyhadu anna Muhammadan 'abduhu waRasuluh.

"Segala penghormatanku, do'a-do'a, dan semua hal yang baik adalah bagi Allah. Semoga salam dilimpahkan kepadamu, wahai Nabi, juga rahmat Allah dan berkahNya. Semoga salam dilimpahkan kepada kami dan juga kepada semua hamba-hamba Allah yang saleh. Aku bersaksi bahawa tidak ada Tuhan selain Allah dan aku juga bersaksi bahawa Muhammad adalah Utusan Allah".

Sambil memberikan kesaksian ini, anda menaikkan telunjuk anda. Kerana dalam solat, hal ini merupakan pernyataan keimanan anda, dan perlu dilakukan untuk memberi tekanan khusus dalam mengucapkan pernyataan iman anda itu. Setelah itu anda membaca shalawat untuk Rasulullah saw.

SHALAWAT

Allahumma shalli ala Muhammadin wa 'ala ali Muhammadin kama shallaita 'ala Ibrahima wa ala ali Ibrahima innaka hami-dum majid. Allahumma barik 'ala Muhammadin wa 'ala ali Muhammadin kama barakta 'ala Ibrahima wa 'ala ali Ibrahima innaka hamidum majid.

"Ya Allah, limpahkanlah kesejahteraan kepada Muhammaddan keluarganya sebagaimana Engkau telah melimpahkan kesejahteraan kepada Ibrahim dan keluarganya. Sungguh, engkau Maha Terpuji dan Maha Luhur. Ya Allah, limpahkanlah berkah kepada Muhammad dan keluarganya sebagaimana Engkau telah melimpahkan berkah kepada Ibrahim dan keluarganya. Sungguh engkau Maha Terpuji dan Maha Luhur".

Setelah membaca shalawat ini anda berdo'a kepada Allah;

DO'A (PERMOHONAN)

Allahumma innii a 'uzu bika min azabi jahannam wa a 'usubika min 'azabil qubri wa a'uzu bika minfitnatilmasihiddaj-jal wa a 'uzu bika min fitnatil mahya wal mamati wa a 'uzubika minal maa-sini wal maghrim.

"Ya Allah, aku berlindung kepadamu dari siksa jahannam, aku berlindung kepadaMu dari siksa kubur, aku berlindung kepadaMu dari kejahatan dajjal yang menyesatkan, yang bermaharajalela di dunia, dan aku berlindung kepadaMu dari kejahatan dalam hidup dan kematian. Ya Allah, aku berlindung kepadaMu dari tanggungjawab perbuatan dosa dan hutang budi".

SALAM (UCAPAN KESELAMATAN PADA WAKTU MENGAKHIRI SOLAT)

Setelah membaca do'a tersebut di atas, selesailah solat. Sekarang anda akan mengundurkan diri dari hadapanNya, dan apakah hal pertama yang akan anda lakukan di saat anda mahu mengundurkan diri ini? Anda menolehkan kepala ke sebelah kanan dan kiri dan memohonkan keselamatan dan rahmat bagi semua yang hadir dan juga bagi seluruh makhluk:

Assalamu 'alaikum vwa rahmatullah
"Semoga keselamatan dan rahmat dilimpahkan Allah kepadamu".

Ini adalah seperti khabar baik yang anda bawa kepada dunia sekembali anda dari hadrat Allah.

Yang tersebut di atas itu adalah solat yang anda lakukan diwaktu fajar di saat anda bangun dari tidur sebelum anda memulakan pekerjaan sehari-hari anda. Kemudian setelah sibuk selama beberapa jam dalam sesuatu pekerjaan, kembali anda datang ke

hadapan Allah pada tengah hari untuk melakukan solat lagi. Kira-kira tiga jam kemudian, kembali anda solat lagi di petang hari. Setelah beristirehat dan atau bekerja lagi sampai matahari terbenam, sekali lagi anda solat kembali. Dan akhirnya, setelah bebas dari kesibukan dunia anda, maka sebelum anda tidur, anda menghadap ke hadrat Allah kembali untuk yang terakhir kalinya. Apabila anda masih merasa kuat, anda mungkin menambah solat yang terakhir ini dengan solat Witir, di mana pada rakaat yang terakhir anda mengucapkan pernyataan ikatan yang teguh dengan Allah, yang disebut Du'a-i-qunut. Qunut bererti pengakuan akan kerendahan diri, kehinaan dan penghambaan terhadap Allah. Dengarkanlah kata-kata yang anda pakai dalam pernyataan itu.

Do'a-Qunut

Allahumma inna nasta'inuka wa nastaghfiruka wa nu'minu-bika wa natawakkalu 'alaika al khaira wa nasykuruka wa lanakfuruka wa nakhla'u wanatruku manyyafjuruk. Allahummaiyyaka na 'budu wa laka nushalli wa nasjudu wailaika nas 'a wa nahfidu wa narju rahmataka wa nakhsya atabaka innaazabaka bil kuffari mulhiq,

"Ya Allah, kami meminta pertolongan kepadaMu dan memohon ampun kepadaMu, kami beriman kepadaMu dan bertawakal kepadaMu serta memuji hanya kepadaMu. Kami bersyukur kepadaMu dan tidak mengingkari ni'matMu. Kami akan memutuskan hubungan dan meninggalkan orang yang membangkang kepada perintahMu, Ya Allah. Ya Allah, hanya kepadaMu kami menghamba; kepadaMu kami mengerjakan solat dan sujud; Engkaulah yang kami tuju, dan redhaMu lah yang kami cari. Kami mengharap rahmatMu dan takut pada siksaanMu. Sungguh, siksaanMu yang pedih akan menimpa mereka yang kafir.

SOLAT DAN PEMBINAAN MENTAL

Saudara-saudara sesama Muslim!

Bayangkanlah seorang yang mendengar suara adzan lima kali sehari dan merasakan bahawa sesuatu yang besar sedang dipersaksikan, dan bahawa kita semua diseru untuk menghadap Maharaja yang sangat perkasa dan berkuasa. Seorang yang setiap kali mendengar seruan ini meninggalkan semua pekerjaannya dan berlari menghadap Wujud yang Maha Agung tersebut, yang dipandangnya sebagai Junjungannya serta Junjungan seluruh alam semesta ini. Seorang yang setiap kali mahu mengerjakan solat mensucikan tubuh dan jiwanya dengan wudhu' dan mengerjakan perbuatan-perbuatan dalam solat dan membaca bacaan-bacaannya dengan penuh pengertian. Bagaimana mungkin rasa takut kepada Allah tidak akan timbul dalam hatinya, bagaimana ia tidak merasa malu melanggar perintah-perintah Allah? Bagaimana mungkin jiwanya tidak akan gementar setiap kali menghadap Allah, mengingat dosa-dosa dan kejahatan-kejahatan yang diperbuatnya? Bagaimana mungkin seorang yang mengatakan patuh dan menghamba kepada Allah, dan percaya bahawa Dia adalah penguasa hari pengadilan, dalam mengerjakan urusan dunianya ia berdusta,berlaku tidak jujur, merampas hak orang lain, menyuap dan menerima suap, memberi dan mengambil riba, merugikan dan menyakitkan hati sesama manusia, mengerjakan perbuatan-perbuatan yang tidak sebukanoh dan

bertentangan dengan hukum, sedang ia masih pergi menghadap Tuhan berulang-ulang, dengan membawa semua dosa-dosa ini dan tidak malu mengulang-ulangi pengakuannya bahawa ia adalah hambaNya yang setia dan patuh? Duhai, bagaimana mungkin bahawa setelah mengucapkan pernyataan "hanya kepadaMu kami menyembah dan hanya kepadaMu kami mohon pertolongan", tiga puluh enam kali di hadapan Allah dengan penuh kesedaran, lalu pergi menyembah tuhan-tuhan lain di samping Allah dan mengulurkan tangan memohon pertolongan kepada mereka? Apabila sekali anda telah membuat pelanggaran setelah membuat pernyataan itu, maka di saat anda menghadap Allah untuk kedua kalinya, hati nurani anda akan mencela dan marah, anda pasti akan merasa malu. Celaan itu akan lebih keras pada pelanggaran yang kedua, dan hati anda akan mengutuk anda dari dalam diri anda. Bagaimana boleh terjadi bahawa di sepanjang hidup anda, anda terus menerus melakukan solat lima kali sehari, Tetapi akhlak anda tetap bengkok, perbuatan-perbuatan anda tetap tidak benar, dan hidup anda tidak berubah secara mendasar? Dengan alasan ini Allah menerangkan ciri solat yang benar, yakni, "Sesungguhnya solat itu mencegah manusia dari perbuatan yang tidak sebukanoh dan dari kejahatan". Maka bila ada orang yang tidak terpengaruh oleh proses pembersihan, pem-baharuan dan penyegaran yang demikian kerasnya, maka itu adalah kerana perangainya yang buruk, bukan kerana kesalahan solat itu. Bukan salah air dan sabun bila orang tidak mahu putih tetapi salah hitamnya jua.

Saudara-saudara!

Jadi ada kekurangan besar dalam solat anda. Dan kekurangan itu adalah bahawa anda tidak memahami apa yang anda baca dalam solat anda. Tetapi bila anda mahu menyediakan waktu sedikit sahaja, anda tentu akan boleh mengingati erti bacaan-bacaan dan do'a-do'a tersebut dalam bahasa yang anda fahami. Dan keuntungannya adalah anda akan memahami apa yang anda baca dalam solat anda itu.

4. SOLAT BERJEMA'AH

Saudara-saudara sesama Muslim.

Dalam khutbah-khutbah yang telah lalu, saya telah menerangkan keuntungan-keuntungan solat, yang tentu boleh anda perolehi. Solat merupakan bentuk ibadat yang memiliki kekuatan yang luar biasa, kekuatan yang dapat menumbuhkan dalam diri manusia kemampuan untuk mencapai puncak penghambaan kepada Allah, dan yang dapat memberi kecebila kepada manusia untuk mengerjakan semua kewajipan yang dibebankan kepadanya. Sekarang saya akan menerangkan manfaat solat berjema'ah, yang bila anda telah memahaminya nanti, anda akan boleh menilai betapa Allah dengan rahmatNya telah mencurahkan semua berkat dalam satu amal sahaja. Pertama-tama, solat itu sendiri sudah merupakan kewajipan yang cukup efektif, tetapi dengan diperintahkanNya agar solat dikerjakan secara berjema'ah, maka kekuatan solat tersebut menjadi dua kali ganda dan menimbulkan dinamik yang tidak ada tandingannya dalam menciptakan perubahan yang sihat dalam diri manusia.

SIFAT-SIFAT APA YANG DIHASILKAN OLEH SOLAT?

Saudara-saudara, saya telah menerangkan kepada anda bahawa ibadat yang sebenarnya adalah menganggap diri sendiri sebagai hamba dan budak Allah untuk selamanya; hidup dengan menyerahkan diri kepada kehendak Allah sebagaimana layaknya seorang pelayan yang patuh, dan setiap saat siap untuk melaksanakan perintah-perintahNya. Dan solat telah mempersiapkan manusia untuk melaksanakan ibadat yang seperti itu. Saya juga telah menunjukkan kepada anda bahawa semua syarat yang diperlukan untuk melaksanakan ibadat ini dikembangkan oleh solat. Kesedaran akan kedudukan diri sebagai budak Allah, kepercayaan kepadaNya, kepada UtusanNya, kepada KitabNya, kepada hari akhir, rasa takut kepada Allah, pengakuan bahawa Allah Maha Tahu akan hal-hal yang ghaib dan kesedaran bahawa Dia selalu dekat dengan kita, kesiap-sediaan untuk setiap saat patuh kepadaNya dan kesedaran akan perintahNya — ini semua dan juga sifat-sifat yang lain yang diperlukan untuk menjadikan manusia sebagai budak Allah dalam erti yang sebenarnya dikembangkan oleh solat.

PENGHAMBAAN-SEPENUHNYA TIDAK MUNGKIN DILAKSANAKAN DENGAN SENDIRIAN SAHAJA

Tetapi, kalau anda fikirkan dengan agak teliti, maka anda akan menyedari bahawa bagaimanapun sempurnanya seseorang, ia tidak akan dapat memenuhi semua persyaratan yang diperlukan untuk menjadi seorang hamba Allah yang baik, kecuali apabila hamba-hamba Allah yang lain ikut membantunya. Seseorang tidak akan boleh melaksanakan semua perintah Allah, kecuali bila semua orang, dengan siapa ia harus berurusan setiap waktu, bekerjasama dengannya dalam melaksanakan perintah-perintah tersebut. Seseorang tidak boleh hidup sendirian di dunia ini, tidak pula ia dapat melakukan suatu pekerjaan sendirian sahaja. Seluruh hidupnya terikat oleh seribu-satu macam hubungan: dengan sanak keluarganya, dengan teman-teman dan sahabat-sahabatnya, tetangganya,

orang-orang yang mempunyai hubungan kerja dengannya, dan orang-orang lain yang tidak terhitung banyaknya. Juga, perintah-perintah Allah tidaklah terbatas pada seorang sahaja, Tetapi adalah dimaksudkan untuk meluruskan hubungan sosial kemanusiaan itu. Nah apabila orang-orang itu semua bekerja-sama dalam melaksanakan perintah-perintah Allah dan saling tolong-menolong, maka mereka semua akan boleh menjadi hamba-hamba Allah yang baik. Tetapi apabila mereka semua tidak patuh kepada Allah, atau apabila hubungan mereka satu sama lain adalah sedemikian rupa, sehingga mereka tidak boleh saling membantu dalam melaksanakan perintah-perintahNya, maka tidaklah mungkin bagi seseorang, secara sendirian sahaja, untuk bertindak dan berbuat seluruhnya menurut hukum Allah dalam kehidupannya.

BERPERANG DENGAN SYAITAN TIDAK MUNGKIN BOLEH SENDIRIAN SAHAJA

Kemudian, baca al-Qur'an dengan teliti, pasti anda akan me-ngetahui bahawa Allah tidaklah memerintahkan agar anda sendiri sahaja yang menjadi budak dan hamba yang patuh dan pasrah kepadaNya. Tetapi, Allah memerintahkan anda supaya mengusahakan agar seluruh manusia di dunia ini patuh dan pasrah kepadaNya dengan melaksanakan hukum-hukumNya dan membanteras hukum-hukum syaitan di mana pun juga, dan menggantikannya dengan hukum-hukum Allah. Tugas yang berat ini tidak mungkin boleh dilaksanakan hanya oleh seorang sahaja. Hal ini tidak mungkin boleh dilaksanakan oleh berjuta orang Islam bila mereka bekerja sendirian sahaja, kerana mereka tidak akan boleh mengalahkan kekuatan syaitan yang bersatu-padu dan tersusun dengan baik. Kerana itu, perlulah bagi seluruh ummat Islam di dunia ini untuk bersatu-padu membentuk satu kumpulan yang kukuh, berjuang bersama-sama untuk mencapai satu tujuan yang tunggal.

MEMBIASAKAN SIKAP BERDISIPLIN DAN TERATUR

Selanjutnya, bila anda fikirkan dengan saksama, maka akan jelaslah bahawa untuk mencapai tujuan yang besar seperti itu, perlulah persatuan itu dibentuk menurut garis-garis yang tepat. Ertinya, ummat Islam haruslah disusun sehingga hubungan mereka satu sama lain berada dalam ketepatan dan kemestian yang seharusnya. Tidak boleh ada sesuatu yang salah dalam hubungan timbal balik mereka. Mereka harus mempunyai tujuan yang tunggal. Mereka harus patuh pada satu pimpinan. Mereka harus menjadikan suatu kebiasaan untuk bergerak menjadi komando pimpinan tersebut. Dan mereka juga harus mengerti sampai sejauh mana mereka harus taat kepada pimpinan mereka, dan bila mereka tidak boleh patuh kepadanya.

MANFAAT SOLAT BERJEMA'AH

Dengan mengingati hal-hal di atas anda boleh melihat bagaimana solat berjema'ah boleh menciptakan semua keadaan tersebut.

BERKUMPUL DALAM SATU PANGGILAN

Apabila anda mendengar panggilan adzan, anda diwajibkan untuk meninggalkan pekerjaan anda dan pergi ke masjid. Orang-orang Muslim yang datang dari segenap penjuru, kerana mendengar panggilan adzan ini, dan kemudian mereka berkumpul pada satu tempat, dalam diri mereka tercipta perasaan yang sama, seperti halnya kesatuan tentera. Perajurit-perajurit yang mendengar suara trompet mengerti bahawa komandan mereka memanggil mereka. Panggilan ini menimbulkan satu perasaan yang sama dalam diri mereka, yakni perasaan patuh pada komandan, dan sebagai jawapan terhadap panggilan ini, mereka melakukan suatu perbutan yang serupa, iaitu datang ke tempat yang telah ditentukan.

Mengapa cara seperti ini dipakai dalam ketenteraan? Ini adalah kerana dalam diri setiap perajurit haruslah ditanamkan kebiasaan dan sifat patuh pada perintah: mulaMula secara sendiri-sendiri, lalu bersama-sama dalam satu kelompok mereka berkumpul di satu tempat dan di waktu yang sama, agar diwaktu perang seluruh tentera boleh berkumpul dengan satu panggilan sahaja dan bekerja-sama untuk mencapai satu tujuan. Tidak boleh terjadi bahawa para perajurit tidak datang berkumpul untuk melaksanakan tugas perang atau pergi sendiri-sendiri sesuka hati. Apabila suatu kesatuan tentera berada dalam keadaan tidak berdisiplin seperti ini, maka meskipun jumlah mereka beribu-ribu, mereka akan boleh dikalahkan hanya oleh beberapa puluh tentera musuh sahaja, dengan cara menumpas mereka seorang demi seorang. Prinsip persatuan yang kukuh seperti inilah yang menjadi dasar peraturan bahawa semua orang Islam harus meninggalkan pekerjaan mereka dan pergi ke masjid setelah mereka mendengar panggilan adzan, agar dengan demikian seluruh kaum Muslimin dapat bersatu-padu menjadi tentera Allah. Mereka dilatih untuk berkumpul lima kali sehari, kerana tugas tentera Allah adalah lebih berat dari tentera dunia. Bagi tentera dunia, perang terjadi dengan selang waktu yang sangat lama, dan kerana itu mereka melakukan latihan-latihan ketenteraan dengan berselang-selang pula. Tetapi tentera Allah harus berperang melawan kekuatan iblis terus-menerus dan harus melaksanakan perintah-perintah komandan mereka tanpa mengenal cuti atau hiburan. Adalah suatu keringanan yang sangat besar bahawa hanya lima kali sehari mereka diperintahkan untuk cepat-cepat berkumpul ketika trompet Ilahi dibunyikan di tempat berkumpulnya tentera Allah, yakni masjid.

BERKUMPUL DENGAN TUJUAN

Yang tersebut di atas tadi hanyalah manfaat dari adzan sahaja. Selanjutnya dari itu semua, anda berkumpul di masjid, dan berkumpul itu sendiri mendatangkan manfaat yang tidak terhitung banyaknya. Anda saling bertemu dengan sesama Muslim, menjadi saling tahu dan mengenal satu sama lain. Secara beginilah anda semua menjadi hamba dan budak-budak Allah, pengikut-pengikut dari satu Nabi, dan satu kitab, dan anda semua hanya mempunyai satu tujuan sahaja. Anda semua berkumpul di masjid hanya untuk mencapai tujuan itu sahaja, yang harus anda penuhi, bahkan setelah anda kembali dari Masjid. Ikatan dan saling mengenal seperti ini automatik akan menciptakan dalam diri anda semua perasaan bahawa anda semua merupakan satu komuniti, merupakan perajurit-perajurit dari satu kesatuan tentera, orang-orang yang bersaudara satu sama lain, mempunyai kepentingan-kepentingan serta tujuan-tujuan yang sama, sama mengagihkan keuntungan dan memikul kerugian, dan hidup anda semua saling terintegrasi satu dengan

yang lain.

SALING IKUT MERASA

Selanjutnya, ketika anda saling bertatap muka satu sama lain, maka anda semua satu sama lain tidak akan merasa menjadi musuh, melainkan sebagai saudara. Dengan demikian, kalau anda melihat seorang dari saudara-saudara anda berpakaian compang-camping, yang lain berwajah sedih, yang lain tampak sangat lapar, dan yang lain cacat, lumpuh atau buta, maka tidak syak lagi rasa simpati anda kepada mereka akan wujud. Orang-orang yang kaya di antara anda akan merasa kasihan kepada saudara-saudaranya yang miskin dan papa. Orang-orang yang terkena musibah akan memperolehi keberanian untuk mendekati saudara-saudaranya yang kaya dan mengadukan kesusahan mereka. Apabila diketahui bahawa seorang saudara tidak boleh datang ke masjid kerana sakit atau kecelakaan, maka tentu akan ada yang bemiat menziarah dan menanyakan halnya. Apabila ada berita tentang kematian salah seorang saudara, seluruh jemaah akan bersama-sama melaksanakan solat jenazahnya dan ikut bersedih bersama keluarga yang ditinggal si mati. Semua ini akan mendorong rasa kasih-mengasihi dan hasrat untuk tolong-menolong satu sama lain.

BERKUMPUL DENGAN TUJUAN YANG SUCI

Selanjutnya, perhatikanlah bahawa orang-orang yang datang ke masjid itu berkumpul untuk satu tujuan yang suci. Kumpulan ini bukanlah kumpulan para pencuri, pemabuk dan penjudi-penjudi yang hatinya penuh dengan niat-niat yang kotor dan tidak keruan. Ini adalah kumpulan hamba-hamba Allah yang berniat menyembah Allah di rumah Allah. Dalam suasana seperti ini, seorang yang jujur, merasa akan dosa-dosa yang ada dalam jiwanya. Dan.seandainya ia telah melakukan suatu dosa di hadapan salah seorang yang ikut hadir di masjid, maka pertemuannya dengan orang itu akan membuatnya betul-betul bertaubat. Dan seandainya di antara jema'ah Muslimin itu ada niat untuk saling memberi nasihat, dan bila mereka tahu bagaimana caranya meningkatkan keadaan satu sama lain melalui simpati dan kasih-sayang, tidak syak lagi perkumpulan ini akan menjadi sumber rahmat dan anugerah Tuhan. Dengan cara demikian semua orang Islam bersama-sama akan boleh saling menghilangkan kekurangan dan kelemahan masing-masing, dan seluruh masyarakat sedikit demi sedikit akan menjadi masyarakat yang saleh dan taqwa.

PERSAUDARAAN

Manfaat-manfaat yang tersebut di atas, hanyalah manfaat yang timbul dari berkumpulnya kaum Muslimin di masjid sahaja. Selanjutnya masih banyak manfaat yang terkandung dalam pelaksanaan solat berjemaah. Anda berdiri dengan berbaris rapat bahu membahu dengan semua orang Islam yang lain. Tidak seorang pun yang dianggap lebih tinggi atau lebih rendah darjatnya daripada yang lain. Dalam majlis, di hadapan Allah, seluruh manusia sama kelasnya. Tidak seorang pun yang tercemar bila tersentuh oleh sesama saudara Muslimnya, Semua orang adalah suci kerana semuanya adalah manusia. Semuanya adalah hamba Tuhan dan sama-sama pengikut satu *din* sahaja. Di luar solat, kaum Muslimin tennasuk dalam keluarga-keluarga, suku-suku dan bangsa-bangsa yang

berbeza-beza. Seseorang adalah Sayyid, yang lain adalah Pathan, lainnya lagi Rajput atau Jat. Yang seorang adalah warga negara dari suatu negeri, dan yang lain warga dari negeri yang lainnya. Sebahagian Muslimin berbicara dengan suatu bahasa, sebahagian yang lain dengan bahasa yang lain. Tetapi semuanya berdiri dalam satu barisan, menyembah Allah. Ini menunjukkan bahawa mereka semua adalah satu bangsa. Perkumpulan dalam keluarga-keluarga dan keturunan, .suku-suku dan bangsa-bangsa, adalah perkumpulan yang palsu. Hubungan anda yang sejati dan yang paling erat adalah bahawa anda sama-sama menjadi hamba Allah dan sama-sama beribadat kepadaNya. Apabila anda semua telah menjadi satu dalam hal ini, mengapa anda harus terpisah-pisah dalam hal yang lain?

KESERAGAMAN GERAKAN

Selanjutnya, bila anda berbaris bahu membahu antara yang satu dengan yang lain, maka anda semua telah membentuk satu barisan tentera yang siap melaksanakan perintah dari komandannya. Dengan berdiri dalam satu barisan dan melakukan gerakan-gerakan secara serentak, maka perasaan perlunya bersatu akan tertanam dalam fikiran anda semua. Anda diperintahkan untuk melakukan latihan ini, untuk menjadi satu dalam mengabdi kepada Allah dengan cara sedemikian rupa, sehingga anda semua bergerak secara serentak: serentak mengangkat tangan dan serentak menggerakkan kaki, seolah-olah anda semua bukan sepuluh, seratus, atau seribu orang, Tetapi telah menjadi satu tubuh.

DOA

Apa yang anda lakukan setelah anda berdiri dalam satu barisan itu? Dengan satu suara anda bersumpah, berdoa dan memuji Junjungan anda:

lyyaka na'budu wa iyyaka nasta'in
"Hanya Engkaulah yang kami sembah, dan hanya kepada Engkaulah kami mohon pertolongan".

Ihdinash-shirathol mustaqim
"Tunjukilah kami jalan yang lurus".

Rabbana lakal hamdu
"Wahai Tuhan!, segala puji hanyalah bagi Engkau".

Assalamu 'alaina wa 'ala 'ibadUlahish shalihin
"Semoga keselamatan dilimpahkan kepada kita dan kepada
semua hamba Allah yang saleh".

Dan setelah solat selesai, anda saling mendoakan dan meminta rahmat untuk satu sama lain:
Assalamu 'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Ini bererti bahawa anda semua adalah orang yang selalu saling mendoakan kebaikan satu sama lain. Semuanya sama-sama memohon kepada satu junjungan demi kesejahteraan semua. Tidak seorang pun dari anda yang sendirian dan terpisah. Tidak seorang pun dari anda memohon sesuatu hanya untuk dirinya sendiri. Setiap orang berdoa agar Allah melimpahkan rahmatNya kepada seluruh jema'ah, agar semuanya diberi kekuatan untuk berjalan hanya di jalan yang benar, dan agar semuanya sama-sama merasakan rahmat Allah. Dengan jalan demikian solat akan mempersatukan hati anda semua, menciptakan keserasian dalam fikiran-fikiran anda, dan mengembangkan hubungan baik dan saling mendoakan satu sama lain.

JEMA'AH TANPA IMAM

Tetapi perhatikanlah bahawa anda tidak pernah mengerjakan solat berjema'ah tanpa dipimpin oleh seorang imam. Sekalipun hanya ada dua orang yang mengerjakan solat, pasti yang seorang menjadi imam, dan yang seorang lagi ma'mum. Apabila jema'ah telah terbentuk, maka sama sekali dilarang mengerjakan solat bersendirian. Apabila dikerjakan juga, maka solat tersebut tidak sah. Orang-orang yang datang terlambat diwajibkan bergabung dengan jema'ah dan mengikuti imam yang ada. Semua prosedur seperti ini, berlaku tidaklah terbatas hanya pada solat sahaja. Tetapi sesungguhnya hal itu adalah pelajaran bahawa bila anda semua mahu hidup sebagai orang-orang Islam, anda mesti hidup sebagai satu kelompok yang bersatu dan dipimpin seperti itu. Dan bila kelompok tersebut telah terbentuk, maka memisahkan diri daripadanya, bererti bahawa anda tidak lagi hidup sebagai seorang Muslim.

SIFAT DAN KEPENTINGAN IMAMAH

Tidak berhenti sampai di sini sahaja. Hubungan antara seorang imam dengan pengikut-pengikutnya telah ditetapkan dengan cara sedemikian rupa agar anda semua mengerti kedudukan imam di dunia Islam, apa kewajipan dan hak-haknya, bagaimana anda harus mentaatinya, dalam masalah-masalah apa anda harus mengikutinya, apa yang harus anda lakukan apabila ia melakukan kesalahan, sejauh mana anda harus mengikutinya dalam kekeliruannya, dalam keadaan bagaimana anda berhak mencegah tindakannya, bila anda dapat menegurnya untuk mengoreksi kesalahannya, dan dalam kes bagaimana anda memaksanya turun dari kedudukan imamahnya. Semua. ini tercakup dalam latihan skala kecil untuk menjalankan pemerintahan yang besar — suatu latihan yang harus anda lakukan lima kali sehari di setiap masjid-masjid kecil.

SYARAT-SYARAT DAN ATURAN IMAMAH

Di sini tkiak ada waktu untuk membicarakan hal-hal yang terperinci; kerana itu saya hanya menjelaskan beberapa garis besarnya sahaja:

1. Soleh dan bijak

Diwajibkan, bahawa orang yang diangkat menjadi imam adalah orang yang bijak, tinggi ilmunya, lebih banyak pengetahuannya tentang al-Qur'an daripada orang lain serta paling

tua usianya. Urutan prioriti sifat-sifat ini telah diterangkan dalam hadis. Atas dasar ini dapat diambil pelajaran tentang sifat-sifat mana yang harus dipertimbangkan dalam memilih seorang pemimpin bangsa.

2. Mewakili majoriti

Diwajibkan, bahawa imam tersebut bukanlah orang yang tidak disukai oleh majoriti jema'ah. Biasanya, hampir tidak ada orang yang tidak mempunyai musuh seorang pun, terapi bila seseorang tidak disukai oleh sejumlah besar anggota jema'ah, maka ia tidak boleh diangkat menjadi imam. Sekali lagi, di sini kita boleh mengambil peraturan untuk memilih pemimpin bangsa.

3. Bersimpati kepada pengikut

Diwajibkan, bahawa orang yang telah diangkat menjadi imam haruslah memimpin solat dengan cara sedemikian rupa, sehingga anggotajema'ah yang paling tua pun tidak merasa berat mengikutinya. Ia tidak boleh membaca surat-surat yang panjang atau melakukan ruku' dan sujud berlama-lama, yang mungkin hanya sesuai untuk orang-orang yang masih muda, kuat, sihat dan orang-orang yang punya banyak waktu terluang; ia juga harus memperhatikan orang-orang yang berusia lanjut, sakit dan lemah serta orang-orang sibuk yang ingin cepat-cepat menyelesaikan solatnya dan kembali kepada pekerjaannya. Rasulullah saw. telah memberikan contoh tentang kelembutan hati dan kasih-sayang ini dengan tindakan bahawa bila beliau sedang mengimami solat lalu terdengar suara anak kecil menangis, maka beliau selalu mempersingkat solatnya agar ibu anak itu, yang mungkin ikut solat berjema'ah, tidak terlalu cemas. Ini merupakan nasihat bagi seorang pemimpin bangsa tentang bagaimana harus memimpin ummatnya.

4. Imam harus mundur apabila tidak mampu melaksanakan tugas
Apabila seorang imam yang sedang memimpin solat mengalami suatu hal yang menyebabkan ia tidak dapat menjalankan tugasnya, maka ia harus segera mengundurkan diri dan menempatkan salah seorang yang ada di belakangnya untuk menggantikan kedudukannya. Ini bererti bahawa bila seorang pemimpin bangsa merasa tidak mampu melaksanakan tugas-tugasnya, ia harus mundur sendiri dari jabatannya dan mempersilakan seorang lain yang sesuai untuk menggantikannya. Dalam hal ini tidak boleh ada rasa malu atau mementingkan diri sendiri, yang dapat menghalangi pergantian pimpinan tersebut.

5. Kepatuhan sepenuhnya kepada Imam

Diwajibkan untuk mengikuti perbuatan-perbuatan yang dilakukan oleh imam dengan ketat. Bergerak sebelum imam bergerak adalah sama sekali terlarang. Sebuah hadis mengatakan bahawa orang yang ruku' atau sujud sebelum imam melakukannya, akan dibangkitkan kelak sebagai seekor keldai. Ini adalah pelajaran bagi ummat, bagaimana seharusnya mentaati pemimpinnya.

6. Membetulkan kesalahan

Apabila imam melakukan kesalahan dalam memimpin solat, misalnya ia berdiri padahal seharusnya duduk, atau duduk padahal seharusnya berdiri, maka menurut peraturan, jemaah harus memperingatkannya dengan kata-kata *"subhanallah". Subhanallah* bererti *maha suci Allah.* Mengatakan *subhanallah* ketika imam membuat kesalahan bererti seakan-akan mengatakan kepada imam: "Hanya Allahlah yang bebas dari kesalahan. Engkau hanya seorang manusia, dan tidak menghairankan bila engkau membuat kesalahan". Ini adalah cara untuk membetulkan kesalahan imam, dan kalau ia diperingatkan dengan cara demikian, maka wajiblah baginya untuk membetulkan kesalahannya tanpa harus merasa malu atau dirugikan. Tentu sahaja apabila imam merasa yakin bahawa ia tidak melakukan kekeliruan, maka ia boleh meneruskan tindakannya, dan dalam situasi demikian jema'ah wajib menurutinya walaupun mereka tahu bahawa ia keliru. Setelah solat selesai, jema'ah berhak untuk meyakinkan imam akan kekeliruannya dan menuntutnya untuk mengulangi solat sekali lagi.

7. Tidak boleh patuh dalam dosa

Perlakuan oleh jema'ah terhadap imam seperti tersebut di atas hanya terbatas pada situasi yang melibatkan kekeliruan dalam masalah-masalah kecil sahaja. Akan tetapi, apabila berlawanan dengan sunnah Rasul, imam mengubah cara solat atau dengan sengaja membaca ayat-ayat al-Qur'an secara salah, atau dalam solat itu ia melakukan perbuatan perbuatan kufr atau syirik, atau melakukan dosa yang terang, maka jema'ah wajib menghentikan solat mereka dan memisahkan diri dari imamnya. Semua petunjuk-petunjuk di atas memberikan pelajaran yang lengkap kepada anda semua tentang bagaimana seharusnya memperlakukan pemimpin bangsa anda.

Saudara-saudara sesama Muslim.
Dari manfaat-manfaat solat berjema'ah yang saya sebutkan di atas anda tentu boleh menilai bagaimana dalam suatu ibadat yang hanya memakan waktu beberapa minit, yang dilakukan dalam lima kali sehari semalam, Allah telah mengumpulkan bagi anda keberkatan dunia dan akhirat, bagaimana satu kali pelaksanaan ibadat ini memperkayakan anda dengan limpahan rahmat yang tidak terkira banyaknya, dan bagaimana solat mempersiapkan manusia untuk menghamba kepada Allah dan menjadi penguasa dunia.
Sekarang anda pasti akan bertanya: apabila solat, memang, begitu hebatnya, maka mengapa manfaat-manfaat yang saya sebutkan di atas tadi tidak diperolehi? Insya Allah dalam pembahasan selanjutnya saya akan menjawab pertanyaan ini.

5. APA SEBAB SOLAT TIDAK MENDATANGKAN MANFAAT

Saudara-saudara sesama Muslim,

Dalam khutbah hari ini, saya akan menjelaskan kepada anda mengapa solat, yang manfaat-manfaatnya telah begitu banyak saya uraikan dalam beberapa pembahasan, tidak memberikan manfaat-manfaat tersebut. Mengapa boleh terjadi bahawa meskipun anda mengerjakan solat, namun hidup anda tidak menjadi lebih baik, akhlak anda tidak menjadi suci, anda tidak menjadi tentera Tuhan yang perkasa? Sebaliknya, orang-orang kafirlah yang menguasai anda, sedangkan anda semua berada dalam keadaan yang sengsara dan menyedihkan. Mengapa boleh terjadi demikian?

Jawapan singkat terhadap pertanyaan-pertanyaan tersebut adalah: pertama, anda pada umumnya tidak mengerjakan solat, kedua, bila anda mengerjakannya, anda tidak mengerjakannya menurut cara yang digariskan oleh Allah dan RasulNya. Kerana itu anda ridak boleh mengharapkan manfaat-manfaat solat tersebut, yang boleh mengangkat darjat seorang yang beriman kepada darjat yang setinggi-tingginya. Tetapi saya tahu jawapan ini tidak akan memuaskan hati anda. Kerana itu saya akan menjelaskan masalah ini secara agak terperinci kepada anda.

SEBUAH CONTOH: JAM

Anda tahu bahawa di dalam jam, yang tergantung pada tembok di depan anda itu, terdapat banyak bahagian-bahagian kecil yang saling berhubungan antara yang satu dengan yang lain. Apabila anda memutar kuncinya, maka seluruh bahagian-bahagian itu akan bekerja, dan bila bahagian-bahagian itu bekerja, maka hasil pekerjaan itu akan nampak pada piringan jam yang putih itu, yakni kedua jarumnya akan berjalan dan memperlihatkan setiap minit dan setiap detik yang berlalu. Sekarang, marilah kita amati baik-baik. Tujuan dibuatnya jam itu adalah agar ia dapat menunjukkan waktu' yang tepat. Dengan mengingati tujuan ini, dipasanglah di dalamnya semua bahagian-bahagian yang perlu untuk boleh menunjukkan waktu yang tepat. Bahagian-bahagian itu dihubungkan antara satu sama lain, sehmgga boleh bergerak serentak, dan setiap bahagian melakukan gerakan khusus yang harus dilakukannya untuk menunjukkan •waktu yang tepat. Selanjutnya, sistem pemuutaran dibuat agar bahagian-bahagian mesin tersebut tidak tinggal diam sahaja, Tetapi terus bergerak mengulang-ulangi permutarannya. Jadi, apabila semua bahagian dihubungkan dengan tepat dan kuncinya diputar, maka barulah jam itu akan memenuhi tujuan untuk apa ia dibuat. Apabila anda tidak memutar kuncinya, maka jam itu tidak akan menunjukkan waktu yang tepat. Apabila anda memutar kuncinya tetapi tidak menurut cara yang ditentukan oleh pembuatnya, maka jam itu pun tidak akan berputar, atau kalaupun ia berputar, ia tidak akan menunjukkan waktu yang tepat. Kalau anda membuang sebahagian dari mesinnya lalu memutar kuncinya, maka usaha anda itu juga akan sia-sia juga. Kalau anda menggantikan sebahagian dari mesinnya dengan bahagian-bahagian dari mesin jahit, lalu anda memutamya, maka jam itu pun tidak akan boleh menunjukkan waktu ataupun menjahit pakaian. Apabila anda menempatkan semua bahagian-bahagian mesin di dalamnya, Tetapi hubungan-

hubungannya anda lepaskan, maka tidak satu bahagian pun yang akan bergerak, walaupun jam itu anda putar kuncinya berkali-kali. Soalnya, walaupun semua bahagian mesin jam itu ada di dalamnya, namun kehadiran mereka di situ tidaklah memenuhi tujuan dibuatnya sebuah jam, kerana anda telah mengacau-bilaukan susunan mereka serta hubungan mereka satu sama lain, yang akibatnya mereka tidak boleh bergerak bersama-sama. Dalam hal ini, walaupun wujud jam dan tindakan memutar kunci itu tidak ada gunanya, namun seorang pemerhati yang berada di kejauhan tidak akan boleh mengatakan bahawa jam itu bukanlah jam atau bahawa anda tidak memutar kuncinya. Ia akan mengatakan bahawa bentuk benda yang ada di tangan anda itu memang adalah jam dan ia pasti mengira bahawa jam itu masih berguna. Sama halnya, apabila dari jauh ia melihat anda memutar kuncinya, maka ia akan menganggap anda memang berusaha sungguh-sungguh untuk membuat jam itu berfungsi sebagaimana mestinya. Namun bagaimana usaha itu boleh mendatangkan hasil, kalau jam itu sendiri hanya nampaknya sahaja masih berupa jam, padahal sebenarnya sudah kehilangan sifatnya?

TUJUAN DIBENTUKNYA UMMAT ISLAM

Dari contoh yang saya sebutkan di atas tadi, anda boleh memahami situasi dunia Islam sekarang ini. Anda boleh menilai Islam berdasarkan analogi jam tadi. Tujuan jam tadi diciptakan adalah untuk menunjukkan waktu yang tepat, maka sama halnya dengan jam tersebut, tujuan Islam adalah untuk menjadikan kaum Muslimin di dunia ini sebagai wakil Allah, sebagai saksi Tuhan terhadap ummat manusia, dan sebagai penjunjung panji-panji kebenaran di dunia ini. Anda sendiri harus mengikuti perintah-perintah Allah, memastikan berlakunya perintah-perintah tersebut kepada semua manusia dan membuat mereka tunduk kepada hukum Allah. Tujuan ini telah dinyatakan dengan jelas dalam al-Qur'an:

'Kamu adalah ummat yang terbaik yang dilahirkan untuk manusia, menyuruh kepada yang ma'ruf, dan mencegah dari yang munkar, dan beriman kepada Allah..."
(Al-Qur'an, Ali 'Imran, 3:110)

"Demikian (pula) Kami telah menjadikan kamu (ummat Islam), ummat yang adil dan pilihan agar kamu menjadi saksi atas (perbuatan) manusia..."
(Al-Qur'an, al-Baqarah, 2:143)

"Dan Allah telah berjanji kepada orang-orang yang beriman di antara kamu dan mengerjakan amal-amal yang saleh bahawa Dia sungguh-sungguh akan menjadikan mereka berkuasa di bumi..." (Al-Qur'an, an-Nur, 24:55)

"Dan perangilah mereka, supaya jangan ada fitnah dan supaya agama itu semata-mata bagi Allah..." (Al-Qur'an, al-Anfal, 8:39)

AJARAN ISLAM ADALAH BERHUBUNGKAIT SEPERTI BAHAGIAN-BAHAGIAN MESIN JAM

Dalam Islam, semua ajaran-ajaran — seperti halnya bahagian-bahagian mesin jam — telah digabungkan sedemikian rupa sesuai dengan keperluan yang semestinya, demi

untuk mencapai tujuan pembentukan ummat Islam. Kepercayaan terhadap agama, prinsip prinsip moral, peraturan-peraturan untuk urusan keduniaan, hak-hak Allah, hak-hak manusia, hak-hak perseorangan, hak-hak segala sesuatu di dunia, peraturan-peraturan mencari penghidupan dan membelanjakan harta, hukum perang dan damai, undang-undang pemerintahan dan cara mematuhi pemerintah Islam — semua ini adalah sama dengan bahagian-bahagian dari suatu jam yang saling berkaitan satu sama lain dalam suatu rangkaian yang padu, sehingga begitu kunci diputar, maka setiap bahagian akan berputar dan menjalankan fungsinya masing-masing. Dan hasilnya, kekuasaan ummat Islam dan hukum Tuhan akan tertegak di atas dunia ini, dan akan hidup terus-menerus menampakkan dirinya, sebagaimana hasil putaran kunci pada sebuah jam. Untuk memasang sebuah jam dari pelbagai bahagian komponen yang berbeza-beza itu, diperlukan beberapa mur dan baud serta potongan-potongan logam yang kecil. Demikian pula halnya Islam, Islam harus memasang komponen itu menurut urutan dan susunan yang tepat, yang dinamakan nizam al-jema'ah. Di kalangan ummat Islam harus ada seorang pemimpin yang mempunyai pengetahuan yang tepat tentang Islam, memiliki kesalehan yang tinggi serta otak yang cemerlang, dan seluruh ummat harus bersama-sama membantu dan mentaati perintahnya.
Dengan kekuatan Seluruh ummat, ia harus memastikan berlakunya hukum-hukum Islam dan mencegah orang dari melanggarnya. Dengan cara begini, ketika semua bahagian-bahagian ajaran Islam telah terpasang dengan susunan yang tepat dan padu, maka untuk menggerakkan ajaran-ajaran tersebut dan membuatnya tetap berjalan, diperlukan pemutar kunci. Dalam hal ini dilakukan oleh solat yang dikerjakan lima kali sehari. Kemudian diperlukan pula alat untuk membersihkan "jam" Islam ini, dan untuk tujuan ini, puasa merupakan pembersih yang dilakukan selama sebulan penuh, iaitu pada bulan Ramadhan. Selanjutnya, "jam" ini juga perlu diminyaki. Zakat adalah minyak yang digosokkan pada komponennya sekali setahun. Minyak ini tidak diambil dari luar, Tetapi komponen-komponen itu sendiri yang harus mengeluarkannya; dan setelah komponen-komponen itu diminyaki, maka jam ini akan berputar dengan lancar. Di samping itu, jam ini perlu dibaiki secara keseluruhannya. Haji adalah pekerjaan yang seperti ini yang harus dikerjakan sekurang-kurangnya sekali dalam seumur hidup. Jika sering dikerjakan, maka semakin baik.

MENGUMPULKAN KOMPONEN YANG TIDAK ADA HUBUNGANNYA ADALAH TIDAK BERGUNA

Sekarang anda mesti memperhatikan bahawa proses pemutaran kunci, pembersihan, peminyakan dan pembaikan keseluruhan ini hanyalah berguna, kalau semua komponen jam itu ada dalam badanya. Atau kalau setiap komponen dikaitkan dengan komponen-komponen yang lain sesuai dengan susunan seperti yang sudah ditentukan oleh tukang pembuat jam itu, semuanya disesuaikan sedemikian rupa, sehingga ketika kunci diputar, komponen-komponen itu berputar dan memperlihatkan hasilnya. Akan. tetapi dalam tubuh kaum Muslimin sekarang ini, situasinya tidaklah demikian halnya. Pertama-tama, nizam al-jema'ah yang merupakan wadah ajaran-ajaran Islam itu sendiri sudah tidak ada. Akibatnya, semua komponen Islam jadi bercelaru dan terlepas dari kaitannya satu sama lain. Sekarang ini, setiap orang melakukan apa sahaja yang disukainya sendiri. Tidak ada orang lain yang mempersoalkannya. Setiap orang bebas berdiri sendiri. Kalau mahu,

boleh mengikuti hukum Islam; kalau mahu, boleh tidak. Tidak cuma begini sahaja, banyak orang Islam telah mencabut komponen-komponen "jam" Islam, dan menggantikannya dengan komponen mesin apa sahaja yang disukainya. Seorang menggantikan satu komponennya dengan komponen mesin jahit yang disenanginya, seorang lagi memasang komponen basikal yang sangat disukainya, sedang yang lain memasukkan komponen pesawat radio yang dikaguminya, dan mereka semua memasukkan barang-barang itu ke dalam kerangka "jam" Islam itu. Analogi ini tepat sekali, kerana anda sebagai orang-orang Islam melakukan perniagaan dengan riba, menginsuranskan jiwa anda kepada perusahaan insurans, terlibat dalam sidang-sidang pengadilan yang memutar-belitkan hukum, 'menyatakan kesetiaan dan mengabdikan diri kepada kekufuran. Puteri-puteri dan saudara-saudara perempuan anda, anda kahwinkan dengan orang-orang kafir dan musyrik, anak-anak anda dididik dengan ajaran-ajaran materialistik. Sambil menyanyikan puji-pujian kepada kapitalisme, anda juga mempraktikkan ajaran-ajaran Hindu dan Buddha. Pendeknya, tidak ada satu ajaran yang bukan Islam pun yang tidak dimasukkan ummat Islam itu sendiri ke dalam kerangka ajaran Islam.

ORANG-ORANG YANG MENGINGINKAN KEAJAIBAN

Setelah melakukan itu semua, anda mengharapkan "jam" Islam ini berputar di saat anda memutar kuncinya dan memperlihatkan hasilnya juga. Dengan pembersihan, peminyakan serta pembaikan kesuluruhan yang palsu, anda mengharapkan hasil yang diperoleh seperti pada proses yang sebenarnya. Dengan sedikit pengertian sahaja anda akan memahami bahawa dalam keadaan di mana anda sudah merendahkan nilai sebuah jam menjadi barang yang tidak berguna, tidak ada hasil apa pun yang akan dapat diperolehi, biarpun anda memutar kuncinya, meminyaki dan membaikinya seribu kali. Selama anda belum .menyingkirkan komponen asing itu dan menggantikannya dengan yang asli, dan memasangnya dengan susunan yang sama dengan susunan yang asal anda tidak akan boleh mengharapkan hasil yang dahulu pemah diperlihatkan oleh "jam" Islam ini.

MENGAPA AMALAN-AMALAN KEAGAMAAN TIDAK MENGHASILKAN APA-APA?

Fahamilah bahawa keadaan yang tersebut di atas itulah, sebab yang sebenarnya, mengapa solat, puasa, zakat dan haji anda tidak menghasilkan apa-apa. Pertama-tama, sedikit sekali dari anda semua yang mengerjakan solat, puasa, memberikan zakat dan mengerjakan haji. Disebabkan kerana kerosakan nizam al-jema’ah, setiap orang telah menjadi terpisah bersendirian. Apakah ia mengerjakan kewajipan-kewajipan itu, atau tidak, tidak seorang pun yang menanyakan kepadanya. Tidak pula orang-orang yang menjalankan kewajipan-kewajipan tersebut mengerjakannya dengan cara yang digariskan. Mereka tidak mengerjakan solat berjema’ah secara teratur dan berterusan. Jika adapun perlaksanaan solat berjema’ah yang berterusan, maka yang diangkat menjadi imam adalah orang yang tidak mempunyai kebolehan apa pun untuk mencari penghidupan, ia hidup dari sedekah yang diberikan ke masjid, ia tidak berpendidikan dan tidak berkaliber, ia senantiasa menderita tekanan batin. Seperti itukah imam solat yang dibebani kewajipan oleh Allah untuk menjadikan anda semua khalifah-khalifahNya di

muka bumi! Demikian pula keadaan puasa, zakat dan haji adalah sedemikian rupa, hingga tidak perlu dijelaskan lagi. Walaupun dengan adanya kenyataan-kenyataan ini namun anda mungkin masih bersikap keras menyatakan bahawa masih banyak orang yang mengerjakan kewajipan-kewajipan beragama sesuai dengan yang digariskan. Tetapi, seperti yang telah saya nyatakan, apabila keadaannya adalah sedemikian rupa bahawa komponen jam itu telah dilepaskan dari hubungannya antara satu sama lain, dan banyak daripadanya yang telah digantikan dengan komponen mesin lain, maka tidak ada gunanya anda membersihkannya, meminyakinya dan memutar kuncinya. Sudah tentu dari jauh ia masih kelihatan seperti sebuah jam, dan seorang pemerhati masih akan mengatakan: "Ini adalah Islam dan anda adalah orang-orang Muslim". Apabila anda memutar kuncinya dan membersihkannya, seorang pemerhati dari jauh akan mengira bahawa anda sedang melakukan pekerjaan yang memang berguna. Tidak seorang pun yang akan mengingkari bahawa anda semua memang mengerjakan solat dan puasa, Tetapi tidak seorang pula yang akan tahu bahawa di dalam kerangka agama ini keadaannya telah kacau-bilau.

KEADAAN KITA YANG MENYEDIHKAN

Saudara-saudara sesama Muslim

Saya telah menerangkan kepada anda sebab-sebab yang sebenarnya, mengapa amalan-amalan keagamaan anda sekarang ini tidak menghasilkan apa-apa, dan mengapa, walaupun anda mengerjakan solat dan puasa, namun anda masih tetap berada dalam cengkaman orang kafir dan menjadi mangsa yang mudah bagi setiap penindas, bukannya menjadi khalifah Tuhan yang mulia. Tetapi bila anda tidak mahu menerima kenyataan ini, saya akan memperlihatkan kepada anda suatu kenyataan yang lebih sangat menyedihkan lagi. Tidak syak lagi, anda pasti menyesali hakikat yang saya nyatakan tadi dan merasakan kepahitannya, tetapi dari seribu orang kaum Muslimin, sembilan ratus sembilan puluh di antaranya, bahkan lebih, tidaklah bersedia untuk mengubah keadaannya melalui pengubatan yang semestinya. Mereka tidak tahan melihat perombakan kembali "jam" Islam ini, yang telah diporak-perandakan dan dikerumuni oleh komponen yang tidak keruan oleh setiap orang, kerana bila perombakan ini dilakukan maka benda-benda kesayangan mereka yang ada di dalamnya pasti terpaksa dikeluarkan. Tidak mungkin bahawa barang kepunyaan orang lain sahaja yang perlu disingkirkan, sedang benda yang kita senangi tetap dibiarkan sahaja. Begitu juga bila komponen campuran yang kita masukkan harus dikeluarkan, maka kepunyaan orang lain juga mesti dikeluarkan. Dan ini adalah suatu hal yang sukar untuk ditoleransi oleh kebanyakan orang dengan senang hati.

Itulah sebabnya mengapa mereka semua ingin agar jam ini tetap dibiarkan begitu sahaja sebagai suatu hiasan dinding yang diperlihatkan kepada orang lain dan dikatakan sebagai sumber mu'jiza.t. Orang-orang yang mempunyai harapan baik yang lebih besar terhadap jam ini, daripada orang lain, akan suka sekali memutar kuncinya berulang-ulang dan dengan penuh semangat serta membersihkannya dalam keadaan yang sia-sia seperti itu, tetapi mereka juga tidak akan membiarkan komponennya dibereskan dan dipasang terpadu, dan tidak pula mereka menginginkan agar komponen campurannya dibuang.

Saudara-saudara, saya mengharapkan agar saya dapat menyertai anda dalam sikap seperti itu, tetapi saya tidak dapat berbuat demikian kerana saya tidak dapat mengabaikan pengetahuan saya. Saya percaya bahawa, apabila anda memikirkan hakikat keadaan ummat Islam yang menyedihkan seperti tersebut di atas, walaupun seandainya di samping solat lima waktu anda juga mengerjakan solat tahajjud, Isyrak dan solat khusus, membaca Qur'an lima jam sehari, serta berpuasa sunat lima bulan setengah di samping puasa wajib di bulan Ramadhan, semua yang anda kerjakan itu tidak akan ada manfaatnya. Yang mesti anda mengerti ialah bahawa hanya setelah komponen-komponen jam Islam itu dipasang dengan betul dan terpadu, barulah dapat diputar kuncinya, dan dengan pembersihan dan peminyakan sedikit sahaja pun ia akan dapat berputar dengan lancar dan memperlihatkan hasil yang dikehendaki. Kalau tidak, sekalipun anda putar kuncinya seumur hidup anda, jam itu tetap tidak akan boleh berputar.

Wama alayna illal balagh.
(Kewajipan kami hanyalah menyampaikan kebenaran).

PUASA

1. PUASA DIWAJIBKAN KEPADA SETIAP UMMAT

Saudara-saudara sesama Muslim,

Ibadat kedua yang diwajibkan kepada anda oleh Allah ialah puasa. Puasa bererti berhenti dari makan, minum dan hubungan seks pada waktu siang hari. Sebagaimana halnya solat, ibadat ini juga diwajibkan dalam syari'ah kepada semua rasul-rasul. Semua ummat yang telah lalu juga berpuasa seperti halnya ummat Muhammad saw. Tetapi mengenai peraturan-peraturan dalam menjalankannya, jumlah dan jangka masa untuk berpuasa terdapat perbezaan di antara berbagai syari'ah. Bahkan sampai hari ini, kita lihat bahawa puasa tetap dilaksanakan dalam kebanyakan agama dalam suatu bentuk, walaupun para penganutnya telah mengubah bentuknya dengan menambahnya dengan hal-hal ciptaan mereka sendiri. Dalam al-Qur'an telah dinyatakan:

"Hai orang-orang yang beriman, diwajibkan atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang sebelum kamu agar kamu bertaqwa".
(Al-Qur'an, al-Baqarah, 2:183)

Dari ayat ini jelas bahawa semua syari'ah yang dikirimkan oleh Allah tidaklah kosong dari kewajipan ibadat puasa ini.

MENGAPA PUASA DIWAJIBKAN?

Marilah kita renungkan apakah kepentingan puasa, hingga Allah mewajibkannya kepada setiap ummat di setiap masa:

1. Tujuan penghambaan seumur hidup kepada Allah

Sudah berkali-kali saya terangkan kepada anda bahawa tujuan Islam yang sebenamya adalah menjadikan seluruh kehidupan manusia menjadi ibadat kepada Allah. Manusia dilahirkan sebagai budak Tuhan, dan perbudakan, yakni penghambaan kepada Tuhan, telah terkandung dalam wataknya yang asli. Kerana itu, manusia tidak boleh bebas sedikit pun dari 'ibadat, penghambaan kepada Tuhan dalam fikiran, perkataan dan perbuatan. Dalam setiap tingkah laku hidupnya manusia harus memeriksa jalan mana yang harus ditempuhnya untuk memperolehi redha Tuhan, dan jalan mana yang harus dijauhinya agar tidak terkena murka dan kutukanNya. Dengan demikian, prinsip yang harus dipegang oleh seorang Muslim adalah mengikuti jalan yang menuju redha Allah dan menjauhi jalan yang menuju kemurkaanNya. Seorang Muslim haruslah menempuh cara yang disetujui Allah dan menjauhi cara-cara yang tidak diperkenankanNya. Apabila seluruh hidupnya teiah diwarnai dengan warna yang demikian, barulah ia dianggap telah melaksanakan kewajipan penghambaannya kepada Junjungannya dan memenuhi tujuan yang terkandung dalam ayat,

"Dan Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka menyembahKu". (Al-Qur'an, adz-Dzariyat,51:56)

2. 'Ibadat: latihan penghambaan

Saya telah menyatakan hal ini sebelumnya, bahawa tujuan yang sebenarnya dari kewajipan-kewajipan agama, seperti solat, haji, puasa, dan zakat yang telah diwajibkan kepada kita, adalah untuk melatih kita untuk menjalankan 'ibadat yang besar. Bahawa pekerjaan-pekerjaan tersebut adalah wajib, tidak bererti — apabila anda telah mengerjakan ruku' dan sujud lima kali sehari, telah menanggung lapar dan haus dari fajar hingga matahari terbenam selama tiga puluh hari di bulan Ramadhan, dan, bila anda kaya, telah memberikan zakat dan menunaikan haji sekali dalam hidup — anda telah selesai menunaikan kewajipan anda kepada Allah. Dan juga tidak bererti bahawa setelah melakukan itu semua anda lalu bebas dari penghambaan kepada Allah dan boleh berbuat apa sahaja yang anda sukai. Padahal, sesungguhnya tujuan yang dasar diwajibkannya kewajipan-kewajipan agama tersebut adalah untuk melatih anda dengan cara yang sedemikian rupa, agar kelak anda mampu mengubah seluruh hidup anda menjadi suatu "ibadat" yang tetap teratur kepada Allah. Nah, marilah sekarang, dengan mengingati tujuan ini, kita lihat bagaiman puasa mempersiapkan manusia untuk melaksanakan "ibadat" yang full-time ini.

3. Puasa adalah "ibadat yang tersembunyi"

Semua kewajipan agama, selain puasa, dilaksanakan dengan suatu perbuatan atau gerakan lahiriyah yang tertentu, yang boleh dilihat oleh mata. Misalnya, dalam solat, ketika duduk, berdiri, ruku' dan sujud, setiap orang boleh melihatnya; dalam haji, orang bepergian jauh bersama-sama dengan puluhan ribu orang lain, orang yang lainnya dapat menyaksikannya. Semua amalan-amalan keagamaan ini tidak dapat disembunyikan. Apabila anda mengerjakannya, orang lain pasti akan tahu; juga bila anda tidak mengerjakannya di depan orang-orang lain, mereka pun akan tahu juga bahawa anda tidak mengerjakannya. Puasa berbeza dengan ini, kerana puasa adalah "ibadat" yang tidak

nampak secara nyata. Hanya Allah Yang Maha Mengetahui sahaja yang tahu bahawa seseorang berpuasa atau tidak. Seseorang mungkin sahaja ikut sahur bersama-sama orang-orang lain dan tidak makan serta tidak minum apa pun dengan terang-terangan sampai tibanya waktu berbuka, Tetapi apabila dengan diam-diam ia makan atau minum sebelum waktu berbuka, hanya Allah lah yang mengetahui bahawa ia tidak berpuasa. Sedangkan orang lain akan mengira bahawa ia berpuasa, padahal sebenarnya tidak.

4. Puasa: Tanda kekuatan iman

Ingat-ingatlah kedudukan puasa dalam fikiran anda, dan renungkanlah betapa kuatnya iman orang yang berpuasa kepada Allah yang Maha Mengetahui akan hal yang ghaib. Ia benar-benar berpuasa, ia tidak makan atau minum apa pun secara sembunyi-sembunyi sebelum waktu berbuka. Dalam cuaca dan musim panas yang keras sekalipun, atau ketika kerongkong mengering kerana terasa amat haus, ia tidak minum air setitis pun. Dalam keadaan lapar yang sangat, atau ketika hidup seolah-olah mati layu, ia tidak terfikir untuk makan sedikit pun! Lihatlah betapa kuat keyakinannya bahawa tidak ada satu pun perbuatannya yang tersembunyi dari mata Allah, walaupun mungkin dapat disembunyikan dari seluruh mata dunia! Betapa hatinya dipenuhi rasa takut kepada Allah, sehingga ia mahu menghadapi bahaya mati kelaparan demi menjalankan perintah Tuhannya itu, dan tidak mahu melakukan sesuatu pun yang dapat membatalkan puasanya!
Betapa dalam keyakinannya akan pahala dan hukuman di akhirat nanti, sehingga selama satu bulan penuh ia berpuasa, dan tidak pernah sedetik pun keraguan akan hidup sesudah mati memasuki hatinya! Seandainya ia punya keraguan tentang hidup yang akan datang, di mana pahala dan hukuman akan diberikan, pasti ia tidak akan dapat menyelesaikan puasanya. Apabila keraguan timbul, akan sulit bagi seseorang untuk tetap berpegang kepada niatnya untuk tidak makan dan minum apa pun selama menjalankan puasanya.

5. Latihan terus-menerus sebulan penuh

Dengan cara begini, Allah menguji iman seorang Muslim selama sebulan penuh, dalam satu tahun, dan bila ia lulus dalam ujian ini, maka imannya akan menjadi lebih kuat. Jadi, puasa adalah sekaligus cubaan dan latihan. Apabila anda mempercayakan sesuatu kepada seseorang, maka seolah-olah anda menguji kejujurannya. Apabila ia terbukti lulus dalam ujiannya dan tidak mengkhianati kepercayaan yang diberikan kepadanya, maka kekuatannya untuk menanggung beban amanat akan menjadi lebih kuat, dan ia akan menjadi lebih layak untuk memikul amanat. Sama halnya, Allah menguji iman anda dengan ujian yang keras selama satu bulan penuh, dua belas jam atau empat belas jam dalam sehari. Dan bila anda lulus dalam ujian ini, maka dalam diri anda akan tumbuh dan berkembang kemampuan untuk menahan diri dari dosa-dosa lain, kerana takut kepada Allah. Kerana itu, dengan menyedari bahawa Allah Maha Mengetahui akan hal-hal yang tersembunyi, haruslah anda menahan diri untuk tidak melanggar hukumNya, walaupun dengan cara rahsia; dan dalam setiap kesempatan anda harus selalu ingat akan suatu hari di mana segala rahsia akan dibongkarkan, dan semua orang akan dibalas kebaikan dan kejahatannya, tanpa memandang siapa dia. Inilah makna ayat:

"Hai orang-orang yang beriman, diwajibkan atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang sebelum kamu agar kamu bertaqwa".
(Al-Qur'an, al-Baqarah, 2:183)

6. Latihan kepatuhan yang lama

Selanjutnya masih ada kekhususan lain dari puasa. Puasa memaksa seseorang untuk mematuhi perintah syari'ah secara terus menerus, tanpa berhenti, dalam jangka waktu yang lama. Lamanya waktu untuk mengerjakan solat hanyalah berlangsung beberapa minit sahaja. Waktu membayar zakat hanyalah sekali dalam setahun. Haji memang memerlukan waktu yang lama, tetapi hal itu hanya diwajibkan satu kali dalam seumur hidup, dan juga hanya bagi orang-orang yang kaya sahaja. Tetapi puasa berbeza dengan itu semua, kerana, puasa adalah suatu latihan untuk mengikuti syari'at Muhammad dalam waktu satu bulan penuh dalam setahun, siang malam. Anda harus bangun pagi-pagi sebelum fajar untuk makan sahur, berhenti makan dan minum tepat pada waktu yang tertentu, mengerjakan dan tidak mengerjakan pekerjaan ini dan itu selama siang hari, berbuka pada petang hari tepat pada waktu yang tertentu, lalu makan dan istirehat sebentar, terus cepat-cepat bergegas untuk solat tarawih. Dengan cara begini, setiap tahun dalam waktu satu bulan penuh, dari pagi sampai petang hari, dan dari petang hari sampai pagi, seorang Muslim diikat terus-menerus dengan peraturan-peraturan seperti seorang tentera dalam jawatan ketenteraan, kemudian setelah itu ia dilepaskan selama sebelas bulan untuk melaksanakan dan menunjukkan hasil-hasil yang diperolehinya selama latihan tersebut, dan bila temyata ada kekurangan dalam hasil latihannya itu, hal itu akan dapat dihilangkan dalam latihan tahun depannya.

7. Situasi persekitaran yang sangat menunjang untuk latihan

Latihan semacam ini tidaklah akan efektif bila dilakukan terhadap individu-individu secara terpisah-pisah. Dalam ketenteraan, anda lihat bahawa perbarisan tidaklah dikerjakan sendiri-sendiri oleh perajurit. Seluruh perajurit harus bangkit di saat trompet dibunyikan agar mereka terbiasa bekerja bersama-sama sebagai satu pasukan dan saling bantu membantu dalam menjalankan latihan. Apa yang kurang pada diri seorang perajurit dapat dibantu oleh perajurit yang lain. Sama halya, bulan Ramadhan telah dijadikan waktu berpuasa dan semua orang Islam telah diperintah untuk berpuasa bersama-sama. Perintah ini telah mengubah ibadat individual menjadi ibadat yang kolektif. Sebagaimana halnya satu, bila didarab dengan sepuluh ribu maka hasilnya akan menjadi sepuluh ribu, demikian pula keuntungan moral dan spiritual dari puasa, yang dilakukan satu orang, akan menjadi sejuta kali ganda bila puasa itu dilakukan oleh sejuta orang bersama-sama. Bulan Ramadhan mengisi seluruh suasana dengan semangat kesalehan dan kebajikan. Di dalam lingkungan seluruh bangsa, kesalehan tumbuh dengan subur. Setiap orang tidak hanya mencuba untuk menghindari dosa, tapi juga berusaha membantu saudara-saudaranya yang menemui kesulitan dalam menjalankan puasanya. Setiap orang merasa malu untuk berbuat dosa dalam. berpuasa, sebaliknya semuanya terdorong untuk berbuat sesuatu kebaikan, untuk memberi makan kepada orang miskin, untuk memberi pakaian kepada yang tidak mempunyai pakaian, untuk menolong orang yang sengsara, untuk ikut

serta dalam kebaikan-kebaikan yang dilakukan di mana sahaja, dan mencegah kejahatan yang dilakukan dengan terang-terangan. Suasana kebaikan dan kesalehan yang menyeluruh tercipta dan musim berkembangnya kegiatan bermanfaat pun datanglah, sebagaimana anda lihat pada setiap tanaman, yang tumbuh dengan suburnya di setiap puncak musimnya dan menutupi seluruh kebun dengan kelebatan dan kerimbunannya.

Kerana alasan inilah Rasulullah saw mengatakan bahawa:

"Setiap perbuatan manusia memperolehi pahala dari Tuhannya. Satu perbuatan baik, diberi pahala sepuluh hingga tujuh ratus kali ganda".
Tetapi Allah mengatakan:
"Puasa itu khusus bagiKu, dan aku memberinya pahala sebanyak yang Aku kehendaki."

Dari hadis ini, kita ketahui bahawa semua perbuatan baik, berkembang pahalanya menurut nisbah niat serta manfaat yang dihasilkannya, tetapi semua perbuatan itu mempunyai batas pahalanya. Akan tetapi dalam hal puasa, perkembangannya tidak terbatas. Bulan Ramadhan adalah musim bagi berkembang suburnya kebaikan dan kesalehan, dan dalam musim ini tidak hanya satu, Tetapi puluhan ribu bahkan puluhan juta orang bersama-sama menyirami kebun kebajikan ini, dan kerananya kebajikan boleh berkembang tidak terbatas. Semakin banyak anda .mengerjakan perbuatan baik dengan niat yang ikhlas di dalam bulan ini, semakin besar pula berkah yang akan anda perolehi, dan meratakan berkahnya kepada saudara-saudara anda yang lain. Dan bila anda memelihara kesan-kesan bulan puasa ini selama sebelas bulan berikutnya, maka kebun kebajikan itu pun akan terus berkembang selama itu pula, dan proses perkembangan ini akan terus berlanjut tidak terbatas. Adalah salah anda sendiri, bila anda membatasinya dengan menghentikan perbuatan baik anda.

DI MANA HASIL IBADAT ITU SEKARANG?

Mendengar uraian tentang hasil-hasil puasa tersebut di atas tadi, anda tentu akan bertanya-tanya: "Di mana hasil puasa itu sekarang? Kita berpuasa, solat serta berdoa, Tetapi hasil yang anda ceritakan tadi tidaklah nampak! Saya sudah mengatakan kepada anda, sebab dari situasi ini, yakni setelah melepaskan komponen-komponen Islam satu dari yang lain, dan menggantinya dengan hal-hal yang baru dan asing bagi Islam, maka anda tidak akan boleh mengharapkan dapat memetik hasil-hasil itu, seperti apabila keseluruhan sistem Islam itu masih utuh dan belum cacat. Di samping itu, sebab-yang kedua adalah kerana pandangan anda tentang "ibadat" telah berubah. Sekarang anda .meyakini bahawa semata-mata menahan diri dari makan dan minum, dari pagi hingga petang, adalah "ibadat", dan kerananya anda lalu beribadat dengan fikiran dan cara yang demikian pula, anda juga hanya memandang bentuk luar dari berbagai macam penyembahan sebagai "ibadat", dan 99% atau bahkan lebih di antara anda tidak sedar akan ruh "ibadat" yang seharusnya menjiwai setiap tindakan dan perbuatan anda. Itulah sebabnya mengapa ibadat-ibadat yang anda laksanakan itu tidak menghasilkan manfaat yang sepenuhnya, kerana sebenarnya dalam Islam segala sesuatu adalah tergantung pada niat, pemahaman dan wawasan (perception). Insya Allah, dalam khutbah saya yang akan datang, saya akan menjelaskan masalah ini sepenuhnya.

2. TUJUAN PUASA YANG SEBENARNYA

SETIAP PEKERJAAN MEMPUNYAI TUJUAN

Saudara-saudara sesama Muslim.

Dalam setiap pekerjaan pada dasarnya ada dua faktor: yang pertama adalah tujuan pekerjaan itu sendiri dan yang kedua ialah bentuk khusus dari pekerjaan tersebut yang dipilih untuk mencapai tujuan tersebut. Sebagai contoh, marilah kita ambil pekerjaan makan. Tujuan anda memakan makanan adalah untuk menjaga agar anda tetap hidup dan mempunyai tenaga untuk bekerja. Cara yang anda pilih untuk mencapai tujuan tersebut adalah dengan mengambil sepotong daging, memasukannya ke dalam mulut, mengunyah-ngunyahnya dan menelannya masuk ke dalam kerongkong anda. Cara ini anda lakukan kerana ia adalah cara yang paling efektif dan tepat untuk mencapai tujuan anda. Tetapi anda tahu bahawa hal yang paling penting adalah tujuan untuk apa makanan itu dimakan, dan bukannya bentuk serta kaedah pekerjaan itu. Apa yang anda katakan apabila ada orang yang membuat daging tiruan dari serbuk gergaji atau abu atau tanah liat, lalu memasukkannya ke dalam mulut, mengunyahnya dan menelannya? Anda tentu akan mengatakan bahawa orang itu sudah gila. Mengapa? Kerana orang tolol ini tidak mengerti tujuan yang sebenarnya dari makan, dan mengira yang dinamakan makan hanyalah semata-mata mengambil sesuatu dengan tangan, memasukkannya ke dalam mulut, mengunyahnya dan menelannya. Sama halnya, anda juga akan mengatakan pelik bila ada orang yang setelah menelan makanannya lalu memuntahkannya kembali dengan mengorek-ngorekkan jarinya ke dalam mulutnya, kemudian mengeluh bahawa ia tidak memperolehi manfaat dari makanannya itu, Tetapi sebaliknya setiap hari ia jadi semakin lama semakin kurus kering seperti orang kurang makan. Orang bodoh ini menyalahkan makanannya atas kesalahan yang diperbuatnya sendiri. Ia mengira bahawa tenaga hidup dapat diperolehi dengan hanya memenuhi persyaratan-persyaratan yang tercakup dalam perbuatan makan. Kerananya, ia berfikir, "mengapa saya harus menyimpan makanan dalam perut saya? Mengapa saya tidak memuntahkannya sahaja agar perut saya menjadi ringan? Saya kan sudah memenuhi persyaratan-persyaratan makan". Begitulah fikirnya. Tentu sahaja ia harus menderita sendiri akibat cara berfikir dan tindakannya yang tidak masuk akal itu. Dia mesti mengetahui bahawa sebelum makanan yang dimakannya tercerna dalam perut dan sarinya terserap dalam darahnya dan disampaikan ke seluruh bahagian tubuh, maka tenaga hidup tidak akan boleh diperolehi. Walaupun pekerjaan-pekerjaan luar juga perlu, kerana tanpa tindakan-tindakan tersebut makanan tidak akan boleh sampai ke dalam perut, namun tujuan makanan tidak dapat dicapai dengan hanya semata-mata melakukan pekerjaan-pekerjaan luar sahaja. Pekerjaan-pekerjaan luar itu tidak boleh menimbulkan keajaiban bahawa hanya dengan melaksanakannya sahaja maka darah akan langsung boleh mengalir cepat dalam pembuluh-pembuluhnya. Darah hanya dapat dihasilkan sesuai dengan hukum yang telah digariskan Allah. Apabila anda melanggar hukum tersebut, anda hanya akan membunuh diri anda sahaja.

AKIBAT MENGANGGAP FAKTOR-FAKTOR LUARAN SEBAGAI HAKIKAT AMAL

Apabila anda renungkan contoh yang saya sebutkan di atas tadi, anda akan mengerti mengapa "ibadat" yang anda lakukan sekarang ini tidak mendatangkan hasil apa-apa. Seperti telah berulang-ulang saya tunjukkan, kesalahan yang terbesar dalam mengerjakan "ibadat" adalah menganggap tindakan solat dan puasa dalam bentuk luarnya sebagai "ibadat" yang sebenarnya, hingga anda terkena ilusi bahawa siapa sahaja yang memenuhi persyaratan-persyaratan tersebut bererti telah melaksanakan ibadat kepada Allah. Anda sama seperti orang yang mengira bahawa pelaksanaan keempat perbuatan, yakni membuat makanan, memasukkannya ke dalam mulut, mengunyahnya dan menelannya adalah yang dinamakan proses makan, dan siapa sahaja yang mengerjakan keempat perbuatan ini bererti telah memakan makanan dan kerananya berhak memperolehi manfaat dari makan, tidak peduli apakah yang dimasaknya itu beras atau tanah, atau apakah ia memuntahkan kembali makanannya itu atau tidak.. Kalau anda mempunyai fikiran sedikit sahaja maka katakanlah bagaimana boleh terjadi bahawa seseorang yang berpuasa, yang sedang melaksanakan "ibadat" kepada Allah dari pagi sampai petang, di tengah-tengah 'ibadatnya itu ia berbuat dusta dan membicarakan kejelekan orang lain? Mengapa ia bertengkar kerana soal kecil sahaja dan mengeluarkan kata-kata yang kotor dari mulutnya? Bagaimana ia berani merampas hak orang lain? Bagaimana ia boleh bertindak mencari wang dengan haram dan memberikan wang kepada orang lain secara haram pula? Dan setelah melakukan semua itu, ia masih mengira bahawa ia telah melakukan "ibadat" kepada Allah? Tidakkah ini sama dengan orang yang memakan tanah liat atau abu dan mengira bahawa hanya dengan mengerjakan pekerjaan-pekerjaan luar sahaja bererti ia sudah makan?

BEBAS KEMBALI DARI IKATAN-IKATAN SETELAH RAMADHAN

Selanjutnya katakanlah kepada saya, bagaimana boleh terjadi bahawa setelah anda dibebaskan dari "ibadat" kepada Allah selama bulan Ramadhan, semua pengaruh dari latihan kesalehan ini hilang begitu sahaja apabila bulan Ramadhan selesai? Setelah Hari raya Aidil Fitri tiba, anda melakukan pekerjaan-pekerjaan seperti yang dilakukan oleh orang-orang Hindu dalam perayaan-perayaan mereka. Demikian pula di kota-kota besar, pelacuran, minuman keras dan judi dinikmati pada Hari raya. Saya bahkan pernah melihat beberapa orang berbudi rendah yang berpuasa di siang hari tetapi minum arak dan melacur di. malam hari. Syukurlah, bahawa orang-orang Islam pada umumnya tidak seburuk ini keadaannya. Tetapi setelah bulan Ramadhan berakhir, berapa banyak di antara anda yang tetap memelihra kesan kesalehan dan kebajikan bulan puasa pada hari kedua ‘Aidil Fitri? Hukum Tuhan yang mana yang tidak dilanggar? Berapa bahagian dari waktu anda yang anda pergunakan untuk kebaikan, dan sejauh mana egoisme anda berkurangan?

AKIBAT KONSEP YANG KELIRU TENTANG "IBADAT"

Fikir dan renungkanlah kenapa semua itu boleh terjadi? Saya yakinkan anda bahawa satu-satunya sebab dari semua itu adalah kerana makna ibadat telah berubah dalam fikiran anda. Kerana anda mengira bahawa ibadat itu hanya menahan makan dan minum di siang hari selama bulan puasa, maka anda mentaati peraturan puasa itu dengan sangat cermat.

Anda takut kepada Allah sehingga anda menghindari setiap hal yang boleh membatalkan puasa, bahkan anda berani mempertaruhkan nyawa demi. puasa anda. Tetapi anda tidak tahu bahawa dengan hanya semata-mata menahan lapar dan minum bukanlah "ibadat" yang sebenarnya, melainkan hanya salah satu bentuk daripadanya sahaja. Dan tujuan ditetapkannya bentuk ibadat seperti ini adalah untuk menumbuhkan dalam diri anda rasa takut dan cinta kepada Allah, dan dengan itu mengembangkan dalam diri anda kekuatan yang besar, sehingga dengan menekan hawa nafsu anda, anda akan mampu menghindari hal-hal yang nampaknya menguntungkan tetapi yang sebenarnya tidak diredhai Allah. Di lain pihak, dengan menguasai diri anda, anda akan mampu membuatkan diri anda menyenangi hal-hal yang mungkin membawa risiko dan kerugian tetapi jelas mendatangkan keredhaan Allah. Kekuatan ini hanya boleh dikembangkan kalau anda mengerti tujuan puasa, dan menggunakan latihan yang anda jalani dalam berpuasa itu untuk mengendalikan dorongan-dorongan jasadi kerana takut dan cinta kepada Allah, dan membuatkan dorongan-dorongan tersebut bekerja sesuai dengan aturan-aturan yang telah ditetapkan Allah. Tetapi dalam perlaksanaannya, begitu bulan Ramadhan berlalu, anda buang semua hasil-hasil latihan anda itu, seperti orang yang setelah makan lalu memuntahkan makanannya dengan mengorek-ngorekkan jarinya ke dalam mulutnya. Bahkan dalam kenyataannya, sebahagian di antara anda memuntahkan kebajikan-kebajikan yang anda perolehi pada siang hari sebaik sahaja malam tiba. Nah, anda fikirkanlah sendiri, apakah puasa dan bulan Ramadhan itu boleh mendatangkan keajaiban, sehingga hanya dengan mengerjakan pekerjaan-pekerjaan luaran sahaja, anda dapat memperolehi kekuatan yang hanya boleh diperolehi dengan jalan berpuasa menurut cara yang ditetapkan? Sebagaimana halnya enersia fizik hanya boleh diperolehi dari makanan setelah makanan tercerna dalam perut dan dibawa oleh darah kepada seluruh urat-urat tubuh; maka demikian pula kekuatan rohani hanya boleh diperolehi dari puasa bila orang yang berpuasa itu mengerti tujuan puasa, dan meresapkan pengertian itu ke dalam hati dan fikirannya, dan membiarkannya menguasai fikiran, motif, niat, dan perbuatannya.

PUASA: SARANAN UNTUK MENUJU TAQWA

Kerana itulah, setelah memerintahkan puasa, Allah mengatakan:

...Ia'allakum tattaqun.
"...agar kamu bertaqwa". (Al-Qur'an, al-Baqarah, 2:183)

Ertinya, puasa diwajibkan kepada anda, dengan harapan mudahMudahan anda boleh menjadi orang yang saleh dan bertaqwa. Di sini tidak dikatakan bahawa dengan berpuasa anda pasti menjadi orang yang saleh dan bertaqwa, kerana hasil puasa itu sendiri ter-gantung pada pengertian dan niat orang yang bersangkutan. Barangsiapa yang memahami tujuan itu, dan dengan pemahaman tersebut cuba mencapai tujuan puasa, akan menjadi orang yang saleh dan taqwa. Tetapi, orang yang tidak memahami tujuan puasa itu dan tidak cuba untuk mencapainya, jangan diharap akan boleh memperolehi sesuatu dari puasanya.

TUJUAN-TUJUAN PUASA YANG SEBENARNYA

1. Mencegah diri dari dusta

Rasulullah saw dengan berbagai cara telah menunjukkan tujuan puasa yang sebenamya, dan menerangkan bahawa dengan melaparkan dan menghauskan diri tanpa mengingati tujuan puasa yang sebenarnya, adalah tidak ada gunanya. Beliau mengatakan:

"Barangsiapa yang tidak meninggalkan perkataan yang keji (dusta) dan melakukan kejahatan (kepalsuan), Allah tidak akan menerima puasanya, sekalipun ia telah meninggalkan makan dan minum".
(H.R. Bukhari, Muslim dan Ahmad dari Abu Hurairah r.a.).

Dalam hadis yang lain:

"Banyak orang yang berpuasa, tetapi tidak memperolehi apa- apa selain lapar dan haus, dan banyak orang yang bangun di malam hari tetapi tidak memperolehi apa-apa selain berjaga malam sahaja".

Maksud dari kedua hadis ini sangat jelas, yakni bahawa semata-mata melaparkan dan menghauskan diri bukanlah ibadat, Tetapi hanyalah suatu alat untuk melaksanakan ibadat yang sebenarnya. Dan ibadat yang sebenarnya adalah mentaati hukum dan aturan Allah kerana takut kepadaNya, dan mengerjakan hal-hal yang mendatangkan redhaNya kerana cinta kepadaNya. Dan akhirnya mengawal hawa nafsu agar sebaik mungkin tersalur menurut aturan-aturan yang telah digariskan Allah. Orang yang tidak sedar akan ibadat yang sebenarnya ini, akan sia-sialah perbuatan melaparkan dan menghauskan dirinya itu. Allah tidak memerlukan amalnya yang demikian itu.

2. Iman dan penilaian diri

Rasulullah telah menyuruh kita memerhatikan tujuan puasa yang sebenarnya, dengan sabdanya:
"Barangsiapa menjalankan puasa dengan penuh iman dan mengharapkan akan keredhaan Allah, maka akan diampuni semua dosanya yang telah lalu".

Iman bererti kepercayaan kepada Allah, dan harus selalu ada dalam hati dan fikiran seorang Muslim. *Ihtisab* bererti seorang Muslim, yang hanya mengharapkan redha Allah semata dan terus-menerus mengawal agar fikiran dan tindakannya tidak bertentangan dengan redha Allah. Apabila seseorang menjalankan puasa Ramadhan sesuai dengan kedua prinsip ini, maka seluruh dosanya yang telah lalu akan diampuni. Kerana, apabila dahulu ia adalah seorang manusia yang memberontak dan tidak patuh kepada Allah, maka sekarang ia telah bertaubat kepada TuhanNya, dan "Orang yang bertaubat adalah seperti orang yang belum pernah berbuat dosa sama sekali".

3. Perisai dari dosa.

Dalam sebuah hadis dikatakan:

"Puasa adalah bagaikan perisai (yakni perisai yang melindungi diri dari serangan syaitan). Kerana itu orang yang berpuasa hendaklah (menggunakan perisainya dan) mencegah diri dari hal-hal yang tidak patut. Apabila ada seorang mengejek atau mengajak bertengkar dengannya, hendaklah ia berkata: Aku sedang berpuasa (dan jangan libatkan aku dalam perbuatanmu)".

4. Rangsangan untuk berbuat kebaikan

Dalam hadis-hadis yang lain Rasulullah telah memberi petunjuk bahawa orang yang sedang berpuasa hendaklah banyak-banyak mengerjakan kebaikan. Khususnya, selama ia berpuasa hendaklah ia mengembangkan dalam dirinya rasa simpati terhadap saudara-saudaranya sesama Muslim, kerana dengan merasakan sendiri lapar dan haus, ia dapat ikut merasakan apa yang dirasakan oleh saudara-saudaranya yang miskin dan sengsara. Diriwayatkan dari Ibnu Abbas ra. bahawa Rasulullah biasanya sangat baik hati selama bulan Ramadhan. Tidak seorang pengemis pun yang kembali dari pintu rumahnya dengan tangan hampa, dan budak-budak memperolehi kemerdekaan mereka dari beliau.

5. Pahala memberi makanan untuk berbuka

Menurut sebuah hadis Rasulullah saw mengatakan:

"Barangsiapa memberi makanan untuk berbuka kepada orang yang berpuasa, maka hal itu akan menjadi ampunan dan keselamatan baginya dari api neraka, dan dia akan memperoleh pahala sebanyak pahala orang yang berpuasa itu tanpa dikurangi sedikitpun".

ZAKAT

1. PENTINGNYA ZAKAT.

Saudara-saudara sesama Muslim.

Sesudah solat, tiang Islam yang terbesar adalah *zakat.* Biasanya, kerana dalam rangkaian ibadat yang biasa, puasa diletakkan sesudah solat, maka orang banyak mempunyai pengertian bahawa sesudah solat, adalah puasa. Tetapi dari al-Qur'an kita mengetahui bahawa dalam Islam pentingnya zakat terletak sesudah solat. Kedua-duanya adalah dua tiang yang menyokong struktur bangunan Islam. Tanpa solat dan zakat, Islam akan roboh.

ERTI ZAKAT

Zakat bererti kesucian dan kebersihan. Sebahagian dari harta benda anda, yang anda sisihkan dan anda berikan kepada fakir miskin disebut zakat kerana dengan cara demikian harta dan, bersama itu pula, jiwa anda menjadi bersih dan suci. Harta seseorang yang tidak dizakati adalah harta yang kotor dan tidak bersih, kerana mengandungi rasa tidak berterima kasih kepada Allah. Had pemiliknya begitu sempit, mementingkan diri sendiri dan memuja harta benda, sehingga ia merasa berat untuk memberikan apa yang seharusnya diberikan sebagai tanda terima kasih kepada Allah yang telah memberinya kekayaan melebihi keperluannya. Dapatkah kita mengharapkan orang yang seperti ini berbuat sesuatu kebaikan untuk memperolehi redha Allah dan mengorbankan sesuatu demi agama dan imannya? Itulah sebabnya hati orang seperti itu kotor dan tidak suci, sebagaimana harta yang dikumpulkannya dengan cara yang kotor dan tidak suci pula.

ZAKAT: SUATU UJIAN

Dengan mewajibkan zakat, Allah telah menempatkan setiap orang dalam ujian. Mereka yang lulus dalam ujian ini dan berguna bagi Allah serta patut digolongkan ke dalam kelompok orang-orang beriman, hanyalah orang yang dengan senang hati memberikan

hak Allah dari harta yang melebihi keperluannya untuk menolong orang yang miskin dan yang memerlukannya. Sebaliknya, orang yang harinya sempit, sehingga tidak boleh memberikan pengorbanan seperti itu, tidaklah berguna bagi Allah. Ia sama sekali tidak patut dimasukkan ke dalam kelompok orang-orang yang beriman. Ia adalah bagaikan anggota badan yang busuk yang lebih baik dipotong dan disingkirkan daripada meracuni seluruh tubuh. Itulah sebabnya mengapa, ketika beberapa suku Arab yang menolak memberikan zakat setelah Rasulullah saw wafat, Khalifah Abu Bakar as-Siddiq ra. memerangi mereka seperti yang dilakukan beliau terhadap orang-orang kafir, walaupun mereka mengerjakan solat dan mengaku beriman kepada Allah dan RasulNya. Dari hal ini jelaslah bahawa tanpa zakat; maka solat, puasa dan pernyataan iman tidaklah berguna.

ZAKAT DIWAJIBKAN KEPADA UMMAT SEMUA RASUL

Perhatikanlah al-Qur'an baik-baik. Anda akan melihat bahawa sejak zaman dahulu kala, solat dan zakat telah diwajibkan kepada ummat semua rasul-rasul, dan agama Islam selamanya tidak pernah kehilangan dari kedua kewajipan tersebut. Setelah menyebut tentang Rasul Allah, Ibrahim, dan rasul-rasul keturunannya, Allah mengatakan dalam al-Qur'an:

"Kami telah menjadikan mereka sebagai pemimpin-pemimpin yang memberi petunjuk dengan perintah Kami dan telah Kami wahyukan kepada mereka mengerjakan kebajikan, mendirikan solat, menunaikan zakat, dan hanya kepada Kamilah mereka selalu menyembah".
(Al-Qur'an, a-'Anbiya, 21:73)

Tentang Rasul Allah, Isrna'il, dikatakan:

"Ia menyuruh ahlinya (kaumnya) untuk mengerjakan solat dan memberikan zakat, dan ia adalah seorang yang diterima di sisi Tuhannya". (Al-Qur'an, Maryam, 19:55)

Rasul Allah, Musa, berdoa untuk kaumnya:

"Tetapkanlah untuk kami kebajikan di dunia ini dan diakhirat, sesungguhnya kami kembali (bertaubat) kepada Engkau....."

Dan tahukah anda apa jawapan Allah atas doanya itu?

".... 'SiksaKu akan Aku timpakan kepada siapa yang Aku kehendaki, dan rahmatKu meliputi segala sesuatu. Maka akan Aku tetapkan rahmatKu untuk orang-orang yang bertaqwa, yang menunaikan zakat dan orang-orang yang beriman kepada ayat-ayat Kami". (Al-Qur'an, al-A'raf, 7:156)

Kerana kaum Nabi Musa begitu sempit fikirannya dan serakah pada harta, seperti anda lihat keadaan orang-orang Yahudi sampai sekarang ini, maka dalam menjawab doa seorang nabi yang terkemuka seperti Nabi Musa itu, Allah hanya menyatakan, dengan tegas: *"Apabila kaummu memberikan zakat dengan patuh dan tetap, maka janji*

rahmatKu adalah untuk mereka. Namun bila mereka tidak mahu mengerjakannya, maka mereka tidak akan memperolehi rahmatKu, Tetapi hanya hukumanKu lah yang akan menimpa mereka".
Demikian pula, bahkan sepeninggal Nabi Musa, Bani Israil masih berulang-ulang diberi peringatan akan hal ini. Berulang-ulang perjanjian diambil dari mereka untuk beribadat kepada Allah semata-mata, dan tetap mengerjakan solat dan memberikan zakat (*lihat al-Qur'an, al-Baqarah, 2:110)*, sampai akhirnya Allah memberikan peringatan yang jelas kepada mereka:

....Allah berfirman: "sesungguhnya Aku beserta kamu, sesungguhnya jika kamu mendirikan solat dan menunaikan zakat serta beriman kepada rasul-rasulKu dan kamu Bantu mereka dan kamu pinjamkan kepada Allah pinjaman yang baik, sesungguhnya Aku akan menutupi dosa-dosamu ". (Al-Qur'an, al-Maidah, 5:12)

Sebelum Rasulullah Muhammad saw diutus, Rasul yang terakhir adalah Isa as. (Jesus). Kepada beliau, Allah juga memerintahkan solat dan zakat, sebagaimana tersebut dalam surah Maryam:

"Dan Dia menjadikan aku seorang yang berbakti di mana sahaja aku berada, dan Dia memerintahkan kepadaku (mendirikan) solat dan (menunaikan) zakat selama aku hidup". (Al-Qur'an, Maryam, 19:31)

Ini menunjukkan bahawa Allah SWT telah meneguhkan agama Islam sejak dahulu kala dalam setiap masa rasul-rasul, dengan dukungan dua tiang besar, yakni solat dan zakat, dan belum pemah terjadi sekalipun, bahawa suatu ummat yang beriman kepada Allah dibebaskan dari dua kewajipan ini.

ZAKAT : WAJIB BAGI UMMAT MUSLIM

Sekarang perhatikanlah bagaimana kedua kewajipan ini berjalan seiring sejalan dengan syari'ah Rasulullah Muhammad saw. Apabila anda buka surah pertama sesudah surah Fatihah, apakah yang anda baca pada ayat-ayat pertama surah tersebut?

"Inilah Kitab (al-Qur'an) yang tiada keraguan padanya, petunjuk bagi mereka yang bertaqwa. (Iaitu) mereka yang beriman kepada yang ghaib, yang mendirikan solat dan menafkahkan sebahagian rezeki yang Kami anugerahkan kepada mereka". (Al-Qur'an, al-Baqarah, 2:2-3)

Selanjutnya Allah berfirman:

"Mereka itulah yang tetap mendapat petunjuk dari Tuhannya, dan mereka pulalah orang-orang yang beruntung". (Al-Qur'an, al-Baqarah, 2:5)

Ertinya, mereka yang tidak mempunyai iman, ridak mendirikan solat dan tidak memberikan zakat, mereka tidak akan memperoleh petunjuk dan tidak pula akan

beruntung, melainkan celakalah mereka nantinya.

Selanjutnya, teruskanlah membaca surah al-Baqarah itu. Setelah beberapa ayat, maka kembali Allah memerintahkan:

"Dirikanlah solat dan berikanlah zakat, dan ruku'lah bersama-sama orang-orang yang ruku'.
(Al-Qur'an, al-Baqarah, 2:43)

Sedikit lebih jauh dari surah yang sama, dikatakan pula:

"*Bukanlah menghadapkan wajahmu ke arah timur dan barat itu suatu kebaktian, akan tetapi sesungguhnya kebaktian itu ialah kebaktian orang yang beriman kepada Allah, hari kemudian, malaikat-malaikat, kitab-kitab, nabi-nabi, dan memberikan harta yang dicintainya kepada kerabatnya, anak-anak yatim, orang-orang miskin, musafir (orang yang memerlukan pertolongan) dan orang-orang yang meminta-minta, dan (memerdekakan) hamba sahaya, mendirikan solat, dan menunaikan zakat, dan orang-orang yang menepati janjinya apabila ia berjanji, dan orang-orang yang sabar dalam kesempitan, penderitaan dan dalam peperangan. Mereka itulah orang-orang yang benar (imannya); dan mereka itulah orang-orang yang bertaqwa".*
(Al-Qur'an, al-Baqarah, 2:177)

Selanjutnya apa yang dikatakan dalam surah al-Ma'idah:

"Sesungguhnya penolong kamu hanyalah Allah, RasulNya, dan orang-orang yang beriman, yang mendirikan solat dan menunaikan zakat, seraya mereka tunduk (kepada Allah). Dan barangsiapa yang mengambil Allah, RasulNya dan orang-orang yang beriman menjadi penolongnya, maka sesungguhnya pengikut (agama) Allah itulah yang pasti menang". (Al-Qur'an, al-Ma'idah, 5:55-56)

TANDA ORANG-ORANG BERIMAN: SOLAT DAN ZAKAT

Dalam ayat tersebut di atas dicantumkan sebuah peraturan yang keras. Pertama-tama anda lihat bahawa yang disebut orang-orang beriman hanyalah mereka yang mengerjakan solat dan memberikan zakat. Mereka yang mengabaikan kedua-dua tiang Islam ini adalah orang-orang yang palsu dalam pernyataan iman mereka. Kemudian anda ketahui juga bahawa Allah, RasulNya, dan orang-orang yang beriman tergabung dalam sebuah kelompok yang tersendiri, dan orang-orang beriman wajib menggabungkan diri dengan kelompok tersebut. Apabila seorang Muslim berteman dengan seseorang dari luar kelompok tersebut — apakah orang itu adalah ayahnya, saudaranya, anak, tetangga, orang setanah air, atau siapa sahaja — dan menjalin hubungan kasih sayang dan bantu-membantu dengannya, maka janganlah mengharapkan Allah akan mahu berhubungan dengan dia dan menjadi pelindungnya. Akhirnya, dari ayat ini anda tahu juga bahawa orang-orang yang beriman hanya boleh memperolehi kekuasaan apabila mereka bersatu-padu dan dengan sepenuh hati menjadikan Allah, RasulNya, dan orang-orang beriman sebagai sahabat-sahabat dan pelindung-pelindung mereka.

DASAR PERSAUDARAAN ISLAM

Selanjutnya, dalam surah at-Taubah Allah memerintahkan kepada orang-orang Islam untuk memerangi orang-orang kafir dan orang-orang musyrik, dan dalam beberapa *ruku'* surah ini terus-menerus memberikan petunjuk-petunjuk mengenai soal perang sahaja Dalam hubungan ini Allah mengatakan:

"Jika mereka bertaubat, mengerjakan solat dan memberikan zakat, maka (mereka itu) adalah saudara-saudaramu seagama..."
(Al-Qur'an, at-Taubah, 9:11)

Ini bererti taubat dari kekafiran dan kemusyrikan sahaja tidaklah cukup. Bukti bertaubat dari kekafiran dan kemusyrikan serta pernyataan iman, hanya dapat dinyatakan dengan mengerjakan solat. Secara teratur dan memberikan zakat. Kerana itu, apabila mereka membuktikan iman mereka dengan perbuatan-perbuatan tersebut, maka mereka adalah saudara-sauudara seagama kaum Muslimin; bila tidak demikian, maka kaum Muslimin tidak boleh mehganggap mereka sebagai saudara dan tidak boleh berhenti memerangi mereka.
Selanjutnya, dalam surah yang sama disebutkan:

"Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, sebahagian mereka adalah menjadi penolong bagi sebahagian yang lain. Mereka menyuruh (mengerjakan) yang ma'ruf dan mcncegah yang mungkar, mendirikan solat, memberikan zakat dan mereka taat kepada Allah dan RasulNya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; sesungguhnya Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana".
(Al-Qur'an, at-Taubah, 9:71)

Sekarang, anda tahu bahawa seseorang sama sekali tidak boleh menjadi saudara seagama dari kaum Muslimin sehingga ia mengerjakan solat dan memberikan zakat sesudah menyatakan keimanannya. Iman, solat dan zakat, ketiga-tiga hal inilah yang menjadi dasar masyarakat orang-orang beriman. Mereka yang berpegang teguh kepada ketiga-tiga prinsip ini, adalah orang-orang yang tergabung dengan masyarakat yang suci ini, dan hanya di antara mereka sahajalah yang ada hubungan persahabatan, kasih-sayang, ikatan dan saling bantu-membantu. Sedangkan mereka yang mcngabaikan ketiga-tiga prinsip ini berada di luar masyarakat tersebut, walaupun mereka disebut sebagai kaum Muslimin oleh orang-orang kebanyakan. Memelihara hubungan persahabatan, kasih-sayang dan perhubungan dengan mereka bererti melanggar hukum Allah dan memecah-belahkan persekutuan Allah. Kerana itu, bila demikian halnya keadaan anda, bagaimana anda bisa berharap untuk berkuasa di dunia ini?

SYARAT UNTUK MENDAPAT PERTOLONGAN ALLAH

Lebih lanjut lagi, dalam surah al-Hajj dikatakan:

"...Sesungguhnya Allah pasti menolong orang yang menolong (agama)Nya,

sesungguhnya Allah benar-benar Maha Kuat, Maha Perkasa, (iaitu) orang-orang yang apabila Kami teguhkan kedudukan mereka di muka bumi nescaya mereka mendirikan solat dan memberikan zakat, menyuruh berbuat yang ma'ruf dan mencegah dari perbuatan mungkar. Dan kepada Allahlah kembali segala urusan".
(Al-Qur'an, al-Hajj, 22:40-41)

Dalam ayat ini, kaum Muslimin telah diberi peringatan yang sama seperti yang diberikan kepada Bani Israil. Kepada Bani Israil Allah berkata dengan tegas:

"Aku bersama kamu selama kamu mengerjakan solat dan memberikan zakat dan mendukung misi Rasul-rasulKu, yakni berusaha melaksanakan hukumKu di dunia. Apabila kamu semua meninggalkan hal itu, maka Aku pun akan menarik kembali pertolonganKu kepadamu".

Tepat seperti inilah yang dikatakan Allah kepada kaum Muslimin. DikatakanNya dengan tegas kepada mereka:
"Apabila kalian telah memperolehi kekuasaan di atas bumi, kalian wajib mendirikan solat, memberikan zakat, menyebarkan kebajikan dan membanteras kejahatan, maka Aku akan menjadi penolongmu. Dan siapakah yang dapat mengalahkanmu bila Aku menjadi penolongmu? Sebaliknya, bila kamu mengabaikan zakat, dan setelah memperolehi kekuasaan, kamu lalu menyebarkan kemungkaran — bukannya kebajikan — dan membanteras kebajikan bukannya kejahatan; dan memperjuangkan ideologimu sendiri bukannya ideologiKu; dan dari hasil pajak, kalian membangunkan syurga dunia dan menganggapnya sebagai tujuan mencari kekuasaan, maka dukunganKu tidak akan Aku berikan kepadamu, Tetapi dukungan syaitanlah yang akan kalian perolehi".

PERINGATAN BAGI UMMAT ISLAM

Allahu Akbar! Alangkah jelasnya pengetahuan ini! Peringatan yang diberikan kepada Bani Israil telah mereka anggap sebagai ancaman kosong sahaja, dan mereka telah melihat akibat-akibat dari sikap mereka itu. Sekarang mereka menjadi bangsa pengembara di muka bumi. Mereka terusir ke sana sini tanpa memperolehi tempat tinggal yang tenteram. Mereka memiliki koperasi-koperasi penuh jutaan dollar. Mereka adalah bangsa yang paling kaya di dunia. Tetapi kekayaan itu tidak ada gunanya bagi mereka. Dengan menggunakan sistem riba yang terkutuk sebagai ganti zakat, dan melakukan hal-hal yang tidak sebukanoh sebagai ganti solat, mereka telah mengundang kutukan Allah dan dengan membawa kutukan ini mereka berkeliaran ke sana ke mari menjangkitkan penyakit ke seluruh dunia bagaikan tikus-tikus pembawa kuman. Kemudian ancaman nasib seperti ini diperingatkan Allah kepada kaum Muslimin. Tetapi kebanyakan dari mereka mengabaikan peringatan ini dengan melalaikan solat dan zakat dan tidak lagi menggunakan kekuasaan yang mereka miliki unuk menyebarkan kebajikan dan membanteras kemungkaran. Akibatnya, mereka tercampak dari kedudukan mereka sebagai penguasa, dan di seluruh dunia mereka menjadi korban penindasan dan kezaliman. Mereka lemah dan dikuasai oleh musuhMusuh mereka di seluruh bahagian dunia. Itulah akibat meninggalkan solat dan zakat. Bahkan sekarang sudah muncul suatu kelompok di antara mereka yang mahu menyeret mereka ke dalam lumpur kehinaan,

kekotoran, dan kekejian, dengan mengatakan kepada mereka bahawa bila mereka ingin memperbaiki nasib, maka hendaklah mereka segera mendirikan perusahaan-perusahaan insurans dan melakukan riba. Demi Allah, bila mereka benar-benar melakukan hal itu, maka kehinaan akan menimpa mereka sebagaimana telah terjadi pada kaum Yahudi, dan mereka akan ditimpa kutukan yang sama dengan yang telah ditimpakan kepada Bani Israil.

KUTUKAN KEPADA ORANG-ORANG YANG MELALAIKAN ZAKAT

Saudara-saudara sesama Muslim.

Dalam khutbah-khutbah saya yang akan datang, saya akan menerangkan kepada anda apa sebenarnya zakat itu dan betapa besar kekuatan yang telah diletakkan Allah di dalamnya. Saya juga akan menunjukkan bahawa rahmat Allah ini, yang sekarang ini dianggap hal yang biasa sahaja oleh kaum Muslimin, sesungguhnya memikul anugerah yang sangat besar bagi mereka. Dalam khutbah saya hari ini, matlamat saya hanyalah menerangkan kepada anda kedudukan solat dan zakat dalam Islam. Banyak orang Islam mengira, dan ulama-ulama mereka juga meyakinkan mereka siang dan malam bahawa mereka tetap adalah orang-orang Islam, walaupun mereka mungkin tidak mengerjakan solat dan tidak membayar zakat. Tetapi pandangan seperti ini dengan tegas dibantah oleh al-Qur'an. Menurut al-Qur'an, pernyataan beriman kepada kalimah Thayyibah sahaja tidaklah ada gunanya kalau tidak disertai dengan mengerjakan solat dan membayar zakat. Kerana inilah maka, seperti yang telah saya sebutkan sebelumnya, Khalifah Abu Bakar memerangi orang-orang yang menolak membayar zakat dan melabel mereka sebagai orang-orang kafir. Para sahabat yang lain mulaMula keliru apakah orang-orang yang sudah menyatakan iman kepada Allah dan RasulNya serta sudah mengerjakan solat tu juga dapat digolongkan sebagai orang-orang kafir yang harus diperangi. Tetapi ketika Khalifah Abu Bakar, yang telah danugerahi Allah kedudukan yang terkemuka dalam Islam, tetap teguh dalam pendiriannya dan dengan tegas mengatakan:

"Demi Allah, seandainya mereka tidak mahu menyerahkan seutas tali sahaja, yang biasa mereka serahkan kepada Rasulullah, sebagai Zakat, aku akan tetap memerangi mereka"

maka akhirnya Allah membukakan hati semua sahabat-sahabat itu untuk menerima kebenaran, dan mereka semua lalu menerima keputusan bahawa jihad harus dilaksanakan terhadap pembangkang-pembangkang zakat itu. Al-Qur'an senduri dengan tegas menyatakan bahawa menolak membayar zakat adalah perbuatan orang-orang musyrik yang tidak percaya kepada kehidupan akhirat.

"...Dan kecelakaan yang besarlah bagi orang-orang yang mempersekutukan-(Nya), iaitu orang-orang yang tidak menunaikan zakat dan mereka kafir akan adanya (kehidupan) akhirat".
(Al-Qur'an, Fushshilat, 41:6-7)

2. KEDUDUKAN ZAKAT YANG SEBENARNYA

Saudara-saudara sesama Muslim.

Dalam khutbah saya yang telah lalu, telah saya nyatakan bahawa sesudah solat, tiang Islam yang terbesar adalah zakat. Dan adalah suatu fakta yang sangat penting bahawa sebagaimana seseorang yang tidak mahu mengerjakan solat dinilai sebagai kafir, maka demikian pula mereka yang mengingkari zakat juga tidak hanya dianggap kafir, tetapi lebih dari itu, mereka adalah orang-orang yang diperangi oleh sahabat-sahabat Rasul dengan jihad.

Dalam khutbah hari ini saya akan menjelaskan kepada anda kedudukan zakat yang sebenarnya, agar anda mengetahui apa maknanya yang sebenarnya, dan kenapa Islam memberikan kedudukan yang begitu penting kepadanya.

BAGAIMANA KEDUDUKAN YANG DEKAT DENGAN ALLAH BISA DICAPAI

- UJIAN KEBIJAKSANAAN DAN KEWASPADAAN

Sebahagian orang di antara anda adalah orang-orang yang bodoh fikirannya, sehingga mengambil sesiapa sahaja sebagai teman tanpa menguji terlebih dahulu apakah dia patut dijadikan teman atau tidak. Orang-orang bodoh seperti ini kebanyakannya tertipu oleh tindakannya sendiri dan akan mengundang kekecewaan. Tetapi orang-orang yang bijaksana memilih orang-orang yang akan mereka jadikan teman setelah memeriksanya dengan cermat. Siapa yang mereka lihat tulus hatinya, jujur, dan setia, maka hanya dialah yang mereka pilih sebagai teman, dan yang lain mereka jauhi. Allah Yang Maha Kuasa adalah Yang Paling Bijaksana dan Hati-hati. Dia tidak akan begitu sahaja menjadikan semua orang temanNya dan memasukkannya ke dalam kelompokNya serta memberikan kepadanya tempat yang terkemuka dalam persidanganNya. Kalau manusia sahaja memilih temannya dengan mengujinya terlebih dahulu, maka tidak mungkin bahawa Allah, yang merupakan sumber kebijaksanaan dan kewaspadaan, akan begitu sahaja mengambil setiap orang sebagai teman tanpa mengujinya teriebih dahulu. Berjuta-juta manusia yang tersebar di muka bumi ini yang terdiri dari bermacam-macam rupa, ada yang elok ada yang buruk, tidak dapat dimasukkan ke dalam parti Allah, iaitu golongan yang memperolehi kedudukan sebagai khalifah di dunia ini dan mendapat kehormatan di akhirat nanti. Dengan kebijaksanaanNya yang Tinggi, Dia telah menetapkan beberapa ujian, cubaan dan kriteria untuk menguji nilai diri seseorang, sehingga barangsiapa yang lulus dalam ujian tersebut dapat masuk ke dalam golongan Allah, dan mereka yang gagal akan secara automatik dikeluarkan dari golongan tersebut, dan menyedari sendiri bahawa ia memang tidak patut untuk dimasukkan ke dalam golongan Allah.
Apakah kriteria-kriteria tersebut? Kerana Allah adalah Maha Bijaksana dan Hati-hati, maka pertama-tama ia menguji kebijaksanaan dan kewaspadaan manusia. Allah ingin melihat apakah hambaNya itu mempunyai pengetahuan atau tidak? Apakah ia seorang yang bodoh? Alasan ujian ini adalah bahawa seorang yang bodoh dan tolol tidak akan boleh berteman dengan seorang yang bijaksana dan hati-hati. Kelayakan seorang hamba yang lulus dalam ujian Allah, Penciptanya, adalah bahawa ia mengakui bahawa tidak ada

wujud yang patut disembah selain Allah, tidak pula ada yang selain dari Dia yang memberinya rezeki, yang mendengar dan mengabulkan doa-doanya, dan yang menolongnya, dan dengan mendengar kata-kata Allah itu ia tahu bahawa kata-kata itu adalah kata-kata Tuhannya, bukan kata-kata orang lain. Selanjutnya, ia mengerti perbezaan antara kehidupan nabi yang sebenarnya dan nabi palsu serta perbezaan dalam budi pekerti, tingkah laku, ajaran-ajaran dan hasil-hasil perjuangan mereka. Ia juga mampu mengenali siapa nabi yang sebenarnya di antara orang-orang yang mendakwakan diri sebagai nabi, siapa yang benar-benar dipercayai dan diutus oleh Allah untuk membawa petunjukNya dan siapa yang hanya dajjal dan penipu. Orang yang seperti inilah yang lulus dalam ujian kebijaksanaan dan kewaspadaan. Maka setelah memilihnya dari antara kumpulan bermacam-macam manusia, Allah memasukkannya ke dalam kelompok calon anggota-anggota partiNya. Mereka yang gagal dalam ujian tahap pertama ini akan ditinggalkan begitu sahaja dan dibiarkan pergi ke mana sahaja mereka mahu.

- **UJIAN KEKUATAN MORAL**

Orang-orang yang lulus dalam ujian tahap pertama tadi harus pula mengikuti ujian tahap kedua. Dalam ujian tahap kedua ini, yang diuji adalah kekuatan moralnya, di samping kebijaksanaannya. Di sini diuji dan diperiksa dengan saksama apakah ia memiliki cukup kekuatan untuk melaksanakan kebenaran dan kebajikan setelah mengetahuinya, dan menjauhi kebathilan dan kejahatan setelah mengenalinya. Di sini juga diperiksa apakah ia adalah seorang hamba hawa nafsunya, pengikut amalan nenek-moyangnya, kebiasaan-kebiasaan keluarga dan pemikiran-pemikiran serta gaya-gaya yang dianut masyarakat. Selanjutnya, diteliti pula, apakah ia memiliki kelemahan yang boleh menyebabkan .dia tetap berpegang teguh pada kebathilan yang bertentangan dengan petunjuk Allah, sebagaimana yang sudah diketahuinya; dan menolak kebenaran dan keadilan yang diredhai Allah, sebagaimana yang sudah diketahuinya pula? Mereka yang gagal dalam ujian ini tidak akan dimasukkan ke dalam golongan Allah. Allah hanya akan memasukkan orang-orang yang termasuk dalam definisi,

"...Barangsiapa yang ingkar kepada tbaghut (syaitan dan apa sahaja yang disembah selain Allah) dan beriman kepada Allah, maka sesungguhnya ia telah berpegang kepada buhul tali yang amat kuat yang tidak akan putus. Dan Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui". (Al-Qur'an, al-Baqarah, 2:256)

Ertinya, mereka harus meninggalkan dengan penuh keberanian setiap cara dan sistem yang bertentangan dengan petunjuk Allah; mereka tidak mempedulikan apa pun dan hanya bersedia mengikuti yang ditunjukkan oleh Allah, tidak peduli ada orang yang senang atau tidak senang kerananya.

- **UJIAN KEPATUHAN DAN KETAATAN**

Orang-orang yang lulus dalam ujian tersebut di atas harus tampil dalam ujian ketiga. Dalam ujian ini, diuji kepatuhan dan ketaatan. Di sini diperintahkan:

"Apabila datang perintah untuk mengerjakan sesuatu dari Kami, maka tinggalkanlah tidurmu dan hadirlah di hadapan Kami. Hentikanlah pekerjaanmu dan datanglah. Tinggalkanlah pekerjaanmu yang mungkin menyenangkan hatimu, menghibur dan menguntungkanmu itu, dan melaporlah kepada Majikanmu. Biariah panas, dingin, atau cuaca bagaimana sahaja. Dalam keadaan bagaimanapun, datanglah bila dipanggil!"

Kemudian diperintahkan lagi:

"Laparkan dan hauskan dirimu dari pagi hingga petang dan kuasailah hawa nafsumu".

Perintah-perintah ini harus dilaksanakan sepenuhnya, tidak peduli betapa lapar dan haus yang akan ditemui, tidak peduli makanan lazat dan minuman segar dihidangkan ke hadapan anda. Mereka yang gagal dalam ujian ini juga akan disingkirkan. Hanya mereka yang lulus sahaja yang akan dipilih, kerana hanya orang-orang seperti merekalah yang dapat diharapkan untuk mematuhi hukum-hukum dan aturan-aturan yang akan dibuat untuk mereka, serta perintah-perintah yang akan diberikan dengan nama Allah, dan mematuhinya dalam setiap situasi dan keadaan, baik terang-terangan mahupun diam-diam, baik melihat keuntungan mahupun kerugian, keselesaan mahupun ketidakpuasan.

- **UJIAN PENGORBANAN HARTA BENDA**

Setelah itu, ujian keempat adalah ujian yang berhubung dengan harta benda. Orang-orang yang lulus dalam ujian yang ketiga belumlah berjaya untuk dilatih menjadi tentera tetap Tuhan. Masih perlu diperiksa apakah mereka berfikiran sempit, kecil semangat dan kedekut. Apakah mereka masih tergolong dalam kelompok orang-orang yang suka berbicara dengan bahasa yang indah tentang persahabatan dan kasih-sayang tetapi enggan memberikan pertolongan sebaik sahaja diminta? Apakah mereka masih sama dengan orang-orang yang suka berbicara mulukMuluk tentang menyayangi binatang dan gigih membelanya di depan orang ramai, tetapi selalu marah apabila ada seekor kucing mencuri sepotong ikan masinnya? Seorang yang berfikiran normal, biasanya tidak akan mahu berteman dengan orang yang pelit dan pemuja harta seperti itu, sedang orang yang pemurah juga tidak akan sudi duduk bersama dengan makhluk yang menjijikkan seperti itu. Maka, bagaimanakah Allah Yang Maha Kuasa dan Maha Pemurah, yang selalu mencurahkan rezeki dengan melimpah-ruah kepada seluruh makhlukNya, akan mahu menjadikan orang seperti itu sebagai temanNya, orang yang pelit membelanjakan hartanya di. jalan Allah, yang harta itu sendiri sebenamya adalah pemberianNya? Bagaimana pula Allah Yang Maha Bijaksana dan Hati-hati itu akan mahu memasukkan orang seperti itu ke dalam golonganNya, orang yang persahabatan dan kasih sayangnya hanya terbatas pada semboyan-semboyan dan cerita-cerita kosong sahaja, yang sama sekali tidak boleh dipercayai? Oleh kerana itu kepada orang-orang yang gagal dalam ujian keempat ini juga dikatakan: "Pergilah. Tidak ada tempat bagimu dalam parti Allah.

Kamu tidak berguna. Kamu tidak akan mampu memikul tanggungjawab besar yang dipercayakan Allah kepada khalifahNya. Yang boleh masuk parti ini hanya orang yang bersedia mengorbankan hidupnya, harta bendanya, anak-anaknya, keluarganya, tanahairnya, — semuanya, demi cintanya kepada Allah.

"Kamu sekali-kali tidak sampai kepada kebaktian (yang sempurna), sebelum kamu menafkahkan sebahagian harta yang kamu cintai. Dan apa sahaja yang kamu nafkahkan, maka sesungguhnya Allah mengetahuinya". (Al-Qur'an, All 'Imran,3:92)

SIFAT-SIFAT YANG DITUNTUT BAGI ANGGOTA PARTI ALLAH

1. Tidak boleh berfikiran sempit

Dalam parti ini tidak ada tempat bagi orang-orang yang berfikiran sempit. Hanya orang-orang yang lapang fikiran sahaja yang boleh masuk:

"...Dan barangsiapa yang dipelihara dari kesempitan fikirannya, mereka itulah orang-orang yang beruntung". (Al-Qur'an,al-Hasyr, 59:9)

2. Harus lapang dada

Di sini diperlukan orang-orang yang dadanya lapang hingga apabila seseorang pernah memusuhi dan menyakiti hati mereka, mereka masih mahu menolongnya dan membantunya demi Allah:

"Dan janganlah orang-orang yang mempunyai kelebihan dan kelapangan di antara kamu bersumpah bahawa mereka (tidak) akan memberi (bantuan) kepada kaum kerabat(nya), orang miskin dan orang-orang yang berhijrah di jalan Allah. Hendaklah mereka memaafkan dan berlapang dada. Apakah kamu tidak ingin Allah mengampunimu? Dan Allah adalah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang"(Al-Quran, an-Nur, 24:22)

3. Harus lapang hati

Di sini diperlukan orang-orang yang lapang hati:

"Dan mereka memberikan makanan yang disukainya kepada orang miskin, anak yatim dan orang yang ditawan. Sesungguhnya kami memberi makanan kepadamu hanyalah untuk mengharapkan keredhaan Allah, kami tidak menghendaki balasan dari kamu dan tidak pula (ucapan) terima kasih." (Al-Qur'an, al-Insan, 76:8-9)

4. Harus berhati bersih dan suci

Di sini diperlukan orang-orang yang berhati suci bersih kerana Allah, iaitu memberikan barang-barang yang paling baik dari apa yang diberikan Tuhan kepada mereka:

"Wahai orang-orang beriman, nafkahkan (di jalan Allah) sebahagian dari hasil usahamu yang baik-baik dan sebahagian dari apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu. Dan janganlah kamu memilih yang buruk-buruk lalu kamu nafkahkan daripadanya, padahal kamu sendiri tidak mahu mengambilnya melainkan dengan memjelingkan mata terhadapnya..." (Al-Qur' an, al-Baqarah, 2:267)

5. Harus memberi walaupun dalam kekurangan

Di sini diperlukan orang-orang budiman yang walaupun sedang kekurangan, tidak ragu-ragu untuk memotong perbelanjaan mereka dan memberikannya untuk keperluan agama Allah dan membantu hamba-hamba Allah:

"Dan bersegeralah kamu kepada ampunan dari Tuhanmu dan kepada syurga yang luasnya seluas langit dan bumi yang disediakan untuk orang-orang yang bertaqwa, (iaitu) orang-orang yang menafkahkan hartanya, baik diwaktu lapang mahupun di waktu sempit..." (Al-Qur'an, All 'Imran, 3:133-134)

6. Harus murah hati

Di sini diperlukan orang-orang beriman yang benar-benar percaya bahawa apa. pun yang dibelanjakan pada jalan Allah tidaklah akan sia-sia; dan sebaliknya, Allah akan memberikan balasan yang paling baik untuk itu., baik di dunia mahupun di akhirat. Untuk itu mereka bersedia menafkahkan hartanya di jalan Allah semata-mata untuk memperolehi redhaNya. Mereka tidak pernah peduli apakah orang-orang tahu tentang kemurahan hati mereka atau tidak, apakah orang akan berterima kasih kepada mereka atau tidak.

"...Dan apa sahaja harta yang baik yang kamu nafkahkan (di jalan Allah), maka pahalanya itu untuk kamu sendiri. Dan janganlah kamu membelanjakan sesuatu melainkan kerana mencari keredhaan Allah. Dan apa sahaja harta yang baik yang kamu nafkahkan, niscaya kamu akan diberi pahalanya dengan cukup sedang kamu sedikitpun tidak akan dianiaya". (Al-Qur'an, al-Baqarah, 2:272)

7. Harus ingat kepada Allah pada masa senang

Di sini diperlukan orang-orang pemberani yang tidak lupa kepada Allah baik dalam keadaan hidup sejahtera, mahupun dalam istana megah dan penuh kemewahan:

"Wahai orang-orang beriman, janganlah harta-hartamu dan anak-anakmu melalaikan kamu dari mengingati Allah. Barangsiapa yang berbuat demikian, maka mereka itulah orang-orang yang rugi". (Al-Qur'an, alMunafiqun, '63:9)

Semua yang tersebut di atas itu adalah kualiti-kualiti penting yang dituntut untuk membolehkan diri memasuki parti Allah. Tanpa mengikuti semua sifat itu, seseorang tidak akan boleh dimasukkan ke dalam kelompok teman-teman Allah. Sesungguhnya, itu semua bukan hanya ujian moral sahaja, Tetapi juga ujian iman yang lebih ketat. Orang

yang enggan membelanjakan hartanya di jalan Allah, dan menganggapnya sebagai denda yang dikenakan atas dirinya, juga mencari-cari alasan untuk menghindarinya, dan apabila memang melakukannya juga, ia mencuba untuk mengurangi sakit hatinya dengan menunjuk-nunjukkan pemberiannya atau mengusahakan agar perbuatannya disebarluaskan, orang seperti ini sesungguhnya bukanlah orang yang beriman kepada Allah dan hari akhir. Ia menganggap bahawa apa yang dibelanjakan di jalan Allah adalah terbuang percuma. Kemewahan, kenyamanan hidup, hobi, keuntungan dan kemasyhuran adalah lebih disayanginya daripada keredhaanNya. Ia mengira bahawa hidup hanya terbatas di dunia ini sahaja. Menurut pendapatnya wang sememangnya harus dibelanjakan, ia harus dibelanjakan untuk menjunjung nama dan kemasyhuran, agar infaqnya itu segera boleh dipetik hasilnya di dunia ini. Kalau tidak demikian, akan sia-sialah wang itu hilang. Orang semacam ini dengan tegas dinyatakan dalam al-Qur'an sebagai tidak boleh diterima Allah. Apabila ia menyombongkan imannya, ia adalah munafik. Perhatikanlah ayat dalam point di bawah ini.

8. Tidak boleh menyebut-nyebut pemberian

"Wahai orang-orang beriman, janganlah kamu menghilangkan (pahala) sedekahmu dengan menyebut-nyebutnya dan menyakiti (perasaan si penerima), seperti orang yang menafkahkan hartanya kerana riya kepada manusia dan dia tidak beriman kepada Allah dan hari akhir...." (Al-Qur'an, al-Baqarah, 2:264)

9. Tidak boleh membanyak-banyakkan kekayaan

"....Dan orang-orang yang menyimpan emas dan perak dan tidak menafkahkannya pada jalan Allah, maka beritahukanlah kepada mereka, (bahawa mereka akan mendapat) siksa yang pedih". (Al-Qur'an, at-Taubah, 9:34)

10. Tidak boleh mencari alasan mundur apabila diminta ikut berjihad di jalan Allah

"Orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari kemudian, tidak akan meminta izin kepadamu (Muhammad) untuk (tidak ikut) berjihad dengan harta dan diri mereka. Dan Allah mengetahui orang-orang yang bertaqwa. Sesungguhnya yang akan meminta izin kepadamu, hanyalah orang-orang yang tidak beriman kepada Allah dan hari kemudian, dan hati mereka ragu-ragu, kerana itu mereka selalu bimbang dalam keraguannya". (Al-Qur'an, at-Taubah, 9:44-45)

11. Harus taat sepenuh hati kepada Allah

"Dan tidak ada yang menghalangi mereka untuk diterima dari mereka nafkah-nafkahnya melainkan kerana mereka kafir kepada Allah dan RasulNya dan mereka tidak mengerjakan solat, melainkan dengan malas dan tidak (pula) menafkahkan (harta) mereka, melainkan dengan rasa enggan". (Al-Qur'an, at-Taubah, 9:54)
"Orang-orang munafik laki-laki dan perempuan sebahagian dengan sebahagian yang lain adalah sama, mereka menyuruh membuat yang mungkar dan melarang berbuat yang ma'ruf dan mereka menggenggamkan tangannya. Mereka telah lupa kepada Allah, maka

Allah melupakan mereka. Sesungguhnya orang-orang munafik itulah orang-orang yang fasik". (Al-Qur'an, at-Taubah, 9:67)

12. Tidak boleh menganggap membelanjakan harta di jalan Allah sebagai paksaan yang tidak sepatutnya

"Dan diantara orang-orang Arab Badwi itu, ada orang yang memandang apa yang dinafkahkannya (di jalan Allah), sebagai suatu kerugian...." (Al-Qur'an, at-Taubah, 9:98)

13. Tidak boleh kikir

"Ingatlah, kamu ini orang-orang yang diajak untuk menafkahkan (hartamu) pada jalan Allah. Maka di antara kamu ada orang yang kikir, dan siapa yang kikir, sesungguhnya dia hanyalah kikir terhadap dirinya sendiri. Dan Allahlah yang Maha Kaya sedangkan kamu adalah orang-orang yang berkehendak (kepada)Nya; dan jika kamu berpaling niscaya Dia akan mengganti (kamu) dengan kaum yang lain, dan mereka tidak akan seperti kamu ini". (Al-Qur'an, Muhammad, 47:38)

Saudara-saudara sesama Muslim
Inilah kedudukan yang sebenamya daripada zakat, tiang agama anda itu. Jangan anda samakan kedudukannya dengan pajak yang dikenakan oleh pemerintah negara dunia. Tetapi zakat adalah penting dan urat nadi Islam. Zakat adalah ujian keimanan. Sebagaimana halnya seorang pelajar atau mahasiswa, baru boleh naik tingkatan apabila ia lulus menempuh ujian akhir yang diadakan sekolah atau tempatnya menuntut ilmu. Sama halnya dengan seorang Muslim, ia harus pula lulus menempuh berbagai tingkatan ujian pengorbanan harta benda supaya ia dapat menjadi seorang Muslim yang sebenamya walaupun, memang, ini bukanlah ujian yang terakhir. Setelah ujian ini masih ada lagi ujian yang lebih berat, iaitu ujian pengorbanan nyawa, yang akan saya jelaskan pada kesempatan lain. Ada pun ujian pengorbanan harta benda, adalah ujian terakhir dari testing masuk ke dalam lingkungan Islam, atau dengan kata lain, ke dalam parti Allah. Sekarang ini, sebahagian orang mengatakan: sudah terlalu banyak khutbah dan ceramah yang diberikan kepada kaum Muslimin, yang menyerukan agar mereka membelanjakan harta dan melarang menghambur-hamburkan wang; padahal dalam keadaan kemiskinan dan kemelaratan seperti sekarang ini, seharusnya mereka diberi ceramah tentang bagaimana mencari dan mengumpulkan wang. Orang-orang yang berkata seperti itu tidak mengerti bahawa zakat dan membelanjakan harta di jalan Allah, adalah merupakan ruh Islam; dan salah satu faktor yang telah menjerumuskan umat Islam ke dalam lembah kehinaan sekarang ini, adalah kerana tidak adanya semangat pengorbanan ini. Kejayaan ummat Islam runtuh bukan disebabkan adanya semangat berkorban, tetapi kerana matinya semangat ini.
Dalam khutbah saya yang akan datang, saya akan menerangkan bahawa zakat dan sedekah adalah benar-benar ruh dari kehidupan bersama kita dan dalam keduanya terkandung semua berkat, tidak hanya untuk akhirat tetapi juga untuk kehidupan duniawi kita ini.

3. KEDUDUKAN ZAKAT DALAM KEHIDUPAN BERSAMA

Saudara-saudara Muslim.

Dalam kedua-dua khutbah saya yang telah lalu, saya telah menerangkan kepada anda kedudukan zakat yang sebenarnya. Sekarang saya akan menerangkannya dari seginya yang lain.

SIFAT KEMURAHAN ALLAH

Pada beberapa tempat di dalam Qur'an Suci, ungkapan *infaq fi sabilillah* telah dipergunakan untuk pengganti zakat dan sedekah. Ungkapan ini bererti "membelanjakan harta di jalan Allah". Di beberapa tempat yang lain dikatakan bahawa apa pun yang anda belanjakan di jalan Allah adalah merupakan pinjaman yang baik yang anda berikan kepadaNya, dan akan dibayar kembali olehNya, Ini bererti bahawa anda telah memberikan piutang kepada Allah dan Dia telah menjadi yang berhutang kepada anda. Di banyak tempat, juga dinyatakan bahawa apa pun yang anda belanjakan di jalan Allah, maka pahalanya adalah kewajipan bagi Allah dan, bahawa, Ia akan membayarnya dengan balasan yang jauh lebih banyak. Fikirkanlah hal ini baik-baik. Apakah Tuhan, Penguasa langit dan bumi itu — Na'udzu billah — adalah tanggungan nafkah anda? Apakah zat yang Maha Suci itu perlu berhutang kepada anda? Apakah Maharaja Diraja, Pemilik harta karun yang tidak terhingga besarnya itu, mesti mengemis kepada anda? Na'udzubillah, bagaimana boleh? Padahal, atas kemurahanNya sahajalah anda boleh hidup. Rezeki pemberianNyalah yang anda makan. Apa pun yang dimiliki oleh orang-orang miskin dan orang-orang kaya diantara anda, semuanya adalah pemberianNya. Semua orang, sejak dari pengemis sampai jutawan dan hartawan, adalah tanggunganNya, sedang Dia sendiri bukanlah tanggungan siapapun. Apa perlunya Dia minta pinjaman pada anda dan menadahkan tangan kepada anda? Kenyataan yang sebenarnya adalah bahawa itu semua adalah demi keuntungan anda, demi kebaikan dan kepentingan anda sendiri. Namun, Dia mengatakan:

"Segala yang dikeluarkan pada jalanKu, ia merupakan piutang kepadaKu. Aku berhutang pahalanya kepadamu dan Aku menerima pahala tersebut dan sebagai kewajipanKu adalah membayarnya padamu. Apabila kamu memberikannya kepada orang-orang miskin dan melarat dalam masyarakatmu, dari mana mereka akan boleh memberikan balasan padamu? Akulah yang akan memberikannya atas nama mereka. Kamu memberikan pertolongan kepada sanak saudaramu yang miskin. Budi kebaikanmu itu bukan menjadi hutang mereka, tetapi hutangKu. Akulah yang akan membalasnya. Apa pun yang kamu berikan kepada anak-anak yatim, janda-janda, orang-orang cacat, dan musafir-musafir serta saudara-saudara sesamamu yang memperlukan pertolongan, masukkanlah perhitungannya ke dalam perkiraanKu. Tuntutan pembayaran kembalinya bukanlah atas mereka, melainkan kepadaKu. Kamu mesti memberikan bantuan pinjaman kepada saudara-saudaramu yang memerlukan, tetapi kamu tidak boleh meminta bunga dari mereka. Kamu juga jangan menekan mereka. Apabila mereka tidak boleh membayar kembali, janganlah kamu tuntut agar mereka masuk penjara. Jangan kamu sita perabot

dan alat-alat rumah tangga mereka. Janganlah kamu sita rumah mereka hingga isteri dan anak-anak mereka terlantar. Yang berhutang kepadamu sebenarnya bukan mereka, melainkan Aku. Apabila mereka hanya memberikan pokok hutang mereka sahaja kepadamu, Akulah yang akan membayar bunganya. Kalau mereka, bahkan, tidak boleh membayar pokok hutang itu, Aku jugalah yang akan membayar pokok hutang itu berikut bunganya. Demikian pula, apa pun yang engkau belanjakan untuk usaha kesejahteraan masyarakatmu, untuk kebaikan dan perbaikan sesama manusia, maka meskipun hal itu menguntungkanmu sendiri, namun itu juga bererti hutang budi atasKu. Aku akan membayar setiap sen yang kamu keluarkan untuk itu beserta bunganya".

Inilah sifat Zat dari yang Maha Pemurah, Maharaja Diraja itu. Apa yang anda miliki seluruhnya adalah pemberian daripadaNya. Anda tidak memperolehinya dari jalan mana pun juga. Selain itu anda hanya menerimanya dari perbendaharaan simpananNya. Kemudian, apa pun yang anda sedekahkan daripadanya, tidaklah anda berikan kepadaNya, melainkan kepada sanak saudara anda, anggota-anggota sesama masyarakat anda, atau anda belanjakan untuk usaha-usaha kesejahteraan bersama, yang keuntungannya akhimya akan kembali juga kepada anda. Tetapi lihatlah Zat yang Maha Suci itu; Sehubungan dengan harta benda yang anda ambil daripadaNya dan anda berikan kepada sanak keluarga anda sendiri, Dia mengatakan:

"Kamu telah memberi kepadaKu. Akulah yang akan memberi pahalanya untukmu".

Allahu Akbar! Alangkah Maha Pemurahnya Dia. Hanya bagiNya sahajalah sifat Pemurah tersebut. Hanya Maharaja yang Mutlak itu sahajalah yang dapat menyatakan kemurahan yang sebesar dan setinggi itu. Tidak seorang manusia pun yang dapat, bahkan hanya sekadar, menghayati sikap yang luhur seperti itu.

MENGAPA DITANAMKAN KESEDARAN TENTANG "INFAQ"?

Pada isi ini renungkanlah mengapa Allah memakai cara seperti tadi untuk membangkitkan semangat kebajikan dan dermawanan dalam diri manusia? Semakin anda berfikir tentang masalah ini, semakin anda akan memperolehi pandangan tentang sifat yang suci dari ajaran-ajaran Islam, dan hati anda akan semakin bersaksi bahawa cara penanaman kesedaran yang indah ini hanya boleh datang dari Allah sahaja, tidak mungkin dari yang lain.

MANUSIA DICIPTAKAN BERWATAK MEMENTINGKAN DIRI SENDIRI

Anda tahu bahawa watak manusia adalah "zalim dan jahil". Persepsinya sempit. Ia tidak dapat melihat jauh ke depan. Pandangannya pendek. Idea-idea yang besar dan luhur hampir tidak boleh masuk ke dalam fikirannya. Ia diciptakan dengan sifat mementingkan diri sendiri, dan otaknya tidak dapat memikirkan konsep yang luas, walaupun yang menyangkut kepentingannya sendiri. Ia juga bertabiat tergesa-gesa.

"Manusia telah dijadikan (bertabiat) tergesa-gesa. Kelak akan Aku perlihatkan kepadamu tanda-tanda (azab)Ku. Maka janganlah kamu minta kepadaKu

mendatangkannya dengan scgcra". (Al-Qur'an, al-Anbiya', 21:37)

Manusia selalu ingin cepat-cepat menikmati hasil dan keuntungan dari segala sesuatu yang dikerjakannya, dan yang paling penting baginya hanyalah hasil dan keuntungan yang dapat diperolehnya dengan cepat dan dalam bentuk yang nyata, yang dapat dilihatnya. Pandangannya tidak boleh melihat hasil-hasil yang jauh. Ia hampir-hampir tidak dapat memahami keuntungan-keuntungan yang berskala besar dan kekal abadi. Dalam kebanyakan hal, manusia tidak dapat memahami potensi-potensi seperti itu. Ini adalah kelemahan manusia yang wajar, yang memaksanya untuk mencari keuntungan peribadi dalam segala sesuatu, yang berskala kecil, yang cepat diperolehi dan dapat dirasakan secara nyata. Ia mempunyai pandangan, "apa pun yang saya perolehi dengan usaha saya dan yang saya warisi dari orang tua dan nenek moyang saya adalah milik saya dan tidak seorang pun yang berhak ke atasnya. Semuanya harus dibelanjakan khusus untuk keperluan saya, atas kemahuan saya, untuk kesenangan saya, dan kenikmatan jasmani saya. Atau setidak-tidaknya harus digunakan untuk mengangkat nama saya, kehormatan dan kemasyhuran saya. Saya harus mendapat gelar tertentu, dan semua orang harus tunduk kepada saya dan "saya harus dipuji orang di mana-mana. Kalau saya tidak boleh mencapai satu pun dari tujuan-tujuan ini, mengapa saya harus mengeluarkan wang saya? Kalau ada anak yatim yang hampir mati kelaparan, atau mengemis dekat rumah saya, mengapa saya mesti mempedulikannya? Ia seharusnya menuntut kepada ayahnya yang mestinya telah meninggalkan sesuatu untuk anak-anaknya atau suatu polisi insurans. Kalau ada seorang janda dekat rumah saya sedang mengalami kesulitan, apa urusannya dengan saya? Suaminya seharusnya sudah melakukan sesuatu untuknya. Kalau seorang musafir tersesat jalan, apa pula urusannya dengan saya? Mengapa orang tolol itu keluar tanpa membuat persiapan sebelumnya? Kalau ada seseorang mengalami kesengsaraan, biarkan sahaja dia. Allah telah memberinya tangan dan kaki yang sama seperti saya. Ia harus memenuhi sendiri keperluannya. Mengapa saya harus menolongnya? Kalau saya harus membantunya, maka bantuan itu mesti dalam bentuk hutang, dan harus ada bunganya, kerana wang saya bukanlah sesuatu yang tidak penting dan tidak ada gunanya. Kalau tidak saya pinjamkan, wang itu boleh saya pakai untuk membangun rumah atau membeli kereta, atau saya tanamkan pada sebuah projek yang menguntungkan. Kalau wang itu saya pinjamkan, orang yang meminjam itu juga akan memperolehi keuntungan daripadanya. Kerana itu, mengapa saya tidak mengambil sebahagian dari keuntungan itu?"

AKIBAT MENTALITI MEMENTINGKAN DIRI SENDIRI

Seseorang yang kaya dengan mentaliti seperti yang tadi, pertama-tama ia akan bersikap seperti seekor ular yang duduk di atas tumpukan harta karunnya; dan kedua, apabila ia toh mahu membelanjakan hartanya, maka hal itu dilakukannya hanyalah untuk membesarkan egonya sahaja. Ia tidak akan mahu mengeluarkan satu sen pun dari simpanannya, dan kalau toh ia menolong seseorang, ia tidak akan melakukannya dengan ikhlas, kecuali apabila ada keuntungan baginya. Sungguh, ia hanya akan menghisap darah orang yang ditolongnya itu dan mengambil keuntungan daripadanya lebih banyak daripada yang diberikannya. Kalau ia memberikan sesuatu kepada orang yang

memerlukan, maka ia akan mengganggu jiwa orang yang diberinya itu habis-habisan, dengan mengatakan bahawa ia telah berbuat kebajikan yang tidak terhitung banyaknya kepada orang tersebut, serta menghina dan merendahkannya sedemikian rupa, sehingga tidak ada sedikit pun harga diri yang tertinggal pada orang tersebut. Kalau ia ikut serta dalam sesuatu usaha nasional, maka pertama-tama ia akan melihat sejauh mana keuntungan peribadi yang akan ia perolehi daripadanya. Sctiap usaha yang tidak memberikan keuntungan peribadi kepadanya maka tidak akan dapat bantuannya. Apa akibat mentaliti yang demikian ini? Akibatnya ia akan mengalami kecelakaan, tidak hanya bagi kehidupan masyarakat, tetapi pada akhirnya juga bagi kehidupan dirinya sendiri.Kerana fikirannya yang sempit, ia menganggap sikapnya yang demikian itu menguntungkan. Apabila mentaliti seperti itu menguasai sekelompok manusia, maka kekayaan akan mulai terkumpul di tangan sekelompok kecil masyarakat sahaja, dan mengakibatkan sebahagian besar anggota masyarakat kekeringan rezeki. Orang-orang kaya akan terus menngumpul kekayaan dengan jalan memainkan wangnya, dan kehidupan orang-orang yang miskin semakin hari akan menjadi semakin sukar. Suatu masyarakat yang dilanda kemiskinan akan melahirkan bermacam-macam kejahatan. Kekuatan fizikal anggota-anggotanya akan menyusut. Penyakit akan menyebar luas. Kemampuan dan produktiviti kerja akan merosot. Kebodohan akan meningkat di kalangan mereka. Moral mereka akan bertambah rosak. Mereka akan menempuh jalan kejahatan untuk memenuhi keperluannya. Akhirnya, akan tiba suatu keadaan di mana mereka akan melakukan rusuhan dan rompakan. Rusuhan akan terjadi di mana-mana. Orang-orang kaya akan dibunuh. Rumah-rumah mereka akan dibakar dan dirampas, dan terjadilah kerosakan besar di mana-mana hingga orang-orang kaya hanya tinggal sedikit sahaja.

KESEJAHTERAAN INDIVIDU TERLETAK DALAM KESEJAHTERAAN MASYARAKAT

Apabila anda fikirkan baik-baik, maka anda akan melihat bahawa kesejahteraan tiap-tiap orang adalah terikat dan berhubungan dengan kesejahteraan masyarakat lingkungannya. Apabila anda menolong saudara-saudara masyarakat anda dengan kekayaan yang anda miliki, maka keuntungannya akan berputar di antara masyarakat dan kembali kepada anda. Tetapi apabila anda kikir, anda menyimpan sahaja kekayaan anda atau membelanjakannya untuk keuntungan anda sendiri sahaja, maka kekayaan anda itu akan semakin berkurang. Sebagai contoh, apabila anda memelihara seorang anak yatim dan memberikan kepadanya pendidikan sehingga ia mampu menjadi anggota masyarakat yang produktif dan mempunyai penghasilan, hal itu bererti bahawa anda telah memberikan sumbangan kepada kesejahteraan masyarakat secara keseluruhan, dan sebagai seorang anggota masyarakat tersebut, anda sendiri juga secara tidak langsung turut menikmati kesejahteraan tersebut, walaupun anda mungkin tidak merasakan langsung bahawa bahagian kesejahteraan yang anda terima itu sampai kepada anda dari hasil kerja anak yatim yang telah anda tolong itu. Tetapi sebaliknya, apabila anda berfikiran sempit dan mementingkan diri sendiri dan berkata: "Mengapa saya harus menolong anak itu? Ayahnya seharusnya sudah mewariskan sesuatu untuknya", maka ia akan menjadi orang jalanan, sampah masyarakat. Ia tidak akan mampu untuk menyumbangkan sesuatu apa pun kepada kesejahteraan masyarakat dengan hasil

kerjanya. Justeru tidaklah akan menghairankan jika ia menjadi penjahat profesional dan memecah rumah anda sendiri. Ini bererti bahawa dengan membiarkan seseorang anggota masyarakat menjadi orang jalanan, sampah masyarakat dan penjahat, maka hal itu tidak hanya merugikan dia, tetapi juga merugikan anda sendiri. Dengan mengambil analogi dari contoh ini, apabila anda memandang jauh ke depan, maka anda akan menyedari bahawa seseorang yang membelanjakan hartanya untuk kebaikan masyarakat, harta yang dibelanjakan tersebut akan berkembang biak dengan subur hingga akhirnya kembali kepada sumber dari mana ia datang. Sebaliknya, seseorang yang menyimpan wangnya hanya untuk dirinya sendiri dan tidak membelanjakannya untuk kebaikan masyarakat, bererti menjerumuskan dirinya sendiri secara perlahan-lahan dan secara tidak langsung. Inilah rahsia yang terkandung dalam ajaran Allah berikut ini:

"Allah memusnahkan riba dan menyuburkan sedekah". (Al-Qur'an, al-Baqarah, 2:276)

"Dan sesuatu riba (tambahan) yang kamu berikan agar dia menambah pada harta manusia, maka riba itu tidak akan menambah pada sisi Allah. Dan apa yang kamu berikan berupa zakat yang kamu maksudkan untuk mencapai keredhaan Allah, maka (yang berbuat demikian) itulah orang-orang yang melipatgandakan (pahalanya). (Al-Qur'an, ar-Rum, 30:39)

Tetapi kesempitan fikiran dan kejahilan manusia, mencegahnya dari memahami kenyataan ini sehingga bertindak menuruti semangatnya sahaja. Ia adalah budak dari sikap materialistiknya. Ia hanya melihat wang yang bertimbun dalam simpanan wangnya. Harta yang terus bertambah dalam catatannya mengikat perhatiannya, tetapi apa yang keluar dari tangannya tidak dapat dilihatnya di mana berkembang subumya, bagaimana dan sejauh mana ia berkembang, dan apabila akan kembali kepadanya dengan keuntungan-keuntungannya. Dalam pengertiannya, apa yang sudah lepas dari tangannya bererti telah pergi untuk selamanya dan tidak akan kembali lagi kepadanya.

Sampai saat ini manusia belum mampu menembusi rintangan kejahilan ini dengan kecerdasan dan usahanya sendiri. Dan keadaan ini merata di seluruh dunia. Di satu pihak terdapat kubu kapitalis di mana semua usaha perekonomian berjalan dengan sistem riba, di mana kericuhan dan kecemasan tiap hari semakin meningkat di tengah menimbunnnya harta benda. Di pihak yang lain, sekelompok manusia telah mempengaruhi sejumlah besar manusia dan mengobarkan dalam jiwa mereka api hasad dan kedengkian kepada kaum kapitalis, setia semangat untuk menghancurkan seluruh asas kebudayaan dan peradaban manusia.

PENYELESAIAN MASALAH

Dari situasi yang rumit ini, Allah yang Maha Bijaksana memberikan jalan penyelesaian dengan petunjuk yang diberikanNya dalam Kitab Suci al-Qur'an. Kepercayaan kepada Allah dan hari akhir merupakan kunci penyelesaian masalah tersebut. Apabila manusia beriman kepada Allah dan menyedari bahawa pemilik yang sebenarnya dari seluruh harta benda yang tersimpan di langit dan di bumi adalah Allah, bahawa pengurusan masalah

hidup manusia sebenarnya hanyalah ada di tanganNya; bahawa perhitungan urusan yang sebesar debu pun ada pada catatanNya; dan bahawa balasan akhir atas perbuatan-perbuatan baik dan buruk dari manusia akan diberikan olehNya dengan perhitungan yang mutlak, maka akan mudahlah baginya untuk mempercayakan diri kepadaNya, dan bukan kepada fikiran dan pendapatnya sendiri Tentu ia akan mahu membelanjakan harta bendanya menurut arahan yang diberikan Allah dan menyerahkan soal untung rugi kepadaNya semata-mata. Apa pun yang dibelanjakan dengan keyakinan ini, sesungguhnya merupakan persembahan kepada Tuhan sendiri. Perhitungannya juga akan dimasukkan dalam catatannya. Meskipun, tidak seorang pun di dunia ini yang mengetahui perbuatan baiknya, namun Tuhan pasti mengetahuinya. Dia tidak akan menyoal apakah perbuatan baik itu ada yang sesiapa yang mengakuinya atau tidak, tetapi Allah tentu tahu dan mengakuinya. Dan apabila Allah telah menjanjikan pahala, Ia pasti akan memberikannya, di akhirat ataupun juga di dunia ini.

4. PERINTAH UMUM TENTANG 'INFAQ FI SABILILLAH" (MEMBELANJAKAN HARTA DI JALAN ALLAH)

DUA MACAM PERINTAH UMUM DAN KHUSUS

Saudara-saudara sesama Muslim.

Allah telah merumuskan suatu peraturan dalam syari'ahNya iaitu pertama-tama Dia memberikan petunjuk umum tentang perbuatan yang baik dan perbuatan yang buruk agar orang banyak dapat menempuh jalan keredhaanNya. Setelah itu digariskan suatu bentuk jalan keredhaan yang khusus agar supaya ia dapat dilaksanakan secara khusus.

PERINTAH UMUM UNTUKMENGINGATI ALLAH

Sebagai contoh, perhatikanlah, bahawa mengingati Allah adalah suatu tindak kesalehan, bahkan merupakan kesalehan yang terbesar dan sumber perbuatan-perbuatan baik. Untuk ini ada perintah-perintah umum agar mengingati Allah setiap saat dan dalam setiap keadaan.

"...Ingatlah kepada Allah di waktu berdiri, di waktu duduk, dan di waktu berbaring..." (Al-Qur'an, an-Nisa', 4:103)

"...Sebutlah (nama) Allah sebanyak-banyaknya, agar kamu beruntung". (Al-Qur'an, al-Anfal, 8:45)

"Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi, dan silih bergantinya malam dan siang terdapat tanda-tanda bagi orang-orang yang berakal, (iaitu) orang-orang yang mengingati Allah sambil berdiri dan duduk atau dalam keadaan berbaring, dan mereka memikirkan tentang penciptaan langit dan bumi (seraya berkata): 'Wahai Tuhan kami, tidaklah Engkau menciptakan ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dari siksa neraka". (Al-Qur'an, Ali 'Imran, 3:190-191)

"...Dan janganlah kamu mengikuti orang yang hatinya telah Kami lalaikan dari mengingati Kami, serta menuruti hawa nafsunya dan adalah keadaannya itu melampaui batas". (Al-Qur' an, al-Kahfi, 18:28)

Masih banyak ayat-ayat lain, di samping yang tersebut di atas, yang menyuruh untuk selalu mengingati Allah dalam setiap keadaan, kerana hanya dengan mengingati Allahlah yang dapat menjaga kelicinan urusan-urusan manusia dan menjaganya agar tetap berada pada jalan yang benar. Apabila manusia lalai dari mengingati Allah, maka desakan hawa nafsu dan pujukan syaitan akan mengalahkannya. Akibatnya yang tidak terelakkan ialah bahawa dengan menyeleweng dari jalan yang benar maka perbuatan-perbuatannya dalam urusan-urusan hidupnya akan melampaui batas-batas yang telah ditetapkan oleh Allah.

PERINTAH KHUSUS UNTUK MENGINGATI ALLAH

Demikian pula halnya dengan zakat. Dalam hal ini juga ada perintah umum dan perintah khusus. Di satu pihak diperintahkan:

"Janganlah bersikap kikir dan berfikiran sempit kerana itu adalah sumber kejahatan dan dosa. Kembangkanlah dalam tingkahlakumu cermin kemurahan Allah yang selalu melimpahkan rahmatNya kepada seluruh makhlukNya yang tidak terhitung banyaknya itu,walaupun tidak satu makhluk pun yang berhak menuntut kepadaNya. Belanjakanlah hartamu semampu kamu di jalan Allah. Simpanlah sebanyak yang kamu boleh untuk keperluan hidupmu, dan dari simpanan itu penuhilah keperluan hamba-hamba Allah yang miskin. Janganlah pernah mundur dari mengorbankan nyawa dan wang untuk menjunjung tinggi kalimah Allah dan memajukan agamaNya. Apabila kamu cinta kepada Allah, maka korbankanlah harta bendamu untukNya". Inilah perintah umum yang menyangkut "Infaq fi Sabilillah".

PERINTAH KHUSUS TENTANG INFAQ

Di pihak lain, ada perintah khusus bahawa apabila anda memiliki wang sampai sejumlah tertentu, maka wajiblah bagi anda untuk membelanjakan sebahagian daripadanya di jalan Allah, dan apabila sawah ladang anda mengeluarkan hasil sampai ukuran tertentu, maka paling tidak sejumlah tertentu dari padanya, maka harus anda persembahkan kepada Allah. Kemudian, sebagaimana halnya dengan diwajibkannya solat, tidak bererti bahawa mengingati Allah hanya di saat mengerjakan solat itu sahaja. Maka demikian pula halnya dengan diwajibkannya zakat, tidaklah bererti bahawa hanya orang-orang yang mempunyai wang sejumlah besar tertentu sahaja yang harus membelanjakan sebahagian hartanya di jalan Allah, sedangkan mereka yang mempunyai kurang dari itu tidak wajib mengeluarkan apa-apa. Tidak pula hal itu bererti bahawa orang-orang kaya sahaja wajib mengeluarkan zakat, dan setelah itu boleh sahaja mengusir orang minta-minta yang datang kepada mereka. Atau tidak pula bererti, apabila ada suatu keperluan agama yang memerlukan biaya, mereka boleh sahaja mengatakan: *"Kami sudah memberikan zakat, kerana itu jangan minta apa-apalagi kepada kami."* Bukan begini yang dimaksudkan dengan kewajipan zakat. Sebaliknya, diwajibkannya zakat bererti bahawa paling tidak dalam keadaan bagaimanapun juga orang-orang kaya wajib membelanjakan hartanya sebesar ukuran zakat yang telah ditentukan, dan selepas dari itu setiap orang wajib membelanjakan sebanyak mungkin yang boleh diberikannya ke jalan Allah.

PENJELASAN SINGKAT TENTANG PERINTAH UMUM UNTUK BERINFAQ

Sekarang saya akan menerangkan dengan singkat tentang perintah yang bersifat umum tersebut, sedang perintah khusus akan saya bahas dalam khutbah saya yang akan datang.

Adalah menjadi ciri khas al-Qur'an bahawa apabila ia memberikan suatu perintah, ia juga menjelaskan kebijaksanaan dan tujuan yang ada di belakang perintah tersebut, sehingga mereka yang menerima ajaran tersebut mengetahui makna dan kepentingan yang sebenar

nya dari ajaran tersebut serta manfaat-manfaat yang terkandung di dalamnya.

TIGA SYARAT UNTUK BOLEH MENEMPUH JALAN YANG LURUS

Apabila anda membuka al-Qur'an, pada surah pertama, sesudah surah pembukaan (al-Fatihah), maka ayat-ayat pertama yang anda baca adalah:

"Kitab (al-Qur'an) ini tidak ada keraguan padanya; petunjuk bagi mereka yang bertaqwa, (iaitu) mereka yang beriman kepada yang ghaib, yang mendirikan solat, dan menafkahkan sebahagian rezeki yang Kami anugerahkan kepada mereka.(Al-Qur'an, al-Baqarah, 2:2-3)

Dalam ayat-ayat ini dinyatakan prinsip-prinsip dasar yang menyatakan bahawa bagi boleh memperolehi jalan yang lurus dalam hidup di dunia ini diperlukan tiga syarat,

Pertama: Iman kepada yang ghaib.
Kedua : Mendirikan solat.
Ketiga : Membelanjakan sebahagian dari harta yang diberikanNya pada jalan Allah.

Di tempat lain Allah mengatakan:

"Kamu sekali-kali tidak sampai kepada kebaktian (yang sempurna), sebelum kamu menafkahkan sebahagian harta yang kamu cintai. Dan apa sahaja yang kamu nafkahkan, maka sesungguhnya Allah mengetahuinya". (Al-Qur'an, Ali 'Imran,3:92)

Lagi Dia mengatakan:

"Syaitan menjanjikan (menakut-nakuti) kamu dengan kemiskinan dan menyuruh kamu berbuat kejahatan (kikir); sedang Allah menjanjikan untukmu ampunan daripadaNya dan kurnia..." (Al-Qur'an, al-Baqarah 2:268)

Kemudian:

"Dan belanjakanlah (harta bendamu) di jalan Allah, dan janganlah kamu menjatuhkan dirimu ke dalam kebinasaan, dan berbuat baiklah, kerana sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berbuat baik". (Al-Qur'an, al-Baqarah, 2:195)

Akhirnya, Allah mengatakan:

"...Dan siapa yang dipelihara dari kekikiran dirinya, mereka itulah orang-orang yang beruntung".
*(Al-Qur'an, al-Hasyr, 59:*9)

DUA JALAN HIDUP

Dari ayat-ayat di atas jelas bagi kita bahawa ada dua jalan hidup bagi manusia di dunia

ini. Yang satu adalah jalan Allah di mana ada kesalehan, kebaikan, kesejahteraan dan kejayaan. Norma yang berlaku di jalan ini adalah bahawa manusia harus bermurah hati. Di samping memenuhi keperluannya dengan rezeki yang diberikan Allah kepadanya, ia juga harus menolong saudara-saudaranya dan rela membelanjakan sebahagian dari hartanya itu untuk menjunjung tinggi kalimah Allah. Jalan yang lain adalah jalan syaitan yang secara zahirnya menguntungkan. Tetapi sebenarnya hanya membawa kepada kehancuran. Prinsip yang berlaku di jalan syaitan ini adalah bahawa manusia mesti berusaha mengumpulkan harta sebanyak-banyaknya untuk dirinya sendiri, mesti mempertahankan hartanya mati-matian agar jangan terlepas walau satu sen pun; kalaupun harta itu mesti dikeluarkan, haruslah itu demi keuntungan peribadi atau untuk memuaskan nafsu-nafsu badan.

CARA-CARA MEMBELANJAKAN HARTA DI JALAN ALLAH

Sekarang perhatikanlah bagaimana cara-cara yang telah digariskan bagi orang-orang Islam untuk membelanjakan harta di jalan Allah, seperti yang tersebut dalam rangkaian di bawah ini:

1. Membelanjakan harta haruslah dengan tujuan mencari keredhaan Allah semata-mata

Yang pertama-tama dan yang terpenting adalah bahawa tujuan satu-satunya dalam membelanjakan harta hendaklah untuk mencari keredhaan Allah semata-mata. Membelanjakan harta tidak boleh dengan tujuan membuat seseorang berhutang budi kepada kita, atau untuk mengangkat nama di masyarakat.

"...Dan apa sahaja harta yang baik yang kamu nafkahkan, niscaya kamu akan diberi pahalanya dengan cukup sedang kamu sedikit pun tidak akan dianiaya". (Al-Qur'an, al-Baqarah, 2:272)

"Wahai orang-orang beriman, janganlah kamu menghilangkan (pahala) sedekahmu dengan menyebut-nyebutnya dan menyakiti (hati orang yang menerima), seperti orang yang menafkahkan hartanya kerana riya kepada manusia dan dia tidak beriman kepada Allah dan hari kemudian. Maka perumpamaan orang itu seperti batu licin yang di atasnya ada tanah, kemudian batu itu ditimpa hujan lebat, lalu menjadilah dia bersih (tidak bertanah)..." (Al-Qur'an, al-Baqarah, 2:264)

2. Tidak boleh untuk mebukanjolkan kebaikan diri sendiri

Hal yang kedua adalah bahawa setelah memberikan sedekah kepada orang yang memerlukan, kita tidak boleh membebankan kewajipan apa pun kepadanya dan tidak boleh memperlakukannya dengan cara yang dapat melukai hatinya.

"Orang-orang yang menafkahkan hartanya di jalan Allah, kemudian mereka tidak mengiringi apa yang dinafkahkannya itu dengan menyebut-nyebut pemberiannya dan dengan tidak menyakiti (perasaan sipenerima), mereka memperolehi pahala di sisi Tuhan mereka. Tidak ada kekhuwatiran terhadap mereka dan tidak (pula) mereka

bersedih hati. Perkataan yang baik dan pemberian maaf lebih baik dari sedekah yang diiringi dengan sesuatu yang menyakitkan (perasaan si penerima). Allah Maha Kaya lagi Maha Penyantun". (Al-Qur'an, al-Baqarah; 2:262-263)

3. Pemberian haruslah yang baik-baik

Peraturan ketiga adalah bahawa barang-barang yang diberikan di jalan Allah hendaklah yang baik. Barang-barang yang buruk tidak boleh diberikan untuk tujuan ini. Mereka yang memberikan pakaian-pakaian yang sudah usang dan lusuh kepada orang-orang miskin, atau makanan yang buruk dan sudah basi, patutlah mengharapkan pahala dengan kualiti yang sama dengan sedekahnya.

"Hai orang-orang yang beriman, nafkahkanlah (di jalan Allah) sebahagian dari hasil usahamu yang baik-baik dan sebahagian dari apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu. Dan janganlah kamu memilih yang buruk-buruk lalu kamu nafkahkan daripadanya, padahal kamu sendiri tidak mahu mengambilnya..." (Al-Qur'an, al-Baqarah, 2:267)

4. Memberi hendaklah serahsia mungkin

Peraturan keempat adalah bahawa membelanjakan harta di jalan Allah hendaklah dilakukan serahsia mungkin, sehingga tidak ternodai oleh kemunafikan dan riya. Walaupun berinfaq terang terangan tidaklah berbahaya, namun adalah jauh lebih baik hal itu dilakukan dengan diam-diam.

"Jika kamu menampakkan sedekah(mu), maka itu adalah baik sekali. Dan jika kamu menyembunyikannya dan kamu berikan kepada orang-orang fakir, maka menyembunyikan itu lebih baik bagimu. Dan Allah akan menghapuskan dari kamu sebahagian kesalahan-kesalahanmu; dan Allah mengetahui apa yang kamu kerjakan". (Al-Qur'an, al-Baqarah, 2:271)

5. Orang-orang dungu tidak boleh diberi lebih dari keperluannya

Peraturan kelima adalah bahawa orang-orang yang dungu dan naif tidak boleh diberi belanja melebihi keperluan mereka yang sebenarnya, agar mereka tidak menyelewengkan harta mereka dan terjerumus ke dalam kebiasaan-kebiasaan yang buruk. Mereka hendaklah diberi sesuai dengan kedudukan mereka. Allah menghendaki agar makanan dan pakaian diterima walaupun daripada orang-orang yang paling jahat sekalipun, Tetapi tidak satu sen pun wang yang boleh diberikan untuk minum-minuman keras dan berjudi.

"Dan janganlah kamu serahkan kepada, orang-orang yang belum sempuma akalnya (dungu), harta (mereka yang ada dalam kekuasaanmu) yang dijadikan Allah sebagai pokok kehidupan. Berilah mereka belanja dan pakaian (dari hasil harta itu) dan ucapkanlah kepada mereka kata-kata yang baik".
(Al-Qur'an, an-Nisa', 4:5)

6. Peminjam yang mengalami kesulitan tidak boleh didesak

Peraturan keenam adalah bahawa apabila suatu pinjaman diberikan kepada seorang miskin untuk memenuhi keperluannya, maka ia tidak boleh didesak supaya mengembalikan pinjaman tersebut. Ia harus diberi waktu secukupnya untuk mengembalikan pinjamannya. Dan apabila ternyata bahawa memang dia tidak mampu mengembalikan pinjamannya dan yang pemiutang cukup kaya untuk merelakan wangnya, maka akan lebih baik hutang itu dibebaskan sahaja.

"Dan jika (orang yang berhutang itu) dalam kesukaran, maka berilah tangguh sampai dia berkelapangan. Dan menyedekah kan (sebahagian atau semua hutang) itu, lebih baik bagimu, jika kamu mengetahui"(Al-Qur'an, al-Baqarah, 2:280)

7. Sederhana dalam bersedekah

Peraturan ketujuh ialah bahawa sedekah tidak boleh melampaui batas. Allah tidak menghendaki agar anda mengurangi makanan anak isteri anda dan menyedekahkan seluruh penghasilan anda. Justeru Dia menghendaki agar anda bernafkah kepada diri dan keluarga anda sendiri sebanyak yang diperlukan untuk hidup sederhana, dan memberikan sisanya ke jalan Allah.

"...Dan mereka bertanya kepadamu apa yang mereka nafkahkan. Katakanlah: Yang lebih dari keperluan..." (Al-Qur'an, al-Baqarah, 2:219)

"Dan orang-orang yang apabila membelanjakan (harta), mereka tidak berlebih-lebihan, dan tidak pula kikir, dan adalah (pembelanjaan) itu di tengah-tengah antara yang demikian. (Al-Qur'an, al-Furqan, 25:67)

"Dan janganlah kamu jadikan tanganmu terbelenggu pada lehermu dan janganlah kamu terlalu mengulurkannya kerana itu kamu menjadi tercela dan menyesal".
(Al-Qur'an, al-Isra',17:29)

ORANG YANG BERHAK MEMPEROLEHI BANTUAN

Akhirnya, anda mesti tahu bahawa Allah telah memberikan senarai yang lengkap dari orang-orang yang berhak memperolehi pertolongan. Dari senarai ini anda boleh menemukan orang-orang mana yang berhak memperolehi pertolongan anda dan kepada siapa Allah telah memberikan bahagian dari penghasilan anda:

"Dan berikanlah kepada keluarga-keluarga yang dekat akan haknya, kepada orang-orang miskin dan orang-orang yang dalam perjalanan...." (Al-Qur'an, al-Isra', 17 -.26)

".... Sesungguhnya kebaktian itu ialah kebaktian orang yang beriman kepada Allah, hari kemudian, malaikat-malaikat, nabi-nabi dan memberikan harta yang dicintainya kepada kerabatnya, anak-anak yatim, orang-orang miskin, musafir (yang memerlukan pertolongan) dan orang-orang yang meminta-minta, dan (memerdekakan) hamba

sahaya...," (Al-Qur'an, al-Baqarah, 2:177)

"...Dan berbuat baiklah kepada dua orang ibu bapa, karib kerabat, anak-anak yatim, orang-orang miskin, tetangga dekat dan tetangga yang jauh, teman sejawat, ibnu sabil dan hamba sahayamu..."
(Al-Qur'an, an-Nisa', 4:36)

"Dan mereka memberikan makanan yang disukainya kepada orang miskin, anak yatim dan orang yang ditawan. Sesungguhnya kami memberikan makanan kepadamu hanyalah untuk mengharapkan keredhaan Allah, kami tidak menghendaki balasan dari kamu dan tidak pula (ucapan) terimakasih. Sesungguhnya kami takut akan azab suatu hari yang (di hari itu orang-orang bermuka) masam, penuh kesulitan (yang datang) dari Tuhan kami". (Al-Qur'an, al-Insan, 76:8-10)

"Dan pada harta benda mereka ada hak untuk orang miskin yang meminta dan orang miskin yang tidak mendapat bahagian (orang miskin yang tidak meminta)." (Al-Qur'an, adz-Dzariyat,51:19)

"(Berinfaqlah) kepada orang-orang fakir yang terikat (oleh jihad) di jalan Allah; mereka tidak (berusaha) di bumi; orang yang tidak tahu menyangka mereka orang kaya kerana memelihara diri meminta-minta. Kamu kenal mereka dengan melihat sifat-sifatnya, mereka tidak meminta kepada orang secara mendesak. Dan apa sahaja harta yang baik yang kamu nafkahkan (di jalan Allah), maka sesungguhnya Allah Maha Mengetahui". (Al-Qur'an, al-Baqarah, 2:273)

5. PERINTAH KHUSUS UNTUK ZAKAT

Saudara-saudara sesama Muslim,

Dalam khutbah saya yang lalu saya telah menyampaikan kepada anda perintah umum mengenai *infaq fi sabilillah* (membelanjakan harta ke jalan Allah). Sekarang saya akan menghuraikan dengan terperinci tentang bahagian kedua dari perintah ini yang berhubungan denngan zakat, suatu ibadat wajib bagi kaum Muslimin.

TIGA PERINTAH MENGENAI ZAKAT

Dalam Al-Quran, Allah telah mencantumkan tiga perintah mengenai zakat secara terpisah dalam tiga tempat:

1. Dalam Surah Al-Baqarah

"… Nafkahkanlah (di jalan Allah) sebahagian dari hasil usahamu yang baik-baik. Dan sebahagian dari apa yang kami keluarkan dari bumi untuk kamu…" (Al-Quran, al-Baqarah, 2:267)

2. Dalam Surah Al-An'am dikatakan

" Dan Dialah yang menjadikan kebun-kebun yang berjunjung dan yang tidak berjunjung, pohon kurma, tanam-tanaman yang bermacam-macam buahnya, zaitun dan delima yang serupa (bentuk dan warnanya) dan tidak sama (rasanya). Makanlah dari buahnya (yang bermacam itu) apabila dia berbuah, dan tunaikanlah haknya dihari memetik hasilnya (dengan disedekahkan kepada fakir miskin) dan janganlah kamu berlebihan…" (Al-Quran, al-An'am, 6:141)

Kedua-dua ayat di atas berhubungan dengan hasil-hasil bumi dan ulama fiqah, Hanafi, mengatakan bahwa kecuali tanam-tanaman yang tumbuh sendiri seperti kayu-kayuan, rumput dan bambu, maka jenis-jenis tanaman lainnya seperti hasil bumi, sayur-sayuran dan buah-buahan haruslah dibayar zakatnya. Dalam hadis dikatakan bahawa zakat hasil tanaman yang diusahakan dengan kerja manusia, yakni yang menggunakan pengairan, adalah seperduapuluhnya, dan zakat ini wajib dikeluarkan pada saat pemetikan.

3. Selanjutnya, dalam surah at-Taubah dikatakan

"....Dan orang-orang yang menyimpan emas dan perak dan tidak menafkahkannya pada jalan Allah, maka beritahukanlah kepada mereka, (bahawa mereka akan mendapat) siksa yang pedih, pada hari dipanaskan emas perak itu dalam neraka jahanam, lalu dibakar dengannya dahi mereka, lambung dan punggung mereka, (lalu dikatakan) kepada mereka: 'Inilah harta bendamu yang kamu simpan untuk dirimu sendiri maka rasakanlah sekarang (akibat dari) apa yang kamu simpan itu". (Al-Qur'an, at-Taubah, 9:34-3 5)

Selanjutnya dikatakan,

"Sesungguhnya zakat-zakat itu, hanyalah untuk orang-orang fakir, orang-orang miskin, pengurus-pengurus zakat, para mu'allaf yang dibujuk hatinya, untuk (memerdekakan) budak, orang-orang yang berhutang, untuk jalan Allah dan orang-orang yang sedang dalam perjalanan, sebagai sesuatu ketetapan yang diwajibkan Allah, dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana, (Al-Qur'an, at-Taubah, 9:60)

Setelah itu dikatakan,

"Ambillah zakat dari sebahagian harta mereka, dengan zakat itu kamu membersihkan dan mensucikan mereka..." (Al-Qur'an, at-Taubah, 9:103)

Dari ketiga ayat ini kita tahu bahawa apabila sebahagian dari harta benda yang dikumpul dan dikembangkan itu tidak dibelanjakan pada jalan Allah, maka seluruh harta benda itu menjadi tidak suci. Satu-satunya cara untuk mensucikannya adalah dengan mengambil hak Allah daripadanya, dan memberikannya kepada hamba-hambaNya yang berhak menerimanya.

Dalam sebuah hadis dinyatakan bahawa ketika ancaman siksa bagi orang-orang yang mengumpul dan menyimpan emas dan perak diwahyukan, kaum Muslimin merasa terkejut dan bingung kerana mereka mengira bahawa hal itu bererti tidak satu dirham pun yang boleh disimpan, dan semuanya harus dibelanjakan di jalan Allah. Akhimya sahabat 'Umar r.a. pergi menemui Nabi saw dan melaporkan kecemasan orang banyak. Rasulullah .saw lalu mengatakan:

"Allah telah mewajibkan zakat kepadamu agar harta bendamu yang selebihnya (yakni yang telah diambil zakatnya) menjadi suci bagimu".

Sebuah hadis yang sama diriwayatkan oleh sahabat Abu Sa'id al-Khudri r.a. yang menyatakan bah,wa Rasulullah saw mengatakan kepadanya:

"Apabila kamu telah mengambil zakat dari harta bendamu, maka hutang yang menjadi tanggungamu telah terbayar".

Dalam ayat-ayat tersebut di atas, terkandung perintah-perintah tentang zakat hasil bumi, emas dan perak. Tetapi dari hadis-hadis kita tahu bahawa zakat juga diwajibkah atas barang dagangan, unta, domba dan kambing.

NISAB (UKURAN MINIMAL) BEBERAPA HARTA YANG WAJIB DIZAKATI

Perak : 200 dirham atau 52 ½ tola.
Emas : 7 ½ tola (3 ozs).
Unta : 5 ekor

Kambing : 40 ekor
Lembu : 30 ekor
Barang dagangan : Sama nilai dengan 52 ½ tola perak (21 ozs)

Barangsiapa yang memiliki harta benda tersebut di atas dalam waktu satu tahun, maka wajib atasnya untuk mengambil seperempatpuluh untuk zakat. Tentang emas dan perak, ulama-ulama Hanafi mengatakan bahawa bila keduanya secara terpisah tidak mencapai nisab, Tetapi apabila digabungkan boleh mencapai nisab salah satu daripadanya, maka harta gabungan itu wajib dizakati.

ZAKAT PERMATA

Apabila harta itu berbentuk permata, maka menurut sahabat 'Umar dan sahabat Ibn Mas'ud, harta itu wajib dizakati, dan Imam Abu Hanifah sependapat dengan mereka. Dalam sebuah hadis dikatakan bahawa pada suatu ketika Rasulullah saw melihat gelang emas di tangan dua orang wanita. Beliau bertanya kepada mereka:

"Apakah sudah kamu zakati?" salah seorang di antara mereka menjawab: *"Belum*". Maka Rasulullah berkata: *"Mahukah kamu memakai gelang api pada hari kiamat sebagai ganti gelangmu itu?"*

Demikian juga diriwayatkari oleh Ummu Salamah, bahawa ia mempunyai gelang kaki dari emas, dan ia bertanya kepada Nabi kalau-kalau barang itu termasuk kategori *kanz* (kekayaan yang dihimpun yang dikutuk Allah dan RasulNya). Rasulullah saw menjawab: *"Kalau banyaknya emas di dalamnya sampai nisab dan telah dikeluarkan zakatnya, maka barang itu bukan kanz. "*

Dari dua hadis di atas kita ketahui bahawa apabila emas dan perak berbentuk perhiasan, maka tetap sahaja wajib dizakati seperti halnya kalau berupa wang tunai. Tetapi terhadap permata-permata dan batu-batu berharga, zakat tidaklah wajib diberikan.

MEREKA YANG BERHAK MENERIMA ZAKAT

Ada lapan golongan yang telah dinyatakan oleh al-Qur'an sebagai orang-orang yang berhak menerima zakat. Mereka itu ialah:

1. Fuqara (orang-orang melarat)

Mereka adalah orang-orang yang memang mempunyai sedikit wang, tetapi tidak cukup untuk memenuhi keperluan mereka. Hidup mereka sulit, Tetapi mereka tidak meminta-minta kepada siapa pun. Definisi ini diberikan oleh Imam Zuhri, Imam Abu Hanifah, Ibnu Abbas, Hasan Basri, dan ulama-ulama salaf terkemuka yang lain.

2. Masakin (Orang-orang miskin)

Mereka ini adalah orang-orang sengsara yang tidak mempunyai apa-apa untuk memenuhi

keperluan mereka. Sahabat 'Umar juga memasukkan ke dalam golongan ini orang-orang yang sebenarnya mampu mencari nafkah tetapi tidak mempunyai pekerjaan.

3. 'Amilin alaiha (orang-orang yang mengumpulkan dan membagi zakat)

Mereka ini adalah orang-orang yang ditunjuk pemerintah Islam untuk mengumpulkan dan membagi-bagikan zakat. Mereka dibayar dari dana zakat.

4. Muallafatulqulub (orang-orang yang hatinya perlu didekatkan kepada Allah)

Yang dimaksudkan di sini adalah mereka yang mungkin sekali perlu diberi wang untuk memperolehi dokongan dari mereka terhadap Islam atau untuk mencegah mereka agar tidak memusuhi Islam. Termasuk juga dalam hal ini adalah orang-orang yang baru masuk Islam yang perlu digembirakan hatinya. Apabila seseorang kehilangan pekerjaan dan jatuh melarat, kerana meninggalkan masyarakatnya yang tidak beriman dan bergabung dengan kaum Muslimin, maka tentu sahaja mereka wajib mendapat pertolongan. Bahkan seandainya ia kaya, zakat juga boleh diberikan kepadanya agar supaya hatinya bertambah teguh dalam Islam. Pada peristiwa perang Hunain, Rasulullah saw memberikan banyak sekali harta rampasan perang kepada orang-orang yang baru masuk Islam, begitu banyak sehingga setiap orang mendapat bahagian seratus ekor unta. Sahabat-sahabat Nabi dari kaum Anshar menyatakan ketidakpuasannya atas tindakan Nabi, untuk itu Nabi berkata: *"Orang-orang ini baru sahaja memeluk Islam setelah meninggalkan kekafiran. Aku ingin menyenangkan hati mereka"*. Atas dasar ini Imam Zuhri mendefinisikan Muallafatulqulub sebagai; "Setiap orang Kristian, Yahudi, atau lain-lain yang baru masuk Islam, walaupun ia seorang yang kaya".

5. Fir riqob (untuk membebaskan budak)

Yang dimaksud di sini adalah apabila ada seseorang yang ingin membebaskan diri dari perbudakan, maka ia harus diberi zakat agar ia dapat menebus dirinya kepada tuannya. Di masa sekarang ini, sistem perbudakan tidak ada. Kerana itu, saya kira orang-orang yang menjalani hukuman penjara, kerana tidak mampu membayar hutang atau denda yang dikenakan oleh pengadilan, dapat ditolong untuk membebaskan dirinya dengan wang zakat. Ini juga termasuk dalam definisi fir riqob.

6. Al ghorimin (untuk membebaskan seseorang dari belenggu hutang)

Termasuk dalam kategori ini adalah orang-orang yang terbelenggu oleh hutang. Ini tidak bererti bahawa zakat dapat diberikan kepada orang yang mempunyai hutang seratus rupiah sedang ia memiliki wang seribu rupiah. Ertinya ialah bahawa zakat dapat diberikan kepada seseorang yang mempunyai hutang yang banyak sehingga setelah membayar hutangnya, hartanya yang tinggal tidak mencapai nisab zakat. Sebaliknya, ulama-ulama fiqh yang termasyhur mengatakan bahawa tidak layak memberikan zakat kepada orang yang terbelenggu hutang kerana boros dan kebiasaan-kebiasaan yang buruk, kerana apabila ia diberi zakat, maka ia akan semakin boros dan menuruti kebiasaan buruknya dengan keyakinan, namun ia akan mendapat zakat untuk

membebaskan hutangnya.

7. Fi sabilillah (dijalan Allah)

Ini adalah suatu istilah umum yang berhubungan dengan semua pekerjaan dan usaha yang baik. Tetapi secara khusus, bererti menolong suatu usaha untuk meninggikan kalimah Allah. Rasulullah saw menyatakan bahawa tidak diperbolehkan bagi seorang yang kaya untuk mengambil zakat; tetapi apabila ia memerlukan bantuan untuk usaha jihad, maka ia harus diberi zakat, kerana mungkin ia cukup kaya untuk memenuhi keperluannya sendiri, tetapi tidak mampu untuk membiayai sendiri keperluan-keperluan usaha jihadnya. Kerana itu, ia perlu dibantu dengan zakat.

8. Ibnus sabil (orang yang melakukan perjalanan)

Seseorang yang sedang melakukan perjalanan mungkin mempunyai banyak wang di rumahnya; tetapi apabila ia memerlukan wang dalam perjalanannya, maka ia harus diberi zakat.

KEPADA SIAPA ZAKAT BOLEH DIBERIKAN DAN KEPADA SIAPA TIDAK BOLEH

Sekarang tinggal masalah, di antara lapan kelompok orang-orang yang berhak menerima zakat tersebut di atas, siapa yang harus diberi zakat dan dalam keadaan yang bagaimana, serta siapa yang tidak boleh diberi zakat dalam sesuatu keadaan. Di sini saya jelaskan perincian tentang masalah ini.

1. Tidak seorang pun boleh memberikan zakat kepada ayah atau anaknya sendiri. Juga suami tidak boleh memberikan zakat kepada isterinya, tidak pula isteri kepada suaminya. Semua ulama fiqh sependapat dalam hal ini. Sebahagian ulama mengatakan bahawa sanak keluarga dekat yang nafkahnya menjadi tanggungan si pemberi zakat, atau yang termasuk ahli waris menurut syari'at, tidak boleh diberi zakat olehnya. Tetapi sanak-keluarga yang jauh boleh diberi, bahkan lebih berhak daripada yang lain. Tetapi Imam Auza'i mengatakan: Janganlah kamu mencari sanak keluargamu sendiri untuk menerima zakat!

2. Hanya orang Islam yang berhak menerima zakat. Orang-orang yang bukan Islam tidak berhak menerimanya. Definisi zakat sebagaimana tersebut dalam sebuah hadis adalah:

"Diambil dari orang-orang yang kaya di antaramu, dan dibagikan di antara orang-orang yang miskin di antaramu".

Akan tetapi, seorang yang bukan Muslim dapat diberi sedekah dari sedekah umum. Justeru tidaklah baik membeza-bezakan antara seorang Muslim dengan bukan Muslim dalam memberikan sedekah umum. Seseorang, tidak boleh tidak, ditolong hanya kerana dia bukan seorang Muslim.

3. Imam Abu Hanifah, Imam Abu Yusuf dan Imam Muhammad mengatakan bahawa zakat dari suatu daerah haruslah dibagikan kepada orang-orang miskin di daerah itu sendiri. Tidaklah baik untuk mengirimkan zakat dari suatu daerah ke daerah lain, kecuali apabila di daerah yang disebut pertama tidak terdapat orang-orang miskin, atau apabila di daerah lain itu terjadi bencana alam yang perlu segera mendapatkan pertolongan, seperti banjir, bahaya kelaparan dan sebagainya. Pendapat yang hampir sama dengan ini dikatakan oleh Imam Malik dan Imam Tsauri. Tetapi ini tidaklah bererti dilarang mengirimkan zakat dari satu tempat ke tempat lain.

4. Beberapa ulama yang lebih awal berpendapat bahawa zakat tidak boleh diterima oleh seseorang yang mempunyai persediaan untuk dua kali makan. Sebahagian ulama yang lain berpendapat bahawa seseorang yang mepunyai sepuluh rupee, dan menurut ulama yang lain dua belas setengah rupee, tidak boleh menerima zakat. Tetapi Imam Abu Hanifah dan pengikut-pengikutnya berpendapat bahawa barangsiapa yang memiliki kurang dari lima puluh rupee dapat menerima zakat. Ini tidak termasuk harta seperti rumah, perabot rumah tangga, kenderaan dan pelayan. Ertinya, sementara memiliki harta benda tersebut, ia hanya memiliki wang kurang dari lima puluh rupee, maka ia berhak menerima zakat. Dalam hal ini, hukum dan pilihan prinsip adalah masalah yang berbeza. Ada perbezaan antara keduanya. Pilihan prinsip maksudnya adalah bahawa Rasulullah mengatakan bahawa apabila seseorang yang mempunyai persediaan cukup untuk makan pagi dan petang masih juga meminta-minta sedekah, bererti dia mengumpulkan api untuk dirinya sendiri. Dalam hadis yang kedua, Rasulullah telah mengatakan: *"Adalah lebih baik bila seseorang mencari kayu dan memakan hasil jualannya daripada mengemis ke sana ke mari"*. Dalam hadis yang ketiga dikatakan bahawa seseorang yang masih mempunyai sesuatu untuk dimakan atau cukup sebagai bekal untuk mencari rezeki tidak boleh menerima zakat. Tetapi ini adalah ajaran untuk menjaga harga diri. Mengenai hukum, perlu diterangkan di sini sampai di mana batas seseorang boleh menerima zakat. Keterangan ini terdapat dalam hadis-hadis lain, seperti, Rasulullah saw mengatakan:

"Seorang pengemis tetap mempunyai hak, walaupun ia datang kepadamu dengan mengendarai kuda".

Seseorang bertanya kepada Rasulullah: "Saya mempunyai sepuluh ringgit (coin); apakah saya miskin?" Nabi menjawab:

"Ya".

Suatu ketika dua orang datang kepada Nabi dan meminta zakat. Nabi mengangkat alisnya dan mengamati mereka dengan cermat, lalu berkata:
"Kalau kamu mahu mengambilnya, aku akan memberikannya kepadamu. Tetapi dalam zakat ini tidak ada bahagian untuk orang yang masih kuat badannya dan masih boleh mencari penghasilan".

Dari hadis-hadis ini jelas barangsiapa memiliki wang di bawah standard nisab zakat, maka ia termasuk kategori pengemis dan dapat diberi zakat. Adalah masalah lain bahawa yang paling berhak menerima zakat adalah orang-orang yang betul-betul memerlukan.

PERLUNYA SISTEM KOLEKTIF DALAM ZAKAT

Saya telah menjelaskan perintah-perintah yang pokok tentang zakat. Tetapi di samping itu semua, ada satu hal penting yang ingin saya bawa ke dalam perhatian anda, dan yang telah dilupakan oleh kaum Muslimin sekarang irii. Hal tersebut adalah bahawa dalam Islam segala sesuatu dilakukan dengan organisasi. Islam tidak menyukai individualisme. Apabila anda menjauhkan diri dari masjid dan mengerjakan solat sendirian, maka secara formal solat anda adalah benar, tetapi syari'at menuntut bahawa solat harus dikerjakan dengan berjema'ah. Sama halnya, memang tidak salah apabila anda memberikan zakat secara sendiri-sendiri. Tetapi bagaimana pun juga harus dilakukan usaha-usaha untuk memusatkan pengumpulan zakat agar supaya pembahagiannya dapat dilakukan dengan cara yang sistematik. Al-Qur'an menyebutkan tentang hal ini. Sebagai contoh:

"Ambillah zakat dari sebahagian harta mereka, dengan zakat itu kamu membersihkan dan mensucikan mereka..." (Al-Qur'an,at-Taubah, 9:103)

Yakni, Allah memerintahkan kepada Nabi untuk mengumpulkan zakat dari kaum Muslimin. Perintahnya bukanlah agar kaum Muslimin mengambil zakat dari kekayaan mereka dan memberikannya kepada orang-orang miskin secara sendiri-sendiri. Demikian juga, dengan ditetapkannya satu bahagian tertentu dalam zakat untuk orang-orang yang mengumpulkannya, dengan jelas menunjukkan cara pengelolaan zakat yang benar, hal ini adalah supaya Imam dari kaum Muslimin dapat menerima simpanan zakat itu secara teratur dan membagi-bagikannya dengan cara sistematik.

Juga, Rasulullah saw mengatakan:

"Aku telah diperintahkan untuk mengumpulkan zakat dari orang-orang kaya di antaramu dan membagi-bagikannya di antara orang-orang miskin di antaramu".

Rasulullah saw dan para khalifah penggantinya mengelola zakat menurut sistem ini. Zakat dikumpulkan oleh pegawai pemerintah Islam dan dibagi-bagikan dari pusat. Kerana pada saat ini tidak ada pengaturan untuk mengumpulkan zakat dan membagi-bagikannya dengan cara sistematik, maka anda dapat melaksanakannya sendiri-sendiri sesuai dengan syari'at. Tetapi ummat Islam wajib memikirkannya secara kolektif untuk menerima dan membagi-bagikan zakat, kerana tanpa sistem kolektif yang sistematik maka manfaat-manfaat diwajibkannya zakat akan tinggal tidak lengkap.

HAJI

1. H A J I

Saudara-saudara sesama Muslim.

Dalam khutbah-khutbah yang telah lalu, saya telah menjelaskan kepada anda bagaimana solat, puasa dan zakat membentuk hidup seseorang secara Islam dan mempersiapkan untuk melaksanakan pengabdian kepada Allah. Nah, perkara terakhir dalam senarai kewajipan-kewajipan yang dikenakan oleh Islam adalah haji, yang manfaat-manfaatnya akan segera saya terangkan kepada anda.

ERTI HAJI

Dalam bahasa Arab, haji (hajj) bererti membuat keputusan untuk mengunjungi tempat suci. Ini adalah kerana orang dari segala penjuru membuat keputusan untuk mengunjungi Ka'bah, maka pekerjaan itu dinamakan haji.

ASAL MULA HAJI

Cerita tentang asal mula haji mengandungi pelajaran yang berguna. Dengarkanlah baik-baik agar anda boleh menghayati pentingnya haji. Setelah itu akan mudahlah bagi anda untuk memahami manfaat-manfaatnya.

KEADAAN PADA MASA IBRAHIM

Orang Islam manakah — atau Kristian, atau Yahudi — yang tidak mengenal nama Ibrahim a.s. Dua pertiga penduduk dunia mengakuinya sebagai pemimpin besar. Tiga orang Nabi — Musa, Isa dan Muhammad saallallahu 'alaihi wa sallam — adalah anak-

anak keturunan Ibrahim a.s. Lampu yang dinyalakan Ibrahim telah menerangi seluruh dunia dengan cahaya petunjuk.

Ibrahim a.s. lahir di Iraq lebih dari empat ribu tahun yang lalu. Pada waktu itu seluruh dunia sudah melupakan Tuhan. Tidak satu jiwa pun di atas dunia ini yang tahu siapa Tuhannya yang sebenarnya. Tidak seorang pun yang menundukkan kepala dengan patuh dan secara eksklusif menghamba kepadaNya. Bangsa di tengah-tengah kawasan di mana Ibrahim dilahirkan adalah bangsa yang paling maju di dunia pada waktu itu, tetapi juga paling besar tahyul dan kesesatannya. Walaupun maju dalam bidang seni dan sains, industri dan pertanian, namun rakyatnya tidak mengerti kebenaran yang paling sederhana: bahawa sesuatu yang diciptakan tidaklah layak untuk disembah. Mereka menyembah bintang-bintang dan berhala-berhala. Astrologi, penyembahan patung, ramalan, sihir, pemakaian jampi-jampi dan sebagainya, sangat popular di antara mereka. Sebagaimana kaum Hindu mempunyai kaum Brahmana, maka demikian pula pada masa itu ada suatu kelas pendeta yang menjaga kuil-kuil, mengawasi upacara-upacara penyembahan dan ritus-ritus yang dilakukan oleh orang ramai, menyelenggarakan upacara-upacara perkawinan dan pemakaman dan sebagainya, dan memainkan penipuan penyampaian berita-berita ghaib kepada orang ramai. Masyarakat pada umumnya berada dalam kekuasaan para pendeta, dan mereka menganggap para pendeta itu sebagai pengawal nasib baik dan buruk mereka. Kerana itu mereka mematuhi perintah-perintah para pendeta itu dan memenuhi keinginannya dengan patuh. Mereka menganggap para pendeta itu boleh berhubung dengan dewa-dewa mereka, yang kebaikan dan kemurahan dewa-dewa tersebut dapat dimohonkan oleh para pendeta itu buat mereka. Raja dan pegawai pemerintahan bersekongkol dengan komplotan pendeta tersebut. Dengan tujuan menguasai masyarakat, raja membantu kaum pendeta dan sebaliknya kaum pendeta membantu raja. Di satu pihak, pemerintah memberikan dokongan sepenuhnya kepada pendeta, dan di lain pihak, para pendeta menanamkan dalam fikiran rakyat banyak bahawa raja adalah pemilik negeri dan rakyatnya, bahkan juga seorang dewa dan kata-katanya adalah hukum, dan raja berkuasa sepenuhnya atas hidup dan harta benda rakyatnya. Tidak hanya itu sahaja. Upacara-upacara penyembahan juga dilakukan terhadap raja, agar idea tentang ketuhanannya tertanam dalam fikiran rakyatnya.

KELUARGA IBRAHIM

Rasulullah, Ibrahim, dilahirkan pada masa seperti ini, dalam masyarakat dengan keadaan-keadaan seperti tersebut di atas. Dan lebih dari itu, keluarganya sendiri adalah keluarga-pendeta. Nenek moyangnya adalah juga pendeta-pendeta masyarakatnya. Di rumahnya, ia mendapat didikan dan latihan-latihan sebagaimana layaknya anak seorang pendeta, dan mendapat pemahaman tentang kedudukan keluarganya sebagai keluarga pendeta. Disaksikannya gaya hidup dan tingkah-laku pejabat-pejabat, kuil di antara sanak keluarga dan kerabatnya. Kekuasaan penguasa kuil telah siap menunggu, yang akan membuatnya menjadi pemimpin masyarakat. Hadiah-hadiah dan persembahan-persembahan yang telah menjadikan keluarganya kaya raya, telah menantinya. Pemuja-pemuja dewa yang taat telah menunggu untuk membongkok di hadapannya dengan tangan terlipat di dada. Selanjutnya, ia akan boleh mengikat manusia mulai dari petani-petani miskin hingga raja yang kaya raya ke dalam pengaruhnya, dengan jalan mendakwakan diri mempunyai

hubungan dengan dewa-dewa dan memainkan tipu muslihat ramalan. Dalam zaman kegelapan seperti itu, tidak satu jiwa pun yang tahu akan beriman kepada kebenaran dan memperolehi cahayanya. Tidak pula mungkin dan masuk akal pada umumnya bagi seseorang untuk berfikiran akan menolak keuntungan besar bagi peribadi dan keluarganya, dan mengundang segunung kesulitan-kesulitan semata-mata hanya kerana mencari kebenaran.

IBRAHIM MELEPASKAN DIRI DARI KEPERCAYAAN KAUMNYA

Tetapi Rasulullah, Ibrahim, rupanya bukanlah manusia kebanyakan. Ia memiliki keperibadian yang berbeza dengan orang lain. Ketika ia mencapai usia akil baligh, ia mulai berfikir:

"Bagaimana matahari, bulan dan bintang-bintang yang beredar sendiri seperti budak-budak yang patuh kepada tuannya itu, dan juga patung-patung batu yang dibuat oleh manusia sendiri, dan raja yang juga manusia biasa seperti kita, dapat dianggap Tuhan? Kekuasaan apa yang ada pada benda-benda mati ini, yang tidak boleh bergerak dengan kemahuannya sendiri itu, yang tidak mempunyai kemampuan untuk menolong diri mereka sendiri, apalagi menguasai hidup dan kematian mereka sendiri. Kekuasaan apa yang mereka miliki sehingga manusia harus bersujud kepada mereka dengan penuh 'ibadat', meminta keperluan diri mereka, takut akan kekuatan mereka dan menghamba serta menghinakan diri terhadap mereka? Di antara semua benda yang tampak oleh kita di langit dan di bumi, atau di antara benda-benda yang sedikit kita ketahui, tidak ada satu pun yang tidak bergantung kepada sesuatu, yang tidak dikuasai oleh suatu kekuatan, dan tidak hilang lenyap pada suatu waktu. Kalau begini keadaan semua benda-benda ini, bagaimana mereka boleh disebut Tuhan? Kalau tidak satu pun dari mereka sebagai pencipta saya, tidak pula hidup dan mati saya, bahagia dan celaka saya, tidak pula ia memegang kunci sarana rezeki dan keperluan-keperluan hidup saya, maka mengapa saya harus menerimanya sebagai Tuhan dan membongkok di hadapannya dengan kepatuhan dan menghamba? Hanya wujud yang menciptakan segala sesuatulah, yang padaNya bergantung segala sesuatu, dan di tanganNya hidup dan mati, celaka dan bahaya segala sesuatu. Hanya Dialah yang dapat menjadi junjungan saya".

Dengan berfikiran seperti ini Nabiyullah, Ibrahim, sampai pada suatu keputusan yang pasti bahawa ia tidak akan menyembah sembahan-sembahan yang disembah kaumnya, dan dengan terang-terangan mengatakan kepada mereka:

"...Hai kaumku, sesungguhnya aku berlepas diri dari apa yang kamu persekutukan (denganNya). Sesungguhnya aku menghadapkan diriku kepada Tuhan yang menciptakan langit dan bumi dengan cenderung kepada agama yang benar, dan aku bukanlah termasuk orang-orang yang mempersekutukan Tuhan". (Al-Qur'an, al-An'am, 6:78-79)

SEGUNUNG CUBAAN

Setelah mengeluarkan pernyataannya itu, datanglah segunung cubaan kepada Nabiyullah, Ibrahim. Ayahnya mengancam akan mengusir dia dari keluarga dan rumahnya.

Masyarakatnya memperingatkan dia bahawa tidak seorang pun dari mereka yang akan memberikan perlindungan kepadanya. Pemerintah memusuhinya dan ia dibawa ke hadapan sang raja. Tetapi pejuang tunggal yang tidak berkawan itu menghadapi semua tentangan itu dengan keteguhan hati laksana batu karang, demi untuk membela kebenaran. Dengan penuh hormat ia berkata kepada ayahnya:

"Ayahanda yang tercinta, anakanda telah diberi pengetahuan yang tidak diberikan kepada ayahanda. Kerana itu, daripada anakanda yang mengikuti perkataan ayahanda, sepatutnya ayahandalah yang harus mengikuti ananda".

Sebagai jawapan terhadap ancaman masyarakatnya, dihancurkannya patung-patung berhala mereka untuk membuktikan ketidakmampuan sembahan-sembahan mereka itu. Dengan berani dikatakannya kepada raja itu, di hadapan seluruh sidang:

"Engkau bukanlah junjungan saya. Junjungan saya adalah Dia yang menguasai hidup matiku dan hidup matimu, dan yang menguasai pergerakan matahari dengan hukumNya".

Akhirnya, sidang memutuskan bahawa orang ini harus dibakar hidup-hidup. Tetapi orang yang berhati seteguh batu karang dan beriman hanya kepada satu Tuhan itu, menghadapi hukuman yang mengerikan itu dengan hati tabah. Dan setelah itu, ketika Allah dengan kekuasaanNya yang tidak terlawan menyelamatkannya dari bakaran api, ia lalu meninggalkan rumahnya, sanak keluarganya, masyarakat dan tanah aimya. Dengan isteri dan seorang anak saudaranya, ia berangkat untuk mengembara dari daerah yang satu ke daerah yang lain. Ibrahim — yang baginya telah dipersiapkan kekuasaan kependetaan yang agung yang boleh memberikan kedudukan yang tinggi dan kekayaan yang melimpah yang boleh diwariskan kepada anak cucunya itu — lebih suka memilih hidup tanpa rumah dan kemelaratan, kerana ia tidak mahu hidup mewah dengan jalan menjaring masyarakat dalam perangkap Tuhan palsu. Sebaliknya, ia mengajak mereka menyembah Tuhan yang sebenarnya, dan sebagai imbalan atas ajarannya itu, ia harus menjalani hidup yang tidak tetap dengan penuh kesengsaraan.

MIGRASI

Setelah meninggalkan rumahnya, Nabiyullah, Ibrahim, mengembara ke Syria, Palestin, Mesir, dan negeri-negeri Arab lainnya. Penderitaan-penderitaan apa yang dialaminya dalam hidup sebagai pengembara itu, hanya Tuhanlah yang tahu. Beliau tidak membawa bekal wang atau barang-barang dari rumahnya, tidak pula perjalanan beliau itu untuk mencari penghidupan. Yang difikirnya siang dan malam hanyalah, bagaimana beliau boleh membawa kaumnya ke luar dari penghambaan kepada sesama manusia dan menjadikan mereka pengabdi-pengabdi Tuhan semata. Kalau orang seperti beliau ini tidak boleh ditoleransi oleh keluarga dan masyarakatnya sendiri, bagaimana orang lain akan boleh berbaik dengannya? Di mana ia akan mendapat sambutan yang menggembirakan hati? Di mana-mana sahaja, yang ada hanyalah pengaruh dan kekuasaan pendeta-pendeta dan raja-raja yang mendakwa diri sendiri sebagai Tuhan, dan di mana-mana hanya ada masyarakat-masyarakat bodoh yang terperangkap dalam jaring Tuhan palsu. Tentu sahaja, di tengah-tengah masyarakat seperti itu, insan semacam Ibrahim tidak boleh hidup dengan tenteram? Dia, Ibrahim, tidak bersedia menerima siapa

pun sebagai Tuhan selain Allah, dan menyerukan kepada masyarakat bahawa tidak seorang pun selain Allah yang berhak diperlakukan sebagai Tuhan dan Junjungan, dan bahawa kerana itu mereka harus menggulingkan kekuasaan Tuan-tuan dan Tuhan-tuhan palsu tersebut, dan mengabdi hanya kepada Wujud yang Maha Esa sahaja. Itulah sebabnya mengapa Nabiyullah Ibrahim tidak dapat tinggal dengan tenteram di satu tempat. Selama bertahun-tahun beliau mengembara sebagai seorang Badwi, kadang-kadang di daerah Kana'an yang bcrpenduduk, kadang-kadang di Mesir, dan di waktu-waktu yang lain di padang pasir Arabia. Seluruh masa dewasanya dihabiskan dalam hidup secara demikian, dan rambutnya yang hitampun berubah menjadi putih.

ANAK-ANAK DAN LATIHAN MEREKA

Pada masa-masa terakhir dari hidupnya, ketika Nabiyullah Ibrahim hampir berusia sembilan puluh tahun dan telah berputus asa untuk memperolehi anak, maka Allah menganugerahi beliau anak-anak. Akan tetapi, setelah kehidupannya sendiri tertekan demikian rupa, hamba Allah ini tidaklah berfikir untuk mempersiapkan anak-anaknya dengan memberi bekal agar mereka mampu mencari penghidupan. Tetapi, satu-satunya yang menjadi fikiran manusia Muslim yang sudah tua ini hanyalah, tugas dakwah yang telah menghabiskan masa hidupnya itu, mesti diteruskan oleh seseorang sesudah ia sendiri meninggal. Untuk maksud inilah ia berdoa kepada Allah agar dikurniai anak. Dan ketika Allah mengabulkan pcrmohonannya, maka inginlah ia melatih anak-anaknya itu untuk meneruskan tugasnya. Kehidupan manusia sempurna ini adalah kehidupan seorang Muslim sejati. Pada awal kedewasaannya, setelah akal budinya matang, ketika ia menemukan dan mengenal Tuhan, maka Allah memerintahkan kepadanya: "Aslim" (pasrahkanlah dirimu kepadaKu, jadilah seorang Muslim, jadilah milikKu semata-mata), dan ia menjawab dengan pernyataan dan sumpahnya:

Aslamtu li Rabbil alamin.

"...Aku tunduk patuh kepada Tuhan semesta alam". (Al-Qur'an, al-Baqarah, 2:131)

Manusia yang berhati tulus ini menepati sumpahnya selama hidupnya. Demi Penguasa alam semesta, ia melepaskan warisan agama nenek-moyangnya, kepercayaan-kepercayaan dan ritus-ritusnya serta semua keuntungan yang dibawanya. Ditempuhnya nyala api yang berkobar, ditanggungnya kesukaran-kesukaran hidup mengembara dari satu negeri ke negeri yang lain, dihabiskannya setiap saat dalam hidupnya untuk mengabdi dan mematuhi perintah Penguasa alam semesta dan menyiarkan dinNya,dan ketika pada usia tuanya ia dianugerahi seorang putra, maka diinginkannya agar putranya itu mengikuti *din* yang dianutnya itu dan meneruskan pekerjaan yang dikerjakannya.

CUBAAN TERBESAR

Namun rupanya cubaan itu semua masih belum lengkap. Masih ada satu ujian lagi, yang tanpa ujian ini tidak akan dapat dipastikan bahawa cinta orang yang besar ini terhadap Penguasa alam semesta adalah melebihi cintanya kepada segala-galanya yang lain. Masih harus diuji apakah satu-satunya anak yang diperolehinya pada usianya yang telah lanjut

itu, setelah begitu berputus asa dalam pengharapannya, apakah ia mahu mengorbankan anak belahan jiwanya itu demi Tuhan semesta alam? Maka cubaan itu pun datanglah dan ia menempuhnya. Dan ketika terlihat tanda bahawa ia sudah sedia menyembelih anaknya dengan tangannya sendiri, maka turunlah titah Ilahi: "Baiklah, sekarang karnu sudah sepenuhnya membuktikan pernyataan dirimu sebagai seorang Muslim sejati. Sekarang kamu sudah layak untuk menjadi imam seluruh dunia. Peristiwa ini dilukiskan dalam al-Qur'an sebagai berikut:

"Dan (ingatlah), ketika Ibrahim diuji Tuhannya dengan beberapa kalimat (perintah dan larangan), lalu Ibrahim menunaikannya. Allah berfirman: 'Sesungguhnya Aku menjadikanmu imam bagi seluruh manusia". Ibrahim berkata: '(Dan saya mohon juga) dari keturunanku'. Allah berfirman: 'JanjiKu (ini) tidak mengenai orang yang zalim'. (Al-Qur'an ,al-Baqarah, 2:124).

Dengan cara beginilah kepemimpinan dipercayakan kepada Ibrahim, dan jadilah ia perintis gerakan Islam yang universal. Selanjutnya, untuk memberikan tenaga pendorong bagi gerakan ini, ia memerlukan orang-orang yang tinggal menetap di daerah yang berbeza-beza dan bertindak sebagai wakil-wakilnya. Dalam tugas ini tiga orang terbukti menjadi tiang kekuatan baginya: yang satu adalah anak saudaranya, Luth; yang kedua anaknya tertua, Isma'il (yang telah rela dikorbankan oleh ayahnya), dan yang ketiga adalah anaknya yang muda, Ishaq.

LUTH DIKIRIM KE TRANSJORDANIA

Ibrahim menempatkan anak saudaranya di Sodom, yang sekarang disebut Transjordania. Pada masa itu di daerah itu tinggal masyarakat yang moralnya paling rosak. Tujuan Ibrahim adalah untuk memperbaiki masyarakat tersebut dan juga mempengaruhi daerah-daerah sekitarnya kerana kafilah-kafilah dagang keluar-masuk antara Iran, Iraq dan Mesir selalu melewati daerah ini, dan dari tempat ini dakwah agama dapat ditujukan ke kedua arah.

ISHAQ DIKIRIM KE PALESTIN

Anak yang muda, Ishaq, ditempatkan diKana'an dan sekarang disebut Palestin. Daerah ini terletak antara Syria dan Mesir, dan kerana letaknya di tepi pantai, maka negeri-negeri lain juga dapat dipengaruhi dari sini. Dari daerah ini gerakan Islam mencapai Mesir melalui putera Ishaq, Ya'akub (yang juga disebut Israil) dan melalui cucunya, Yusuf.

ISMA'IL TETAP DI HIJAZ

Anak yang tua, Isma'il, ditempatkan di Makkah di daerah Hijaz, dan Ibrahim sendiri tinggal bersamanya untuk waktu yang lama untuk menyebarkan Islam ke seluruh bahagian semenanjung Arab.

MEMBANGUNKAN KA'BAH

Di tempat ini, ayah dan anak itu membangun pusat gerakan Islam yang terkenal ke seluruh dunia dengan sebutan Ka'bah. Allah sendirilah yang memilih tempat ini dan memberikan petunjuk di mana Ka'bah itu harus dibangun. Bangunan ini tidaklah dimaksudkan hanya untuk upacara penyembahan sahaja, seperti halnya masjid-masjid, tetapi sejak mula ia telah dimaksudkan untuk menjadi pusat dakwah gerakan universal Islam, dan tujuannya adalah agar orang-orang yang beriman kepada Allah, yang datang dari semua tempat, boleh berkumpul di sini melaksanakan ibadat kepada Allah secara bersama-sama, dan kembali ke negeri masing-masing dengan pesan Islam. Acara berkumpul inilah yang dinamakan haji. Kisah-kisah terperinci tentang bagaimana pusat kegiatan dakwah ini dibangun, apa perasaan yang dirasakan ayah dan anak itu, dan doa apa yang mereka panjatkan ketika mereka mendirikan tembok-temboknya, dan bagaimana haji diajarkan,diberikan dalam al-Qur'an sebagai berikut:

"Sungguh, rumah yang mulaMula dibangun untuk (tempat beribadat) manusia, ialah Baitullah yang di Bakkah (Makkah) yang diberkati dan menjadi petunjuk bagi manusia. Padanya terdapat tanda-tanda yang nyata, (di antaranya) Maqam Ibrahim, barangsiapa memasukinya (Baitullah itu) menjadi amanlah dia..." (Al-Qur'an, Ali-'Imran, 3:96-97)

"Dan apakah mereka tidak memperhatikan, bahawa sesungguhnya Kami telah menjadikan (negeri mereka) tanah suci yang aman, sedang manusia sekitarnya rompak-merompak.." (Al-Qur'an, al-Ankabut, 29:67)

Ertinya, dalam Ka'bah selalu ada kedamaian dan keamanan, walaupun di sekitarnya perompakan bermaharajalela, pembunuhan, kerosakan, permusuhan dan peperangan, sedemikian amannya sehingga pembunuh-pembunuh yang paling ganas pun tidak berani menyentuh mangsanya di tempat itu.

DO'A IBRAHIM

"Dan (ingatlah), ketika Kami menjadikan rumah itu (Baitullah) tempat berkumpul bagi manusia dan tempat yang aman. Dan jadikanlah sebahagian Maqam Ibrahim tempat solat. Dan telah Kami perintahkan kepada Ibrahim dan Isma'il: "Bersihkanlah rumahku untuk orang-orang yang thawaf, yang i'tikaaf, yang ruku' dan yang sujud'. Dan (ingatlah) ketika Ibrahim berdo'a: 'Ya Tuhanku, jadikanlah negeri ini, negeri yang aman sentosa, dan berikanlah rezeki dari buah-buahan kepada penduduknya yang beriman di antara mereka kepada Allah dan hari kemudian. Allah berfirman: 'Dan kepada orang yang kafir pun Aku beri kesenangan sementara, kemudian Aku paksa ia menjalani siksa neraka dan itulah seburuk-buruk tempat kembali'. Dan (ingatlah), ketika Ibrahim meninggikan (membina) dasar-dasar Baitullah bersama Isma'il (seraya berdo'a): 'Ya Tuhan kami terimalah daripada kami (amalan kami), sesungguhnya Engkaulah Yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui'. Ya Tuhan kami, jadikanlah kami berdua orang yang tunduk patuh kepada Engkau dan (jadikanlah) diantara anak cucu kami ummat yang tunduk kepada Engkau dan tunjukkanlah kepada kami cara-cara dan tempat-tempa tibadat haji kami, dan terimalah taubat kami. Sesungguhnya Engkaulah Yang Maha Penerima taubat lagi Maha Penyayang. Ya Tuhan kami, utuslah untuk mereka seorang Rasul dari kalangan mereka, yang akan membacakan kepada mereka al-Kitab (al-

Qur'an) dan hikmah serta mensucikan mereka. Sesungguhnya Engkaulah yang Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana." (Al-Qur'an, al-Baqarah, 2:125-129)

"Dan (ingatlah), ketika Ibrahim berkata: 'Ya Tuhanku, jadikanlah negeri ini (Makkah), negeri yang aman, dan jauhkanlah aku beserta anak-cucuku daripada menyembah berhala-berhala'. Ya Tuhanku, sesungguhnya berhala-berhala itu telah menyesatkan kebanyakan daripada manusia, maka barangsiapa yang mengikutiku, maka sesungguhnya orang itu termasuk golonganku, dan barangsiapa yang mendurhakai aku, maka sesungguhnya Engkau, Maha Pengampun lagi Maha Penyayang. Ya Tuhan kami, sesungguhnya aku telah menempatkan sebahagian keturunanku di lembah yang tidak mempunyai tanaman-tanaman dekat rumah Engkau (Baitullah) yang dihormati, ya Tuhan kami, (yang demikian itu) agar mereka mendirikan solat, maka jadikanlah hati sebahagian manusia cenderung kepada mereka dan beri rezekilah mereka dari buah-buahan, mudahMudahan mereka bersyukur". (Al-Qur-'an, Ibrahim, 14:35-37)

"Dan (ingatlah), ketika kami memberikan tempat kepada Ibrahim di tempat Baitullah (dengan mengatakan): 'Janganlah kami mempersekutukan sesuatupun dengan Aku dan sucikanlah rumahKu ini bagi orang-orang yang thawaf, dan orang-orang yang beribadat dan orang-orang yang ruku' dan sujud. Dan berserulah kepada manusia untuk mengerjakan haji niscaya mereka akan datang kepadamu dengan berjalan kaki, dan mengendarai unta yang kurus yang datang dari segenap penjuru yang jauh, supaya mereka mempersaksikan berbagai manfaat bagi mereka dan supaya mereka menyebut nama Allah pada hari yang telah ditentukan atas rezeki yang Allah telah berikan kepada mereka berupa binatang ternak Maka makanlah sebahagian daripadanya dan (sebahagian lagi)berikanlah untuk dimakan orang yang sengsara lagi fakir".(Al-Qur'an, al-Hajj; 22:26-28)

Itulah cerita awal mulanya haji yang kini dinyatakan sebagai tiang Islam yang kelima. Dari cerita tadi anda tahu bahawa Makkah dahulu adalah markas besar misi Rasul yang ditunjuk untuk pertama kalinya di dunia untuk menyebarkan Islam. Ka'bah adalah titik pusat di mana dakwah disampaikan ke berbagai penjuru dunia, dan sistem haji diperkenalkan dengan tujuan agar mereka yang menyatakan diri sebagai hamba-hamba Tuhan dan menyerahkan diri kepadaNya, apapun kebangsaan dan tanah-air mereka, dapat berkumpul di satu tempat dan mengelilingi pusatnya setiap tahun. Akan tampak seolah-olah, secara lahiriyah, mereka menggambarkan perasaan batin mereka bahawa hidup mereka adalah laksana roda yang selalu berputar di sekitar paksinya.

3. SEJARAH HAJI

Saudara-saudara sesama Muslim.

Dalam khutbah saya yang telah lalu, saya telah menerangkan bagaimana haji bermula dan apa tujuannya. Saya juga telah menerangkan bahawa Ibrahim telah menjadikan Makkah sebagai pusat gerakan Islam dan menempatkan anaknya yang tertua, Isma'il, di sana untuk meneruskan perjuangannya.

KEBIASAAN MENYEMBAH BERHALA DI KALANGAN KETURUNAN IBRAHIM

Hanya Tuhanlah yang tahu berapa lama keturunan-keturunan Isma'il tetap menetapi *din* yang diwariskan Isma'il kepada mereka. Yang jelas, setelah beberapa abad, orang-orang tersebut lupa semua ajaran dan cara hidup nenek-moyang mereka, dan sedikit demi sedikit mulai mengambil lagi upacara-upacara yang sesat yang banyak dilakukan masyarakat jahil yang lain. Ratusan berhala dipasang di sekitar Ka'bah yang dulu dibangun sebagai pusat dakwah dan seruan untuk menyembah satu Tuhan, dan ironinya, ada juga patung Nabi Ibrahim dan Isma'il sendiri, yang justru selama hidup mereka waktu mereka habis dipergunakan untuk membanteras praktik-praktik penyembahan berhala. Keturunan-keturunan Ibrahim yang lurus hati itu, membuat berhala-berhala yang diberi nama Lat, Manat, Hubal, Nasr, Yaghus, Uzza, Asaf, Naela, dan entah apa lagi yang lain, yang mereka sembah. Mereka juga menyembah bulan, Neptunes, Venus dan banyak bintang-bintang yang lain. Selanjutnya, mereka juga menyembah jin, hantu, malaikat dan roh nenek-moyang mereka yang sudah meninggal. Kejahilan mereka adalah sedemikian rupa sehingga apabila mereka lupa membawa berhala rumah tangga dalam perjalanan, maka mereka sembah batu apa sahaja yang bagus rupanya yang mereka temui di tengah jalan, dan kalau tidak ada batu yang mereka jumpai, maka mereka lalu membuat bola dari tanah yang mereka perciki dengan susu kambing, dan jadilah gumpalan tanah yang tidak bernyawa itu Tuhan mereka. Sistem kependetaan, dengan kedudukan dan hak-hak istimewanya, mereka dirikan lagi, suatu perlakuan yang dulu diperangi oleh Ibrahim di Iraq. Mereka menjadikan Ka'bah sebagai kuil dan bermukim di sekitarnya sebagai pengawal-pengawalnya. Mereka ubah haji menjadi upacara ziarah kuil dan menggalakkan penyembahan berhala dalam Rumah, yang asalnya dibangun untuk menyiarkan kepercayaan kepada satu Tuhan. Dengan menggunakan segala macam tipu-daya dan bujukan, mereka mulai menerima hadiah-hadiah dan persembahan-persembahan dari para pemuja berhala yang datang dari seluruh penjuru semenanjung Arabia. Dengan cara demikian seluruh hasil perjuangan Ibrahim dan Isma'il mereka musnahkan dan tujuan diadakannya haji mereka gantikan dengan tujuan yang lain.

BAGAIMANA HAJI DISELEWENGKAN

- **PERTANDINGAN PARA PENYAIR**

Penyelewengan terhadap haji, di masa kebodohan itu dapat dilihat dari kenyataan bahawa

upacara itu diubah menjadi suatu pekan raya yang diadakan setiap tahun. Suku-suku yang besar dengan kelompok-kelompoknya datang ke Makkah dan berkhemah secara terpisah-pisah. Para penyair dan badut-badut dari setiap suku berlumba-lumba mengarang puji-pujian terhadap keberanian, kemasyhuran, kemuliaan, kekuatan dan kemurahan hati orang-orang sesama sukunya dan saling menyaingi dalam membanggakan diri dan kesombongan, hingga akhirnya menjurus kepada saling sindir menyindir.

- **MEMPAMERKAN KEMURAHAN HATI YANG PALSU**

Kemudian diadakan pula persaingan pameran kemurahan hati. Untuk menyatakan kelebihan dirinya, ketua dari tiap-tiap suku memasang kuali-kuali raksasa dan beradu siapa yang paling menyembelih unta dan memasaknya. Satu-satunya tujuan dari keborosan ini hanyalah agar nama mereka terangkat di seluruh semenanjung Arab dan disebarkankan bahawa si anu menyembelih sekian banyak unta dan si fulan memberi makan sekian banyak orang. Menyanyi, menari, minum-minum, berzina dan berpesta ria dilakukan seramai-ramainya dan sepuas-puasnya, dan hampir-hampir tidak terlintas dalam fikiran siapa pun untuk ingat kepada Tuhan.

- **THAWAF DENGAN TELANJANG**

Thawaf juga dilakukan, Tetapi bagaimana? Laki-laki dan perempuan beramai-ramai mengelilingi Ka'bah dengan bertelanjang dan mengucapkan kata-kata: "Kami datang kepada Tuhan dalam keadaan seperti ketika kami dilahirkan". Ibadat juga dikerjakan dalam mushalla Ibrahim, Tetapi bagaimana? Yakni dengan bertepuk-tepuk tangan, bersiul dan meniup trompet. Nama Tuhan juga disebut, Tetapi bagaimana menyebutnya? mereka mengatakan:

"Tuhan, inilah kami datang. Tidak ada sekutu bagiMu kecuali yang berada di sisiMu dan menjadi milik Mu. Engkau adalah pemiliknya dan pemilik dari apa yang dimilikinya."

- **KONSEP BERKORBAN**

Mereka juga mempersembahkan pengorbanan-pengorbanan atas nama Tuhan, Tetapi dengan cara bagaimana? Darah binatang yang disembelih disiramkan ke dinding Ka'bah dan dagingnya dilemparkan di depan pintunya dengan anggapan bahawa — *na'udzubillah min dzalik* — Allah menghendaki daging tersebut.

- **PENODAAN BULAN SUCI**

Ibrahim telah menyatakan empat bulan haji sebagai bulan-bulan suci dan membuat peraturan bahawa dalam bulan-bulan tersebut tidak boleh dilakukan perang dan tindakan kekerasan. Orang-orang itu menghormati peraturan ini sebaik mungkin. Tetapi bila mereka ingin mengadakan peperangan, maka mereka "menghutang" bulan suci ini untuk mereka pakai berperang dan memberikan gantinya pada tahun berikutnya.

- **PEMBATASAN-PEMBATASAN TERHADAP DIRI SENDIRI**

Selanjutnya, kerana kebodohan, bahkan orang-orang yang berniat baik dalam menjalankan agama melakukan cara-cara yang aneh. Sebahagian dari mereka berangkat untuk haji tanpa membawa bekal dan mengemis sepanjang jalan. Mereka menganggap perbuatan seperti itu sebagai tindakan kesalehan. Mereka menyatakan diri sebagai *mutawakkilun* (orang-orang yang mempercayakan diri sepenuhnya kepada Tuhan), yang berniat pergi ke rumah Tuhan, dan kerananya tidak memerlukan bekalan material. melakukan perdagangan dan mencari penghidupan selama dalam perjalanan haji pada umumnya dianggap terlarang. Banyak orang tidak makan dan tidak minum selama musim haji dan menganggap perbuatan mereka itu sebagai "ibadat". Sebahagian orang, semasa melakukan haji, berhenti berbicara, dan haji semacam ini dinamakan haji Musmit, iaitu haji membisu. Dan banyak lagi kebiasaan-kebiasaan lain yang terlalu banyak untuk disebutkan di sini.

DO'A NABI IBRAHIM TERKABUL

Keadaan seperti ini berterusan selama lebih kurang selama dua ribu tahun. Tidak seorang Rasul Arab pun yang lahir selama masa yang panjang tersebut, tidak pula ada ajaran asli dari Rasul Tuhan yang sampai kepada bangsa tersebut. Namun akhirnya tibalah saatnya do'a Ibrahim dikabulkan, do'a yang disampaikannya kepada tuhan ketika mendirikan Ka'bah iaitu:

"Ya Tuhan kami, utuslah untuk mereka seorang Rasul dari kalangan mereka, yang akan membacakan kepada mereka ayat-ayat Engkau, dan mengajarkan kepada mereka al-Kitab (al-Qur'an) dan hikmah serta mensucikan mereka..."
(Al-Qur'an, al-Baqarah, 2:129)

Sebagai jawapan atas do'a tersebut bangkitlah seorang manusia sempurna dari keturunan Ibrahim yang bernama Muhammad Ibn Abdullah saw. Sebagaimana halnya Ibrahim yang dilahirkan dalam keluarga pendeta dan pemuka agama, demikian pula Muhammad saw juga dilahirkan dalam keluarga yang turun-temurun menjawat jawatan pemimpin keagamaan dan penjaga Ka'bah. Sebagaimana halnya Ibrahim yang telah menghentam kesesatan kependetaan keluarganya; demikian juga Muhammad saw juga melakukan tindakan yang serupa, malahan lebih dari itu. Muhammad saw betul-betul mengakhiri kesesatan tersebut untuk selama-lamanya juga, sebagaimana Ibrahim yang berjuang untuk menghapuskan ketuhanan tuhan-tuhan palsu dan kepercayaan-kepercayaan yang bathil dan memperjuangkan tertegak dan tersebarnya penghambaan kepada satu Tuhan sahaja; maka usaha yang sama juga dilakukan oleh Rasulullah Muhammad saw yang menghidupkan kembali *din* yang asli dan yang murni yang diperkenalkan oleh Ibrahim. Ketika dalam masa dua puluh satu tahun ia berhasil menyelesaikan tugas tersebut, maka sekali lagi, dengan perintah Allah, ia menyatakan Ka'bah sebagai pusat penyembahan kepada Allah, dan menyerukan seruan yang sama kepada manusia agar datang ke pusat peribadatan 'tersebut untuk mengerjakan haji.

"...Mengerjakan haji adalah kewajipan manusia kepada Allah, iaitu (bagi) orang yang sanggup mengadakan perjalanan ke Baitullah. Barangsiapa yang mengingkari

(kewajipan haji), maka sesungguhnya Allah Maha Kaya (tidak memerlukan sesuatu) dari alam semesta".
(Al-Qur'an, Ali 'Imran, 3:97)

KEBANGKITAN KEMBALI SUNNAH ISLAM

Dengan cara ini, bersama dengan pembaharuan Haji, maka semua adat istiadat zaman jahiliyah yang telah menguasai masyarakat selama dua ribu tahun sama sekali terhapus.

BERAKHIRNYA PENYEMBAHAN BERHALA

Seluruh berhala di Ka'bah dihancurkan. Penyembahan objek-objek selain Allah yang dilakukan di situ dihentikan. Semua upacara-upacaranya disapu bersih. Semua pekan-raya dan pusat-pusat hiburan ditutup, dan diumumkan bahawa ibadat kepada Allah harus dilakukan dengan cara yang telah ditentukan.

"...Dan berzikirlah (dengan menyebut) Allah sebagaimana yang ditunjukkanNya kepadamu, dan kamu sebelum itu benar-benar termasuk orang yang sesat". (Al-Qur'an, al-Baqarah, 2:198)

LARANGAN TERHADAP PERBUATAN-PERBUATAN TIDAK SEBUKANOH

Segala macam perbuatan yang tidak sebukanoh dilarang keras.

"...Barangsiapa yang menetapkan niatnya dalam bulan itu akan mengerjakan haji, maka tidak boleh rafats (mengeluarkan perkataan yang menimbulkan berahi yang tidak sebukanoh atau bersetubuh). Berbuat fasik dan berbantah-bantahan di dalam masa mengerjakan haji..." (Al-Qur'an, al-Baqarah, 2:197)

PERTANDINGAN PUISI DIAKHIRI

Pertandingan antara penyair, mengunggul-unggulkan nenek moyang, pertandingan satira dan menjilat orang-orang besar diberhentikan semua.

"Apabila kamu telah menyelesaikan ibadah hajimu, maka berzikirlah dengan menyebut Allah, sebagaimana kamu menyebut-nyebut (membangga-banggakan) nenek-moyangmu, atau (bahkan) berzikirlah lebih banyak dari itu..." (Al-Qur'an,al-Baqarah, 2:200)

BERAKHIRNYA PAMERAN KEMURAHAN HATI

Semua pertandingan kemurahan hati yang dimaksudkan semata-mata untuk mempamerkan dan mengangkat nama, dihentikan. Sebagai gantinya dihidupkannya kembali sunnah Ibrahim, iaitu menyembelih binatang korban dengan nama Allah semata-mata, dengan tujuan agar dengan korban yang disembelih oleh orang-orang kaya itu, Haji-Haji yang miskin dapat menikmati dagingnya.

"...Makan dan minumlah, dan janganlah berlebih-lebihan. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang berlebih-lebihan." (Al-Qur'an, al-A raf, 7:31)

"...Maka sebutlah olehmu nama Allah ketika kamu menyembelihnya (unta-unta) dalam keadaan berdiri (dan telah terikat). Kemudian apabila telah roboh (mati), maka makanlah sebahagiannya dan beri makanlah orang yang rela dengan apa yang ada padanya (yang tidak meminta-minta) dan orang yang meminta-minta..."
(Al-Qur'an, al-Hajj, 22:36)

DILARANG MEMERCIK-MERCIKKAN DARAH DAN MELEMPAR-LEMPARKAN DAGING BINATANG KORBAN

Praktik memercikkan darah binatang korban dan melemparkan dagingnya ke Ka'bah dihentikan. Untuk hal ini Allah berfirman:

"Daging-daging unta dan darahnya itu sekali-kali tidak dapat mencapai (keredhaan) Allah, tetapi ketakwaan daripada kamulah yang dapat mencapainya.."
(Al-Qur'an, al-Hajj, 22:37)

DILARANG THAWAF DENGAN TELANJANG

Thawaf dengan telanjang dilarang keras. Allah berfirman:

"Katakanlah 'Siapakah yang telah mengharamkan perhiasan dari Allah yang telah dikeluarkanNya untuk hamba-hambaNya..." (Al-Qur'an, al-A 'raf, 7:32)

"Katakanlah: 'Sesungguhnya Allah tidak memerintahkan (mengerjakan) perbuatan yang keji'..." (Al-Qur'an, al-A'raf, 7:28)

"Wahai anak Adam! Pakailah perhiasanmu (yakni pakaian) di setiap (memasuki) masjid..." (Al-Qur'an, al-A'raf, 7:31)

DILARANG MENGALIHKAN BULAN-BULAN HAJI

Dilarang menukar bulan haji dengan bulan biasa yakni menukar bulan haram menjadi bulan halal untuk tujuan peperangan.

"Sesungguhnya mengundur-undurkan bulan haram itu adalah menambah kekafiran, disesatkan orang-orang yang kafir dengan mengundur-undurkan itu, mereka menghalalkannya pada suatu tahun dan mengharamkannya pada tahun yang lain, agar mereka dapat menyesuaikan dengan bilangan yang Allah mengharamkannya maka mereka menghalalkan apa yang diharamkan Allah..."
(Al-Qur'an, at-Taubah, 9:37)

PERINTAH MEMBAWA BEKAL

Dilarang berangkat haji tanpa membawa bekal. Dikatakan
"...Berbekallah, dan sesungguhnya sebaik-baik bekal adalah taqwa dan bertaqwalah kepadaKu hai orang-orang yang berakal." (Al-Qur-an, al-Baqarah, 1:197)

IZIN UNTUK MENCARI KEHIDUPAN SELAMA BERHAJI

Sebelumnya, tidak mencari penghidupan selama berhaji dianggap suatu tindakan kebajikan, kerana memanfaatkan sumber-sumber kehidupan dalam keadaan berhaji dianggap tidak halal.

Pemikiran ini ditolak:

"Tidaklah ada dosa bagimu bila kamu untuk mencari kurnia (rezeki hasil perniagaan) dari Tuhanmu..." (Al-Qur'an, al-Baqarah, 2:198)

BERAKHIRNYA ADAT KEBIASAAN JAHILIYAH

Cara haji bisu, haji lapar dan haji haus juga diakhiri. Setelah dihapuskan semua adat kebiasaan jahiliyah tersebut, haji dijadikan suatu model kesalehan, ketaqwaan, kesucian, kesederhanaan dan kekhusyu'kan.

Para Haji diperintahkan, ketika berangkat dari rumah, mereka harus menyucikan diri dari semua kotoran, menghapuskan nafsu seks, menangguhkan hubungan badan dengan isteri, dan meninggalkan bahasa dan pembicaraan yang kotor serta tindakan-tindakan yang tidak sopan dan tidak sebukanoh.

PENETAPAN MIQAT

Pada semua jalan yang menuju Ka'bah, pada jarak beberapa batu jauhnya dipasang tanda-tanda yang menunjukkan bahawa sebelum melanjutkan perjalanan melewati batas-batas tersebut semua Haji harus mengenakan pakaian ihram, pakaian seragam agar orang kaya dan orang miskin sama darjatnya, perbezaan-perbezaan kebangsaan terhapuskan dan semua orang nampak sama di hadapan Allah sebagai pemohon-pemohon yang rendah hati.

PERINTAH UNTUK MEMELIHARA SUASANA DAMAI

Dalam berpakaian ihram, diharamkan membunuh binatang apapun, apalagi manusia. Tujuannya adalah untuk menciptakan suasana perdamaian, dan menspiritualisasikan fikiran para Haji.

Keempat-empat bulan haji dijadikan bulan-bulan suci hingga tidak ada peperangan dalam masa tersebut. Kedamaian menguasai semua jalan menuju ke Ka'bah, dan tidak seorang Haji pun yang dirompak di jalan. Apabila para Haji sampai ke Ka'bah dengan cara demikian, maka tidak ada pesta-pesta, hiburan-hiburan atau permainan-permainan, berfoya-foya ataupun keramaian-keramaian yang akan mereka jumpai. Di setiap langkah

hanya ada ingatan kepada Allah. Di sana hanya ada solat dan do'a-do'a, ibadat-ibadat, penyembelihan korban dan thawaf mengelilingi Ka'bah. Kalaupun, ada suara, maka itu hanyalah:

HANYA SATU SLOGAN: TALBIYAH

"Tuhanku! Inilah aku datang. Aku datang, aku datang. Tiada sekutu bagiMu. Aku datang. Sungguh, segala puji hanyalah bagiMu. Seluruh rahmat adalah milikMu. Semua kedaulatan hanyalah hakMu".

Rasulullah mengatakan tentang haji yang rapi, bersih, tidak dinodai nafsu dan ikhlas seperti itu, demikian:

"Barangsiapa melakukan haji semata-mata kerana Allah dan dalam melakukannya ia tidak melakukan tindakan-tindakan seks dan tindakan-tindakan yang tidak sebukanoh, maka ia kembali dari hajinya dalam keadaan suci seperti bayi yang baru sahaja dilahirkan".

PENTINGNYA HAJI SEBAGAI IBADAT WAJIB

Sebelum saya terangkan kepada anda manfaat-manfaat haji, saya mesti menunjukkan dahulu seperti apa kewajipan haji itu. Allah menyatakan dalam al-Qur'an:

"Mengerjakan haji adalah kewajipan manusia terhadap Allah, iaitu (bagi) orang yang sanggup mengadakan perjalanan ke Baitullah. Barangsiapa yang mengingkari (kewajipan haji) maka sesungguhnya Allah Maha Kaya (tidak memerlukan sesuatu) dari semesta alam". (Al-Qur'an, Ali-'Imran, 3:97)

Dalam ayat ini, keingkaran mengerjakan haji, padahal memiliki seruan untuk melakukannya, dinyatakan sebagai ingkar (kufr) dan penjelasannya terdapat dalam dua hadis dari Rasulullah berikut ini:
"Barangsiapa mempunyai bekal dan kenderaan untuk perjalanan ke Rumah Tuhan, Tetapi tidak mengerjakannya, maka bila ia mati dalam keadaan demikian, maka kematiannya itu sama dengan kematian orang Yahudi dan orang Kristian".

"Barangsiapa yang tidak mengerjakan haji bukan kerana terhalang oleh kesibukannya yang nyata, atau oleh titah penguasa yang zalim, atau oleh penyakit yang menghalanginya, dan ia mati dalam keadaan seperti itu, maka bererti ia sengaja mati sebagai orang Kristian atau Yahudi".

Untuk menjelaskan Hadis ini, Khalifah 'Umar mengatakan.

"Aku ingin mengenakan jizyah (pajak bagi warga negara bukan Muslim) kepada orang-orang yang tidak mahu melakukan haji padahal mempunyai syarat yang diperlukan. Mereka bukan Muslim."

Dari perintah Allah dan penjelasannya oleh Rasulullah dan Khalifah 'Umar tersebut di atas, anda tentu dapat menilai bahawa kewajipan haji ini bukanlah kewajipan yang boleh anda laksanakan atau tidak laksanakan menurut kemahuan anda sendiri sahaja, Tetapi adalah suatu kewajipan yang wajib dilaksanakan minimum sekali seumur hidup bagi orang Muslim yang mampu menyediakan pembiayaan pulang pergi ke Ka'bah dan sihat badannya. Tidak peduli dibahagian dunia mana ia tinggal, dan apapun tanggung jawabnya dalam memelihara keluarganya, usaha penghidupannya, dan terhadap tugas jabatannya. Mereka yang menghindari haji dan menundanya dari tahun ke tahun dengan alasan seribu-satu macam kesibukan mesti berfikir akan iman mereka, masihkah mereka betul-betul beriman atau tidak? Adapun mereka yang tidak pernah memikirkan — walau sekalipun dalam hidupnya — bahawa ada kewajipan haji, dan tenang-tenang sahaja bepergian ke seluruh penjuru dunia, dan melewati pantai Hijaz yang hanya berjarak beberapa jam sahaja dari Makkah, dalam perjalanan mereka yang berulang-ulang ke Eropah yang mereka cintai itu, maka mereka sebenarnya bukanlah orang-orang Islam. Dustalah bila mereka menyebut dirinya Muslim. Dan mereka yang mengatakan bahawa orang-orang seperti itu adalah orang-orang Islam, sebenarnya tidak tahu apa-apa tentang al-Qur'an. Orang-orang yang tidak mahu memikirkan kewajipan haji tersebut, mungkin sahaja mengatakan bahawa mereka selalu memikirkan Islam. Bagaimanapun, mereka adalah orang-orang yang hatinya kosong dari rasa kepatuhan kepada Allah dan iman kepada perintah-perintahNya.

4. MANFAAT-MANFAAT HAJI

Saudara-saudara sesama Muslim.

Dalam Qur'an Suci, di mana Allah Yang Maha Kuasa memerintahkan Ibrahim untuk menyerukan kepada manusia agar mengerjakan haji, alasan pertama yang mendasari perintah tersebut adalah:

"Supaya mereka mempersaksikan berbagai manfaat bagi mereka..."
(Al-Qur'an, a/-Hajj, 22:28)

Maksudnya, agar mereka berkumpul di sana dan menyaksikan dengan mata kepala sendiri bahawa haji itu dimaksudkan untuk kebaikan mereka sendiri, dan manfaat-manfaatnya) hanya boleh dirasakan oleh orang yang mengerjakannya sendiri.

Diriwayatkan bahawa Imam Abu Hanifah, sebelum beliau mengerjakan haji, merasa ragu-ragu tentang ibadat mana di antara ibadat-ibadat dalam Islam yang paling tinggi nilainya. Tetapi ketika dalam mengerjakan haji beliau menyaksikan berbagai manfaat yang terkandung di dalamnya, maka dengan tidak ragu-ragu lagi beliau menyatakan bahawa hajilah ibadat yang paling tinggi nilainya.

SIFAT-SIFAT PERJALANAN HAJI

Manusia di dunia pada umumnya mengenal dua macam perjalanan. Yang pertama adalah perjalanan yang dilakukan untuk mencari kehidupan, atau perjalanan untuk perniagaan. Yang kedua adalah perjalanan yang dilakukan untuk bersenang-senang dan melihat-lihat; Dalam kedua-dua jenis perjalanan ini, dorongan yang menggerakkannya adalah keperluan dan keinginan hati. Seseorang meninggalkan rumah dengan tujuan pribadinya sendiri, menghabiskan wang dan waktu demi tuntutannya sendiri. Tidak ada masalah pengorbanan dalam kedua-dua jenis perjalanan itu. Tetapi kedudukan perjalanan khusus yang dinamakan haji adalah sangat berbeza dari perjalanan-perjalanan lainnya. Perjalanan ini tidaklah ditujukan untuk mencapai tujuan pribadi atau keinginan diri sendiri. Perjalanan haji ditujukan semata-mata untuk Allah, dan untuk memenuhi kewajipan yang diperintahkan olehNya. Tidak seorang pun yang akan bersedia melakukan perjalanan ini sebelum, setidak-tidaknya, ia mempunyai rasa cinta dan rasa takut kepada Allah serta merasakan bahawa ia benar-benar wajib melaksanakan kewajiban yang telah diperintahkan Allah itu. Kerana itu, barangsiapa yang berangkat haji, berpisah dengan keluarga dan sanak kerabatnya untuk waktu yang lama, membiarkan urusan kehidupannya terbengkalai sementara, membelanjakan wang dan menanggung berat dan susahnya perjalanan, maka dengan tindakannya itu ia membuktikan bahawa ia memiliki rasa cinta kepada Allah serta rasa berkewajiban untuk menjalankan perintahNya; bahawa ia mempunyai kekuatan hati untuk meninggalkan rumahnya bila diperintahkan untuk itu, demi Tuhan; dan bahawa ia berani menghadapi kesulitan-kesulitan dan kesusahan-kesusahan dan dengan suka rela mengorbankan harta benda dan keselesaan hidupnya

diemi untuk mencari keredhaan Tuhan.

KECENDERUNGAN KEPADA KEBAJIKAN DAN KESALEHAN

Apabila seorang calon haji telah siap untuk melakukan perjalanan dengan niat yang suci seperti ini, maka sikap mentalnya akan berubah warna. Hatinya, yang menyala dengan cinta kepada Tuhan dan berdenyut dengan kerinduan untuk mengunjungi rumahNya, akan mulai terisi dengan fikiran-fikiran yang saleh sahaja. Ia akan bertaubat atas dosa-dosanya yang telah lalu, meminta ma'af kepada orang-orang yang mungkin telah disalahinya, akan mencuba untuk melunaskan seluruh kewajipan yang tertinggal agar ia boleh pergi kehadrat Allah tanpa membawa hutang kewajipan terhadap sesamanya, akan menjauhi segala dosa dan kejahatan, dan cenderung pada kecintaan akan kebajikan. Kemudian, pada saat ia melangkah untuk memulai perjalanannya, maka semakin dekat ia kepada rumah Allah, semakin besar pula kesenangannya untuk berbuat kebaikan. Ia akan berlaku hati-hati agar jangan sampai menyakiti dan merugikan orang lain, dan akan cuba memberikan bantuan dan pertolongan apa pun yang boleh diberikannya kepada orang lain. Hatinya sendiri akan menolak segala macam penyelewengan, ketidaksebukanohan, ketidakjujuran, pertengkaran dan perbalahan, kerana ia sedang berjalan di jalan Allah. Tidak mungkin seseorang yang sedang bepergian menuju tanah suci mengerjakan keburukan-keburukan? Bagaimana itu akan boleh terjadi?

Begitulah, dengan demikian seluruh perjalanannya itu akan merupakan 'ibadat sepenuhnya. Berbeza dengan perjalanan-perjalanan lainnya, maka dalam perjalanan haji ini tidak akan pernah terlintas dalam fikiran pelakunya untuk melakukan hal-hal yang merugikan orang lain. Perjalanan ini adalah perjalanan yang sepanjang jalannya akan terus-menerus membersihkan hati dan jiwa orang yang melakukannya. Perjalanan ini adalah laksana suatu proses penyegaran dan pembersihan kembali iman, yang pasti ditempuh oleh setiap orang Islam yang pergi haji.

IHRAM DAN KEADAAN YANG DITIMBULKANNYA

Sesudah menyelesaikan sebahagian dari perjalanan haji, maka sampailah pada suatu batas yang tidak boleh dilewati tanpa mengenakan ihram. Apakah ihram ini? Ia adalah pakaian, seperti pakaian peminta-minta, yang terdiri tidak lebih dari selembar kain dan sepasang sepatu. Pakaian ini mengandungi erti bahawa apa pun juga kedudukan anda di dalam masyarakat, anda harus mengenakan pakaian pertapa, kerana anda mahu pergi menghadap Allah. Jadilah pengemis dan pertapa pada lahirnya, dan cubalah jadi pada batinnya juga. Lepaskanlah pakaian biasa anda yang beraneka warna dan gaya. Pakailah pakaian pertapa yang sederhana, tanpa sarung kaki. Kepala tidak bertutup. Jangan memakai harum-haruman. Rambut jangan dipakai gaya. Jangan memakai hiasan apa pun. Hentikanlah hubungan seks dan segala macam tingkah-laku dan percakapan yang boleh mengingatkan, apalagi membangkitkan, keinginan ke arah itu. Jangan berburu, atau membantu pemburu dengan menunjukkan di mana ada binatang buruan. Kalau anda bersikap demikian pada lahirnya, maka batin anda pun akan terpengaruh pula. Batin anda akan mengembangkan sikap kepertapaan. Kebanggaan dan kesombongan akan lenyap. Kerendahan dan kedamaian hati akan tumbuh. Noda-noda dan kotoran-kotoran yang

mengotori jiwa anda akibat bermanja diri dalam kesenangan-kesenangan duniawi akan hilang, dan perasaan ketaqwaan akan meliputi diri anda lahir dan batin.
Segera setelah mengenakan ihram, maka para jema'ah haji bersama-sama menyerukan talbiyah setiap habis solat, setiap menaiki atau menuruni tanjakan dan tanah yang tinggi, setiap kali bertemu dengan rombongan lain, dan setiap pagi ketika bangun tidur, dengan kata-kata sebagai berikut:

Labbaika Allaahumma labbaika, labbaika laa syarika laka labbaika, innalbamda wanni' mata laka, Ia syarika laka.

"Aku datang, Ya Allah! Aku datang, aku datang. Tidak ada sekutu bagiMu. Aku datang. Sungguh, segala puji hanyalah untukMu. Seluruh rahmat adalah milikMu, dan semua kedaulatan adalah hakMu. Tidak seorang pun yang jadi sekutu bagiMu".

Sesungguhnya, seruan ini adalah jawapan bagi panggilan Ibrahim atas perintah Allah, untuk mengerjakan haji pada empat ribu lima ratus tahun yang lalu atas perintah Allah. Empatpuluh lima abad telah berlalu sejak utusan Allah itu menyerukan:

"Wahai hamba-hamba Allah! Datanglah ke rumah Allah. Da tanglah dari segenap penjuru dunia, baik berjalan kaki mahupun berkendaraan".

Sebagai jawapan atas seruan itu, setiap haji yang datang ke tanah Suci hingga sekarang, tetap menyerukan talbiyah di atas. Dengan cara begini, dengan setiap seruan Labbaika, hubungan seluruh jema'ah haji menjadi semakin dekat dengan gerakan kepada penyembahan Tuhan yang sebenarnya, yang telah dilakukan semenjak masa Ibrahim dan Isma'il. Jarak sepanjang empat ribu lima ratus tahun terhapus begitu sahaja. Terasa seolah-olah Ibrahim memanggil dari Ka'bah atas nama Allah dan seluruh jema'ah haji datang untuk memenuhi panggilannya. Mereka terus menjawab sambil datang semakin dekat, dan keinginan untuk segera sampai ke rumah Tuhan pun semakin meningkat. Pada setiap tanjakan dan turunan, panggilan Nabi Allah terdengar nyaring dan seluruh jema'ah terus menyambutnya dengan Labbaik. Setiap kafilah yang menjelang, nampak bagaikan rombongan utusan Tuhan mereka, dan merasakan panggilan utusan itu, bagaikan seorang kekasih, seluruh jema'ah berseru: "Aku datang, aku datang!". Setiap pagi bila mereka bangun dari tidur, panggilan itu terasa terdengar lagi, dan mereka kembali berseru:

Labbaika, Allahumma labbaik

Ringkasnya, seruan yang terus berulang-ulang ini, terpaut dengan pakaian kepertapaan ihram, suasana perjalanan dan perasaan semakin dekatnya Ka'bah, membangkitkan kesan psikologi, seakan-akan mereka semua — seluruh jema'ah haji itu — melebur dalam luapan cinta Ilahi dan ingatan mereka lepas dari segala sesuatu selain Junjungan mereka.

THAWAF AL-ZIARAH

Akhirnya, sampailah jema'ah di Makkah dan segera menuju ke tempat suci, ke mana mereka telah dipanggil. Mereka mencium pintu gerbang rumah Allah, kemudian berjalan

beberapa kali mengelilingi titik pusat dari iman dan *din* mereka, dengan mencium batu hitam pada setiap kali satu putaran.[1] Setelah itu mereka solat dua raka'at pada Maqam Ibrahim. Kemudian mereka pergi menaiki bukit Safa, dan, melihat Ka'bah dari atas sana, mereka berseru:

Ia ilaha illallah wa Ia na 'budu ilia iyyahu mukhlishina lahuddina walau karihalkafirun.

'Tidak ada Tuhan selain Allah. Kita tidak menghamba kepada yang lain, 'ibadat kita hanyalah untuk Allah, meskipun kaum kafirin membenciNya'.

SA'I (BERLARI) ANTARA SAFA DAN MARWAH

Kemudian jema'ah berlari-lari antara al-Safa dan al-Marwah. Perbuatan ini adalah laksana demonstrasi iman, bahawa dengan semangat yang sama jema'ah akan selalu berusaha untuk melayani Junjungan mereka dan mencari keredhaanNya. Sambil bersa'i, sekali-sekali mereka mengucapkan :

Allahummasta'malani bisunnati nabiyyika wa tawaffani 'ala millatihi wa aizni min mudillatilfitani.

"Ya Allah, pekerjakanlah aku dalam sunnah NabiMu, dan wafatkanlah dalam jalannya dan sefamatkanlah aku dari fitnah yang menyesatkan".

Dan sekali-sekali mereka mengucapkan:

Rabbighfir wa-arbam wa-tajawaz 'amma ta'lamu innaka anta la'azzulakramu.

"Tuhanku, ampunilah aku dan rahmatilah aku. Hapuskanlah perhitungan kesalahan-kesalahanku yang Engkau ketahui. Engkaulah pemilik kekuasaan dan rahmat yang terbesar".

WUQUF (TINGGAL) DI MINA, ARAFAH DAN MUZDALIFAH

Setelah itu jema'ah haji menjadi bagaikan bala tentera Allah. Mereka sekarang harus hidup dalam khemah selama lima atau enam hari. Mereka berkhemah di Mina selama sehari, dan pada hari selanjutnya di Arafah, di mana taklimat ketua yang berisi petunjuk-petunjuk didengarkan. Sedang di Muzdalifah, berkhemah dilakukan pada malam hari.

MELONTAR JAMRAH

[1] Sebahagian orang yang tidak mahu berfikir mcngajukan keberatan mengenai masalah mencium Hajar Aswad. Mereka beranggapan bahawa hal itu juga semacam penyembahan berhala, sedangkan sebenarnya hal itu hanyalah sekadar mencium gapura. Thawaf mengelilingi Ka'bah dimulai dari Hajar aswad dan setiap kali selesai satu putaran batu itu dicium atau isyarat diberikan kepadanya. Tidak ada sedikit pun unsur pemujaan di dalamnya. Terkenal perkataan Khalifah 'Umar r.a.: "Engkau hanyalah sebuah batu. Seandainya Rasulullah saw tidak menciummu, aku pun tidak akan melakukannya".

Pada waktu fajar, jema'ah haji bergerak ke Mina: dan melontarkan batu-batu ke arah tiang tempat batas sampainya tentera *Ashab al-fil* (tentera bergajah) yang datang untuk merosakan Ka'bah, sambil melemparkan batu-batu persatu para jema'ah mengucapkan:

Allah-u-Akbaro Raghman-lisyaitana wa hizbihi dan Allahum-ma tasdeegan be-kitabika wa ittib'an lisunnat-i-Nabiyiika.

Idea di belakang pelemparan batu-batu ini adalah: "Wahai Tuhan, barang siapa yang menghancurkan *din* atau dan merendahkan kalimahMu, aku akan memeranginya, seperti ini, untuk meninggikan kalimahMu". Setelah itu penyembelihan binatang korban dilakukan di tempat ini juga, agar supaya niat dan tekad untuk menumpahkan darah di jalan Allah didemonstrasikan. Kemudian dari tempat itu jema'ah kembali lagi ke Ka'bah, seperti tentera yang kembali ke markas besarnya setelah menjalankan tugasnya. Setelah melakukan thawaf satu kali dan solat dua rakaat, pakaian ihram pun dilepaskan, dan apa sahaja yang diharamkan selama ihram, sekarang dihalalkan lagi, dan para jema'ah haji kembali pada kehidupan mereka yang biasa. Setelah kembali pada kehidupan biasa ini, jema'ah pergi ke Mina dan berkemah lagi di sana, dan keesokan harinya melemparkan lagi batu-batu pada tiga tiang yang ada di sana satu demi satu. Pelemparan batu ini dinamakan jamrah, yang sebenarnya merupakan peringatan atas kekalahan dan kehancuran tentera bergajah, yang pada tahun kelahiran Nabi menyerbu Makkah tepat pada musim haji, dengan tujuan menghancurkan rumah Allah, dan, yang dengan perintah Allah, dihancurkan oleh burung-burung yang menghujankan batu.[2] Setelah sekali lagi melemparkan batu-batu kepada tiang-tiang tersebut, maka pada hari yang ketiga jema'ah kembali ke Makkah dan melakukan tujuh kali thawaf mengelilingi Ka'bah. Ini dinamakan Thawaf Wada 'i dan merupakan acara terakhir haji.

BERKAH DAN PENGARUH HAJI

Dari uraian tersebut di atas dapatlah anda menilai bahawa selama masa dua atau tiga bulan, sejak dari niat dan persiapan haji hingga saat kembali ke rumah, betapa besar pengaruh yang ditimbulkannya pada hati dan fikiran orang-orang yang melakukannya. Seluruh proses haji melibatkan pengorbanan waktu, wang, kemampuan hidup, hubungan-hubungan duniawi serta kesenangan-kesenangan dan kenikmatan jasmani — yang semuanya itu dilakukan untuk Allah semata-mata, tanpa kepentingan pribadi.

Lalu, bersama-sama dengan rasa taqwa dan kebajikan, maka ingatan kepada Allah yang terus-menerus serta rindu dan cinta kepadaNya meleburkan fikiran para Haji, menimbulkan kesan yang tidak akan hilang selama bertahun-tahun. Kemudian, ketika

[2] Pada umumnya dikatakan bahawa pelemparan jumrah itu adalah untuk memperingati peristiwa yang terjadi atas Nabi Ibrahim, yakni ketika beliau akan menyembelih Isma'il, syaitan mencuba menggodanya untuk mengurungkan niatnya, dan Ibrahim melempari syaitan tersebut dengan batu. Atau dikatakan bahawa ketika seekor kibas diberikan kepada Ibrahim sebagai ganti Isma'il, kibas itu lari dan Ibrahim melemparnya dengan batu. Tetapi tidak ada hadis shahih dari Rasulullah saw yang menyatakan bahawa itu adalah latar belakang pelemparan jumrah.

tiba di tanah suci, maka pada setiap langkah mereka menyaksikan bekas-bekas perjuangan orang-orang yang telah mengorbankan segala-galanya yang menjadi milik mereka demi mengabdi dan mematuhi perintah Allah. Mereka berperang melawan seluruh dunia, menderita kesukaran-kesukaran, terusir dari kampung halaman dan menjadi penumpang, mengalami kesengsaraan dan penderitaan yang tidak tertanggung, namun akhirnya berhasil mengangkat kalimah Allah dan terus berjuang sampai berhasil mengalahkan semua kekuatan bathil yang menghendaki agar manusia tetap menghamba kepada wujud-wujud selain Allah. Sebuah pelajaran tentang tekad dan keberanian, yang dapat dipetik oleh hamba-hamba Allah dari bekas-bekas peninggalan tersebut tidak akan boleh ditemukan di tempat lain. Dan bila rasa cinta pada *din* yang dikembangkan melalui thawaf mengelilingi Ka'bah serta peringatan perjuangan para *Mujahid* yang tercermin dalam *manasik* (amalan) haji (seperti berlari pulang pergi antara Safa dan Marwah), digabungkan dengan solat, puasa dan zakat, dan semuanya dilihat dalam keterpaduannya, maka anda akan menyedari bahawa seluruh proses ini merupakan suatu latihan dan persiapan untuk melakukan suatu tugas besar yang dipikulkan oleh Islam di atas pundak kaum Muslimin. Kerana alasan ini, haji telah diwajibkan bagi mereka yang cukup mampu untuk melakukan perjalanan pulang pergi ke Ka'bah, agar supaya — sejauh mungkin — dalam setiap masa terdapat orang-orang Islam dalam jumlah banyak yang siap untuk berjuang demi Islam, setelah menjalani seluruh latihan tersebut.

HAJI: SUATU IBADAT KOLEKTIF

Tetapi anda tidak akan boleh menghayati sepenuhnya manfaat-manfaat haji kecuali bila anda mengingati kenyataan bahawa ummat Islam tidaklah mengerjakan haji secara sendiri-sendiri, tetapi bersama-sama dalam satu waktu yang telah ditetapkan bagi ummat Islam di seluruh dunia, dan kerana itu haji dikerjakan bersama-sama oleh ratusan ribu ummat Islam. Apa yang telah saya nyatakan dalam uraian di atas adalah pengaruh yang ditimbulkan oleh ibadat haji ke atas diri seseorang Haji secara individual. Saya akan terangkan kepada anda dalam khutbah yang akan datang bagaimana manfaat-manfaat tersebut dilipat gandakan menjadi ratusan ribu kali ganda dengan jalan menetapkan satu waktu tertentu bagi ummat Islam di seluruh dunia untuk melaksanakan ibadat haji. Keunggulan Islam terletak dalam kenyataan bahawa dengan satu perbuatan sahaja, ia mencapai seribu tujuan. Manfaat solat yang dikerjakan sendiri-sendiri tidaklah sedikit, tetapi dengan mensyaratkannya bahawa ia harus dikerjakan dengan berjema’ah, dan dengan ditetapkannya sistem imamah dalam solat, serta dengan memperbesarkan jema’ah dalam solat Juma’at dan solat dua Hari Raya, maka manfaat-manfaatnya telah ditingkatkan secara tidak terbatas. Pelaksanaan puasa secara sendiri-sendiri oleh masing-masing orang Islam juga merupakan latihan dan sumber pembaharuan diri yang besar, tetapi dengan ditetapkannya satu bulan sahaja, yakni bulan Ramadhan, sebagai bulan puasa bagi seluruh ummat Islam, maka manfaatnya menjadi berlipat ganda, tidak terkira besarnya. Zakat juga mempunyai banyak manfaat sekalipun dilaksanakan sendiri-sendiri. Tetapi dengan ditetapkannya Baitul-mal (Perbendaharaan negara dalam negara Islam), maka kegunaan zakat telah meningkat sedemikian rupa besarnya, hingga anda tidak akan boleh memperkirakannya sampai saat terwujudnya suatu pemerintahan Islam. Anda menyaksikan dengan mata kepala sendiri betapa banyak dan besar manfaat yang dihasilkan dari pengumpulan zakat ummat Islam di satu tempat dan pembahagiannya

kepada yang berhak secara berorganisasi. Demikianlah halnya dengan haji. Seandainya masing-masing orang Islam mengerjakan haji sendiri-sendiri, itu sudah cukup untuk menimbulkan revolusi besar-besaran dalam hidupnya, tetapi dengan diperintahkannya agar ummat Islam di seluruh dunia mengerjakannya bersama-sama pada satu waktu, maka manfaatnya menjadi meningkat tidak terkira besarnya. Dan bab ini memerlukan huraian terperinci yang tersendiri; kerananya saya akan menerangkannya dalam khutbah saya yang akan datang.

5. HAJI : PERTEMUAN SEDUNIA

HASIL-HASIL HAJI

KEHIDUPAN KEMBALI DUNIA ISLAM

Saudara-saudara sesama Muslim.

Anda tahu bahawa orang-orang Islam yang wajib mengerjakan haji, yakni mereka yang mempunyai syarat-syarat untuk melakukan perjalanan pergi balik ke Ka'bah, tidaklah sedikit jumlahnya. Di setiap daerah yang berpenduduk banyak terdapat orang-orang yang seperti itu. Ribuan di setiap kota dan puluhan ribu di setiap negeri, dan banyak dari mereka yang setiap tahun berangkat melakukan haji. Nah, fikirkanlah betapa, di setiap bahagian dunia di mana kaum Muslimin tinggal, kehidupan Islam bergerak kembali sebaik sahaja musim haji tiba, bagaimana kegairahan timbul, dan berapa lama hal itu berterusan. Sejak dari sekitar bulan Ramadhan hingga Zulqaedah orang-orang dari berbagai bangsa dan berbagai tempat dunia berangkat menunaikan ibadah haji, sedangkan di pihak lain, sejak dari bahagian terakhir bulan Dzulhijjah hingga Safar, Rabi'ul Awal bahkan sampai Rabi'ul Akhir, perjalanan pulang jema'ah haji terus berlangsung. Selama masa enam sampai tujuh bulan ini semacam kegiatan keagamaan yang terus-menerus berlangsung di kalangan penduduk Muslim di seluruh dunia. Orang-orang yang pergi haji dan pulang kembali, tidak syak lagi, merasakan semangat keagamaan yang menyala-nyala, sehingga mereka yang tidak pergi pun juga ikut merasakan semangat yang lebih kurang sama, kerana ikut menghantar mereka yang berangkat haji, dengan melalui tempat demi tempat yang berpenduduk, dan bila Haji-haji itu pulang, menyambut mereka kembali dan mempedengarkan cerita-cerita pengalaman mereka selama mengerjakan haji.

TUMBUHNYA KESALEHAN DAN KETAQWAAN

Apabila seorang calon Haji sudah berniat mengerjakan haji dan segera setelah niat itu timbul, hatinya dipenuhi rasa taqwa kepada Allah, kesalehan, taubat dan semua sifat-sifat yang baik. Ketika ia hendak berangkat, ia mengucapkan selamat tinggal kepada sanak-keluarganya, sahabat-sahabat dan rakan-taulannya, serta klien-klien dan rakan sekerjanya. Ia menyelesaikan semua urusannya dengan perasaan seolah-olah ia bukanlah orang yang sama dengan kemarin, tetapi sudah berubah, penuh rasa kesucian dan kebersihan kerana api cinta kepada Allah yang telah menyala dalam hatinya, maka boleh anda bayangkan begitu banyak pengaruh perubahan dirinya terhadap orang di sekitarnya. Dan apabila setiap tahun di setiap bahagian dunia rata-rata ada sepuluh ribu orang yang bemiat dan bersiap-siap pergi haji, maka pengaruh yang mereka timbulkan akan meningkatkan moral sejumlah besar manusia. Kemudian bila calon-calon Haji mulai berangkat dari rumah-rumah mereka, maka sepanjang jalan yang dilalui oleh rombongan-rombongan penghantar haji, orang-orang yang melihatnya akan menghangat perasaannya, dengan melihatnya, menjumpainya dan mendengar dari rombongan-rombongan tersebut suara *Labbaik, Labbaik*. Banyak orang yang hati dan perhatiannya berpaling pada Allah

dan rumahNya, dan keinginan untuk naik haji akan mengusik jiwa mereka yang tidur. Dan bila Haji-haji pulang, kembali dengan jiwa dan semangat yang masih membara kerana haji, kembali dari pusat *din* mereka, pulang ke kota dan kampung halaman mereka di berbagai penjuru dunia dan disambut oleh banyak orang, maka pertemuan tersebut dan cerita-cerita yang disampaikan oleh Haji-haji baru itu mengenai pengalaman mereka, akan menghidupkan semangat beragama di banyak lingkungan masyarakat.

MUSIM KEBANGKITAN DI DUNIA ISLAM

Dengan demikian tidaklah salah rasanya bila saya katakan bahawa sebagaimana halnya bulan Ramadhan adalah musim kesalehan di seluruh dunia Islam; maka demikian pula musim haji adalah masa kehidupan dan kebangkitan di seluruh dunia Islam. Dengan cara ini pembuat syari'ah, Yang Maha Bijaksana, telah mengembangkan sebuah sistem yang tidak boleh ditandingi oleh sistem mana pun hingga, Insya Allah, gerakan Islam sedunia tidak akan boleh dihapuskan sampai kiamat. Bagaimanapun kejamnya permusuhan dunia terhadap Islam dan buruknya keadaan, itu semua tidak akan berpengaruh terhadap Ka'bah yang telah diletakkan dalam tubuh dunia Islam, bagaikan sebuah jantung dalam tubuh seorang manusia. Selama jantung masih berdegup, orang belum akan mati, walaupun mungkin ia tidak boleh bergerak kerana sakit. Tetapi seperti inilah, jantung dunia Islam ini menarik darah dari urat-urat darahnya yang menjangkau jauh ke mana-mana dan membalikkan darah itu ke urat itu lagi. Selama jantung ini masih berdegup dan selama proses penarikan dan putaran darahnya masih berlangsung, tidak mungkinlah untuk mengakhiri hidup dunia Islam, walaupun betapa lemahnya keadaannya akibat penyakit yang dideritanya.

PEMANDANGAN KESATUAN MILLAH YANG PENUH INSPIRASI

Tutuplah mata anda dan bayangkanlah suatu pemandangan, orang-orang dari berbagai suku masyarakat dan negeri di Utara, Selatan, Timur dan Barat berdatangan ke satu pusat pertemuan melalui seribu satu jalan. Wajah-wajah mereka berbeza-beza, juga warna kulit dan bahasa yang mereka pakai; tetapi ketika sampai pada suatu garis perbatasan, dekat pusat pertemuan tersebut, mereka semua melepaskan pakaian kebangsaannya, dan semuanya tanpa mengenakan pakaian, kecuali pakaian seragam putih-putih yang sama potongannya. Setelah mengenakan seragam ihram ini, terlihatlah dengan jelas bahawa bala tentera Maharaja dunia dan Penguasa langit dan bumi ini, yang datang berkumpul dari ribuan masyarakat di dunia, adalah bala tentera dari satu Raja yang Tunggal. Mereka memakai emblem kepatuhan dan penghambaan kepada satu penguasa sahaja. Semuanya terikat oleh satu kali kesetiaan dan bergerak menuju satu ibu kota untuk berkumpul di hadapan Raja mereka, Ketika bala tentera yang berseragam itu bergerak maju dari Miqat, terdengarlah seruan yang keras dari mereka:

Labbaik, Allahumma Labbaik, Laa' Syarika laka labbaik.
"Inilah kami, datang kepadaMu, ya Allah, Inilah kami! Tidak ada sekutu bagiMu. Inilah kami, datang kepadaMu!"

Mereka memiliki bahasa yang berbeza-beza, Tetapi seruan yang mereka ucapkan adalah

sama. Kemudian, ketika pusat pertemuan mereka menjadi semakin dekat, maka lingkaran itu pun semakin mengecil dan menyempit. Kafilah-kafilah dari berbagai negeri terus-menerus bergabung, dan mereka semua mengerjakan solat bersama-sama dengan cara yang sama pula. Semuanya memakai pakaian seragam yang sama. Semuanya dipimpin oleh satu imam, semuanya bergerak serentak. Semuanya menggunakan satu bahasa. Semuanya berdiri, duduk, ruku', dan sujud atas satu ketua Allahu Akbar, dan semuanya membaca dan mendengarkan satu al-Qur'an yang sama, dalam. bahasa Arab. Dengan cara.demikian, lenyaplah perbezaan-perbezaan kebangsaan, negeri dan bangsa mereka, dan terbentuklah satu parti penyembah-penyembah Allah. Ketika rombongan-rombongan haji berjalan sambil me'nyerukan laungan *Labbaik, labbaik*, ketika pada setiap tanjakan dan turunan seruan itu bergema terus, ketika pada pertemuan jalan-jalan kafilah haji seruan itu diserukan dari keempat penjuru, dan ketika di setiap waktu solat Subuh seruan itu bergema kembali, maka terciptalah suasana penuh keagungan dan kebesaran, yang membuat orang lupa pada diri sendiri dan tenggelam dalam keasyikan suci *Labbaik*. Dan setelah mencapai Ka'bah, perbuatan thawaf, mengelilingi satu titik pusat, yang dilakukan oleh orang banyak dengan pakaian seragam yang datang dari semua penjuru dunia, lalu melakukan sa'i yang dilakukan oleh seluruh jema’ah antara as-Safa dan al-Marwah, seterusnya berkhemah di Mina, kemudian berangkat ke Arafat dan mendengarkan khutbah seorang imam di sana, lalu bermalam di Muzdalifah, lalu kembali ke Mina, kemudian bersama-sama melempar batu-batu di Jamrah al-Aqabah, lalu bersama-sama menyembelih binatang korban, kemudian bersama-sama kembali ke Ka'bah dan bersama-sama berjalan mengelilinginya, kemudian bersama-sama pula solat menghadap Ka'bah — semua ini menimbulkan pengaruh total dan menyeluruh, mutlak, tidak ada tandingannya di seluruh dunia.

BERKUMPUL DI SATU TEMPAT DENGAN SATU TUJUAN

Manusia-manusia yang datang dari semua bangsa-bangsa di dunia, berkumpul pada satu tempat, dengan kesatuan hati, niat dan tujuan, kesamaan fikiran dan keserasian perasaan, perasaan-perasaan yang suci, perbuatan-perbuatan dan tujuan yang suci, sesungguhnya adalah rahmat besar yang tidak diberikan kepada ummat manusia melalui kuasa selain Islam. Memang, bangsa-bangsa di dunia selama ini mengadakan pertemuan-pertemuan, tetapi bagaimanakah sifat pertemuan itu? Di medan perang untuk saling membunuh; atau dalam perjumpaan-perjumpaan perdamaian untuk membahagi-bahagikan negeri-negeri atau bangsa-bangsa; atau di Perserikatan Bangsa Bangsa dengan tujuan agar satu bangsa dapat menebarkan jaring-jaring penipuan kepada bangsa-bangsa yang lain, mengadakan komplot-komplot untuk menipu dan menarik keuntungan atas kerugian bangsa lain. Sebaliknya bertemunya rakyat biasa dari segenap bangsa, dengan hati bersih, dengan tngkah-laku yang baik dan fikiran-fikiran yang bersih, dengan kejujuran dan kasih-sayang, dengan ikatan mental dan spiritual, dengan kesatuan dalam fikiran, perbuatan dan tujuan, yang dilakukan tidak hanya sekali sahaja, Tetapi setiap tahun, di satu tempat dan waktu yang sama… Apakah rahmat ini dapat diperolehi selain daripada dalam Islam? Adakah kuasa lain yang telah menciptakan sistem yang lebih baik daripada ini untuk menciptakan perdamaian di dunia, untuk menghilangkan permusuhan antarabangsa, dan untuk menciptakan suasana yang penuh rasa cinta, persahabatan dan persaudaraan, sebagai ganti pertengkaran dan perbalahan?

GERAKAN TERBESAR UNTUK MENCIPTA KEAMANAN

Bukan itu sahaja yang dilakukan oleh Islam. Islam telah mewajibkan bahawa selama empat bulan yang telah ditetapkan untuk haji dan umrah, semua jalan yang menuju ke Ka'bah harus dibebaskan dari gangguan keamanan dan perang. Ini adalah gerakan yang bersifat kekal untuk menciptakan perdamaian di dunia. Dan bila kuasa politik dunia berada di tangan ummat Islam, maka Islam pasti akan berusaha dengan sekuat tenaga agar tidak ada gangguan di dunia yang dapat menghalangi pelaksanaan haji dan umrah.

SATU-SATUNYA PUSAT PERDAMAIAN DI DUNIA

Islam telah memberikan kepada dunia suatu daerah yang demikian aman dan tidak terganggu, yang berupa sebuah kota di mana jangankan manusia, bahkan binatang pun tidak boleh diganggu dan diburu, di mana bahkan memotong rumput pun dilarang, di mana bahkan sepotong duri pun tidak boleh dipotong dan sebuah barang jatuh pun tidak boleh disentuh. Islam telah memberikan kepada dunia sebuah kota di mana senjata tidak boleh dibawa masuk, di mana menimbun barang untuk dijual dengan harga lebih tinggi dianggap sama dengan *ilhad* (kekufuran), dan mereka yang melakukan kezaliman diancam oleh Allah:

...Nudziqhu min 'adzabin alim.

"...Niscaya akan Kami rasakan kepadanya sebahagian siksa yang pedih".
(Al-Qur'an, al-Hajj, 22:25)

PUSAT PERSAMAAN SEJATI

Islam telah memberikan kepada dunia sebuah tempat yang didefinisikan dengan ungkapan:
..Sawa'al 'akifu fihi wal balad... (Al-Qur'an, al-Hajj, 22:25)
yang bererti bahawa di tempat ini semua manusia sama haknya setelah mereka mengakui kedaulatan Allah dan kepemimpinan Muhammad saw dan memasuki persaudaraan Islam, apa pun kebangsaan mereka. Kalau seseorang sudah memeluk Islam, maka hak-haknya sama dengan hak-hak penduduk kota Makkah sendiri. Kedudukan seluruh daerah Haram adalah hampir sama dengan kedudukan masjid, di mana barangsiapa yang menempati sebuah tempat di dalamnya, maka tempat itu menjadi miliknya. Tidak seorang pun yang dapat mengusirnya dari tempat itu atau memungut sewa daripadanya; Tetapi orang yang menempati tempat tersebut, yang boleh sahaja tinggal di situ selama hidupnya kalau ia mahu, tidak berhak untuk mengakuinya sebagai miliknya. Tidak pula ia boleh menjualnya atau menyewakannya kepada siapa pun. Sedemikian rupa halnya, hingga bila orang tersebut meninggalkan tempatnya, maka orang yang lain punya hak yang sama pula untuk menempatinya. Inilah tepatnya kedudukan seluruh tanah Haram di Makkah.
Rasulullah saw telah menyatakan:

Makkatu munaakhun liman sabaqa, maksudnya, barangsiapa yang lebih dahulu datang ke kota ini dan diam di suatu tempat, maka tempat itu menjadi miliknya. Memungut wang sewa daripadanya adalah tidak sah. Khalifah Umar telah mengeluarkan perintah,

melarang penduduk-penduduk yang tinggal di sana mengunci pagar-pagar sekitar pekarangan rumahnya, agar siapa sahaja yang ingin boleh datang dan tinggal di pekarangannya atau kompleks perumahannya itu. Sebahagian ulama fiqh bahkan berpendapat lebih jauh dengan mengatakan bahawa tidak seorang pun yang mempunyai hak milik atas rumah-rumah di Makkah, tidak pula rumah tersebut boleh diwariskan. Dapatkah manusia memperolehi rahmat seperti ini selain dalam Islam?

Saudara-saudara. Itulah haji, tentang ini telah dikatakan:

"Laksanakanlah ia, dan lihatlah betapa banyak manfaat yang dapat kalian ambil daripadanya".

Tidak ada kata-kata yang dapat mengungkapkan seluruh manfaat yang terkandung dalam haji. Tetapi, dengan gambaran singkat yang telah saya berikan tadi, dapatlah anda memperolehi gambaran dari manfaat-manfaatnya yang tidak terhitung itu.

KURANGNYA PENGHARGAAN KITA

Akan tetapi, ada cerita lain yang sangat menyedihkan hati dan menekan perasaan. Keadaan ummat Islam sekarang ini adalah seperti seorang anak yang lahir di tambang permata. Kalau seorang anak kecil duduk di atas tumpukan batu permata dan bermain-main dengannya, maka baginya batu-batu permata tersebut tidak bezanya dengan batu-batu biasa yang lain. Keadaan ummat Islam sekarang ini adalah seperti anak kecil tersebut kerana rahmat besar yang ada di tangan mereka hanya menjadi benda mainan belaka, sedangkan orang lain di seluruh dunia berada dalam kesusahan dan malapetaka kerana tidak menerima rahmat tersebut, padahal mereka sangat memperlakukan dan mencarinya dengan susah-payah. Ummat Islam memiliki rahmat tersebut di tangan mereka kerana mereka beruntung lahir di dunia Islam. Kalimah Tauhid, yang mampu menyelesaikan semua persoalan rumit yang dihadapi ummat manusia dan menunjukkan kepada mereka jalan yang lurus dan sederhana, telah didengungkan ke telinga kaum Muslimin sejak mereka masih anak-anak, dan resepi solat dan puasa (yang lebih berharga daripada ilmu kimia, dan mampu mengubah manusia, dari seekor binatang menjadi insan). Kalimah Tauhid merupakan ubat terbaik yang ditemukan manusia untuk menjadikan manusia takut kepada Allah, saling bersaudara, dan bersimpati serta bersahabat satu sama lain. Kalimah Tauhid diwarisi oleh ummat Islam secara secara automatik dari bapa-bapa dan nenek-moyang mereka di saat mereka lahir. Sistem zakat yang tidak ada bandinganya itu, yang merupakan alat untuk mensucikan hati dan pembetul dari sistem kewangan dunia yang menghisap darah, telah berada ditangan anda laksana resepi-resepi mu'jizat berada di tangan anak seorang mahaguru doktor, sementara orang lain bersusah payah mencarinya. Demikian pulalah halnya dengan haji... suatu sistem kebesaran yang mutlak tidak bertara di dunia ini. Sampai hari ini tidak ada sebuah seruan pun yang lebih ampuh untuk menyebarkan suatu gerakan ke seluruh penjuru dunia dan memeliharanya tetap hidup hidup hingga akhir zaman. Tidak ada cara yang dapat me nandingi haji dalam kemampuannya untuk menarik manusia dan mengumpulkannya atas nama Tuhan di satu pusat pertemuan, dan mempersatukan sejumlah besar kaum-kaum dan bangsa-bangsa dalam satu tali persaudaraan manusia yang mengabdi kepada Tuhan,

bercita-cita suci dan saling mendo'akan rahmat bagi satu sama lain. Anda semua telah memperolehi sistem yang sempurna dan tidak bertara ini tanpa usaha sedikit pun, suatu sistem yang telah bekerja ratusan tahun dengan berjaya. Tetapi anda semua tidak menaruh perhatian sedikit pun terhadapnya, kerana ia telah berada ditangan anda ketika anda lahir dan membuka mata di dunia. Sekarang anda bermain-main dengannya seperti halnya seorang anak kecil bodoh yang dilahirkan di atas tumpukan permata dan menganggapnya sebagai batu-batu biasa sahaja. Hati saya terbakar melihat anda semua mempermainkan harta dan kekuatan yang demikian besarnya itu, kerana kebodohan dan ketololan semata-mata.
Bagaimana orang boleh bersabar dan menahan hati melihat batu-batu permata dihancur-leburkan oleh tukang-tukang pemecah batu?

Saudara-saudaraku yang tercinta.
Seorang penyair berkata;

Keldai Isa pergi berhaji,
Pulang kembali tetap keldai.

Maksudnya, keledai itu, walaupun milik seorang nabi seperti Isa as, tidak akan boleh memperolehi manfaat apa-apa dari kunjungan ke kota suci Makkah yang sangat bernilai itu. Kalau ia dibawa juga ke sana, pulangnya ia akan tetap sahaja bodoh dan tolol.

Memang, solat, puasa, atau haji tidaklah dimaksudkan untuk melatih binatang, Tetapi manusia. Tetapi, kalau manusia-manusia yang diberi latihan dengan amalan-amalan tersebut tidak mengerti erti dan kepentingannya, tidak pula berniat untuk memetik manfaat-manfaat yang terkandung di dalamnya; Tetapi sebaliknya fikiran .mereka kosong dari pengertian dan makna ibadat-ibadat tersebut, in mereka hanya melaksanakannya kerana meniru perbuatan nenek moyangnya sahaja; hasil apa yang boleh diharapkan dari mereka? Malangnya, ummat Islam pada umumnya melaksanakan 'adat-ibadat tersebut dengan cara demikian itu. Mereka mengerjakan tiruan pekerjaan lahiriah dari ibadat-ibadat tersebut tanpa memiliki ruhnya. Anda saksikan, setiap tahun ribuan orang pergi ke pusat Islam dan pulang kembali setelah melaksanakan haji tetapi ketika berangkat mereka tidak mengalami perasaan yang harusnya dialami oleh pengunjung tanah suci; tidak pula pengaruh haji terlihat pada diri mereka ketika mereka kembali; tidak pula mereka meninggalkan kesan baik tcntang tingkah laku mereka kepada orang-orang di tempat yang mereka lewati dalam perjalanan mereka. Sebaliknya, mereka menodai nama Islam dengan memperlihatkan kekotoranhan mereka, tingkah-laku yang buruk dan moral yang lemah. Melihat kehidupan mereka, tidak seperti kuasa *din* yang memberikan kesan pada orang-orang lain, *din* itu sendiri menjadi kehilangan erti di mata pemeluk-pemeluknya. Dan inilah sebabnya mengapa orang-orang muda bangsa kita sendiri meminta kepada kita untuk menerangkan manfaat apa yang boleh diperolehi dari haji, sedangkan haji sesungguhnya adalah sesuatu yang apabila dilaksanakan dengan keagungannya yang sebenarnya, maka orang-orang kafiriin akan menyatakan keimanannya kerana menyaksikan manfaat-manfaatnya yang nyata. Haji adalah suatu gerakan-yang puluhan bahkan, ratusan ribu atau jutaan anggotanya, yang berasal dari setiap bahagian dunia, yang setiap tahun berkumpul di satu pusat pertemuan, dan kemudian mereka pulang

kembali ke tempat masing-masing dan memperlihatkan kehidupan, fikiran-fikiran dan tingkah laku mereka yang suci ketika melewati kota-kota dan daerah-daerah. Mereka tidak hanya mendakwahkan prinsip-prinsip yang mendasari gerakan tersebut dengan kata-kata sahaja di tempat mereka berhenti atau lewat, tetapi juga memperlihatkan sepenuhnya dalam kehidupan mereka sehari-hari, dan proses ini berlangsung tidak hanya dalam jangka waku sepuluh atau dua puluh tahun sahaja, tetapi beratus-ratus tahun. Fikirkanlah, perlukah manfaat yang demikian besarnya ini dipersoalkan lagi? Demi Tuhan, apabila amalan haji ini dikerjakan dengan cara yang benar, maka orang-orang buta pun akan boleh menyaksikan manfaat-manfaatnya dan orang-orang tuli akan boleh mendengarkan keuntungan-keuntungannya. Haji yang dilaksanakan setiap tahun itu pasti akan membuat ratusan juta orang Islam menjadi orang-orang yang saleh dan pasti akan menarik ribuan orang bukan Muslim ke dalam lingkungan Islam, dan memberi kesan terhadap puluhan ribu manusia bukan Muslim akan keluhuran dan ketinggian Islam. Tetapi alangkah memalukannya kebodohan! Betapa barang yang tidak ternilai harganya telah terhambur dengan sia-sia kerana dipermainkan orang-orang yang bodoh!

CARA UNTUK MEMPEROLEHI MANFAAT DARI HAJI

Untuk memperolehi manfaat haji yang sepenuhnya, maka di pusat Islam ini perlulah ada penguasa yang berniat baik, dan mahumencurahkan seluruh tenaganya untuk memanfaatkan kekuatan universal haji ini. Di sana perlu ada suatu kelompok manusia yang merupakan jantung yang memompakan darah ke seluruh tubuh dunia setiap tahun; yang merupakan otidak yang.terus mencuba untuk menyebarkan risalah Islam ke seluruh dunia melalui ribuan dan ratusan ribu agen, utusan-utusan Tuhan. Dan kalaupun tidak ada kekuasaan yang mampu melakukan hal-hal tersebut, di sana setidak-tidaknya hendaklah terdapat masyarakat yang memperlihatkan terbinanya kehidupan Islam suci iaitu masyarakat yang dapat dijadikan teladan yang sempurna, sehingga orang-orang Islam dari seluruh dunia yang datang ke sana pulang ke negeri asalnya dengan memperoleh pelajaran dan contoh yang segar tentang kesalehan yang sejati. Namun alangkah sayangnya! Hal seperti itu tidak terdapat di sana. Sudah sejak lama sekali kebodohan telah meliputi tanah Arab. Sejak zaman Abbasiyah hingga zaman Usmani (Ottoman), raja-raja di setiap masa, demi tujuan politik mereka, terus berusaha untuk melemahkan bangsa Arab. Kiranya daripada membangun keadaan kehiupan mereka, mereka menekan bangsa Arab sampai pada tingkat kemunduran ilmu pengetahuan, moral, kebudayaan dan semua bidang yang lain. Akibatnya ialah, tanah dari mana cahaya Islam dahulu memancarkan sinarnya ke seluruh penjuru dunia, sekarang hampir kembali seperti keadaanya dahulu sebelum Islam datang. Sekarang, tidak ada ilmu Islam ataupun kehidupan Islam di sana. Orang-orang datang berziarah ke tanah suci dari tempat-tempat yang jauh-jauh dengan penuh niat dan pengabdian, tetapi setelah sampai di sana yang mereka jumpa hanyalah kejahilan, ketidaksopanan, kehinaan budi, kerakusan dunia, keburukan tingkah-laku, keadaan yang kacau-bilau dan kemerosotan keadaan rakyat jelata. Harapan mereka terpadam sedemikian rupa hingga banyak orang, setelah mengerjakan haji, jauh daripada memperolehi tambahan iman, malah iman mereka menjadi lemah. Lembaga kelas istimewa pengawal-pengawal agama, yang didirikan di Ka'bah sepeninggalan Ibrahim dan Isma'il as, dan yang kemudian dihapuskan oleh Muhammad saw, telah dihidupkan kembali. Pengawal-pengawal Ka'bah telah kembali

mengangkat diri mereka sebagai pengawal-pengawal agama. Rumah Tuhan telah menjadi milik mereka, dan haji menjadi sumber perniagaan. Mereka menganggap jema'ah haji sebagai langganan-langganan mereka. Agen-agen telah dipilih dipelbagai negeri dengan gaji besar untuk mencari dan memasukkan langganan. Setiap tahun, suatu gerombolan broker-broker dan agen-agen perjalanan berangkat dari Makkah dengan tujuan menjemput langganan-langganan di semua bahagian dunia. Orang-orang didorong untuk pergi haji dan membacakan kepada mereka ayat-ayat al-Qur'an dan mengutip hadis-hadis. Tetapi niatnya bukanlah untuk mengingatikan mereka akan kewajipan yang telah diperintahkan Allah, Tetapi hanyalah untuk membuka peti wang mereka dan memperolehi isinya. Seolah-olah Allah dan RasulNya, memang, telah menyediakan bisnis untuk menaikkan hidup penjaga-penjaga rumah suci dan broker-broker tersebut. Maka bila seseorang mahu mengerjakan haji, sejak dari permulaan perjalanan hingga sampai akhir kembalinya, ia harus berurusan dengan berbagai macam kumpulan dan pedagang *din Muallim, Mutawwif, Wakil al-Mutawwif, Kalid Majlis al-Ka'bah*, dan pemerintah Hijaz sendiri adalah peserta-peserta dalam perdagangan ini. Bahkan pintu Khana-i-Ka'bah tidak boleh dibuka oleh seorang Muslim tanpa membayar sejumlah wang tertentu. *Na'udzu billah min dzalik*.

Cara-cara yang dipakai oleh pandit-pandit dari Benares dan .Hardwar telah dipakai pula oleh *Mujawir-Mujawir* pusat peribadatan kita serta mereka yang menyebut dirinya pelayan-pelayan agama, padahal Islam telah membanteras perniagaan keagamaan ini. Bagaimana ruh ibadat akan dapat hidup bila di tempat pelaksanaan ibadat itu sendiri telah dijadikan perdagangan dan sumber pendapatan gaji, tempat-tempat peribadatan telah dieksploitasi untuk kepentingan pribadi, perintah-perintah Ilahi telah dipergunakan untuk memaksa orang mengerjakan sesuatu kewajipan dan memungut wang daripadanya, orang diharuskan untuk membayar bagi setiap peribadatan yang dilakukannya, dan rahmat dan berkat dari *din* ini telah menjadi semacam komoditi para pedagang dan pembelinya? Bagaimana anda boleh mengharapkan bahawa mereka yang mengerjakan haji dan mereka yang mengawasinya dapat memperolehi manfaat rohaniah yang sejati dari ibadat ini, kalau semua pekerjaan yang terlibat di dalamnya dilakukan dengan mentaliti jual-beli? Dengan menyebutkan fakta-fakta ini saya tidaklah bermaksud untuk menyalahkan siapa pun. Niat saya hanyalah menunjukkan kepada anda faktor-faktor apa yang membuat suatu sumber kekuatan yang demikian besar, seperti haji, menjadi tidak bermanfaat apa-apa.

Janganlah hendaknya sampai terjadi salah pengertian dalam fikiran siapa pun bahawa tidak diperolehinya manfaat haji itu disebabkan kerana kekurangan Islam dan sistem yang telah diajukannya. Tidak. Sesungguhnya kekurangan itu terletak pada mereka yang tidak mengikuti Islam dengan tepat dan benar. Adalah kesalahan anda sendiri kalau kaedah-kaedah yang ditujukan untuk menjadikan anda sebagai model manusia yang sempurna, yang dengan mengikuti kaedah tersebut dengan benar anda tentu akan menjadi pembaharu-pembaharu dan imam bagi seluruh dunia, sekarang ini tidak menghasilkan apa-apa. Situasinya telah menjadi sedemikian buruknya sehingga masyarakat telah meragukan keampuhan kaedah-kaedah tersebut.[3] Perumpamaannya adalah seperti

[3] Hendaklah diperhatikan bahawa khutbah ini diberikan pada tahun 1938. Setelah tahun tersebut hingga sekarang keadaan telah banyak bertambah baik, dan pemerintah Saudi Arabia sedang mengusahakan pcrbuatan-perbuatan lebih lanjut. Pendidikan juga sedang disebarkan di Saudi Arabia. Pertubuhan-pertubuhan tinggi untuk memberikan pengajaran tentang Syari'ah telah didirikan di Riyadh. Makkah, Jedah,

seorang doktor ahli yang meninggalkan resepi yang paling mujarab, dan resepi itu jatuh ke tangan penjual-penjual ubat di pinggir jalan dan orang-orang yang bodoh, dan dengan demikian ia menjadi tidak berguna dan juga menjatuhkan. nama baik doktor tersebut. Sebuah resepi boleh sahaja merupakan resepi yang paling baik dan istimewa, tetapi bagaimanapun tetap diperlukan kecerdasan dan pengetahuan teknikal untuk dapat mengambil manfaat daripadanya. Kalau yang menanganinya adalah orang-orang yang bodoh dan tidak mempunyai pengetahuan, maka resepi tersebut bkan sahaja tidak akan berkesan, Tetapi malah akan berbahaya, dan orang-orang yang jahil, yang tidak punya keahlian untuk menilai keampuhannya, akan menjadi salah faham dan menganggap bahawa resepi itulah yang tidak baik.

---

dan kota-kota lain. Sebuah universiti Islam telah mula bekerja dengan skala besar di Madinah. Suatu organisasi antarabangsa dunia Islam yang disebut Rabithah Islamiyyah telah dibentuk di Makkah, yang cuba dengan sepenuh usaha untuk mcnggunakan haji untuk meniupkan ruh *din* ke tubuh bangsa-bangsa Muslim. Dalam sinaran pcrkembangan ini, keadaan menjadi sangat memuaskan. Sekarang, yang diperlukan adalah dua hal. Pertama, daerah dua tanah suci yang Mulia (*haramain syari-fain*) mesti diselamatkan dari pengaruh kebudayaan Barat. Kedua, cara-cara kerja para *Mu'allim* (Syeikh pent.) hendaklah diperbaiki. Semoga Tuhan menolong pemerintah Saudi Arabia dalam melakukan tindakan-tindakan tepat dalam hal ini.

JIHAD

1. JIHAD

Saudara-saudara sesama Muslim.
Dalam khutbah-khutbah saya yang telah lalu saya telah berulang-ulang menyatakan bahawa solat, puasa, haji dan zakat, yang telah diwajibkan oleh Allah kepada anda dan dijadikanNya sebagai tiang-tiang Islam, tidaklah sama dengan ibadat-ibadat dalam agama-agama lain, yang terdiri dari majlis-majlis yang cukup dilaksanakan begitu sahaja dan Tuhan akan senang kerananya. Dalam Islam, ibadat-ibadat diwajibkan dengan maksud untuk mempersiapkan anda untuk suatu tujuan yang besar dan melatih anda untuk memikul tugas yang besar pula. Nah, setelah saya menjelaskan secara terperinci kepada anda tentang semua latihan tersebut dan kaedah-kaedah persiapannya, tibalah saatnya sekarang untuk mengatakan kepada anda tujuan daripada latihan-latihan tersebut.

TUJUAN ISLAM YANG SEBENARNYA

Secara singkat, cukuplah dikatakan bahawa tujuan Islam yang sebenarnya adalah melenyapkan penguasaan manusia atas manusia dan menegakkan pemerintahan Tuhan Yang Esa. Mempertaruhkan hidup seseorang dan segala sesuatu yang dimiliki untuk mencapai tujuan ini disebut jihad, sedangkan solat, puasa, haji dan zakat, semuanya dimaksudkan untuk mempersiapkan diri menghadapi tugas ini. Akan tetapi, kerana anda telah lama lupa tujuan Islam ini serta tugas yang dipercayakan kepada anda itu, kerana semua ibadat telah diubah menjadi tasawwuf semata-mata, maka maksud dari kalimat singkat tentang tujuan Islam yang saya sampaikan tadi akan tetap merupakan teka-teki bagi anda. Kerana itu saya akan memberikan penjelasan kepada anda tentang tujuan Islam ini.

SISTEM POLITIK YANG BUSUK; SUMBER DARI SEGALA KEJAHATAN

Sesungguhnya, segala macam kejahatan yang anda temukan di dunia ini bersumber pada satu pokok sahaja, iaitu buruknya sifat pemerintahan negara. Kekuasaan dan harta kekayaan berada di tangan pemerintah. Hukum dan undang-undang dibuat oleh pemerintah. Semua pemerintahan dengan senang-senangnya berada di tangan pemerintah. Kekuatan polis dan Angkatan Bersenjata berada di tangan pemerintah. Kerana itu, kejahatan apa pun yang ada dalam kehidupan rakyat, semuanya disebarkan oleh pemerintah sendiri atau dengan bantuannya, kerana itu kekuasaan untuk menjadikan kejahatan bermaharajalela ataupun binasa, tetap berada di tangan pemerintah. Sebagai contoh, anda lihat bahawa pelacuran bermaharajalela di mana-mana dan dilakukan secara terbuka di tempat-tempat lokasi WTS. Kenapa demikian?.Sebabnya ialah kerana pelacuran bukanlah kejahatan di mata orang-orang yang memegang kekuasaan pemerintahan. Mereka sendiri terbiasa dengan hal itu dan mengizinkan orang-orang lain melakukannya. Seandainya mereka mahu membanterasnya, pasti kejahatan ini tidak akan boleh dilakukan dengan sedemikian kebalnya. Anda saksikan bahawa riba merata di mana-mana dan orang-orang kaya menghisap darah si miskin. Mengapa hal itu boleh terjadi? Ini adalah kerana, pemerintah sendiri mengambil riba dan membantu orang-orang yang mengambil riba. Pengadilan-pengadilan pemerintah membuat keputusan-keputusan yang menguntungkan pengambil-pengambil riba, dan dengan bantuannya tempat-tempat peminjaman wang dan bank-bank berkembang di mana-mana. Anda lihat bahawa ketidak senonohan dan perkara yang tidak bermoral semakin meningkat di tengah masyarakat. Mengapa terjadi demikian? Semata-mata kerana pemerintah telah memberikan pendidikan semacam itu kepada rakyat dan melatih mereka untuk menghargai sebagaimana yang disifatkan sebagai bermoral dan bersifat kemanusiaan seperti yang anda saksikan itu. Kalau anda ingin membentuk manusia yang lain melalui pendidikan dan latihan yang lain, dari mana anda akan mendapatkan sumber yang anda perlukan? Dan bahkan apabila anda berjaya menghasilkan sekelompok jenis manusia yang baik, dimana mereka akan memperolehi pekerjaan? Semua sumber-sumber penghidupan dan pekerjaan berada di tangan pemerintah yang buruk. Anda saksikan pertumpahan darah terjadi secara luas di dunia. Ilmu pengetahuan manusia dipergunakan untuk kerosakan. Buah kerja manusia dibakar dalam api, dan nyawa manusia yang berharga dimusnahkan sewenang-wenangnya. Mengapa itu semua boleh terjadi? Itu semua terjadi kerana anak-anak Adam yang memegang kekuasaan dan pimpinan bangsa-bangsa di dunia adalah yang paling jahat dan keji. Oleh kerana kekuasaan berada di tangan mereka, maka dunia berputar ke arah yang mereka kehendaki. Apapun tujuan yang telah mereka gariskan untuk penggunaan ilmu pengetahuan, harta kekayaan, tenaga kerja dan hidup manusia, itu semua mereka manfaatkan untuk tujuan-tujuan yang mereka gariskan sendiri. Anda saksikan bahawa penindasan dilakukan di mana-mana sahaja di dunia. Kaum yang lemah tidaklah memperolehi keadilan. Hidup orang yang miskin makin sulit. Pengadilan-pengadilan telah menjadi pusat perbelanjaan keadilan. Rakyat dibebani pajak yang melebihi kemampuan mereka, yang dihamburkan untuk membayar gaji yang besar kepada pegawai-pegawai, untuk membangun gedung-gedung yang megah, untuk membeli persenjataan, dan untuk belanja-belanja lain yang berlebih-lebihan. Pemberi-pemberi hutang, tuan-tuan tanah, raja-raja dan menteri-menteri, pencari dan pemegang gelar, pedagang-pedagang agama, pemilik-pemilik gedung, pedagang-pedagang minuman keras, penerbit buku-buku dan majalah porno, pemilik-pemilik pusat perjudian, dan banyak orang-orang lain yang semacam itu, telah dan terus merosak hidup, harta

benda, kehormatan, moraliti, dan segala ciptaan Tuhan yang lain, dan tidak ada seorang pun yang boleh mencegah perbuatan mereka. Mengapa ini semua boleh terjadi? Ini adalah semata-mata kerana pemerintah memang rosak. Tangan-tangan yang memegang kekuasaan adalah tangan-tangan yang buruk. Mereka sendiri melakukan penindasan dan berpihak kepada para penindas. Penindasan macam apa pun yang terjadi, adalah kerana mereka menghendakinya atau paling tidak, bertoleransi dengannya. Dari contoh-contoh tadi anda tentu telah memahami bahawa kejahatan pemerintah adalah sumber dari segala kebejatan. Pengotoran fikiran rakyat, kebejatan moral, penyimpangan kemampuan-kemampuan manusia ke saluran yang salah, berkuasanya konsep-konsep perniagaan dan perdagangan yang salah, cara hidup yang buruk, meratanya penindasan, penyelewengan dan penghancuran ciptaan Tuhan, semua itu bersumber pada satu hal: kunci kekuasaan dan kekuatan berada di tangan yang salah. Jelas bahawa apabila kekuasaan berada di tangan orang-orang yang tidak patut memegangnya, dan apabila sumber-sumber rezeki berada di bawah kekuasaan mereka, maka bukan hanya mereka sendiri yang akan menyebarkan kerosakan, tetapi setiap jenis kerosakan juga akan berkembang dengan bantuan mereka, dan selama kekuasaan masih berada di tangan mereka, tidak ada usaha pemulihan kebaikan pun yang boleh dilakukan.

PEMBAIKAN PEMERINTAHAN: LANGKAH PERTAMA MENUJU PEMBAHARUAN.

Setelah memahami masalah tersebut di atas, akan mudahlah bagi anda memahami bahawa untuk melakukan pembaikan di kalangan rakyat dan membawa mereka ke jalan kesejahteraan dan kesolehan, setelah menyelamatkan mereka dari jalan kehancuran, tidak ada jalan lain daripada membetulkan bentuk pemerintahan yang rosak. Walaupun orang yang mempunyai pemahaman sedikit, mereka juga akan boleh memahami bahawa di mana orang bebas melakukan perzinaan dan pelacuran, tidak ada khutbah manapun yang boleh menghentikannya. Tetapi apabila pemerintah memang bertekad untuk menghentikan pelacuran dengan paksa, maka pelaku-pelakunya sendiri akan menghentikan perbuatan haram tersebut. Tidaklah mungkin boleh berhasil apabila anda hanya menggunakan khutbah-khutbah sahaja untuk menghentikan kejahatan-kejahatan minuman keras, judi, riba, suap, pertunjukan-pertunjukan yang tidak sopan, pakaian-pakaian yang tidak patut, pendidikan yang tidak berakhlak, dan semua kejahatan-kejahatan lainnya. Dengan kekuatan kekuasaan pemerintahan, semua kejahatan tersebut pasti akan boleh dihentikan. Melalui nasihat-nasihat dan dakwah-dakwah sahaja tidak akan mungkin menghentikan mereka yang merosakkan makhluk Tuhan dan menghancurkan moral mereka. Tetapi apabila kekuasaan di tangan anda dan bertekad untuk mengakhiri kejahatan mereka dengan paksa, maka semua kejahatan itu, Insya Allah, akan boleh dihentikan. Kalau anda menginginkan agar karya makhluk-makhluk Tuhan, kekayaan, kecerdasan dan kemampuan mereka, selamat dari saluran yang salah dan dipergunakan pada jalan yang benar, kalau anda ingin agar penindasan dibasmi dan keadilan ditegakkan, kalau anda menginginkan dunia ini bebas dari kejahatan, kalau anda menginginkan ummat manusia tidak saling menumpahkan darah sesamanya, kalau anda menginginkan pembaikan nasib mereka yang celaka dan tertindas, dan kalau anda menginginkan semua manusia diberi kesempatan yang sama untuk memperolehi kehormatan, ketenteraman, kemakmuran dan kemajuan, maka keinginan anda itu tidak

akan boleh tercapai hanya dengan khutbah-khutbah dan seruan-seruan sahaja. Tetapi apabila anda memegang tampuk pemerintahan, maka keinginan anda itu mungkin sekali akan terlaksana.]adi, masalah ini adalah masalah yang sudah jelas dan tidak memerlukan pemikiran yang rumit, bahawa tidak ada rencana pembaikan untuk rakyat yang akan boleh dilaksanakan tanpa memegang kekuasaan atas mekanisme pemerintahan. Barangsiapa yang benar-benar ingin membanteras kejahatan dan kerosakan di bumi Allah, dan benar-benar berhasrat untuk memperbaiki keadaan makhluk-makhluk Tuhan, maka tidak ada guna baginya hanya berkhutbah dan memberi nasihat sahaja. Ia harus bangkit untuk menghentikan roda pemerintahan berputar di atas prinsip-prinsip yang salah. Ia harus menyambar kekuasaan dari tangan para zalimin dan mendirikan pemerintahan atas dasar prinsip-prinsip yang benar dan menurut sistem yang tepat.

ASAS PEMERINTAHAN YANG TERUK: PENGUASAAN MANUSIA ATAS MANUSIA

Setelah memahami masalah ini, marilah kita melangkah lebih lanjut. Anda telah mengerti bahawa pemerintahan yang buruk adalah sumber dari segala kejahatan yang terjadi di kalangan hamba-hamba Allah, dan bahawa untuk membanteras sumber kejahatan tersebut, maka pemerintahan perlu dibetulkan. Tetapi pertanyaannya sekarang adalah apakah sebab-dasar daripada keburukan pemerintahan itu? Di mana akar kejahatan ini? Dan pembaharuan apa yang harus dilakukan di dalamnya untuk menghapuskan kejahatan-kejahatan tersebut di atas? Jawapan terhadap pertanyaan-pertanyaan ini adalah, manusialah yang merupakan sebab akarnya, dan tidak ada jalan lain untuk melakukan pembaharuan selain harus menegakkan kekuasaan Tuhan ke atas manusia. Anda jangan tercengang mendengar jawapan yang begitu singkat untuk pertanyaan yang begitu besar ini. Anda boleh melakukan kajian yang seluas-luasnya dan sedalam-dalamnya untuk menyelami masalah ini. Tetapi anda pasti hanya akan menemukan jawapan yang sama dengan yang telah saya berikan.

Fikirkanlah, apakah bumi tempat anda hidup ini dibuat oleh manusia atau oleh Tuhan? Makhluk manusia yang menghuni bumi ini dibuat oleh yang lain atau oleh Tuhan? Segala keperluan hidup yang diperlukan manusia, siapakah yang menyediakannya, manusia sendiri atau Tuhan? Apabila jawapan dari pertanyaan-pertanyaan ini adalah bahawa bumi, manusia, dan keperluan-keperluan hidup diciptakan oleh Tuhan, maka bererti bahawa tanah adalah milik Tuhan, harta benda, dan. bahkan manusia sendiri adalah milik Tuhan. Kalau demikian halnya, bagaimana manusia boleh menyatakan bahawa itu semua adalah miliknya dan membuat aturan-aturan sendiri di tanah milik Tuhan? Bagaimana boleh dibenarkan bahawa manusia memerintah hamba-hamba Tuhan, yakni sesama manusianya, dengan hukum dan aturan-aturan lain selain dari hukum dan aturan-aturan Tuhan, atau dengan hukum atau aturan-aturan buatan manusia sendiri? Bagaimana akal anda boleh menerima keadaan bahawa tanah dan air adalah milik Tuhan dan peraturan-peraturan yang berlaku di atasnya adalah peraturan-peraturan buatan selain Tuhan? Bagaimana suatu harta yang sebenarnya milik Tuhan tetapi diakui sebagai milik manusia? Bagaimana seluruh makhluk manusia berada di bawah kekuasaan Tuhan tetapi mengiktiraf suatu kekuasaan lain berkuasa atas mereka? Keadaan seperti ini jelas bertentangan dengan keadilan. Di mana pun keadaan seperti itu terdapat, maka akibat-

akibatnya selalu buruk. Manusia-manusia yang memegang kekuasaan untuk membuat hukum, peraturan dan undang-undang pasti membuat kesalahan-kesalahan kerana kebodohan mereka, sedangkan sebahagian dari mereka akan dengan sengaja melakukan penindasan dan ketidakadilan dengan tujuan memuaskan hawa nafsu mereka; sebabnya adalah kerana mereka tidak punya pengetahuan yang cukup untuk membuat hukum dan undang-undang yang benar dan tepat untuk mengatur masalah-masalah manusia, dan jauh lebih berbahaya daripada itu adalah kenyataan bahawa, kerana tidak mempunyai rasa takut pada Tuhan dan tidak mempunyai tanggungjawab kepadaNya, maka mereka menjadi liar dan tidak terkawal. Mudah difahami bahawa setelah memperolehi kekuasaan dan kekuatan, apa lagi yang akan menyeret manusia kalau tidak menjadi individu yang tidak terkawal yang tidak mempunyai rasa takut kepada Tuhan, yang tidak mempunyai kefahaman bahawa ia akan bertanggungjawab kepada siapa pun, dan yang mengira bahawa tidak ada siapa pun di atasnya yang akan mempertanyakan apa yang telah dilakukannya. Apakah anda fikir orang seperti ini akan berpegang kepada kebenaran dan keadilan kalau ia memegang kunci rezeki rakyat, kalau ia menguasai hidup dan harta benda orang ramai, kalau jutaan manusia tunduk kepadanya? Dapatkah anda mengharapkan kepadanya untuk menjadi penjaga perbendaharaan rakyat yang boleh dipercayai? Dapatkah anda mengharapkan bahawa ia tidak akan melanggar hak-hak rakyat, tidak akan menerima wang dengan jalan yang tidak sah dan memaksa makhluk Tuhan untuk tunduk kepada kemahuan dan kehendaknya sendiri? Apakah anda fikir kemungkinan orang seperti itu akan mengikuti jalan yang benar dan mengajak orang lain menempuh jalan yang benar? Tidak pernah, dan tidak akan sama sekali. Tidak masuk akal. Pengalaman selama ribuan tahun membuktikan sebaliknya. Anda semua di masa sekarang ini menyaksikan dengan mata kepala sendiri banyak orang yang tidak takut kepada Tuhan dan tidak mempunyai rasa tanggungjawab kepadaNya, melakukan penindasan-penindasan, mengkhianati kepercayaan, dan melakukan kejahatan-kejahatan setelah mereka memegang kekuasaan.

DASAR PEMBAHARUAN: PENGUASAAN TUHAN ATAS MANUSIA

Kerana itu, pembaharuan yang diperlukan atas dasar pemerintahan ialah, tidak boleh ada penguasaan manusia atas manusia. Orang-orang yang mengendalikan pemerintahan tidak boleh menjadi penguasa-penguasa tertinggi, tetapi, dengan mengakui Tuhan sebagai yang berdaulat, mereka harus bekerja sebagai wakil dan kepercayaanNya, dan harus memenuhi tanggungjawabnya dengan kesedaran bahawa pada akhirnya mereka harus dipertanggungjawabkan amanah tersebut kepada MaharajaYang Mengetahui hal yang ghaib dan yang kelihatan. Hukum haruslah berdasarkan petunjuk Tuhan yang mempunyai pengetahuan tentang semua realiti dan merupakan sumber kebijaksanaan. Tidak seorang pun yang boleh mempunyai kekuasaan untuk mengubah hukum tersebut atau menghapuskannya, sehingga ia tidak rosak kerana campur tangan kebodohan manusia, egoisme dan kemahuan-kemahuannya yang tidak patut.

Inilah reformasi dasar yang dikemukakan Islam. Islam menuntut kepada manusia untuk menerima Tuhan sebagai yang berdaulat atas diri mereka (bukan hanya dalam fikiran, tetapi dalam praktikal) dan menyatakan beriman kepada hukum yang dikirimkanNya melalui RasulNya Muhammad saw. Islam menuntut agar manusia menyingsingkan

lengan baju dan berusaha sekuat tenaga untuk menjalankan hukum yang dibuat oleh Maharaja mereka ditanah milikNya. Islam menuntut agar manusia menghancurkan semua kekuatan yang memberontak terhadapNya, yang telah mengangkat diri sebagai yang berdaulat dan tertinggi, dan menyelamat-kan hamba-hamba Allah dari perhambaan kepada sesama manusia. Di mata Islam, sesungguhnya tidaklah cukup bagi anda hanya sekadar beriman bahawa Tuhan, dan percaya bahawa hukumNya adalah hukum yang sebenarnya. Bersamaan dengan iman tersebut, di mana pun anda berada anda memikul kewajipan, di negeri mana pun anda hidup anda harus bangkit untuk melakukan reformasi terhadap ciptaan bukan Tuhan, harus mencuba untuk mengubah dasar pemerintahan yang salah menjadi dasar yang benar, merebut kekuasaan kehakiman dan penguasaan dari tangan orang-orang yang tidak mempunyai rasa takut kepada Tuhan dan tidak terkawal, dan selanjutnya mengambil alih pimpinan dan pengawasan atas hamba-hamba Tuhan, mengendalikan pemerintahan sesuai dengan hukum-hukum Tuhan dan dengan kepercayaan akan tanggungjawab dan perhitungan di akhirat, seperti halnya kepercayaan bahawa Tuhan mengetahui hal-hal yang tidak terlihat secara zahir. Usaha dan perjuangan seperti ini adalah JIHAD.

PEMERINTAHAN: TUGAS YANG SUKAR

Akan tetapi semua orang tahu, betapa hebatnya kekuasaan itu. Fikiran untuk memperolehinya sahaja boleh menyemarakkan api kerakusan dalam hati manusia. Hawa nafsu sepatutnya akur, apabila kunci perbendaharaan dunia berada di tangan kita dan semua orang berada dalam kekuasaan kita, maka kita akan boleh memerintah seperti seorang dewa dengan sesuka hati kita. Tidaklah begitu sukar untuk memperolehi kekuasaan pemerintahan. Yang sukar adalah mencegah diri sendiri dari bertindak seperti Tuhan setelah memperolehi kekuasaan, dan bekerja sebagai hambaNya. Kerana itu, apa gunanya apabila setelah menggulingkan seorang Fir'aun, anda sendiri lalu menjadi Fir'aun pula? Kerana itu, sebelum menyuruh anda melaksanakan tugas yang berat itu, Islam menganggap perlu untuk mempersiapkan anda menghadapinya. Anda tidak punya hak untuk bangkit menuntut pemerintahan dan berperang dengan seluruh dunia sebelum anda membersihkan hati anda dari sifat mementingkan diri sendiri dan menuruti hawa nafsu, sebelum anda menumbuhkan dalam diri anda kesucian fikiran bahawa perjuangan anda bukanlah untuk kepentingan peribadi atau nasional, tetapi semata-mata kerana Tuhan, dan untuk melakukan reformasi terhadap makhluk-makhluk Tuhan. Fikirkanlah, sebelum kemampuan ini menjadi teguh dalam diri anda setelah memperolehi kekuasaan, anda tidak akan mengikuti kemahuan anda sendiri, tetapi akan dengan teguh mengikuti hukum Tuhan. Kenyataan bahawa anda telah memasuki Islam dengan membaca Kalimah Syahadah tidaklah bererti Islam telah memberi hak kepada anda untuk menyerang makhluk Tuhan dan, dengan nama Tuhan dan UtusanNya, anda melakukan kejahatan-kejahatan seperti yang dilakukan oleh para penindas dan pemberontak-pemberontak terhadap Tuhan. Sebelum anda diberi tugas untuk melaksanakan pekerjaan yang amat besar tanggungjawabnya itu, Islam menganggap perlu untuk menumbuhkan dan mengembangkan dalam diri anda kekuatan yang cukup untuk memikul beban tersebut.

'IBADAT: SUATU LATIHAN

Solat, puasa, zakat dan haji sesungguhnya dimaksudkan untuk persiapan dan latihan ini. Sebagaimana halnya setiap negara di dunia memberikan latihan khusus kepada warga negaranya untuk dijadikan tentera, polis dan pegawai sivil dan kemudian mempergunakan mereka. Demikian pula *din* Allah (Islam) juga pada mulanya memberikan latihan dalam bentuk ibadat kepada orang-orang yang mendaftarkan diri untuk mengabdi kepadaNya. Setelah itu Islam mempekerjakan mereka untuk jihad dan pemerintahan Ilahi. Perbezaannya adalah bahawa pemerintah-pemerintah dunia merekrut tentera dan pegawainya tanpa menuntut persyaratan-persyaratan keluhuran moral, ketaqwaan, dan rasa takut pada Tuhan. Kerana itu negara-negara dunia itu hanya mempekerjakan orang-orang tersebut sebagai pekerja-pekerja rutin, walaupun mereka mungkin adalah orang-orang yang suka melacur, pemabuk-pemabuk, dan penipu-penipu yang bukan kepalang. Sebaliknya, kerana pekerjaan yang akan diberikan kepada hamba-hamba Allah adalah seluruhnya bersifat moral, maka Islam menganggap jauh lebih penting untuk menjadikan orang-orangnya bersifat soleh dan taqwa daripada sekadar pekerja-pekerja rutin .Sesungguhnyalah, Islam bertujuan mengembangkan kekuatan sebesar-besarnya dalam diri mereka hingga apabila mereka bangkit dengan tuntutan untuk menegakkan kekhalifahan Tuhan di muka bumi, mereka benar-benar membuktikan diri berhak atas tuntutan itu. Apabila mereka berperang, tujuannya tidak boleh untuk memperoleh harta benda untuk diri mereka, Tetapi haruslah semata-mata untuk mencari keredhaan Allah dan untuk kebaikan dan kesejahteraan makhlukNya. Kalau mereka menang, mereka tidak boleh bangga, sombong dan besar kepala. Sebaliknya, mereka harus bersujud syukur kepada Tuhan. Apabila mereka menjadi penguasa, mereka tidak boleh memperbudak rakyat. Justeru, sebagai hamba-hamba Tuhan sendiri, mereka tidak boleh membiarkan orang lain menjadi hamba sesiapa pun selain Allah. Apabila mereka memegang kekuasaan ke atas harta benda kekayaan di bumi, mereka tidak boleh memenuhi poket sendiri atau poket sanak kerabat dan kelompok mereka sahaja, tetapi haruslah mereka membahagikan anugerah Tuhan dengan adil di antara semua hamba-hambaNya. Dan seperti seorang bendahara yang dipercayai, mereka haruslah bekerja dengan kesedaran bahawa ada yang mengawasi mereka setiap waktu dan dalam setiap keadaan, dan bahawa kepada siapa mereka harus mempertanggungjawabkan setiap sen harta yang mereka urus. Untuk latihan-latihan seperti ini, tidak ada cara yang mungkin sama kecuali dengan melakukan ibadat-ibadat tersebut. Dan ketika Islam telah mempersiapkan orang-orangnya dengan cara demikian, maka ia mengatakan kepada mereka; "Sekarang kalian telah menjadi hamba-hamba Tuhan yang paling soleh di muka bumi. Kerana itu majulah ke depan dan berperanglah, dan singkirkanlah orang-orang yang selalu berusaha menghalangi agama Allah yakni Islam"

"Kalian adalah ummat terbaik yang dilahirkan untuk (membimbing dan memperbaiki) manusia, menyuruh kepada yang ma'ruf dan mencegah dari yang munkar, dan beriman kepada Allah...." (Al-Qur'an, All 'Imran, 3 : 110).

PEMERINTAHAN YANG BAIK DI TANGAN ORANG-ORANG YANG BERTAQWA KEPADA ALLAH.

Anda boleh membayangkan betapa istimewanya keadaan negara yang tenteranya, polisnya, pejabat-pejabat kehakimannya, pegawai-pegawai pajaknya, dan semua pegawai

negerinya terdiri daripada pejabat-pejabat dan pekerja-pekerja yang sabar dan takut kepada Tuhan. Di mana semua peraturan-peraturan dan undang-undang negara disusun berdasarkan petunjuk yang diberikan oleh Allah, tidak ada sedikit pun ketidakadilan dan kejahilan, dan di mana dilakukan pencegahan yang tegas dan keras terhadap setiap kejahatan dan kemungkaran, dan pemerintah selalu siap untuk mengembangkan kesolehan dan ketaqwaan di segenap kekuatan dan sumber materialnya. Kemudian apabila anda berfikir sejenak, anda akan memahami bahawa apabila pemerintahan yang seperti ini berfungsi lalu meluruskan dan membersihkan kebiasaan buruk masyarakat, menutup semua pintu perlanggaran hukum dan kegelapan, tingkah-laku yang tidak senonoh, penindasan, ketidakpatuhan, ketidaksopanan dan segala bentuk keruntuhan moral, menghapuskan segala macam pendidikan dan latihan-latihan yang salah, memperbaharui pemikiran-pemikiran rakyat melalui sistem pendidikan dan latihan-latihan yang sihat; dan apabila di bawah lindungannya rakyat memperolehi kesempatan hidup dalam iklim keadilan dan kejujuran yang suci dan bersih, kedamaian dan ketenteraman, sifat-sifat yang baik dan bertingkah-laku yang baik, maka mata mereka — yang telah dibutakan oleh penderitaan yang panjang di bawah kekuasaan orang-orang jahat dan tidak mempedulikan Tuhan — sedikit demi sedikit akan terbuka terhadap kebenaran dan penghargaan terhadapnya. Hati mereka yang berkarat, kerana keruntuhan moral yang melanda selama berabad-abad, akan menjadi bersih dan berkilau seperti kaca, dan layak untuk menyerap sinar kebenaran dan memantulkannya kepada orang-orang lain. Di saat itu tidak sukar bagi rakyat untuk memahami kenyataan yang sederhana ini, iaitu sebenarnya hanya Allahlah Tuhan mereka, dan bahawa tidak ada seorang pun yang berhak menguasai mereka, dan Rasuhillah saw, adalah rasul yang membawa hukum-hukum yang benar dari Allah kepada ummat manusia. Hal-hal yang tampaknya sekarang sangat sukar diterapkan ke dalam fikiran rakyat akan secara automatik meresap ke dalam fikiran mereka. Hal-hal yang sekarang tidak boleh diterangkan melalui ceramah dan buku-buku yang mudah mereka fahami, seakan-akan tidak ada komplikasi sedikit pun di dalamnya. rakyat yang melihat perbezaan antara apa yang terjadi di negara-negara yang dikuasai oleh hukum-hukum buatan manusia dengan situasi di negara yang diatur menurut sistem Ilahi Mereka akan mudah menyatakan kepercayaan mereka kepada keesaan Tuhan dan kebenaran Rasulullah saw, dan susah untuk menolaknya. Keadaannya adalah seperti keadaan yang memudahkan orang untuk memilih mawar daripada duri, setelah merasakan perbezaan antara keduanya. Di waktu itu, akan diperlukan kedegilan yang luar biasa untuk menolak kebenaran Islam dan tetap berpegang pada kekafiran dan atheisme, dan mungkin hanya akan ada lima atau sepuluh dari seribu orang yang akan memperlihatkan kedegilan yang luar biasa seperti itu.

Saudara-saudara

Saya harap sekarang anda telah benar-benar memahami tujuan diwajibkannya solat, puasa, zakat dan haji. Selama ini anda mengira, dan telah salah mengerti, bahawa amalan-amalan tersebut sama dengan 'ibadat-'ibadat dalam agama Hindu: setelah dikerjakan, Tuhan akan senang dengan kita, dan habis di situ sahaja. Tidak pernah selama ini diterangkan kepada anda bahawa 'ibadat-'ibadat tersebut adalah persiapan-persiapan untuk menghadapi suatu tugas yang besar. Kerana itu, selama ini anda telah melaksanakan 'ibadat-'ibadat tersebut tanpa menyedari adanya tujuan yang harus anda

capai dengannya, dan tidak pernah terlintas dalam fikiran anda untuk bersiap-siap menghadapi kerja besar yang menjadi tujuan diwajibkannya 'ibadat-'ibadat tersebut. Tetapi sekarang saya memberitahu anda bahawa semua 'ibadat-'ibadat yang dilakukan oleh orang yang tidak mempunyai niat untuk berjihad dalam hatinya, dan yang tidak mengingati tujuan jihad ini, tidaklah ada ertinya. Kalau anda mengira bahawa dengan 'ibadat-'ibadat yang tidak bererti itu, anda boleh memperolehi redha Tuhan, maka di saat anda pergi menghadap-Nya, anda akan melihat sendiri sejauh mana amalan-amalan tersebut mendekatkan anda kepadaNya

2. PENTINGNYA JIHAD

Saudara-saudara sesama Muslim.

Dalam khutbah-khutbah yang telah lalu telah saya terangkan kepada anda erti kata-kata *din*, syari'ah, 'ibadat. Ingat-ingatkanlah kembali ketiga-tiga perkara ini.

Din bererti kepatuhan.

Syari'ah disebut juga hukum

'Ibadat mengandungi erti penghambaan.

ERTI "*DIN*"

Apabila anda menghambakan dan menghinakan diri *(sub-servience)* kepada seseorang yang mengaku sebagai pemerintah anda, maka hal itu bererti anda telah menerima *din*-nya.. Setelah itu ia menjadi pemerintah *(ruler)* anda, dan anda menjadi rakyatnya *(subject)*. Perintah-perintah dan peraturan-peraturan yang dibuatnya menjadi hukum dan-syari'ah bagi anda. Apabila anda memberikan kepadanya apa yang dimintanya, melaksanakan apa pun yang diperintahkannya, tidak melakukan apa yang dilarangnya, bekerja dalam batas-batas yang telah ditetapkan untuk anda, mengikuti arahan-arahannya, dan menerima keputusan-keputusannya yang bersangkutan dengan hubungan timbal-balik antara anda semua, urusan-urusan bisnis anda, perkara-perkara kehakiman dan hukuman anda... maka sikap anda seperti itu dinamakan penghambaan atau 'ibadat. Dari penjelasan ini jelaslah bahawa "*din*" sesungguhnya adalah pemerintahan. Syari'ah adalah undang-undang dan hukum pemerintahan, dan 'ibadat adalah sikap menurut kepada undang-undang dan hukum-hukumnya. Barangsiapa yang anda terima sebagai pemerintah dan anda menyatakan tunduk kepadanya, bererti anda telah ber"*din*" kepadanya, atau masuk ke dalam dinnya. Apabila pemerintah anda adalah Allah, bererti anda telah memasuki *din* Allah. Apabila pemerintah anda seorang raja, bererti anda memasuki *din* raja itu. Apabila pemerintah anda adalah suatu bangsa lain yang tertentu, bererti anda memasuki *din* bangsa itu. Dan apabila pemerintah anda adalah bangsa anda sendiri atau perwakilan bangsa anda, maka anda telah masuk ke dalam *din* rakyat negeri anda. Pendeknya, siapa pun yang menguasaii belenggu kepatuhan yang melingkar di leher anda, bererti ia telah menguasai anda dalam dinnya., dan barangsiapa yang anda mematuhi undang-undang dan hukum-hukumnya, bererti anda ber'ibadat kepadanya.

TIDAK ADA DUA "*DIN*" BAGI SEORANG MANUSIA

Setelah memahami masalah tersebut, anda tentu akan dengan mudah boleh memahami kenyataan bahawa bagi seorang manusia sama sekali tidak mungkin ada dua *din*, kerana dari pelbagai *din* yang ada, anda hanya boleh mengikuti satu sahaja. Dan dari pelbagai objek penyembahan dan pemujaan, anda hanya mungkin mengambil satu sahaja sebagai Tuhan anda. Mungkin anda akan mengatakan bahawa ada cara lain selain itu - bahawa

dalam masalah iman, kita menerima satu penguasa dan pemerintah, sedang dalam kenyataan hidup, kita mematuhi penguasa dan pemerintah yang lain; kita memuja dan menyembah yang satu, sementara kita menghamba kepada yang lain; kita menyatakan iman kepada satu hukum dan undang-undang, sedang dalam praktik masalah-masalah hidup, kita diatur oleh hukum dan undang-undang yang lain. Terhadap hal ini saya katakan: "Tidak syak lagi hal itu boleh dilakukan, dan memang sedang dilakukan. Tetapi ini adalah syirik, dan syirk ini adalah kebathilan yang nyata. Sebenarnya, yang boleh disebutkan *din* anda hanyalah *din* yang berasal dari siapa yang benar-benar anda patuhi. Bukankah merupakan kepalsuan yang nyata apabila anda menyatakan bahawa penguasa dan pemerintah anda adalah X dan mengakui *din* anda adalah dinnya, sedangkan anda tidak mematuhinya? Bahkan walaupun anda mengatakan dengan lisan, dan merasakannya dalam hati, tetapi apakah manfaat dan pengaruh yang boleh ditimbulkan oleh pernyataan anda itu? Pernyataan anda bahawa anda telah menyatakan iman kepada syari'ahnya adalah tidak bererti apa-apa kalau urusan-urusan hidup anda telah melanggar syari'ahnya, dan anda mengikuti apa yang diperintahkan oleh syari'ah lain. Anda menyatakan bahawa anda mengakui Y sebagai objek pemujaan dan penyembahan anda, tetapi perbuatan anda bersujud kepadanya hanya akan menjadi omongan sahaja, kalau dalam praktik, anda menghamba kepada yang lain. Sebenamya, yang dapat disebut objek pemujaan dan penyembahan anda, dan yang hanya kepadanya anda beribadat, adalah dia yang perintah-perintahnya anda laksanakan dan yang larangan-larangannya anda jauhi, yang dalam batas-batas yang telah ditetapkannya, anda melaksanakan pekerjaan anda, yang anda ikuti sistemnya dalam tingkahlaku anda, yang prosedur-prosedumya anda ikuti dalam urusan perdagangan, yang anda minta penilaian dalam masalah-masalah hidup anda, yang syari'ah-nya mengatur hubungan timbal balik anda dan menetapkan pembahagian hak-hak di antara anda, yang kerana perintahnya anda menyerahkan seluruh tenaga jantung anda, tangan dan kaki anda bersama harta benda dan bahkan hidup anda. Kerana itu, apapun juga yang anda imani, apabila praktik yang sebenarnya bertentangan dengan iman anda tersebut, maka praktik yang sebenarnya itulah yang merupakan kenyataan yang konkrit. Dalam situasi seperti itu sama sekali tidak ada tempat bagi iman anda, tidak pula iman anda itu memiliki kualiti sedikit pun juga. Apabila dalam kenyataan anda, anda berada dalam *din* seorang raja, maka tidak ada tempat bagi *din* Allah. Juga apabila anda berada dalam *din* rakyat (jumhur) atau *din* bangsa Inggeris, Jerman, atau *din* negeri dan tanah air anda sendiri, maka tidak ada tempat bagi *din* Allah. Dan apabila dalam kenyataan anda adalah pemeluk *din* Allah, maka demikian pula tidak ada tempat buat *din* yang lain. Dan fahamilah benar-benar bahawa di mana terjadi syirik, maka itu adalah kebathilan yang nyata.

SETIAP "*DIN*" MENGHENDAKI KEKUASAAN

Jika masalah ini telah anda fahami benar-benar, maka fikiran anda dengan sendirinya akan sampai kepada kesimpulan yang pasti dan tidak boleh diperselisihkan, bahawa *din* apa pun juga yang ada, ia tentu menghendaki kekuasaan. Mungkin *din* itu adalah *din* rakyat atau *din* raja-raja, atau kaum komunis, atau *din* Tuhan, atau apapun juga yang lain. Bagaimanapun, setiap *din* memerlukan pemerintahan sendiri untuk menegakkan dirinya. Suatu *din* tanpa pemerintahan adalah seperti rancangan sebuah bangunan yang ada dalam otak anda, tetapi bangunannya sendiri tidak ada di atas bumi. Apa gunanya sebuah pelan

yang ada dalam otak anda tetapi anda hidup dalam sebuah bangunan yang lain yang benar-benar telah didirikan? Anda masuk melalui pintunya dan keluar melalui pintunya pula. Anda berada di bawah atapnya dan dikelilingi oleh dinding-dindingnya. Anda harus mengatur tempat tinggal anda menurut binaannya. Jadi apa ertinya, sementara anda hidup dalam sebuah bangunan dengan perancangan tertentu, dalam fikiran anda menyimpan sebuah perancangan lain yang berbeza modelnya? Atau bahkan anda mempunyai kepercayaan yang teguh terhadap model khayalan itu. Model bangunan khayalan itu hanya akan ada dalam otak anda sahaja, sedangkan anda sendiri akan benar-benar tinggal dalam bangunan konkrit yang ada di atas tanah. Dan sememangnya perkataan "bangunan" tidaklah dipakai untuk sebuah susunan yang hanya ada dalam otak sahaja. Yang disebut bangunan ialah sesuatu yang boleh kita tinggal di dalamnya, yang asasnya terbenam dalam tanah dan dinding-dindingnya tegak di atas tanah dengan ditutupi atapnya. Tepat sesuai dengan contoh ini, maka tidak ada ertinya semata-mata mempercayai bahawa sesuatu *din* adalah benar, sementara dalam kenyataan kita hidup menurut sebuah *din* yang lain. Sebagaimana halnya sebuah perancangan khayalan bukanlah sebuah bangunan, demikian juga suatu *din* khayalan bukanlah *din*, dan tidak seorang pun yang boleh hidup dalam suatu *din* khayalan, sebagaimana ia tidak boleh tinggal dalam sebuah bangunan khayalan. Yang boleh disebut *din* yang sebenarnya, hanyalah yang setelah tertegak di muka bumi, yang hukum-hukumnya dan peraturan-peraturannya diikuti dalam penyelenggaraan masalah-masalah kehidupan. Kerana itu setiap *din*, sesuai dengan sifatnya yang asli, menuntut pemerintahan sendiri, dan suatu *din* hanyalah dimaksudkan untuk tujuan semata-mata agar hanya dialah sahajalah yang menjadi objek peng'ibadatan, penghambaan penganut-penganutnya, dan syari'ahnya sahajalah yang diperlakukan.

BEBERAPA CONTOH

"*DIN*" DEMOKRASI

Apakah maksudnya *din* rakyat itu? Maksudnya adalah bahawan rakyat suatu negeri - adalah pemegang kedaulatan yang tertinggi di negara tersebut; bahawa mereka harus diperintah dengan syari'ah yang mereka buat sendiri, dan bahawa seluruh penduduk negeri itu harus menyatakan patuh dan menghamba kepada penguasa demokratis mereka sendiri. Nah, bagaimana *din* ini dapat ditegakkan kecuali apabila dominasi atas negeri tersebut benar-benar berada di tangan kekuatan-kekuatan demokratis, dan kecuali apabila suatu syari'ah yang demokratis dilaksanakan? Apabila sekiranya pemerintahan suatu bangsa lain atau pemerintahan raja ditegakkan di negeri itu, maka di mana kewujudan *din* rakyat itu? Walaupun ada orang yang mengakui *din* rakyat, ia tidak akan boleh mempraktikkan dinnya itu. Selama *din* raja atau bangsa asing berkuasa, ia tidakkan dapat mengikuti *din* rakyat.

"*DIN*" KERAJAAN

Ambillah contoh *din* kerajaan. Tujuan dari mengapa *din* ini mengangkat seorang raja sebagai pemegang pemerintahan yang tertinggi di negerinya ialah agar hanya raja itu sendiri yang dipatuhi dan hanya syari'ahnya sahajalah yang dilaksanakan. Apabila hal itu tidak dilakukan, maka percumalah mengakui raja itu sebagai raja dan menerimanya sebagai penguasa tertinggi. Apabila *din* rakyat ditegakkan, tidaklah akan tertinggal bekas *din* kerajaan itu, jangan lagi dikata soal mengikutinya.

"*DIN*" INGGRIS

Jangan kita lihat jauh-jauh. Lihatlah *din* Inggeris yang sekarang merupakan *din* tanah Hindustan.(1) *Din* ini berkuasa kerana KUHP India dan Kitab Prosedur Pengadilan Perdata dan Pidana India diwajibkan oleh penguasa Inggeris. Seluruh masalah kehidupan anda dilaksanakan menurut garis-garis yang telah ditetapkan oleh penguasa Inggeris dan dalam batas-batas yang telah mereka tetapkan, dan anda semua patuh pada perintah-perintah mereka. Selama *din* ini berkuasa dengan dokongan kekuatan mereka, walaupun anda beriman pada *din* lain, namun *din* anda itu tidak mempunyai tempat untuk ditegakkan. Tetapi KUHP India dan Kitab Prosedur Pengadilan Perdata dan Pidana India yang ada sekarang tidak lagi berlaku, maka apa ertinya kata-kata *din* Inggeris itu.

"*DIN*" ISLAM

Inilah tepatnya kedudukan *din* Islam. Dasar dari *din* ini adalah bahawa hanya Allahlah Pemilik negeri dan Yang Berdaulat atas seluruh ummat manusia. Jadi, hanya Dia sahajalah yang harus dipatuhi dan diabdi, dan seluruh masalah hidup manusia haruslah dilaksanakan menurut syari'ahNya. Prinsip, bahawa Allahlah yang memegang pemerintahan tertinggi, yang dinyatakan Islam bertujuan semata-mata agar hanya kehendak Allah sahajalah yang berlaku di dunia ini. Pengadilan haruslah dilaksanakan menurut syari'ahNya, dan kehakiman serta penguatkuasaan mestilah mengeluarkan perintah dan keputusan sesuai dengan perintahNya. Transaksi-transaksi kewangan mesti dilaksanakan sesuai dengan hukum-hukum dan syari'ahNya. Pajak mesti dipungut menurut pengarahanNya dan dipergunakan untuk hal-hal yang telah ditetapkanNya. Pegawai negeri dan Angkatan Bersenjata mesti bekerja sesuai dengan perintah-perintahNya, sementara seluruh kuasa, tenaga kerja dan usaha-usaha rakyat harus dipergunakan pada jalanNya. Selanjutnya, hanya Allah sahaja yang harus ditakuti, kesolehan dan kebajikan mestilah dilaksanakan sebagaimana telah diajarkan olehNya. Seluruh warga negara harus patuh dan menghamba hanya kepada-Nya sahaja. Dan semua orang harus setia kepadaNya sahaja. Jelas bahawa tujuan ini tidak akan dapat dipenuhi kecuali apabila kerajaan Allah didirikan. Bagaimana boleh *din* ini menerima persekutuan dengan *din* lainnya? Sebagaimana halnya dengan *din-din* lainnya, *din* Allah ini juga menuntut bahawa seluruh kekuasaan mesti diserahkan kepadaNya semata-mata, dan semua *din* yang berlawanan dengannya mesti ditundukkan, kalau tidak ia tidak akan dapat menuntut kepatuhan rakyat, kerana kalau *din* ini telah berlaku, maka tidak akan ada lagi *din* kerakyatan, kerajaan atau *din* kaum komunis. Pendeknya, tidak akan ada *din*

lainnya. Kalau *din* lainnya ada, *din* Islam tidak akan ada, dan dalam keadaan demikian akan mudahlah untuk mengakui bahawa *din* yang benar hanyalah *din* Islam. Inilah pokok masalah yang berulang kali ditekankan oleh al-Qur'an:

"Padahal mereka tidak disuruh kecuali supaya menyembah Allah dengan memurnikan keta'atan kepadaNya dalam (menjalankan) agama dengan lurus....." (Al-Qur'an, al-Bayyi-nah, 98: 5)

"Dialah yang telah mengutus RasulNya (dengan membawa) petunjuk (al-Qur'an) dan din yang benar untuk dimenangkanNya atas segala din, walaupun orang-orang yang musyrik tidak menyukai." (Al-Qur'an, at-Taubah, 9:33)

"Dan perangilah mereka, supaya jangan ada fitnah, dan supaya din itu semata-mata bagi Allah...." (Al-Qur'an, al-Anfal, 8:39)

"...Keputusan itu hanyalah kepunyaan Allah, Dia telah rnemerintahkan agar kamu tidak menyembah selain Dia...." (Al-Qur'an, Yusuf, 12:40)

"...Barangsiapa mengharap perjumpaan dengan Tuhannya maka hendaklah ia mengerjakan amal yang saleh, dan janganlah ia mempersekutukan seorang pun dalam beribadat kepadaTuhannya." (Al-Qur'an, al-Kahfi, 18:110)

"Apakah kamu tidak memperhatikan orang-orang yang mengaku dirinya telah beriman kepada apa yang diturunkan kepadamu dan kepada apa yang diturunkan sebelum kamu? Mereka hendak berhakim kepada thaghut, padahal mereka telah diperintah mengingkari thaghut. itu. Dan kami tidak mengutus seorang rasul, melainkan untk dita'ati dengan seizinAllah..." (Al-Qur'an, an-Nisa', 4:60,64)

Dengan mengingati penjelasan yang telah saya berikan tentang 'ibadat, *din* dan syari'ah, tidaklah akan susah bagi anda semua untuk memahami apa yang dimaksud oleh al-Qur'an dalam ayat-ayat tersebut di atas.

PENTINGNYA JIHAD DALAM ISLAM

Sekarang jelaslah mengapa jihad demikian penting dalam Islam. Sepeti halnya sistem-sistem kehidupan yang lain, *din* Allah tidak akan puas dengan semata-mata pengakuan dari anda akan kebenarannya, yang anda buktikan hanya dengan peribadatan formal sahaja. Anda tidak boleh mengikuti *din* ini jika anda masih berada dalam pengaruh *din* yang lain. Bahkan anda tidak boleh mengikutinya dengan mempersekutukannya dengan sistem kehidupan yang lain. Jadi, apabila anda menganggap benar-benar *din* ini sebagai *din* yang benar, maka anda tidak mempunyai pilihan lain selain daripada berjuang sepenuh kekuatan anda untuk menegakkan *din* ini. Anda bersihkan setiap rintangan yang menghalangi tegaknya *din* ini, atau anda korbankan nyawa anda dalam perjuangan untuk menegakkannya. Inilah batu ujian untuk menguji iman dan kebenaran iman anda. Kalau iman anda memang benar, anda tentu tidak akan boleh tidur nyenyak sementara anda hidup dalam sistem kehidupan yang lain, jangan lagi dikata mengabdi kepadanya, dan

menikmati buahnya. Apabila memang anda beriman setulusnya pada *din* ini, maka setiap detik yang anda jalani di bawah kekuasaan *din* yang lain, bagaikan tidur di atas tikar berduri. Makan anda akan bagaikan sekam, dan anda tidak akan boleh merasakan ketenteraman tanpa mencuba menegakkan *din* yang benar ini. Tetapi apabila anda merasa betah hidup dalam sistem kehidupan mana pun selain sistem yang telah diberikan oleh Allah, dan anda merasa puas dengan keadaan yang ada, maka anda bukanlah seorang yang beriman 'dalam erti yang sebenarnya’, tidak peduli betapa pun khusuknya solat anda dan betapa lama waktu yang anda habiskan untuk berzikir, betapa pun panjang-lebarnya penjelasan al-Qur'an dan hadis yang anda berikan, dan falsafah Islam macam apa pun yang anda dalami. Akan halnya orang-orang yang merasa puas dengan *din* selain Islam dan orang-orang munafik yang mengabdi dan setia kepada *din* yang lain atau melakukan jihad untuk menegakkan *din* yang lain; apa yang harus saya katakan tentang mereka? Maut tidaklah terlalu jauh. Apabila telah tiba saatnya, Tuhan membalas sendiri amal perbuatan mereka di dunia ini. Kalau orang-orang seperti ini menganggap diri mereka orang-orang Muslim, mereka benar-benar tolol. Kalau mereka mempunyai sedikit pengertian sahaja, mereka akan mengerti bahawa adalah sungguh paradoks untuk menerima suatu *din* sebagai *din* yang benar, dan bertentangan dengan penerimaan itu, bersetuju untuk ditegakkan suatu sistem kehidupan yang lain atau bahkan ikut serta dalam usaha menegakkannya. Air dan api mungkin boleh hidup bersama, tetapi iman kepada Allah tidak akan pernah boleh berdampingan dengan sikap seperti ini.

Apa yang dikatakan Allah dalam al-Qur'an tidak dapat disampaikan semua dalam khutbah ini, Tetapi saya akan bacakan beberapa ayat di sini:
"Apakah manusia itu mengira bahawa mereka dibiarkan (sahaja) mengatakan: 'Kami telah berima', sedang mereka tidak diuji lagi? Dan sesungguhnya Kami telah menguji orang-orang sebelum mereka, maka sesungguhnya Allah mengetahui orang-orang yang benar dan sesungguhnya Dia mengetahui orang-orang yang dusta".
(Al-Qur'an, al-Ankabut, 29:2-3)
"Dan di antara manusia ada orang yang berkata: 'Kami beriman kepada Allah', maka apabila ia disakiti (kerana ia beriman) kepada Allah, ia menganggap fitnah manusia itu sebagai azab Allah. Dan sungguh bila datang pertolongan dari Tuhanmu, mereka pasti akan berkata: 'Sesungguhnya kami adalah besertamu'. Bukankah Allah lebih mengetahui apa yang ada dalam dada semua manusia? Dan sesungguhnya Allah benar-benar mengetahui orang-orang yang beriman, dan sesungguhnya Dia mengetahui orang-orang yang munafik." (Al-Qur'an, al-Ankabut, 29:10-11)

"Allah sekali-kali tidak akan membiarkan orang-orang yang beriman dalam keadaan kamu sekarang ini, sehingga Dia menyisihkan yang buruk (munafik) dengan yang baik(Mu'min)...." (Al-Qur'an, Ali 'Imran, 3:179)

"Apakah kamu mengira bahawa kamu akan dibiarkan (begitu sahaja), sedang Allah belum mengetahui (dalam kenyataan) orang-orang yang berjihad di antara kamu dan tidak mengambil menjadi teman yang setia selain Allah, rasul-rasuNya dan orang-orang yang beriman. Dan Allah Maha Mengetahui apayang kamu kerjakan". (Al-Qur'an, at-Taubab, 9:16)

"Tidaklah kamu perhatikan orang-orang yang menjadikansuatu kaum yang dimurkai Allah sebagai teman? Orang-orangitu bukan dari golongan kamu dan bukan (pula) dari golonganmereka... Mereka itulah golongan syaitan. Ketahuilah golongansyeitan itulah golongan yang merugi. Sesungguhnya orang-orang yang menentang Allah dan RasulNya, mereka termasuk orang-orang yang sangat hina. Allah telah menetapkan: 'Aku dan rasul-rasulKu pasti menang'. Sesungguhnya Allah Maha Kuat lagi Maha Perkasa". (Al-Qur'an, alMujadilah, 58:14, 19-21)

TANDA MU'MIN SEJATI: JIHAD

Dari ayat-ayat tersebut di atas jelaslah bahawa apabila suatu sistem kehidupan yang lain daripada sistem Allah telah tegak dimuka bumi dan kaum Mu'minin terperangkap di dalamnya, maka identiti seorang Mu'min sejati dibuktikan dengan usahanya untuk menghapuskan sistem dan *din* yang bathil tersebut dan menggantikannya dengan *din* yang benar. Apabila ia berjuang ke arah ini dan mencurahkan segenap tenaga dan kemampuannya, bahkan mempertaruhkan nyawanya dan bersedia menanggung segala penderitaan dan kerugian, maka ia adalah seorang Mu'min sejati, terlepas dari berjaya atau tidak usahanya itu. Tetapi bila ia tunduk kepada dominasi sistem yang bathil tersebut atau ikut serta dalam usaha untuk menjadikannya dominan, maka pernyataan imannya adalah bohong belaka.

TIDAK ADA PERUBAHAN TANPA PERJUANGAN

Selanjutnya, dalam ayat-ayat Qur'an Suci tersebut di atas, telah dijawab pernyataan orang-orang yang berdalih bahawa menegakkan *din* yang haq itu adalah sukar sekali. Memang, apabila kita berupaya mengusahakan tegaknya *din* yang haq, pasti kita harus menghadapi suatu *din* kebathilan yang sudah tertegak dengan kekuasaan dan kekuatannya, yang menguasai sumber-sumber bahan makanan dan menguasai seluruh lapangan kehidupan. Tugas untuk menggantikan *din* yang sudah tertegak dengan suatu *din* yang lain sama sekali bukan pekerjaan yang mudah dan ringan. Ia tidak boleh dilakukan dengan cara bersenang-senang baik pada waktu dahulu mahupun sekarang. Apabila anda ingin menikmati hasil-hasil yang dapat diperolehi dalam hidup di bawah lindungan suatu *din* yang bathil, dan pada waktu yang sama anda juga menginginkan tegaknya *din* yang haq, maka kemahuan anda itu adalah suatu hal yang tidak mungkin. Cara untuk menegakkan *din* yang haq adalah selalu dengan cara yang menuntut kesediaan kita untuk melepaskan hak-hak istimewa, keuntungan-keuntungan dan kenikmatan-kenikmatan yang mungkin boleh kita peroleh dibawah naungan *din* yang bathil, dan dengan gagah berani menghadapi setiap kerugian dan kehilangan yang mungkin terjadi dalam perjuangan ini. Jihad fi sabilillah adalah pekerjaan yang hanya boleh dilaksanakan oleh orang-orang yang memiliki tekad dan kemahuan untuk melaksanakan tugas yang berat ini, dan selalunya orang-orang yang sedemikian sedikit jumlahnya. Akan halnya mereka yang ingin menjalankan *din* al-haq dengan cara yang ringan dan tanpa rintangan, tidak patutlah mereka berbicara dengan indah. Mereka lebih baik tunduk sahaja menuruti kemahuan mereka sendiri, dan apabila para pejuang yang menderita di jalan Allah akhirnya berjaya menegakkan *din* al-haq dengan pengorbanan-pengorbanan mereka, orang-orang itu akan bangkit dan berkata:

Inna kunna ma'akum

"Bukankah selama ini kami juga ikut berjuang bersama kamu?
Berilah kami hasil kemenangan yang menjadi hak kami"